YUSUF AL-QARADHAWI

فِقْهُ الدَّوْلَةِ

FIQH

Kenegaraan

فِقْهُ الدَّوْلَةِ

FIQH Kenegaraan

Imam Ibn al-Qayyim (abad kelapan Hijrah) pernah mengeluh dan merasa sedih melihat kejumudan yang melanda para ulama dan fuqaha pada zaman beliau. Ketidakmampuan mereka untuk berinteraksi dengan permasalahan semasa menjadikan para pemimpin pada zaman itu terpaksa mencari jalan penyelesaian di luar syariat Islam bagi menyelesaikan pelbagai masalah politik dan kenegaraan. Akibatnya, warna Islam hanya terserlah pada masalah ibadah dan muamalah sahaja, manakala dalam masalah politik dan kenegaraan warna tersebut kian suram dan pudar Ibn al-Qayyim menghabiskan usianya dalam berjuang menentang para ulama' yang merestui penyelewengan para pemimpin berkaitan dengan polisi kenegaraan.

Ulama-ulama yang tidak mahu menerima sebarang perubahan itu ternyata wujud pada abad kelima belas Hijriah ini. Imam Syafi'i pernah merubah pandangan mazhabnya dalam masa yang singkat, sehingga mazhab beliau terbahagi kepada mazhab baru dan mazhab lama. Pengikut mazhab Abu Hanifah pula berselisih faham dengan pandangan asli mazhab Hanafi dalam satu pertiga daripada mazhab Mereka berkata: "Seandainya Imam Abu Hanifah melihat perubahan seperti yang kami lihat, tentu beliau pun akan berpendapat serupa dengan kami atau lebih ekstrim". Dan Imam Ahmad bin Hanbal pernah mengeluarkan tujuh pendapat untuk satu masalah ekoran keadaan dan suasana yang berubah-ubah.

Buku ini merupakan gambaran umum tentang fiqh kenegaraan dalam Islam; Apakah kedudukannya? Apakah hukum mengaplikasikannya? Apakah kriteria dan keistimewaannya? Adakah ia merupakan asas kepada negara bertamadun yang berdiri di atas disiplin Islam, atau asas kepada negara teokrasi dan menjatuhkan hukuman atas nama Tuhan? Apakah sikap negara Islam terhadap kemajmukan parti, demokrasi serta peranan kaum wanita dan golongan bukan Islam dalam politik? Bolehkan satu jamaah Islam ikut serta dalam sistem negara yang bukan Islam? Isu-isu hangat dan sensitif lain yang serupa dengan perkara-perkara di atas turut dibincangkan dalam buku ini.

9 789675 267215

Harga: RM25.00

فِقْهُ الدَّوْلَةِ

FIQH

Kenegaraan

YUSUF AL-QARADHAWI

فِقْهُ الدَّوْلَةِ

FIQH Kenegaraan

Penterjemah
ARSIL IBRAHIM

Hak Cipta Terpelihara. Dilarang mengeluarkan ulang mana-mana bahagian daripada kandungan buku ini dengan cara apa pun sebelum mendapati izin bertulis daripada **Blue-T Publication Sdn Bhd**. Rundingan tertaluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Cetakan Pertama 2009

© Karya Terjemahan Blue-T Publication Sdn Bhd

Judul Asal	: *Min Fiqh al-Daulah fi al-Islam Makanatuha, Ma'alimuha, Thobi'atuha, Mauqifuha min al-Dimoqratiyah wa al-Ta'addudiyah wa al-Mar'ah wa ghairu al-Muslimin*
Karya	: Dr. Yusuf al-Qaradhawi
Penterjemah	: Arsil Ibrahim
Editor	: Hj. Anuwar Ismail

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

al-Qaradawi, Yusuf, 1926-
Fiqh : kenegaraan / Yusuf Al-Qaradawi ; penterjemah Arsil Ibrahim.
ISBN 978-967-5267-21-5
1. Islam and state. I. Arsil Ibrahim. II. Judul
297.272

Diterbit oleh:
BLUE-T PUBLICATION SDN BHD
12, Jalan 3/4C, Desa Melawati, 53100 Kuala Lumpur
Tel: 03-4106 9119 Fax: : 03-4106 6119

Dicetak oleh:
PERCETAKAN LPL SDN BHD
16, Jalan PBS 14/10, Taman Perindustrian Bukit Serdang
43300 Seri Kembangan, Selangor
Tel/Fax: 03-89456301

Kandungan

Kata Alu-Aluan
Dustur Ilahi
Mukadimah

BAHAGIAN 1
KEDUDUKAN NEGARA DALAM ISLAM 1

Dalil Daripada al-Quran dan as-Sunnah 3
Dalil Daripada Sejarah Islam 6
Dalil Daripada Tabiat Semulajadi Islam 10
Kita Memerlukan Kuasa Negara Untuk Melindungi Islam 15
Seandainya Kita Memiliki Pemerintahan 16
Islam dan Politik 18

BAHAGIAN 2
KRITERIA NEGARA YANG DIBINA OLEH ISLAM 27

Negara Madani Dengan Islam Sebagai Rujukan 27
Negara Islam Ialah Negara Berdimensi Antarabangsa
Negara Islam Merupakan Negara Hukum 31
Negara Islam Diasaskan Di atas Syura,
Bukan Kuasa Raja 37
Negara Islam Ialah Negara Hidayah 44
Negara Islam Melindungi Kaum yang Lemah 46

Negara Islam Melindungi Hak dan Memberi Kebebasan 63
Negara Islam Merupakan Negara yang Berprinsip dan Berakhlak 66

BAHAGIAN 3
SIFAT NEGARA ISLAM 75

Negara Islam Bukan Negara Teokrasi 75
Negara Islam Merupakan Negara Sivil 77
Keraguan yang Ditimbulkan Para Sarjana Sekular Tentang Konsep Negara Agama 81
Konsep 'Al-Hakimiah' dan Hubungannya Dengan Negara Agama 83
- Adakah Konsep Ini Didasari Oleh Pemikiran Khawarij? 83
- Konsep al-Hakimiah yang Diserukan Oleh Maududi dan Sayid Qutub 85
- Hak Menetapkah Hukum Hanya Milik Allah 87

Analisa Ucapan Saidina Uthman 89
Analisa Ucapan Khalifah al-Mansur 94
Revolusi Iran 98
Fail-Fail Tentang Negara Atau Kekuasaan Agama 102
Fail Sekularisme 106

BAHAGIAN 4
MENUJU KE ARAH FIQH POLITIK YANG BERWIBAWA 111

Gejala-Gejala Negatif Dalam Fiqh dan Pemikiran 111
Kesilapan Dalam Fiqh Politik yang Mesti Diperbetulkan 113
Perbahasan Penting Sekitar Isu Fiqh Politik: 114
- Isu Had Masa Kepimpinan 115
- Islam Politik 122
- Menentang Kerosakan dan Penindasan Merupakan Jihad yang Paling Utama 126
- Mengubah Kemungkaran Adalah Wajib 129

Antara Hak dan Kewajipan 134
Solat dan Politik 138
Tentang Tuduhan Tidak Ada Agama Dalam Politik dan Tidak Ada Politik Dalam Agama 142
Adakah Politik Satu Kemungkaran? 143
Negara Islam dan Perlaksanaan Hukum Allah 145
- Pendapat Rashid Ridha 165

- Perbincangan Sekitar Pendapat Ibn Abbas 168
- Dakwaan Bahawa Hukum Allah Hanya Untuk Mendamaikan Perselisihan 169
- Pengertian Perkataan 'Syariah' Dalam Al-Quran 172
- Dua Perkara Penting Tentang Kezaliman 173

Tahap-Tahap Merubah Kemungkaran dan Masa Dibenarkannya Menggunakan Kekuatan 176

Beberapa Syarat yang Harus Diperhatikan Dalam Mengubah Kemungkaran: 182
- Kemungkaran Itu Diharamkan Secara Ijma' 182
- Kemungkaran Dilakukan Secara Terang-Terangan 187
- Memiliki Kemampuan Untuk Mengubah 189
- Hindari Daripada Menimbulkan Kemungkaran yang Lebih Besar 192

BAHAGIAN 5
SIKAP NEGARA ISLAM TERHADAP DEMOKRASI, KEMAJMUKAN PARTI, KEDUDUKAN WANITA DAN GOLONGAN BUKAN ISLAM 199

Realiti Demokrasi 202

Al-Quran Memerangi Para Penguasa yang Mengaku Sebagai Tuhan 203

Hubungan Antara Para Taghut dan Kerosakan Dalam Perspektif Al-Quran 206

Al-Quran Mengecam Setiap Bangsa yang Patuh Kepada Para Penindas 207

Serangan Sunnah Nabawiyah Terhadap Para Pemimpin yang Zalim 209

Syura, Nasihat Rakyat Serta Amar Makruf Nahi Mungkar 212

Pemimpin Dalam Pandangan Islam 212

Keistimewaan Sistem Demokrasi 213

Mengundi Serupa Dengan Memberi Kesaksian 215

Hukum Rakyat dan Hukum Allah 216

Pengertian Daripada Prinsip 'Hak Menetapkan Hukum Hanya Milik Allah' 217

Adakah Menetapkan Keputusan Berdasarkan Suara Majoriti Bercanggah Dengan Islam? 220

Pendapat Majoriti Boleh Diutamakan 222

Penindasan Politik Merupakan Musibah Bagi Bangsa 224

Konsep Syura Merupakan Satu Kemestian 227

Kemajmukan Parti Di Bawah Naungan Negara Islam 228

Kewajipan Memberi Nasihat Kepada Pemimpin 230
Kemajmukan Parti Dalam Politik Serupa
Dengan Kemajmukan Mazhab Dalam Fiqh 235
Benarkah Kemajmukan Parti Merupakan
Asas Kepada Perpecahan? 237
Adakah Kemajmukan Parti Merupakan Konsep
yang Diimpot Dari Barat? 240
Kepada Siapakah Kepatuhan Mesti Diberikan? 242
Saidina Ali r.a. Mengesahkan Wujudnya
Parti Lain Dalam Pemerintahannya 244
Hasan al-Banna dan Kemajmukan Parti 245
Isu Pencalonan Wanita Bagi
Menganggotai Majlis Perwakilan 250
Beberapa Peringatan Penting 252
Membincangkan Fatwa yang Mengharamkan
Hak Berpolitik Bagi Wanita 265
Halangan-Halangan Semulajadi Kaum Wanita 271
Memahami hadith 'Tidak Berjaya Satu Kaum yang
Menyerahkan Urusan Mereka Kepada Seorang Wanita . 273
Menggabungkan Diri Ke dalam Pemerintahan
Bukan Islam 277
Hukum Asal Melarang Kita Untuk Ikut Serta 278
Keluar Daripada Hukum Asal Berdasarkan
Pertimbangan yang Sah Di Sisi Syariah 283
Syarat-Syarat Penyertaan Dalam
Pemerintahan Bukan Islam 292
Fatwa Beberapa Ulama 294
Kajian Ibn Taimiyah 299
Mencalonkan Golongan Bukan Islam
Untuk Majlis Perwakilan 306

Dustur Ilahi

Aku berlindung dengan Allah daripada syaitan yang direjam.

إِنَّ ٱللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَن تُؤَدُّوا۟ ٱلْأَمَٰنَٰتِ إِلَىٰٓ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُم بَيْنَ ٱلنَّاسِ أَن تَحْكُمُوا۟ بِٱلْعَدْلِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُم بِهِۦٓ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ سَمِيعًۢا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾

Terjemahan: *Sesungguhnya Allah memerintahkan kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (memerintahkan kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat.*

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَأَطِيعُوا۟ ٱلرَّسُولَ وَأُو۟لِى ٱلْأَمْرِ مِنكُمْ ۖ فَإِن تَنَٰزَعْتُمْ فِى شَىْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى ٱللَّهِ وَٱلرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ ۚ ذَٰلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul(Nya), dan ulil amri *di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (Al-Qur'an) dan Rasul (sunnahnya), jika kau benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya.*

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ يَزْعُمُونَ أَنَّهُمْ ءَامَنُوا۟ بِمَآ أُنزِلَ إِلَيْكَ
وَمَآ أُنزِلَ مِن قَبْلِكَ يُرِيدُونَ أَن يَتَحَاكَمُوٓا۟ إِلَى ٱلطَّٰغُوتِ
وَقَدْ أُمِرُوٓا۟ أَن يَكْفُرُوا۟ بِهِۦ وَيُرِيدُ ٱلشَّيْطَٰنُ أَن يُضِلَّهُمْ
ضَلَٰلًۢا بَعِيدًا ﴿٦٠﴾

Apakah kamu tidak memperhatikan orang-orang yang mengaku dirinya telah beriman kepada apa yang diturunkan padamu dan kepada apa yang diturunkan sebelum kamu? Mereka hendak berhakim keapada taghut, *padahal mereka telah diperintah mengingkari* taghut *itu. Dan syaitan bermaksud menyesatkan mereka (dengan) penyesatan yang sejauh-jauhnya.*

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ تَعَالَوْا۟ إِلَىٰ مَآ أَنزَلَ
ٱللَّهُ وَإِلَى ٱلرَّسُولِ رَأَيْتَ ٱلْمُنَٰفِقِينَ يَصُدُّونَ عَنكَ
صُدُودًا ﴿٦١﴾

Apabila dikatakan kepada mereka: "Marilah kamu (tunduk) kepada hukum yang Allah telah turunkan dan kepada hukum Rasul", nescaya kamu lihat orang-orang munafik menghalangi (manusia) dengan sekuat-kuatnya dari (mendekati) kamu.

(Surah an-Nisa' 4: 58-61)

Mukadimah

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah. Selawat dan salam semoga sentiasa diberikan Allah kepada Rasulullah, juga kepada keluarganya, para sahabatnya serta seluruh manusia yang mengikuti petunjuknya. *Amma Ba'du.*

Inilah beberapa perbahasan penting tentang Fiqh Kenegaraan Dalam Islam. Ia merupakan salah satu cabang ilmu fiqh yang telah lama diabaikan oleh kaum muslimin dalam beberapa abad kebelakangan ini. Kaum muslimin tidak lagi mengkaji dan mengeluarkan hasil-hasil ijtihad baru di dalamnya, sebagaimana mereka mengkaji cabang-cabang ilmu fiqh lain yang semakin luas dan besar bidang kajian dan perbahasannya, terutama fiqh ibadah.

Pada zamannya, Imam Ibn al-Qayyim (abad kelapan Hijriah) pernah mengeluh dan merasa sedih melihat kejumudan yang melanda para ulama dan fuqaha'. Kegagalan mereka untuk berinteraksi dengan permasalahan semasa menjadikan para pemimpin pada zaman itu terpaksa mencari jalan penyelesaian di luar syariat Islam bagi menyelesaikan berbagai-bagai masalah politik dan kenegaraan. Ibn al-Qayyim telah menghabiskan usianya dalam berjuang menentang para ulama yang merestui pemimpin yang melaksanakan polisi kenegaraan yang menyeleweng. Peristiwa yang berlaku pada zaman Ibn al-Qayyim itu merupakan peristiwa pertama masuknya hukum-hukum ciptaan manusia yang mengetepikan kedudukan hukum syariat Islam.

Ulama-ulama jumud yang tidak mahu menerima sebarang perubahan itu ternyata muncul kembali pada abad kelima belas Hijriah ini. Mereka hidup di abad ke lima belas Hijriah tetapi cara berfikir mereka serupa dengan nenek moyang mereka yang telah mati sejak berabad-abad lamanya. Sedangkan seluruh bidang kehidupan pada zaman ini telah jauh berubah dibandingkan dengan suasana kehidupan pada abad kelapan Hijriah. Mereka lupa bahawa Imam as-Shafi'i pernah merubah pandangan mazhabnya dalam masa yang singkat, sehingga mazhab beliau terbahagi kepada mazhab baru dan mazhab lama. Pengikut mazhab Abu Hanifah pula berselisih faham dengan pandangan asli mazhab Hanafi pada satu pertiga daripada mazhab, dan mereka berkata: "Seandainya Imam Abu Hanifah menyaksikan perubahan seperti yang kami lihat, tentu beliau pun akan berpendapat serupa dengan kami atau bahkan lebih ekstrim. Dan Imam Ahmad Ibn Hanbal pernah mengeluarkan tujuh pendapat untuk satu masalah ekoran keadaan yang berubah-ubah.

Dewasa ini, kita melihat sebahagian orang yang menceburkan diri dalam bidang fiqh dan dianggap sebagai penunjang utama kebangkitan Islam berkata: "konsep syura dalam ajaran Islam hanya merupakan satu isyarat yang tidak jelas, sebab itu ia bukanlah merupakan satu ketentuan yang mutlak. Pemimpin berhak untuk meminta pendapat ahli syura untuk mencari idea, kemudian dia boleh membuang pendapat mereka dan menggunakan pendapatnya sendiri! Bukankah dia yang memilih, menetapkan dan membubarkan majlis syura sekehendak hatinya?

Kita juga melihat sebahagian orang menolak konsep kemajmukan parti di bawah naungan negara Islam. Sebahagian yang lain menolak konsep pilihan raya bagi memilih seorang pemimpin negara atau wakil-wakil rakyat untuk Majlis Permesyuaratan dan Dewan Perwakilan. Ada pula yang menolak sistem pemilihan yang menggunakan suara majoriti, atau menolak pembatasan masa bagi pemimpin negara dalam jumlah tahun tertentu. Bahkan ada yang mengatakan bahawa seluruh perkara yang ditimbulkan oleh sistem demokrasi adalah mungkar dan wajib diperangi!

Lebih daripada itu, ada pula yang mengingkari hak kaum wanita untuk mengundi dalam pilihan raya, apa lagi hak mereka untuk dipilih sebagai anggota majlis perwakilan atau anggota majlis yang lain. Jika pendapat tersebut diamalkan maka umat ini telah mengabaikan separuh daripada potensinya. Begitu pula, ada pendapat yang melarang orang-orang yang bukan Muslim untuk

mengundi, diundi ataupun turut serta dalam sebarang bahagian pada pentadbiran kerajaan. Bahkan ada pula yang mengatakan: seseorang Muslim tidak boleh mencalonkan dirinya sendiri menjadi anggota majlis ataupun yang lainnya, sebab dengan demikian ia telah meminta kekuasaan untuk dirinya, dan kekuasaan tidak boleh diberikan kepada orang-orang yang memintanya!

Golongan manusia seperti di atas sebenarnya sangat kecil bilangannya dibandingkan dengan majoriti umat Islam yang kini sedang menyambut kebangkitannya. Tetapi frekuensi suara mereka amat tinggi kerana dibantu oleh satu kekuatan yang tidak menyukai kebangkitan Islam. Kekuatan tersebut memberikan hembusan-hembusan bantuan kepada mereka dan berusaha untuk memunculkan mereka di atas pentas untuk tujuan-tujuan tertentu.

Di sebalik ulama-ulama yang jumud ini terdapat segolongan manusia yang mengingkari kewujudan negara Islam yang memerintah di bawah undang-undang Allah. Mereka memisahkan agama dengan politik sejauh-jauhnya dan berpendapat bahawa tidak ada agama dalam politik dan tidak ada politik dalam agama!

Mereka memperlakukan Islam di Timur sebagaimana mereka memperlakukan Kristian di Barat. Tetapi Islam tidak sama dengan Kristian, masjid tidak serupa dengan gereja, dan sejarah ulama-ulama Islam di sini tidak serupa dengan sejarah para pemimpin gereja di sana. Islam tidak mengenal perkataan: "Tinggalkan apa yang menjadi milik kaisar untuk kaisar dan apa yang menjadi milik Tuhan untuk Tuhan." Sebaliknya, Islam mengisytiharkan bahawa kaisar dan seluruh apa yang dimilikinya adalah milik Allah, Tuhan yang Maha Esa dan Maha Ahad. Islam tidak pernah bersikap memusuhi ilmu pengetahuan, pemikiran, penerokaan dan kreativiti, sebagaimana yang pernah dilakukan oleh Kristian terhadap masyarakat ilmuwan di Barat. Islam juga tidak pernah mendirikan mahkamah perisikan yang menggerunkan, seperti yang pernah didirikan para pemimpin agama Kristian bagi menjatuhkan hukuman gantung sampai mati atau menyiksa seluruh sarjana, cendekiawan dan para peneroka ilmiah yang memiliki fikiran bertentangan dengan wawasan agama Kristian.

Kita dapati bahawa golongan ini ingin menyingkirkan Islam dari memainkan sebarang peranan dengan cara mengetepikan kekuatan-kekuatan Islam. Perkara yang sama telah mereka lakukan kepada agama Kristian sehingga agama tersebut berdiri dengan lemah tanpa memiliki sebarang kekuatan, sama ada dalam pentadbiran negara ataupun dalam fungsi-fungsi keagamaan yang

biasa.

Kita dapati kaum tersebut berusaha untuk keluar daripada kesepakatan umat yang sepanjang sejarahnya meyakini bahawa Islam adalah akidah dan syariah, agama dan negara, ibadah dan kepimpinan serta solat dan jihad. Rasulullah s.a.w. merupakan pemimpin pertama bagi negara Islam dan para khalifah setelah baginda mengikuti ajaran dan langkah-langkah baginda. Pemimpin-pemimpin negara Islam merupakan wakil-wakil Rasulullah dalam menegakkan syiar agama dan politik keduniaan.

Ramai di antara orang-orang sekularis, sama ada golongan kanan yang liberalis mahupun golongan kiri yang komunis, mengiktiraf kehebatan Islam. Tetapi mereka tidak pernah mahu tunduk terhadap hukumnya, tidak mempedulikan perintah dan larangannya dan tidak sudi merujuk kepada al-Qur'an dan as-Sunnahnya. Jika mereka merujuk kepadanya pun nescaya mereka akan merubah kedudukan ayat-ayatnya dan menjadikan isi kandungan al-Quran dan as-Sunnah tunduk mengikuti selera mereka. Perbuatan seperti itu menggambarkan kepalsuan iman mereka terhadap al-Quran dan as-Sunnah. Ini kerana ia bertentangan dengan perilaku ahli Iman sejati seperti yang digambarkan oleh firman Allah:

إِنَّمَا كَانَ قَوْلَ ٱلْمُؤْمِنِينَ إِذَا دُعُوٓا۟ إِلَى ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ
أَن يَقُولُوا۟ سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا ۚ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿٥١﴾

Terjemahan: *Sesungguhnya jawapan orang-orang mukmin bila mereka dipanggil kepada Allah dan rasul-Nya agar rasul menghukum di antara mereka ialah ucapan, "Kami mendengar, dan kami patuh." Dan mereka itulah orang-orang yang beruntung.*

(Surah an-Nur 24: 51).

Mereka mempersendakan konsep Islam *Shamil* (ajaran Islam merangkumi seluruh aspek kehidupan). Sedangkan konsep tersebut dipegang teguh oleh kaum Muslimin sejak berkurun berzaman. Mereka menciptakan istilah 'Islam Politik' bagi setiap aktiviti politik yang dilakukan oleh kaum Muslimin. Seakan-akan terdapat beberapa jenis Islam; Islam Ruhani, Islam Pemikiran, Islam Sosial, dan Islam

Politik. Sebaliknya Islam merupakan konsep yang satu dan menyeluruh, sama ada pada bentuk dasarnya, pada aspek-aspek pendukungnya atau pada sumber ajarannya.

Di antara kaum sekularis yang sentiasa berusaha untuk mencari kelemahan Islam dan kaum jumud yang tidak mahu menerima hakikat perubahan semasa, terdapat aliran *al-wasatiyah al-Islamiah* (Islam yang adil dan sederhana). Aliran inilah yang menggali ajaran Islam daripada sumber asal yang jernih dan percaya bahawa Islam adalah sistem kehidupan yang sempurna bagi individu, keluarga, masyarakat dan negara. Aliran ini melihat kepada Islam dengan satu pandangan kemudian melihat kepada konteks zaman dengan pandangan lain. Ia memadukan antara ajaran lama yang bermanfaat dengan nilai baru yang baik dan mempertimbangkan nilai-nilai yang tetap dengan keadaan yang berubah-ubah. Ia juga menyeru kepada pemuliaan akal, pembaharuan pemikiran, ijtihad agama, dan penerokaan dunia. Mereka mengambil sebahagian daripada sistem-sistem terbaik yang dipraktikkan pada zaman ini dan beranggapan bahawa jika demokrasi dibersihkan daripada beberapa unsur yang meragukan serta dihiasi dengan nilai-nilai dan hukum-hukum Islam maka ia merupakan satu sistem yang paling dekat dengan prinsip-prinsip Islam.

Buku ini merupakan penjelasan tentang prinsip yang sangat penting daripada aliran di atas *al-wasatiyah al- Islamiah*, iaitu tentang prinsip negara dalam Islam; apakah kedudukannya? Apakah hukum mendirikannya? Apakah kriteria-kriteria keistimewaannya? Apakah ciri dan sifat-sifatnya? Adakah ia merupakan negara bertamadun yang berdisiplin dengan prinsip-prinsip Islam ataukah negara teokrasi murni yang sepenuhnya diasaskan di atas agama dan dikuasai oleh pemimpin-pemimpin agama? Dan bagaimanakah penjelasan kita terhadap sebahagian pihak yang mengatakan bahawa negara Islam ialah negara yang menjatuhkan hukum atas nama Tuhan? Kemudian bagaimana pula sikap negara Islam terhadap kemajmukan parti dan demokrasi? Juga terhadap hak-hak wanita dan orang-orang yang bukan muslim? Dan bolehkah satu jamaah Islam turut serta dalam pentadbiran negara sekular serta isu-isu sensitif dan penting yang lain.

Saya berharap agar perbahasan-perbahasan dalam buku ini dapat menjadi sedikit cahaya penerang bagi menjelaskan kerumitan yang terdapat dalam isu besar ini. Saya juga berharap agar ia dapat menghapuskan beberapa kekeliruan yang terdapat padanya, serta menjelaskan sikap dan pendirian aliran *al-wasatiyah al-Islamiyah* di antara aliran-aliran lain yang *jumud* (tidak menerima perubahan)

atau yang sekular dan terlepas daripada ajaran Tuhan.

Dalam menyempurnakan buku ini saya telah mengambil bahan-bahan daripada buku-buku yang pernah saya tulis, khasnya jilid kedua buku "Fatwa-Fatwa Semasa". Saya merasakan bahawa pengukuhan serta penjelasan fatwa-fatwa berkenaan dengan isu-isu politik tentunya akan lebih sesuai jika dicantumkan dalam buku ini.

Wallahu yaqulu al-haq, wa huwa yahdi as-sabil

Firman Allah jugalah Yang Maha Benar, dan Dia-sahajalah yang menunjuki jalan yang lurus.

Yusuf al-Qaradhawi
Kaherah
Jamadil Awal 1417 H
15 September 1996

BAHAGIAN 1

Kedudukan Negara Dalam Islam

Penjajahan Barat yang pernah memerintah negara-negara Islam telah berjaya menanamkan satu kepercayaan karut dalam minda dan jiwa para penduduknya. Ringkasan daripada kepercayaan karut itu ialah:Islam hanyalah agama dan bukan negara. Barat memahami Islam sebagai agama yang serupa dengan agama yang terdapat pada mereka. Mereka berpendapat bahawa tidak ada hubungan sama sekali antara negara dengan agama. Sebab negara merupakan satu sistem yang dihasilkan sepenuhnya oleh kreativiti minda manusia, berasaskan pengalaman-pengalaman, keadaan diri dan lingkungan persekitaran mereka yang sentiasa berubah dan berkembang.

Apa yang telah dilakukan terhadap Kristian di Barat ingin diterapkan ke dalam Islam di Timur. Apabila mereka mendapati bahawa masyarakat Barat hanya mampu bangkit setelah membebaskan diri daripada kekuasaan agama, maka mereka pun berpendapat bahwa negara-negara Islam di Timur harus melepaskan dirinya daripada belenggu agama supaya maju dan berkembang. Padahal agama yang ada pada mereka adalah kekuasaan gereja serta penindasan yang dilakukan oleh para pemimpin agama terhadap nurani dan jiwa manusia. Mana boleh mereka samakan agama mereka itu dengan agama kita yang tidak mengenal kekuasaan dan penindasan para pemuka agama terhadap nurani dan jiwa manusia?

Walau bagaimanapun, penjajahan Barat telah berjaya membentuk kelompok-kelompok manusia yang percaya bahawa agama tidak memiliki sebarang peranan dan kedudukan dalam mengarahkan pentadbiran negara. Agama, sama ada Kristian ataupun Islam, ialah satu entiti yang berasingan sama sekali daripada negara. Golongan ini menyebarkan satu perkataan yang menyesatkan: "Sesungguhnya agama itu milik Allah dan negara adalah milik bersama." Ucapan seperti ini benar, tetapi maksud yang tersembunyi di sebaliknya adalah batil! Sebab yang mereka maksudkan dengan perkataan 'agama itu milik Allah' ialah: agama itu hanya mengatur hubungan antara hati seorang manusia dengan Tuhannya dan tidak ada sama sekali peranan agama dalam sistem kehidupan sosial.

Contoh praktikal daripada konsep mereka itu ialah 'negara sekularis' yang didirikan oleh Kamal Attaturk di Turki. Konsep negara sekularis itu dipaksakannya ke atas masyakarat Turki Muslim dengan besi dan api serta gelumang darah manusia. Semua itu mereka lakukan setelah meruntuhkan kerajaan Uthmaniyah; kubu pertahanan Islam terakhir dalam menentang kemaraan pasukan Kristian dan Yahudi antara bangsa selama berkurun berzaman.

Kerajaan Islam di kawasan-kawasan lain pun sedikit-sedikit mengikuti jejak negara Turki baru. Islam mulai dijauhkan sedikit demi sedikit daripada undang-undang syariat jenayah, peraturan perbandaran dan yang sejenisnya. Sehingga lama kelamaan Islam hanya tertumpu pada urusan-urusan peribadi seperti nikah, talak, fardhu 'ain dan sebagainya. Mereka juga menjauhkan pengaruh Islam pada hampir setiap segi kehidupan, sama ada segi budaya, segi pendidikan dan sosial. Dan sebaliknya mereka membuka peluang selebar-lebarnya kepada tunjuk ajar, budaya, dan tradisi Barat dalam perkara-perkara tersebut.

Ramai di antara para pemimpin politik negara-negara Arab yang tidak dapat menyembunyikan kekagumannya kepada wawasan Attaturk. Bahkan salah seorang pemimpin salah satu parti terkenal di Mesir yang juga menjawat sebagai Perdana Menteri pada masa itu berkata dalam satu kenyataannya, "Saya amat mengagumi Kamal Attaturk dan wawasan kenegaraan moden yang dilancarkannya." Syahid Hasan al-Banna membantah kenyataan Perdana Menteri itu dengan ucapan berikut yang disiarkan oleh akhbar harian *Al-Ikhwan al-Muslimun* .

"Salah satu bukti kejayaan Barat dalam perang Budaya yang dilancarkannya ialah bahawa 'pemikiran sekularis' yang menyeru kepada pemisahan agama daripada negara tidak hanya diterima oleh para tokoh kebudayaan sahaja. Pemikiran tersebut ternyata berjangkit pula kepada para sarjana Islam yang mendalami ilmu-ilmu Islam di institusi pendidikan Islam terkenal seperti al-Azhar. Hal ini dapat dirasakan dengan jelas pada buku karangan Syeikh Ali Abdur Raziq "Islam dan Prinsip-Prinsip Hukum".

Buku tersebut telah menimbulkan kekecohan besar semasa diterbitkan, khasnya di kalangan ulama-ulama al-Azhar. Oleh itu, al-Azhar telah membentuk satu lembaga yang terdiri dari beberapa ulama besar al-Azhar untuk membicarakan buku tersebut dan menjatuhkan hukuman yang setimpal kepada pengarangnya. Para ulama sepakat untuk mencabut kembali gelar sarjana yang pernah diberikan kepada pengarang dan mengeluarkannya daripada persatuan ulama. Selain ulama al-Azhar, para ulama dan sarjana Islam yang lain ramai pula yang membantah pemikiran yang terkandung dalam buku tersebut".[1]

Kita harus menegaskan sikap kita di hadapan sekularisme dan kakitangannya dengan membuktikan keuniversalan Islam, dan dengan menonjolkan segi yang paling aktif daripada ajaran dan hukum-hukumnya; iaitu segi kenegaraan, pentadbiran serta arahan-arahan yang diberikannya dalam bentuk hukum dan peraturan. Kita harus mengatakan kepada mereka bahawa segi-segi tersebut merupakan bahagian yang tidak dapat dipisahkan daripada ajaran Islam yang memiliki keistimewaan kerana konsep universalnya yang meliputi zaman, kawasan dan manusia. Kitab suci Islam telah diturunkan untuk menjelaskan segala sesuatu kepada manusia. Sesuai dengan firman Allah:

وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ تِبْيَٰنًا لِّكُلِّ شَىْءٍ

Terjemahan: *Dan Kami turunkan kepadamu al-Kitab (al-Qur'an) untuk menjelaskan segala sesuatu.*

(Surah an-Nahl 16: 89).[2]

- **Dalil Dari al-Quran dan as-Sunnah**

Idea seperti di atas bukanlah ciptaan gerakan Islam tertentu atau hasil kreativiti kepakaran para pengasasnya. Sebaliknya semua idea di atas merupakan idea al-Qur'an yang diterangkan secara jelas dalam ayat-ayatnya. Di antaranya ialah dua ayat daripada surah an-Nisa' :

إِنَّ ٱللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَن تُؤَدُّوا۟ ٱلْأَمَٰنَٰتِ إِلَىٰٓ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُم بَيْنَ
ٱلنَّاسِ أَن تَحْكُمُوا۟ بِٱلْعَدْلِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُم بِهِۦٓ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ سَمِيعًۢا
بَصِيرًا ﴿٥٨﴾ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَأَطِيعُوا۟ ٱلرَّسُولَ وَأُو۟لِى
ٱلْأَمْرِ مِنكُمْ ۖ فَإِن تَنَٰزَعْتُمْ فِى شَىْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى ٱللَّهِ وَٱلرَّسُولِ

Terjemahan: *Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat. Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul-Nya, dan ulil amri di antara kamu. Kemudian jika kau berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (al-Qur'an) dan Rasul (sunnahnya).*

(Surah an-Nisa' 4: 58-59)

Ayat pertama ditujukan kepada para pemimpin dan penguasa, agar mereka menjaga amanah dan menjalankan kekuasaan secara adil. Sebab hilangnya amanah dan keadilan merupakan punca runtuhnya satu bangsa dan negara. Satu hadith sahih menyebutkan:

«إذا ضُيِّعَت الأمانة فانتظروا الساعة» قيل:
وكيف إضاعتها؟ قال: «إذا وُسِّدَ الأمر إلى
غير أهله فانتظر الساعة» رواه البخاري

Maksudnya: *"Jika amanah dihilangkan maka tunggulah saat kehancurannya." Sahabat bertanya: Bagaimanakah amanah boleh dihilangkan? Rasulullah menjawab: "Jika satu perkara diserahkan kepada orang yang bukan ahli (dalam bidangnya), maka tunggulah kehancurannya."*

(Riwayat al-Bukhari daripada Abu Hurairah)

Ayat kedua ditujukan sepenuhnya kepada kalangan awam daripada kaum mukminin, agar mereka mematuhi *ulil amri* (pemerintah) dengan syarat kepatuhan tersebut adalah setelah

ketaatan terhadap Allah dan Rasul-Nya, dan dengan mengembalikan setiap perselisihan kepada ajaran Allah dan Rasul-Nya; al-Quran dan as-Sunnah. Perkara tersebut tidak akan terlaksana jika kaum Muslimin tidak memiliki negara yang mereka patuhi dan melindungi mereka sepenuhnya. Tanpa adanya negara Islam perkara-perkara di atas hanya tinggal impian sahaja.

Berpandukan dua ayat di atas Syeikhul Islam Ibn Taymiyah telah mengarang satu buku yang masyhur bertajuk "Peranan Siyasah Syar'iyyah Dalam Meluruskan Rakyat dan Pemerintah" *(as-Siyasah as-Shar'iyyah fi Islahi ar-Ra'iy wa ar-Ra'iyyah).* Seluruh isi kandungan buku itu diasaskan di atas pengkajian mendalam berkenaan dua ayat di atas.

Dan jika kita meneliti as-Sunnah pula akan kita dapati bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

« من مات وليس في عنقه بيعة مات ميتة جاهلية » رواه مسلم

Maksudnya: *Sesiapa yang mati tanpa pernah berbaiat maka dia telah mati dalam keadaan jahiliah.*

(Riwayat Muslim daripada Ibn Umar)

Tidak diragukan lagi, bahawa seorang Muslim diharamkan untuk berbaiat kepada sebarang penguasa yang tidak berpegang teguh dengan ajaran-ajaran Islam. Baiat yang dapat menyelamatkan dirinya daripada terjatuh ke dalam dosa ialah baiat kepada penguasa yang menegakkan hukum Allah. Jika penguasa seperti itu belum wujud, seluruh umat Islam berdosa sehinggalah mereka berusaha merealisasikan kewujudannya dan terlaksanalah baiat yang dimaksudkan. Tidak ada yang dapat menyelamatkan kita daripada terjatuh ke dalam dosa seperti di atas kecuali dua perkara.

Pertama : Mengingkari keadaan yang sudah terlanjur terseleweng jauh dari syariah Islam, meskipun hanya pengingkaran dalam hati pada keadaan yang paling lemah.

Kedua : Berusaha dengan bersungguh-sungguh ke arah merealisasikan cara hidup Islam yang lurus, berpandukan hukum-hakam Islam yang sahih. Untuk matlamat ini, usaha individu tidak akan dapat mendatangkan sebarang faedah. Seseorang harus berganding bahu dengan saudara-saudaranya seiman. Bukankah seorang mukmin antara satu dengan yang lain adalah umpama satu bangunan yang setiap bahagiannya saling memperteguh dan memperkuat antara satu dengan yang lain?

Terdapat puluhan hadith sahih mengenai urusan-urusan kekhalifahan, pemerintahan, ketetapan-ketetapan kerajaan, kriteria-kriteria para pemimpin serta hak-hak mereka untuk mendapatkan bantuan dan sokongan rakyat dalam menegakkan kebenaran dan kebaikan. Terdapat juga hadith tentang hak rakyat untuk menasihati dan mematuhi mereka dalam keadaan susah ataupun senang, atau had-had kewajipan mereka dalam menegakkan hukum-hukum Allah dan menjaga hak-hak manusia. Selain terdapat hadith-hadith sahih yang menerangkan kewajipan para pemimpin untuk meminta pendapat daripada para cendekiawan dan mengangkat para wakil dan penolongnya daripada kalangan orang-orang yang kuat memegang amanah. Beberapa hadith sahih juga menerangkan tugas pemimpin untuk meningkatkan kesolehan dan ketakwaannya dengan mendirikan solat dan menunaikan zakat, menyeru kepada yang makruf dan mencegah perkara yang mungkar. Serta perkara-perkara lain yang berhubungan dengan pengurusan negara, perundang-undangannya, pentadbiran dan politiknya.

Hal ehwal kekhalifahan disebutkan dalam buku-buku yang membincangkan bab akidah dan usuluddin, sebagaimana ia juga dibincangkan dalam buku-buku mengenai ilmu fiqh. Terdapat juga buku-buku yang khas membincangkan hal ehwal negara dari segi undang-undang, pentadbiran, ketetapan, belanjawan dan politik seperti kitab *al-Ahkam as-Sultaniyah* karangan al-Mawardi dan kitab serupa karangan Abu Ya'la. Juga kitab *al-Ghayathi* karangan Imam al-Haramain, *as-Siyasah as-Syar'iyyah* karangan Ibn Taymiyyah, *Tahrir al-Ahkam* karangan Ibn Jama'ah, *al-Kharaj* karangan Abu Yusuf dan kitab yang serupa karangan Yahya Ibn Adam. Kemudian kita dapati pula kitab *al-Amwal* karangan Abu Ubaid dan kitab serupa karangan Ibn Zanjawiyah, serta kitab-kitab lain yang merupakan sumber rujukan utama para hakim dan penguasa, seperti *at-Turuq al-Hukmiyyah, at-Tabsirah, Mu'ayyin al-Hukkam* dan lain-lain.

- **Dalil Daripada Sejarah Islam**

Sejarah Islam mengkhabarkan kepada kita bahawa Rasulullah s.a.w telah berjuang sepenuh tenaga dan fikiran untuk mendirikan negara Islam sebagai tanah air bagi dakwahnya dengan berpandukan kepada petunjuk wahyu. Dalam negara itu kekuasaan diasaskan sepenuhnya di atas syariat Allah sahaja dan tidak seorang pun boleh memaksakan kehendak-kehendak peribadinya.

Rasulullah telah menyeru seluruh kabilah Arab supaya beriman dan berjuang bersamanya menyebarkan dan melindungi risalah

tersebut. Akhirnya Allah menurunkan taufik dan hidayahnya kepada kabilah Aus dan Khazraj. Kedua kabilah itu telah mengirim perutusan yang terdiri daripada 73 lelaki dan dua wanita untuk berjumpa Rasulullah pada musim haji. Mereka semua menghulurkan tangan untuk membaiat Rasulullah dan berjanji untuk sentiasa melindungi Rasulullah sebagaimana mereka melindungi keluarga dan diri mereka sendiri. Mereka menyatakan janji suci untuk patuh dan setia serta bersedia menyeru kepada yang makruf dan mencegah kemungkaran.

Pada masa dahulu bandar Madinah menjadi pusat pentadbiran negara Islam baru yang dipimpin oleh Rasulullah s.a.w. Bagindalah pemimpin mereka dan baginda pulalah Nabi yang diutus Allah kepada mereka.

Menggabungkan diri ke dalam negara ini dengan tujuan untuk hidup di bawah naungannya dan berjihad di bawah panjinya merupakan satu kewajipan bagi setiap orang yang memeluk Islam pada masa itu. Tidak sempurna keimanan seseorang sebelum dia berhijrah ke negara Islam dan keluar dari negara kafir. Tidak sempurna keimanan seseorang sebelum dia menggabungkan diri ke dalam jamaah Islam yang sedang berjuang. Firman Allah:

وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَلَمْ يُهَاجِرُوا۟ مَا لَكُم مِّن وَلَٰيَتِهِم مِّن شَىْءٍ حَتَّىٰ يُهَاجِرُوا۟

Terjemahan: *Dan (terhadap) orang-orang yang beriman, tetapi belum berhijrah, maka tidak ada kewajipan sedikitpun atas kamu untuk melindungi mereka, sebelum mereka berhijrah.*

(Surah al-Anfal 8: 72)

Juga firman Allah:

فَلَا تَتَّخِذُوا۟ مِنْهُمْ أَوْلِيَآءَ حَتَّىٰ يُهَاجِرُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ

Terjemahan: *Maka janganlah kamu jadikan di antara mereka penolong-penolongmu sehingga mereka berhijrah kepada jalan Allah.*

(Surah an-Nisa' 4: 89) [3]

Al-Quran juga menurunkan satu peringatan keras kepada orang-orang beriman yang hidup di negeri kafir dan tidak mampu menunaikan kewajipan agama, padahal dia mampu untuk berhijrah ke tempat lain.

إِنَّ ٱلَّذِينَ تَوَفَّىٰهُمُ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ ظَالِمِىٓ أَنفُسِهِمْ قَالُوا۟ فِيمَ كُنتُمْ
قَالُوا۟ كُنَّا مُسْتَضْعَفِينَ فِى ٱلْأَرْضِ ۚ قَالُوٓا۟ أَلَمْ تَكُنْ أَرْضُ ٱللَّهِ
وَٰسِعَةً فَتُهَاجِرُوا۟ فِيهَا ۚ فَأُو۟لَٰٓئِكَ مَأْوَىٰهُمْ جَهَنَّمُ ۖ
وَسَآءَتْ مَصِيرًا ﴿٩٧﴾ إِلَّا ٱلْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ ٱلرِّجَالِ
وَٱلنِّسَآءِ وَٱلْوِلْدَٰنِ لَا يَسْتَطِيعُونَ حِيلَةً وَلَا يَهْتَدُونَ سَبِيلًا ﴿٩٨﴾
فَأُو۟لَٰٓئِكَ عَسَى ٱللَّهُ أَن يَعْفُوَ عَنْهُمْ ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ عَفُوًّا غَفُورًا ﴿٩٩﴾

Terjemahan: *Sesungguhnya orang-orang yang diwafatkan malaikat dalam keadaan menganiaya diri sendiri, (kepada mereka) malaikat bertanya: "Dalam keadaan bagaimana kamu ini?". Mereka menjawab: "Adalah kami orang-orang yang tertindas di negeri (Mekkah)." Para malaikat berkata: "Bukankah bumi Allah itu luas sehingga kamu boleh berhijrah di bumi itu?" Orang-orang itu tempatnya neraka Jahannam, dan Jahannam itu seburuk-buruk tempat kembali. Kecuali mereka yang tertindas, sama ada lelaki, wanita ataupun anak-anak, yang tidak berdaya upaya dan tidak mengetahui jalan (untuk berhijrah). Mereka itu mudah-mudahan Allah memaafkannya. Dan adalah Allah Maha Pemaaf lagi Maha Pengampun.*

(Surah an-Nisa' 4: 97-99)

Perkara pertama yang dilakukan oleh para sahabat sejurus selepas wafatnya nabi s.a.w. adalah memilih seorang pemimpin pengganti baginda s.a.w. Mereka menganggap masalah itu sangat penting sehingga mereka lebih mendahulukanya daripada pengebumian jenazah Rasulullah s.a.w. Segera mereka pilih Abu Bakar sebagai pemimpin yang akan mentadbir seluruh urusan mereka. Demikian pulalah proses pemilihan khalifah-khalifah yang berlaku pada periode-periode berikutnya. Kemuafakatan am yang dipelopori oleh para sahabat dan tabi'in serta diperkukuhkan lagi dengan dalil-dalil daripada ayat-ayat al-Qur'an inilah yang menjadi rujukan utama para ulama dalam memfatwakan wajibnya mengangkat seorang pemimpin yang menjadi lambang dan syiar kebanggaan negara Islam.

Dalam sejarahnya, kaum muslimin tidak pernah mengenal konsep pemisahan antara agama dengan negara, kecuali semasa

sekularisme bermaharajalela di zaman ini. Rasulullah s.a.w. telah memperingatkan kita akan fenomena akhir zaman ini dan memerintahkan kita untuk bersikap menentangnya. Baginda s.a.w. bersabda dalam hadith yang diriwayatkan oleh Muaz:

«ألا إن رحى الإسلام دائرة، فدوروا مع الإسلام حيث دار، ألا إن القرآن والسلطان سيفترقان (أي الدين والدولة) فلا تفارقوا الكتاب. ألا إنه سيكون عليكم أمراء يقضون لأنفسهم ما لا يقضون لكم، فإن عصيتموهم قتلوكم، وإن أطعتموهم أضلوكم». قالوا: وماذا نصنع يا رسول الله؟ قال: «كما صنع أصحاب عيسى بن مريم: نشروا بالمناشر، وحملوا على الخشب. موت في طاعة الله خير من حياة في معصية الله» رواه إسحاق بن راهويه

Maksudnya: *"Ketahuilah bahawa roda Islam itu berputar, maka ikutilah roda Islam itu sesuai dengan rentak pusingannya. Ketahuilah bahawa al-Quran dan kekuasaan (negara dan agama) akan berpecah, maka janganlah pisahkan dirimu daripada al-Quran. Ketahuilah bahawa kamu akan dikuasai oleh para penguasa yang memutuskan perkara hanya untuk kepentingan mereka sahaja dan bukan untuk kepentingan kamu. Jika kamu mengingkari perintah mereka, maka mereka akan membunuhmu, dan jika kamu mematuhi mereka, maka mereka akan menyesatkan kamu." Para sahabat bertanya: "Apa yang harus kami perbuat wahai Rasulullah?" Jawab Nabi: "Buatlah seperti para sahabat Isa bin Maryam a.s. Mereka telah digergaji dengan gergaji dan digantung di atas kayu (salib). (Sesungguhnya) mati kerana mentaati Allah adalah lebih baik daripada hidup dengan melakukan maksiat kepada Allah."*

(Riwayat Ishak Ibn Rahawiyah) [4]

- **Dalil Daripada Tabiat Semula Jadi Islam**

Pada tabiat dan risalahnya, Islam merupakan agama dan syariah yang universal. Salah satu kriteria daripada satu syariah yang bersifat universal ialah kemampuannya untuk mengatur setiap segi daripada kehidupan manusia. Dengan demikian, mustahil syariat yang universal ini akan mengabaikan perkara-perkara besar seperti isu kenegaraan dan menyerahkannya kepada para cendekiawan sekularis dan sarjana-sarjana fasik yang menyusunnya mengikut hawa nafsu sendiri.

Agama ini juga menyeru kepada pengaturan dan pentadbiran yang rapi dalam tugas dan tanggung jawab serta membenci kekacauan dan pelecehan dalam melakukan apa jua pekerjaan. Bahkan dalam solat, Rasulullah s.a.w memerintahkan kita untuk merapikan barisan dan memilih seorang yang paling bijak untuk menjadi imam. Manakala dalam urusan perjalanan pula baginda s.a.w bersabda: "Pilihlah salah seorang di antara kamu untuk menjadi amir (pemimpin)."

Dalam kitab *as-Siyasah as-Shar'iyyah* imam Ibn Taymiyyah berkata:

> "Wajib diketahui bahawa mengangkat seorang pemimpin merupakan kewajipan agama yang paling besar. Masalah-masalah agama dan keduniaan tidak akan dapat diselesaikan jika perkara yang satu itu tidak disempurnakan terlebih dahulu. Kemaslahatan manusia tidak akan dapat diwujudkan tanpa wujudnya satu perundingan yang dihadiri oleh semua pihak, dan oleh kerana setiap pihak memiliki kepentingannya masing-masing perundingan (mesyuarat) tersebut hendaklah dipimpin oleh seorang ketua yang dapat memandang permasalahan secara adil dan saksama. Bahkan Nabi s.a.w. bersabda:
>
> «إذا خرج ثلاثة في سفر فليؤمّروا أحدهم»
>
> رواه أبو داورد (١٢)
>
> Maksudnya: *Jika tiga orang pergi bermusafir hendaklah mereka memilih salah seorang untuk menjadi ketua (amir).*
>
> (Riwayat Abu Daud)

Imam Ahmad meriwayatkan daripada Abdullah Ibn Amru bahawa Nabi s.a.w bersabda:

« لا يحل لثلاثة أن يكونوا بفلاة من الأرض
إلا أمّروا عليهم أحدهم » رواه أحمد

Maksudnya: *Tidak halal bagi tiga orang untuk berada di tengah gurun pasir, kecuali jika mereka memilih salah seorang untuk menjadi pemimpin.*

(Riwayat Ahmad)

"Jelaslah bahawa maksud Rasulullah mewajibkan kita untuk memilih seorang pemimpin dalam kumpulan kecil yang bermusafir, adalah sebagai peringatan agar kita menjadikannya teladan yang harus ditiru dalam seluruh bentuk kegiatan berkumpulan yang lain.

"Allah mewajibkan kita untuk menyeru kepada yang makruf dan mencegah perbuatan mungkar. Tanpa kuasa pemerintahan, mustahil kita akan mampu menyempurnakan kewajipan tersebut. Begitu pula dengan kewajipan-kewajipan yang lain seperti berjihad, menegakkan keadilan, mengerjakan haji, mendirikan sembahyang Jumaat, merayakan hari-hari besar Islam, menolong orang-orang yang teraniaya, menegakkan hudud dan lain-lain. Semua perkara itu tidak akan dapat kita sempurnakan tanpa wujudnya kekuasaan dan pemerintahan Islam. Oleh itu, diriwayatkan bahawa sultan merupakan bayangan Allah di muka bumi. Bahkan ulama salaf seperti Fudhail Ibn Iyadh dan Ahmad Ibn Hanbal pernah berkata, "Seandainya kami memiliki satu doa yang mustajab nescaya kami akan berdoa untuk sultan."[5] Sebabnya ialah, kemaslahatan seluruh manusia yang dipimpinnya bergantung kepada keselamatan dirinya.

Dalam sifatnya sebagai agama manhaj (sistem), Islam telah menyiapkan manhaj yang sempurna untuk mengatur dan menyusun kehidupan. Manhaj itulah yang dipakai untuk mengatur kehidupan sosial dan meluruskan perjalanan hidup manusia sesuai dengan perintah-perintah Allah. Merealisasikan perkara tersebut tentu sahaja tidak cukup hanya dengan berkhutbah memberi peringatan dan nasihat sahaja. Kita tidak ingin meletakkan konsep-konsep Islam, hukum-hakam dan ajaran-ajarannya di dalam hati individu-individu, sebab bila hati-hati tersebut menjadi sakit atau mati maka ajaran-ajaran dan hukum-hakam itu pun turut mati bersamanya. Khalifah ketiga r.a. pernah berkata: "Sesungguhnya dengan kuasa sultan, Allah boleh mencegah apa yang tidak dapat dicegah oleh al-Quran."

Di antara manusia ada yang memperoleh hidayah dan kesedaran hanya dengan mengambil iktibar dari ajaran al-Qur'an dan pertimbangan akal sihat, tetapi sebahagian yang lain pula tidak akan sedar kecuali jika dihadapkan dengan kuasa besi dan pedang. Firman Allah:

لَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلَنَا بِالْبَيِّنَاتِ وَأَنزَلْنَا مَعَهُمُ الْكِتَابَ
وَالْمِيزَانَ لِيَقُومَ النَّاسُ بِالْقِسْطِ ۖ وَأَنزَلْنَا الْحَدِيدَ فِيهِ
بَأْسٌ شَدِيدٌ وَمَنَافِعُ لِلنَّاسِ

Terjemahan: *Sesungguhnya Kami telah mengutus rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti yang nyata dan telah Kami turunkan bersama mereka al-Kitab dan neraca (keadilan) supaya manusia dapat melaksanakan keadilan. Dan Kami ciptakan besi yang padanya terdapat kekuatan yang hebat dan berbagai-bagai manfaat bagi manusia.*

(Surah al-Hadid 57: 25)

Ibn Taymiyyah berkata: "Sesiapa yang menyeleweng daripada al-Qur'an akan diluruskan dengan besi. Hal-ehwal agama hanya akan lurus dengan al-Quran dan pedang.[6]

Imam al-Ghazali pula berpendapat: "Dunia adalah tempat bercucuk tanam bagi akhirat, dan agama tidak akan sempurna tanpa dunia. Raja dan agama merupakan satu kesatuan yang tidak boleh dipisahkan. Agama merupakan asas, manakala raja pula sebagai penjaga. Setiap sesuatu yang tidak memiliki asas akan runtuh, manakala setiap sesuatu yang tidak dijaga pula akan hilang.[7]

Jika dalam sumber-sumber Islam tidak kita temukan dalil-dalil yang jelas dan tegas tentang kewajipan mendirikan negara Islam, maka sesungguhnya tabiat risalah Islam itu sendiri menuntut adanya negara dan pemerintahan yang dapat menunjang misi Islam. Itulah satu negara yang memiliki kriteria dan keistimewaan tersendiri dalam akidah, syiar, ajaran, pemahaman, akhlak, nilai-nilai keutamaan, tradisi dan sistem undang-undang.

Pada sepanjang sejarahnya, Islam sentiasa memerlukan kuasa negara dan pemerintahan, dan keperluan Islam terhadap kuasa negara pada zaman ini adalah lebih kritikal lagi. Inilah zaman bermunculannya 'negara ideologi', iaitu negara yang berdiri di atas pemikiran dan ideologi tertentu. Di atas pemikiran dan ideologi

itulah diasaskannya pendidikan, budaya, sistem undang-undang, ekonomi, politik, kebijaksanaan di dalam dan di luar negara serta seluruh segi-segi kehidupan yang lainnya. Contohnya dapat kita lihat pada negara komunis dan sosialis.

Seluruh kemajuan yang diperolehi oleh ilmu pengetahuan dan teknologi moden pun dipersembahkan sepenuhnya untuk keperluan negara. Dengan penguasaan yang total itu, tentu sahaja negara akan berjaya mempengaruhi ideologi, pemikiran, naluri, perasaan, serta tingkah laku masyarakat dalam bentuk yang paling efektif. Bahkan dengan jentera dan sarana canggih yang dimilikinya negara mampu untuk menterbalikkan seluruh nilai dan moral dalam masyarakat.

Negara Islam ialah negara 'ideologi dan pemikiran' yang berdiri di atas akidah dan manhaj. Negara Islam tidak hanya berfungsi sebagai jentera pengaman yang melindungi umat daripada kekecohan di dalam atau serangan luar. Tugas negara lebih besar daripada itu semua. Tugas negara meliputi tanggungjawab mendidik dan mengajar umat akan prinsip-prinsip dasar Islam, dan menyediakan suasana yang kondusif bagi menterjemahkan akidah dan ajaran-ajaran Islam ke dalam bentuk yang praktikal dan nyata. Ini agar ia menjadi teladan bagi sesiapa yang mencari hidayah dan menjadi hujah terhadap mereka yang memilih jalan yang hina.

Oleh itu Ibn Khaldun berpendapat bahawa definisi Khilafah ialah:

"Satu institusi yang membawa seluruh masyarakat kepada jalan syariat, demi kemaslahatan negara di dunia dan di akhirat. Bagi Tuhan, seluruh permasalahan dunia diukur dengan nilai kemaslahatan akhirat. Maka pada hakikatnya, al-Khilafah ialah kekuasaan yang diserahkan oleh Tuhan bagi menjaga kemaslahatan agama dan polisi dunia sesuai dengan prinsip syariat yang diajarkan-Nya."[8]

Oleh itu, keperibadian orang-orang mukmin yang telah dikukuhkan Allah kekuasaannya dengan berdirinya satu negara, digambarkan Allah dalam ayat berikut:

ٱلَّذِينَ إِن مَّكَّنَّٰهُمْ فِى ٱلْأَرْضِ أَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ
وَءَاتَوُا۟ ٱلزَّكَوٰةَ وَأَمَرُوا۟ بِٱلْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا۟ عَنِ ٱلْمُنكَرِ ۗ
وَلِلَّهِ عَٰقِبَةُ ٱلْأُمُورِ

Terjemahan: *(Iaitu) orang-orang yang jika Kami teguhkan kedudukan mereka di muka bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, menyuruh berbuat yang makruf dan mencegah dari perbuatan yang mungkar; dan kepada Allah-lah kembali segala urusan.*

(Surah al-Hajj 22: 41)

Syiar negara Islam ialah apa yang diucapkan oleh Rab'iy Ibn 'Amir kepada Rustum Raja Parsi: "Sesungguhnya Allah mengutus kami untuk mengeluarkan manusia daripada penyembahan sesama makhluk kepada penyembahan Allah sahaja, daripada kesempitan dunia kepada kelapangannya, dan daripada kezaliman agama-agama kepada keadilan Islam.

Negara Islam yang berasaskan akidah dan pemikiran ini bukanlah merupakan negara yang bersifal lokal, tetapi ia adalah negara yang membawa risalah kepada seluruh dunia. Sebab Allah telah menugaskan umat Islam untuk menyeru seluruh umat manusia kepada cahaya dan hidayah yang terdapat dalam ajarannya, dan Allah juga menjadikan mereka saksi ke atas manusia serta guru bagi seluruh bangsa. Ia bukanlah satu umat yang tumbuh dan berkembang untuk kepentingan sendiri, tetapi ia dipersiapkan dan dikeluarkan untuk kemaslahatan seluruh manusia. Allah-lah yang telah mengeluarkanya dan menjadikannya umat terbaik. Firman Allah:

وَكَذَٰلِكَ جَعَلْنَٰكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِّتَكُونُوا۟ شُهَدَآءَ عَلَى ٱلنَّاسِ

Terjemahan: *Dan demikianlah, Kami telah menjadikan kamu (umat Islam), umat yang adil dan pilihan, agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia.*

(Surah al-Baqarah 2: 143)

Semasa mendapat peluang pertama, sejurus selepas perjanjian Hudaybiyah, Rasulullah s.a.w. segera menghantar warkah kepada para raja dan pemimpin negara-negara dunia. Baginda menyeru mereka semua kepada jalan Allah dan meminta mereka untuk menggabungkan diri di bawah bendera tauhid. Baginda juga mengingatkan mereka bahawa mereka akan menanggung dosa seluruh rakyat dan dosa mereka sendiri jika mereka enggan mengikuti jalan keimanan. Setiap warkah tersebut dimaterai dengan ayat berikut:

يَٰٓأَهۡلَ ٱلۡكِتَٰبِ تَعَالَوۡاْ إِلَىٰ كَلِمَةٖ سَوَآءِۭ بَيۡنَنَا وَبَيۡنَكُمۡ
أَلَّا نَعۡبُدَ إِلَّا ٱللَّهَ وَلَا نُشۡرِكَ بِهِۦ شَيۡـٔٗا وَلَا يَتَّخِذَ بَعۡضُنَا
بَعۡضًا أَرۡبَابٗا مِّن دُونِ ٱللَّهِۚ فَإِن تَوَلَّوۡاْ فَقُولُواْ ٱشۡهَدُواْ بِأَنَّا
مُسۡلِمُونَ ٦٤

Terjemahan: *Hai Ahli Kitab, marilah kepada satu kalimat (ketetapan) yang tidak ada perselisihan antara kami dan kamu; bahawa kita tidak menyembah kecuali Allah, kita tidak mempersekutukan Dia dengan sesuatu apa pun dan tidak (pula) sebahagian kita menjadikan sebahagian yang lain sebagai tuhan selain daripada Allah. Jika mereka berpaling maka katakanlah kepada mereka: "Saksikanlah, bahawa kami adalah orang-orang yang berserah diri (kepada Allah)."*

(Surah Ali Imran 3: 64)

- **Kita Memerlukan Kekuasaan Negara Untuk Melindungi Islam**

Perkara yang sangat diperlukan oleh dakwah Islam dewasa ini ialah; berdirinya negara Islam yang menjadikan risalah Islam sebagai teras akidah dan sistemnya, asas bagi ibadah dan akhlaknya serta petunjuk bagi kehidupan dan tamadunnya. Inilah negara yang dapat meluruskan kehidupan ruhani dan jasmani manusia berasaskan risalah Islam yang universal, dan membuka pintu hijrah bagi setiap mukmin yang tinggal di negara-negara kafir dan zalim.

Negara seperti itulah yang merupakan keperluan utama bagi Islam dan seluruh umat manusia. Sebab hanya negara seperti itu sahajalah yang mampu mengemukakan contoh paling ideal tentang keharmonian hubungan antara agama dengan dunia dan ruhani dengan jasmani. Juga keselarasan yang padu antara ketinggian tamadun dengan keluhuran akhlak dan budi pekerti. Nilai-nilai mulia seperti inilah yang akan menjadi batu asas bagi berdirinya negara Islam Raya yang menyatukan seluruh umat Islam di bawah panji al-Quran dan di bawah naungan pemerintahan Islam. Tetapi seluruh kekuatan yang memusuhi Islam berusaha bersungguh-sungguh dengan mengerahkan seluruh daya upaya bagi menentang berdirinya negara Islam di sebarang permukaan bumi, betapa kecil pun negara itu dan betapa sedikit pun penduduknya.

Masyarakat Barat mungkin akan membiarkan berdirinya negara Marxis, dan masyarakat komunis mungkin akan membiarkan berdirinya negara Liberalis. Tetapi tidak seorang pun yang akan membiarkan berdirinya satu negara Islam yang murni. Mereka akan mengawasi setiap pertubuhan pergerakan Islam yang berjaya dan diterima oleh masyarakat, sebab mereka khuatir jika pergerakan tersebut dibiarkan berkembang tentu akan segera berubah menjadi negara. Oleh itu, seluruh kekuatan kafir, sama ada yang bersifat antarabangsa atau tempatan, menumpukan serangan-serangan terhadap pergerakan tersebut, berupa pengasingan, penahanan bahan makanan yang mengakibatkan kebuluran, penderaan dan juga pembunuhan. Sebelum sempat pulih dari satu penderaan mereka segera dikejutkan lagi dengan penderaan yang lain. Dengan demikian mereka akan sentiasa disibukkan dengan penderitaan-penderitaan yang membuat mereka lupa akan harapan-harapan, didera dengan kesusahan demi kesusahan yang membuat mereka lupa akan tuntutan-tuntutan, dan dilukakan sehingga lupa akan cita-cita dan kemahuan.

- **Seandainya Kita Mempunyai Pemerintahan**
  Allahyarham al-Ustaz Hasan al-Banna berkata:

  "Seandainya kita mempunyai satu pemerintahan Islam yang mengamalkan Islam secara benar, beriman dengan keimanan yang sejati, merdeka dalam pemikiran dan perlaksanaan, mengetahui keluasan khazanah ilmu yang dikandungi oleh ajaran Islam, menyedari keagungan sistem Islam yang diwariskan sejak berkurun, dan mempercayai bahawa di dalam ilmu dan sistem Islam itulah terdapatnya ubat penawar dan petunjuk bagi seluruh manusia, nescaya kita dapat memintanya untuk menunjang dunia dengan prinsip-prinsip Islam dan meminta negara-negara yang lain untuk meneliti kandungan ajarannya. Kita juga dapat meminta pemeritahan Islam itu untuk mengalihkan pandangan negara-negara lain kepada Islam, dengan cara mengutus warkah serta delegasi-delegasi pemerintahan Islam berulang kali, memuaskan hati mereka dengan dalil dan bukti-bukti yang nyata, atau sarana-sarana dakwah lain yang dianggap lebih berkesan.

"Dengan mengamalkan Islam secara sempurna pemerintahan kita akan dicontohi dan diteladani oleh negara-negara lain dari segi pembinaan ruhani dan jasmani, atau dari segi amalan kehidupan

sehari-hari serta langkah-langkah politiknya. Dan dengan cara itu pula pemerintahan kita akan dapat memperbaharui dinamika kehidupan bangsa serta mendorongnya ke arah kemuliaan dan kegemilangan dengan menanamkan semangat, kesungguhan dan kecintaan terhadap kerja dan usaha.

"Kita hairan melihat kesungguhan pemerintahan komunis dalam menyebarluaskan ajarannya. Mereka sanggup membelanjakan jumlah yang besar untuk menarik perhatian orang ramai terhadap ajarannya. Kita juga hairan melihat bagaimana kaum Fasis dan Nazi mengagungkan prinsip dan ajaran mereka. Mereka berbangga dengan aliran tersebut dan berjuang untuk menjadikan seluruh sistem kehidupan manusia mengikuti prinsip dan ajaran tersebut. Demikian pula kita saksikan pengikut berbagai-bagai aliran sosial dan politik menjadi pejuang yang sentiasa bersedia untuk menyumbangkan akal, pemikiran, tulisan, harta, usaha dan juga nyawa mereka untuk kejayaan ajaran yang dianutinya. membaktikan hidup dan mati. Mereka sepenuhnya untuk ajaran yang menjadi pegangan hidupnya.

"Tapi sayang, kita belum menemukan satu pemerintahan Islam pun yang sanggup memperjuangkan dakwah Islam. Padahal mereka tahu bahawa ajaran Islam mengumpulkan seluruh kebaikan yang terdapat pada aliran-aliran di atas dan mengetepikan seluruh keburukan yang terdapat padanya. Mereka juga tahu bahawa pada Islam terdapat jalan keluar yang jelas bagi menyelesaikan seluruh masalah kemanusiaan. Dan mereka juga tahu bahawa Islam menjadikan dakwah sebagai satu kewajipan yang harus ditunaikan oleh seluruh kaum Muslimin, sama ada pada peringkat individu ataupun pada peringkat negara. Semua perkara tentang Islam sudah mereka ketahui dengan jelas dan pasti, kerana Islam merupakan satu sistem kukuh yang telah wujud jauh sebelum munculnya sistem-sistem ciptaan manusia:

وَلْتَكُن مِّنكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ
وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنكَرِ ۚ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

Terjemahan: *Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang mungkar. Mereka itulah orang-orang yang beruntung.*

(Surah Ali Imran 3: 104)

"Bolehkah kita mengharapkan para pemimpin kita untuk melakukan perkara-perkara tersebut, sedangkan mereka semua telah diasuh dan dibesarkan oleh orang-orang asing, sehingga cara berfikir mereka pun sudah seperti orang asing? Semua pemimpin dunia Islam tergopoh-gopoh mengikuti jejak langkah orang-orang asing itu dan berlumba-lumba sesama sendiri untuk mendapatkan perhatian dan keredaan daripada mereka! Tidaklah berlebihan jika kita katakan bahawa kebebasan dalam tindakan dan pekerjaan pun tidak pernah terdetik dalam pemikiran mereka, apalagi kebebasan untuk memilih manhaj sebagai asas tindakan dan pekerjaan tersebut.

"Kami telah mencuba untuk mengemukakan harapan-harapan tersebut kepada para pemimpin di Mesir. Dan sebagaimana biasanya, harapan-harapan kami itu menjadi hampa kerana tidak mendapatkan tindak balas yang praktikal. Mereka yang telah kehilangan nilai-nilai Islam dalam diri, rumah-rumah dan kehidupan sehari-hari, tentunya tidak akan mampu menyebarkan nilai tersebut kepada orang lain, atau maju mendakwahkan orang lain untuk mengikuti jalannya. Bukankah pepatah mengatakan, "Seseorang yang tidak memiliki suatu benda tentu tidak boleh memberikan benda tersebut kepada orang lain".

"Ketahuilah wahai saudara-saudaraku, perkara ini semua tidak pernah menjadi tumpuan perhatian mereka! Pengalaman-pengalaman yang lalu membuktikan kelemahan mereka secara mutlak untuk melaksanakannya. Seharusnya kita serahkan perkara ini kepada generasi baru, sebab merekalah yang sanggup membina dan memperhalus jalan dakwah secara bersungguh-sungguh. Mereka harus didedahkan kepada kebebasan diri dan hati, kebebasan minda dan akal fikiran serta kebebasan berjihad dan berusaha. Diri mereka harus disirami dengan ketabahan berteraskan keagungan Islam dan kehebatan al-Quran. Dan kita harus mempersiapkan mereka di bawah bendera dan panji Muhammad s.a.w. Jika kita berjaya membentuk jiwa mereka, maka dalam masa dekat nescaya kita akan melihat seorang pemimpin Islam yang sanggup berjuang dengan mengorbankan dirinya demi kebahagiaan orang lain."[9]

ISLAM DAN POLITIK

Kakitangan penjajah sentiasa berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menanamkan anggapan bahawa hubungan antara Islam dengan politik ataupun negara tidak pernah wujud. Pada masa yang sama, para pejuang dakwah, di antaranya yang paling

menonjol ialah al-Ustaz Hasan al-Banna, sentiasa berusaha untuk mengajari kaum Muslimin konsep kesyumulan Islam. Mereka berusaha untuk mengembalikan kaum Muslimin kepada satu ketetapan yang sudah mapan sepanjang tiga belas abad sebelum kedatangan para penjajah yang menyerang pemikiran mereka. Para pejuang kebenaran itu berusaha menanamkan dalam diri setiap Muslim bahawa petunjuk dan syariat Islam itu universal dan merangkumi seluruh dimensi kehidupan.

Secara vertikal, ia membimbing manusia sejak dari masa kelahiran hingga ajal menjemputnya. Bahkan jika ditinjau dengan lebih teliti lagi, ia telah memberi panduan kepada manusia sebelum ia dilahirkan dan setelah kematiannya. Terbukti bahawa terdapat hukum-hakam syariah berkenaan dengan janin dan urusan manusia selepas kematiannya. Manakala secara horizontal pula kita dapati bahawa ajaran Islam membimbing setiap Muslim dalam kehidupan individu, keluarga, sosial dan politik. Islam mengajarinya segala sesuatu, bermula daripada cara beristinjak hingga tata cara memimpin satu pemerintahan serta dinamika hubungan sesama manusia dalam suasana damai dan perang.

Perjuangan para ulama tersebut mendatangkan satu hasil yang jelas. Mereka telah berjaya membentuk satu kumpulan besar yang meyakini konsep kesyumulan Islam dan berusaha menyeru manusia di seluruh ceruk penjuru dunia Islam agar kembali kepada Islam sebagai akidah yang harus diimani dan syariah yang harus dilaksanakan. Mereka juga menyeru orang ramai agar melaksanakan Islam dalam konteks agama dan negara. Para ulama tersebut juga telah berjaya mengembalikan para korban penjajahan pemikiran dan budaya ke pangkal jalan dan menerajui kebangkitan Islam dari segi pemikiran dan politik sehingga mengacau-bilaukan pertimbangan para penguasa. Perkara seumpama ini telah menggesa pelbagai pihak asing, sama ada di barat atau di timur untuk mengadakan berbagai-bagai seminar dan perhimpunan yang mengkaji fenomena baru dalam Islam ini. Berjuta-juta ringgit telah mereka belanjakan dan berbagai-bagai bentuk usaha telah mereka lakukan untuk mendapatkan hasil kajian yang diharapkan. Al-Ustaz Fahmi al-Huwaydi menyebutkan bahawa pertemuan, seminar dan perhimpunan seperti itu telah dilakukan tidak kurang dari 120 kali dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Kebangkitan Islam dari segi pemikiran dan politik inilah yang telah mendorong kaki tangan Barat beserta para hambanya untuk menahan terbitnya matahari pagi dan mengembalikan roda sejarah ke zaman penjajahan, agar mereka boleh berteriak semahunya:

tidak ada politik dalam agama, dan tidak ada agama dalam politik! Bahkan para tali barut Barat itu kini melancarkan serangan dengan memberikan gelaran 'Islam politik' kepada para pejuang kebangkitan ini. Padahal sepanjang sejarah, kaum Muslimin hanya mengenal satu Islam sahaja, iaitu Islam yang diterangkan oleh para ahli tafsir, para ahli hadith dan para pakar Usuluddin daripada berbagai-bagai mazhab. Mereka telah menjelaskan ajaran Islam ini secara terperinci mulai dari bab bersuci sehingga bab berjihad. Inilah Islam dalam akidah, syariah, al-Quran dan as-Sunnah yang digelari mereka dengan 'Islam politik'.[10]

Tujuan mereka menambahkan atribut politik kepada nama Islam ialah agar orang ramai membenci Islam. Ramai di antara kaum Muslimin di negara-negara Islam merasa 'alergik' dengan istilah politik, sebab politiklah punca utama daripada penderitaan dan musibah yang mereka alami. Tetapi apa yang dapat kita perbuat jika Islam yang disyariatkan Allah ini sememangnya bersifat politik? Apa yang boleh kita perbuat jika Islam yang dibawa oleh nabi Muhammad s.a.w. ini sememangnya merupakan agama yang menentang pembahagian kuasa kehidupan kepada kuasa manusia dan kuasa Tuhan? Bahkan agama ini secara tegas menyatakan bahawa seluruh kaisar, Firaun dan raja di bumi hanyalah hamba kepada Allah!

Seorang penulis penyokong Barat menggesa agar kita melepaskan diri daripada Kitab Tuhan kita, sunnah nabi kita, ijma' umat kita dan petunjuk warisan pemikiran kita, untuk selanjutnya menerima Islam moden bagi menyenangkan hati tuan-tuan besar di seberang lautan sana.

Mereka juga menginginkan agar kita mengikuti Islam rohani yang berpuas hati hanya dengan membaca al-Quran di sisi orang-orang mati dan bukan kepada orang-orang yang hidup. Mereka ingin agar kita mengambil berkat dari usaha menghiasi dinding masjid dengan ayat-ayat al-Quran, atau membuka acara-acara pertemuan dengan melaungkan bacaan al-Quran, tetapi membiarkan para kaisar dan para raja memerintah semahunya dan berbuat sekehendaknya!

Islam sebagaimana yang terkandung dalam al-Quran dan as-Sunnah dan dikenal baik oleh umatnya dahulu dan sekarang ialah Islam yang sempurna dan tidak menerima sebarang pembahagian dalam pedoman dan ajarannya. Itulah Islam dengan dimensi rohani, moral, pemikiran, pendidikan, jihad, sosial,, ekonomi dan politiknya. Islam memiliki matlamat-matlamat tersendiri pada setiap segi daripada unsur-unsur tersebut, sebagaimana Islam juga

memiliki hukum-hukum dan peraturan tersendiri berkenaan dengannya.

Kita patut mendengar ulasan Imam Hasan al-Banna mengenai hubungan antara agama dan politik:

> "Jarang sekali kita temukan orang yang berbicara mengenai politik dan Islam. Kalaupun ada biasanya dia akan memisahkan di antara kedua-dua unsur tersebut. Dia akan meletakkan kedua-dua unsur tersebut dalam dua konsep yang berasingan. Dengan demikian orang ramai beranggapan bahawa kedua-duanya merupakan dua unsur yang tidak dapat dipertemukan dan disatukan. Oleh itu, ramai di antara pertubuhan Islam dinamakan sebagai pertubuhan bukan politik atau perhimpunan agama bukan politik. Bahkan saya sendiri pernah membaca dalam peraturan undang-undang pertubuhan Islam serta metodologinya, bahawa sebarang pertubuhan Islam tidak boleh mendedahkan diri kepada masalah-masalah politik. Sebelum membahas betul atau salahnya pendapat ini, saya ingin mengalihkan pandangan kita kepada dua perkara penting berikut:

Pertama: Terdapat perbezaan yang jauh antara menjadi ahli dalam satu parti politik dengan praktik politik itu sendiri. Kedua-dua makna tersebut boleh menyatu atau terpisah dalam diri seseorang. Seseorang mungkin sahaja bersifat politik dalam tindak-tanduk dan perbuatannya meskipun dia bukan ahli sebarang parti politik, dan seseorang yang lain pula menjadi ahli kepada satu pertubuhan politik padahal dia tidak memiliki sebarang pengetahuan tentang politik. Tetapi ada pula orang lain yang memiliki jiwa politik dan menjadi ahli kepada satu parti politik. Dalam pemahaman saya yang dimaksudkan dengan politik ialah praktik politik secara murni, iaitu memperhatikan urusan-urusan dalaman dan luaran umat tanpa terikat dengan sebarang parti.

Kedua: Semasa orang-orang di luar Islam menyedari kewujudan unsur tersebut di dalam Islam dan mengetahui bahawa ia telah tertanam di dalam jiwa para pengikutnya yang beriman kepada risalahnya dan bersedia untuk mengorbankan harta dan nyawanya demi membelanya, mereka berusaha untuk tidak melukakan perasaan umat Islam dengan tidak merendahkan nama, bentuk dan kriteria Islam. Tetapi pada masa yang sama mereka berusaha untuk mempersempit kandungan makna dan wawasannya, sehingga hilanglah seluruh kekuatan-kekuatan praktikal di dalamnya.

Akhirnya yang tersisa hanyalah sebutan-sebutan dan gelaran-gelaran yang tidak mendatangkan sebarang manfaat. Mereka berjaya menanamkan pemahaman dalam hati kaum Muslimin bahawa Islam dan permasalahan sosial merupakan dua entiti yang berbeza, Islam dan hukum berasingan, Islam dan ekonomi berjauhan, Islam dan pengetahuan umum bersempadan jauh dan Islam merupakan satu perkara yang harus diketepikan daripada politik.

Wahai ikhwan, jika Islam itu tidak ada hubungan sama sekali dengan masalah politik, sosial, ekonomi dan budaya, maka beritahu kepada saya apakah Islam itu? Apakah yang dimaksudkan dengan Islam itu hanyalah rukuk-rukuk yang dilakukan dengan hati yang tidak khusyuk? Atau lafaz-lafaz istighfar yang menurut Rabi'ah Adawiyah memerlukan istighfar lainnya? Wahai ikhwan, hanya untuk ini sahajakah al-Quran yang mengandungi sistem yang sempurna dan terperinci itu diturunkan?

وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ تِبْيَٰنًا لِّكُلِّ شَىْءٍ وَهُدًى
وَرَحْمَةً وَبُشْرَىٰ لِلْمُسْلِمِينَ ﴿٨٩﴾

Terjemahan: *Dan Kami turunkan kepadamu al-Kitab (al-Quran) untuk menjelaskan segala sesuatu, (juga) sebagai petunjuk, rahmat dan khabar gembira bagi orang-orang yang berserah diri.*

(Surah an-Nahl 16: 89)

Musuh-musuh Islam sememangnya berusaha untuk sentiasa meletakkan pemikiran kaum Muslimin dalam makna-makna yang lemah dan wawasan-wawasan yang sempit. Kemudian mereka mempersendakan kita dengan mengatakan, "Telah kami berikan kepadamu kebebasan beragama, dan telah tertulis di dalam undang-undang bahawa Islam ialah agama rasmi negara.

"Wahai ikhwan, terus terang saya nyatakan sejelas-jelasnya dari atas mimbar ini bahawa Islam adalah sesuatu yang berbeza daripada wawasan-wawasan sempit yang diciptakan musuh-musuhnya untuk mengurung dan mengekang pemikiran umat Islam. Islam merangkumi urusan akidah dan ibadah, tanah air dan kebangsaan. Islam bersedia untuk bertasamuh tetapi sanggup pula menghadapi sebarang cabaran dengan kekuatan. Islam mengandungi aspek moral dan kebendaan, kebudayaan dan undang-undang. Islam menuntut setiap Muslim untuk mengambil berat tentang apa jua perkara yang menimpa umatnya. Sesiapa yang

tidak mempedulikan hal-ehwal umat Islam maka dia tidak tergolong di dalamnya.

"Saya yakin bahawa demikianlah pemahaman para salaf yang telah mendahului kita terhadap Islam. Mereka telah menjadikan Islam sebagai landasan hukum, berjuang di bawah panji Islam, bermuamalah dalam peraturan-peraturannya, dan di bawah bayang-bayang Islamlah mereka melaksanakan segala aktiviti keduniaan sesudah melaksanakan urusan-urusan akhirat. Semoga Allah menurunkan rahmatnya kepada khalifah pertama yang begitu yakin dengan keuniversalan al-Quran sehingga berkata, "Seandainya aku kehilangan seutas tali unta, nescaya ia akan kutemukan di dalam kitab Allah."[11]

Dr. Diya al-Din seorang pakar sejarah terkenal berkata dalam bukunya *Teori-Teori Politik Islam*:

> "Tidak terdapat sebarang keraguan untuk mengatakan bahawa sistem yang dibina oleh Rasulullah s.a.w. dan para sahabat di Madinah, jika ditinjau dari segi praktikal dan diukur dengan ukuran-ukuran politik pada masa sekarang ini merupakan satu politik praktikal dengan seluruh makna yang terkandung di dalam perkataan tersebut. Hal ini tidak menafikan hakikat bahawa ia juga merupakan agama, jika ditinjau dari segi matlamat-matlamat, motivasi-motivasi serta landasan rohaninya. Oleh itu, sistem dan ajaran Islam dapat dikategorikan kepada dua kriteria di atas pada masa yang sama: politik secara praktikal dan agama. Sebab, pada hakikatnya Islam itu adalah agama yang universal dengan kombinasi harmoni antara kebendaan dan kerohanian dan meliputi seluruh amal perbuatan manusia di dunia dan di akhirat. Bahkan falsafah Islam itu sendiri secara amnya telah menggabungkan kedua-dua perkara dan tidak menerima sebarang pemisahan kecuali sekadar perbezaan pendapat yang tidak dapat dihindari. Adapun pada hakikatnya, ia tetap merupakan satu kesatuan yang padu dan saling memerlukan sehingga mustahil dipisahkan antara satu dengan yang lain.

Demikianlah akidah setiap Muslim sejak dahulu dan demikian pulalah tabiat semula jadi Islam yang sangat jelas dan tidak memerlukan sebarang keterangan ataupun bukti yang lebih kuat lagi. Fakta sejarah tentunya sudah cukup untuk menjelaskan seluruh fenomena tersebut. Para orientalis yang tidak hidup di dalam lingkungan Islam pun kini sudah mula mengetahuinya.

Sayang sekali masih lagi terdapat orang-orang Islam yang ingin dikenali sebagai 'pembaharu' mengingkari hakikat dan fakta ini secara terang-terangan. Mereka mengisytiharkan bahawa Islam itu hanyalah kegiatan dakwah agama.[12] Tujuan mereka menyatakan hal tersebut adalah untuk menimbulkan kesan bahawa Islam itu hanyalah satu keyakinan atau hubungan kerohanian antara seorang inidividu dengan Tuhannya. Ia tidak berhubungan sama sekali dengan urusan-urusan keduniaan seperti masalah-masalah perang dan urusan harta benda, terutama sekali masalah politik. Di antara ucapan mereka ialah: "Agama itu merupakan satu perkara, dan politik merupakan satu perkara yang lain."

Tidak sesuai rasanya kita ungkapkan pendapat para ulama Islam untuk membantah mereka, sebab mereka sememangnya tidak akan puas dengan jawapan ulama. Juga tidak sesuai jika kita kemukakan kepada mereka fakta-fakta sejarah, sebab boleh jadi mereka menjadi sombong dan meremehkan fakta sejarah tersebut. Tetapi cukuplah kita kemukakan beberapa ungkapan para sarjana orientalis berkenaan dengan perkara tersebut. Mereka telah menyatakan pendapat mereka dalam bahasa yang jelas dan tegas. Tujuan kita mengutip pendapat para sarjana orientalis ini ialah kerana 'para pembaharu' itu tidak akan sanggup untuk mengaku lebih pandai daripada mereka dalam ilmu pengetahuan moden. Mereka juga tidak boleh mengaku lebih mampu menggunakan metodologi perbahasan ilmiah moden. Inilah sebahagian ungkapan para orientalis itu:

1. Dr. V. Fitzgerald berkata:
   Islam itu bukan sekadar agama, tetapi ia juga merupakan satu sistem politik. Meskipun pada dekad terakhir ini muncul sekelompok orang Islam yang mengaku berfikiran moden dan berusaha untuk memisahkan kedua-dua unsur (agama dan politik), namun kedua-dua unsur tersebut telah terbina secara kukuh dan tidak dapat dipisahkan antara satu dengan yang lain.[13]

2. Profesor C. A. Nallino berkata:
   Muhammad telah berjaya mengasaskan agama dan negara dalam satu masa yang sama. Kedua-dua unsur tersebut sentiasa berdampingan secara harmoni dalam kehidupannya.[14]

3. Dr. Schacht berkata:
Oleh kerana Islam itu bukan hanya sekadar agama, maka ia juga mengandungi teori-teori hukum dan politik. Penggabungan antara agama dan negara menjadikan Islam sebagai satu sistem yang sempurna.[15]

4. Profesor R. Strothmann berkata:
Islam itu merupakan satu fenomena agama dan politik. Sebab pengasasnya ialah seorang nabi.Tetapi pada masa yang sama baginda juga merupakan seorang pakar politik yang bijaksana dan seorang negarawan yang handal.[16]

5. Profesor D. B. Mc Donald berkata:
Di bandar Madinah inilah bermulanya satu pemerintahan Islam yang pertama yang berjaya mengasaskan prinsip-prinsip asas perundangan Islam.[17]

6. Sir Thomas Arnold berkata:
Nabi Muhammad s.a.w. ialah seorang nabi dan pada masa yang sama baginda juga seorang ketua agama dan ketua negara.[18]

7. Manakala Profesor Gibb pula berkata:
Islam bukan sekadar keyakinan-keyakinan agama secara individu, tetapi Islam menuntut berdirinya satu masyarakat merdeka yang memiliki sistem pemerintahan, penataan hukum dan perundangannya yang tersendiri.[19]

Sesiapa yang tidak berpuas hati kecuali dengan pendapat orang Barat, maka semoga ungkapan-ungkapan di atas dapat meruntuhkan kesombongannya.

NOTA BAHAGIAN PERTAMA

1 Di antara para ulama yang menolak pemikiran tersebut ialah al-Allamah al-Mujahid as-Syeikh Muhammad al-Khidr Hussain, bekas rektor al-Azhar, dalam kitabnya *Naqdhu Kitab al-Islam Wa Ushul al-Hukm*. Juga Mufti Mesir pada masa itu as-Syeikh Muhammad Bakhit al-Muti'iy.

2 Lihat buku saya *al-Khasais al-Ammah Lil Islam*, bab Syumul al-Islam.

3 Sebagai ganti kepada berhijrah ke negara Islam pada masa sekarang ini ialah menggabungkan diri ke dalam jamaah Islam yang berjuang untuk mendirikan negara Islam. Ia merupakan satu kewajipan ke atas setiap individu Muslim sesuai dengan kemampuan yang dimilikinya.

4 Diriwayatkan oleh Ishak bin Rahawaih dalam Musnadnya daripada Suwaid bin Abdul Aziz. Ia Dha'if. Juga daripada Ahmad bin Muni' dengan para perawi yang thiqah. Demikian dikatakan oleh al-Busiri dalam al-Athaf. Lihat kitab: *al-Matalib al-Aliyah* oleh Ibn Hajar dengan ulasan as-Syeikh Habiburrahman al-A'zami, diterbitkan oleh Awqaf al-Kuwait, jilid 4, hadith no. 4408. Ia diriwayatkan pula oleh at-Tabrani. Di antara perawinya terdapat Yazid bin Murthid. Nama ini tidak pernah di dengar oleh Muadz tetapi dithiqahkan oleh Ibn Hibban dan lain-lain dan didha'ifkan oleh jamaah. Ada pun para perawi yang lainnya adalah thiqah. Lihat kitab *Majma' az-Zawaid* oleh al-Haithami, jilid 5, ms. 238.

5 *As-Siyasah as-Shar'iyyah*, di antara kandungan buku *Majmu' Fatawa Syeikhul Islam Ibn Taimiyah*, jilid 28, ms.390-391.

6 *Majmu' al-Fatawa*, jilid 28, ms. 264.

7 *Ihya' Ulumuddin*, bab Ilmu, jilid 1, ms. 71.

8 *Mukaddimah Ibn Khaldun*, ulasan Dr. Abdul Wahid Wafi, jilid 2, ms. 518, cetakan Lajnah al-Bayan al-Arabi.

9 *Majmu' ar-Rasail* al-Imam as-Syahid Hasan al-Banna, ms. 196-197.

10 Lihat jawapan terhadap tuduhan tersebut dalam bab keempat daripada buku ini bertajuk *Islam Politik*.

11 Risalah Muktamar Pelajar al-Ikhwan al-Muslimun.

12 Di antara mereka yang memasarkan pendapat seperti ini ialah Dr. Ali Abdur Raziq, bekas hakim mahkamah syariah di Mansurah dan bekas menteri urusan wakaf, dalam bukunya terbitan tahun 1925 bertajuk *al-Islam Wa Ushul al-Hukm*. Kita akan bentangkan pendapatnya beserta jawapan kita terhadap tuduhan-tuduhannya secara lebih terperinci dalam bab-bab berikut. (Untuk lebih jelas lagi lihat: bab keempat daripada buku ini bertajuk: *Jawapan Terhadap Tuduhan Kaum Modernis*) Juga sebahagian daripada ulasan Dr. ar-Reis.

13 *La Muhammedan*, ch, l., P.

14 Arnold, Thomas, *The Caliphate*, hal. 198, Oxford, 1924.

15 *Encyclopaedia of Social Sciences*, vol. VIII, hal. 333.

16 *The Encyclopaedia of Islam*, vol. IV, hal. 350.

17 *Development of Muslim Theology; Jurisprudence and Constitutional Theory*, New York, hal. 67.

18 Arnold, Thomas, *The Caliphate*, hal. 30.

19 *Muhammedanism*, hal. 3, 1949.

BAHAGIAN 2

Kriteria Negara Yang Dibina Oleh Islam

Tidak diragukan bahawa di samping berusaha membina keperibadian individu yang salih, keluarga yang salih dan masyarakat yang salih, Islam juga berusaha membina negara yang salih. Negara menurut konsep Islam tidak sama dengan konsep negara-negara sebagaimana yang dikenali dunia, sama ada sebelum atau sesudah kemunculan Islam. Sebaliknya ia merupakan satu konsep istimewa yang berbeza dengan konsep-konsep negara yang lain dalam manhaj, asas-asas pembinaan serta kriteria-kriterianya.

NEGARA MADANI DENGAN ISLAM SEBAGAI SUMBER RUJUKAN

Negara Islam bukanlah merupakan satu negara agama atau negara teokrasi yang memerintah atas nama Tuhan dan dengan sewenang-wenangnya menindas jasmani dan rohani manusia. Ia juga bukan merupakan satu negara yang dikuasai oleh para pemimpin agama yang mengaku mewakili kehendak Tuhan di muka bumi dan melaksanakan ketentuan langit terhadap penduduk bumi. Apa yang mereka halalkan atau haramkan di bumi maka demikianlah hukumnya di langit!

Pada hakikatnya negara Islam merupakan satu negara madani yang memerintah atas dasar-dasar hukum Islam dan berdiri di atas baiat dan shura. Para pemimpin dalam negara itu dipilih dari golongan orang-orang yang berkelayakan, kuat memegang amanah,

dapat dipercaya dan berpengetahuan luas. Sesiapa yang tidak memiliki potensi untuk memimpin, tidak berpengetahuan luas, tidak amanah dan tidak boleh dipercaya maka ia tidak layak untuk memimpin. Kecualilah dalam keadaan kecemasan (darurat) yang membolehkan dilakukannya perkara-perkara terlarang (mahzurat).

Dalam pemahaman yang sahih dan perlaksanaannya yang lurus Islam tidak mengenal adanya golongan pemuka agama. Sebab dalam Islam setiap Muslim merupakan pemimpin terhadap urusan agamanya masing-masing. Islam mengiktiraf kewujudan para ulama yang mendalami ilmu-ilmu agama secara mendalam. Tetapi kedudukan mereka dalam Islam serupa dengan para sarjana dalam pendidikan moral, falsafah, hukum sosial dan bidang-bidang keilmuan yang lain.

Kewajipan para ulama dan sarjana itu terhadap negara ialah memberikan nasihat dan pandangan yang merupakan kewajipan setiap Muslim sama ada selaku pemimpin atau orang awam. Jika memberi nasihat dan bimbingan diwajibkan terhadap kalangan awam, maka terhadap para ulama dan sarjana yang merupakan golongan khas tentulah ia lebih diwajibkan lagi. Dengan mengambil berat terhadap nasihat-nasihat mereka diharapkan negara boleh berjalan di atas landasan Islam yang sahih, mampu menegakkan yang hak dan meruntuhkan yang batil, serta sanggup untuk menguatkuasakan pengharaman atau penghalalan terhadap setiap perkara.

Para ulama tersebut juga berkewajipan untuk menyeru kepada yang makruf dan mencegah terjadinya kemungkaran dengan cara yang berhikmah serta dengan memberikan teladan yang baik. Mereka tidak boleh merasa takut terhadap cacian dan makian manusia dalam menegakkan agama Allah.

Negara Islam sudah sepatutnya menyokong mereka dalam menunaikan kewajipan memberi nasihat, berdakwah dan beramar makruf nahi mungkar. Para ulama itu juga harus diikutsertakan dalam institusi perundangan tertinggi. Setiap usaha untuk menggubal rang undang-undang serta sistem-sistem baru harus dirujukkan kepada mereka supaya tidak timbul perkara-perkara yang bercanggah dengan Islam dan boleh mengetepikan al-Quran daripada kekuasaan. Itulah yang diperingatkan dalam hadith nabi s.a.w.

Jika hal itu terlaksana maka ilmu dan pemerintahan akan berjalan secara beriringan, dan tidak timbul pemisahan yang sering berlaku pada fasa-fasa sejarah masa silam yang membuat para ulama berdiri di satu kubu, manakala para pemimpin dan penguasa

berdiri di kubu yang lain. Para pemimpin pada fasa itu tidak boleh didekati kecuali oleh para penyair yang membuat sajak-sajak dan puisi untuk memuji-muji mereka. Bahkan seorang pemimpin Islam seharusnya memiliki pengetahuan yang luas tentang syariah dan menguasai ilmu fiqh hingga ke peringkat ijtihad. Demikianlah teladan kepimpinan para khulafa' ar-Rashidin dan pemimpin-pemimpin lain yang mengikuti manhaj mereka. Mereka bukan hanya pemimpin, tetapi mereka juga merupakan ulama dan pakar ijtihad. Oleh itu, para fuqahak telah meletakkan satu syarat bagi para pemimpin dan para hakim, iaitu kemampuan untuk berijtihad. Mereka tidak menerima pemimpin yang tidak memiliki kelayakan tersebut kecuali dalam keadaan kecemasan dan darurat.

Negara Islam bukanlah merupakan satu negara teokrasi, tetapi pada masa yang sama ia juga bukan negara sekular, sama ada sekular dalam pemahaman komunis yang mengingkari agama secara mutlak, memusuhinya dan menganggapnya sebagai racun masyarakat yang dibina di atas khayalan-khayalan, atau sekular mengikut pemahaman liberal Barat yang mengetepikan agama dari urusan-urusan negara sehingga ia tidak lagi berpengaruh terhadap kehidupan masyarakat dari segi politik, ekonomi, budaya, pendidikan, moral dan tradisi. Dunia liberal ala Barat ini sebenarnya mengiktiraf kewujudan Tuhan, tetapi mereka merasa tidak memerlukan-Nya dan tidak mahu memberikan sebarang peluang kepada ajaran-Nya dalam pembentukan sistem kehidupan. Demikianlah yang telah dijelaskan oleh Muhammad Asad dalam bukunya "Islam di Persimpangan Jalan".

Negara Islam merupakan negara yang menegakkan hukum-hukum langit di muka bumi dan menjaga agar manusia melaksanakan perintah Allah dan berhenti daripada melakukan perkara yang dilarang-Nya. Negara seperti inilah yang akan berdiri teguh dengan pertolongan Allah. Negara lain yang tidak melaksanakan perintah ini tidak layak lagi untuk terus bertahan dalam kewujudannya.

Firman Allah:

وَلَيَنصُرَنَّ ٱللَّهُ مَن يَنصُرُهُۥٓ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَقَوِىٌّ
عَزِيزٌ ﴿٤٠﴾ ٱلَّذِينَ إِن مَّكَّنَّٰهُمْ فِى ٱلْأَرْضِ أَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ
وَءَاتَوُا۟ ٱلزَّكَوٰةَ وَأَمَرُوا۟ بِٱلْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا۟ عَنِ ٱلْمُنكَرِ ۗ

Terjemahan: *Sesungguhnya Allah pasti menolong orang yang menolong (agama)Nya. Sesungguhnya Allah benar-benar Maha Kuat lagi Maha Perkasa. (Iaitu) orang-orang yang jika kami teguhkan kedudukan mereka di muka bumi nescaya mereka mendirikan solat, menunaikan zakat, menyuruh berbuat yang makruf dan mencegah dari perbuatan mungkar.*

(Surah al-Hajj 22: 40-41)

NEGARA ISLAM IALAH NEGARA BERDIMENSI ANTARABANGSA

Negara Islam bukanlah merupakan negara yang berdiri di atas asas kesukuan dan perkauman. Ia tidak didirikan di atas kawasan dan sempadan geografi tertentu. Tetapi negara Islam ialah satu negara yang terbuka bagi setiap orang yang beriman kepada prinsip-prinsip ajarannya secara suka rela tanpa sebarang paksaan. Ia merupakan negara berskala antarabangsa, sebab ia memiliki misi dan matlamat untuk mewujudkan kesejahteraan di seluruh dunia. Di dalam negara ini seluruh perbezaan suku bangsa, bahasa dan warna kulit dilebur menjadi satu. Perpaduan di antara penduduk diikat dengan pertalian yang lebih kuat daripada suku bangsa, bahasa dan warna kulit, iaitu pertalian iman kepada Tuhan yang satu serta tata cara kehidupan yang serupa. Perpaduan ini menjadikan mereka berjaya membentuk satu bangsa yang berdiri di atas kalimah at-tauhid dan tauhid al-kalimah (kesatuan pendapat).

Negara Islam yang bersifat antarabangsa ini boleh sahaja bermula daripada satu pemerintahan pada kawasan tertentu yang penduduknya telah memilih Islam sebagai syariah dan manhaj kehidupan serta ingin melihat pandangan-pandangan Islam menjadi kenyataan. Untuk itu mereka sanggup menghadapi pelbagai serangan, sama ada secara terang-terangan ataupun tersembunyi. Bahkan mereka juga bersedia menghadapi embargo dan tekanan secara fizikal atau spritual. Jika keteladanan tersebut dicontohi oleh beberapa kawasan lain yang turut pula mendirikan negara Islam, maka perlu segera dibentuk negara kesatuan yang mempaukan antara kawasan-kawasan tersebut. Dengan cara ini sahajalah khilafah Islamiyah yang didambakan dan diwajibkan ke atas kaum Muslimin untuk membinanya boleh didirikan. Dan dengan cara ini jualah kita boleh mematahkan setiap rintangan yang menghadang.

Khilafah Islamiyah bukan hanya merupakan hukum dan peraturan yang wajib diterapkan ke dalam satu daerah, tetapi ia

juga wajib diterapkan terhadap setiap bangsa. Negara Islam berdiri di atas tiga prinsip:

1. Kesatuan negara. Meskipun negara Islam itu terdiri daripada beberapa kawasan dan wilayah, ia tetap merupakan negara kesatuan untuk umat yang satu.

2. Kesatuan dalam sumber rujukan hukum tertinggi, iaitu al-Quran dan as-Sunnah.

3. Kesatuan dalam kepimpinan pusat yang diwakili oleh seorang pemimpin besar ataupun seorang khalifah yang memimpin negara kaum Mukminin dengan ajaran dan perundangan Islam.

Ini tidak bererti bahawa negara Islam tidak menerima orang-orang kafir untuk tinggal di atas buminya. Sebaliknya, negara Islam menerima kehadiran mereka dengan tangan terbuka dan bersedia untuk melindungi mereka. Dengan syarat mereka dapat menerima hukum sivil daripada syariah Islam. Manakala dalam perkara-perkara lain yang berkaitan dengan keyakinan, ibadah dan masalah-masalah peribadi mereka bebas sepenuhnya untuk berbuat sesuai dengan yang diperintahkan oleh agama mereka.

NEGARA ISLAM MERUPAKAN NEGARA HUKUM

Negara Islam merupakan negara berpengalaman atau negara hukum yang memiliki asas undang-undang tertentu. Undang-undangnya berbentuk prinsip-prinsip dan hukum-hakam syariah sebagaimana yang terkandung di dalam al-Quran al-Karim dan dijelaskan secara lebih terperinci di dalam as-Sunnah an-Nabawiyah. Ia mencakup seluruh aspek akidah, ibadah, muamalah, moral, hubungan antara peribadi dengan peribadi atau antara masyarakat dengan masyarakat, masalah-masalah jenayah, pentadbiran, perlembagaan dan negara.

Dalam menjalankan hukum dan undang-undang tersebut negara tidak boleh mencari dan memilih alternatif lain selain daripada apa yang telah ditetapkan Allah. Perlaksanaan terhadap hukum dan undang-undang itulah yang menjadi ukuran keislaman dan bukti keimanan satu negara.

Firman Allah:

وَأَنِ ٱحْكُم بَيْنَهُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَآءَهُمْ وَٱحْذَرْهُمْ
أَن يَفْتِنُوكَ عَنۢ بَعْضِ مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ إِلَيْكَ ۖ فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَٱعْلَمْ
أَنَّمَا يُرِيدُ ٱللَّهُ أَن يُصِيبَهُم بِبَعْضِ ذُنُوبِهِمْ ۗ وَإِنَّ كَثِيرًا مِّنَ ٱلنَّاسِ
لَفَٰسِقُونَ ﴿٤٩﴾ أَفَحُكْمَ ٱلْجَٰهِلِيَّةِ يَبْغُونَ ۚ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ ٱللَّهِ
حُكْمًا لِّقَوْمٍ يُوقِنُونَ ﴿٥٠﴾

Terjemahan: *Dan hendaklah kamu memutuskan perkara di antara mereka menurut apa yang diturunkan Allah, dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu mereka. Dan berhati-hatilah kamu terhadap mereka, supaya mereka tidak memalingkan kamu daripada sebahagian yang telah diturunkan Allah kepadamu. Jika mereka berpaling (daripada hukum yang telah ditetapkan Allah), maka ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah akan menimpakan musibah kepada mereka disebabkan sebahagian dosa-dosa mereka. Dan sesungguhnya kebanyakan manusia adalah orang-orang yang fasik. Apakah hukum jahiliyah yang mereka kehendaki, dan hukum siapakah yang lebih baik daripada (hukum) Allah bagi orang-orang yang yakin?*

(Surah al-Maidah 5: 49-50)

Firman Allah:

... وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْكَٰفِرُونَ

Terjemahan: *Dan sesiapa yang tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah,maka mereka itu ialah orang-orang yang kafir.*

(Surah al-Maidah 5: 44)

Firman Allah:

... وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ

Terjemahan: *Dan sesiapa yang tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu ialah orang-orang yang zalim.*

(Surah al-Maidah 5: 45)

Firman Allah:

...وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَٰسِقُونَ

Terjemahan: *Sesiapa yang tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu ialah orang-orang yang fasik.*

(Surah al-Maidah 5: 47)

Ayat-ayat di atas diturunkan dengan lafaz-lafaz am, kerana itu ia mencakup kaum Muslimin dan ahli kitab secara keseluruhan, meskipun sebenarnya ia diturunkan berkenaan dengan ahli kitab. Kaedah usul fiqh mengatakan 'pertimbangan hukum itu diambil menurut umumnya (kandungan makna) lafaz, bukan kerana sebab-sebab khas' (al-Ibrah bi 'umum al-lafzi, La bi khusus as-sabab). Tidak dapat dibayangkan jika Allah telah menghukum orang-orang Yahudi dan Nasrani yang tidak melaksanakan hukum Allah sebagai kafir, zalim atau fasik, dan membiarkan orang Islam yang melakukan perkara serupa. Keadilan Allah itu satu dan tidak berbelah bagi, dan segala apa yang diturunkan Allah kepada Muhammad s.a.w. tidaklah berbeza dengan apa yang diturunkan Allah kepada Musa ataupun Isa a.s.

Keteguhan negara dalam berpegang kepada undang-undang syariahlah yang memberinya kedaulatan hukum dan menjadikannya layak untuk menerima bantuan dan kerja sama dari seluruh masyarakat dalam keadaan senang dan susah, sempit ataupun lapang. Adapun jika negara menyeleweng dari jalan syariah yang lurus ia akan kehilangan kuasa hukum, manakala masyarakat pula terlepas daripada kewajipan untuk mematuhinya. Sebab kepatuhan itu hanya diwajibkan dalam memenuhi perkara-perkara yang makruf dan tidak ada kepatuhan bagi manusia yang melakukan kemaksiatan terhadap Allah. Sabda Rasulullah s.a.w. dalam satu hadith muttafaqun 'alayhi:

« السمع والطاعة حق على المرء المسلم فيما
أحب وكره، ما لم يؤمر بمعصية، فإذا أمر
بمعصية فلا سمع ولا طاعة » متفق عليه

Maksudnya: *Kepatuhan dan ketaatan merupakan kewajipan setiap diri Muslim dalam sebarang perkara yang dia sukai atau tidak sukai, selagi dia tidak diperintahkan untuk berbuat maksiat. Jika ia diperintahkan untuk berbuat maksiat maka tidak ada lagi kepatuhan dan ketaatan.*

(Muttafaqun 'alayhi)

Dalam ucapannya semasa dilantik menjadi khalifah, Abu Bakar as-Siddiq berkata:

"Patuhilah saya selagi saya mentaati Allah dalam (mentadbir urusan)mu. Jika saya telah berbuat maksiat kepada-Nya maka tidak wajib lagi bagi kamu untuk mematuhi saya."

Jika sesetengah negara moden dewasa ini merasa bangga dengan kesungguhannya dalam menjalankan hukum dan undang-undang, maka negara Islam seharusnya memiliki kesungguhan yang utuh dalam berpegang teguh kepada undang-undang syariah dan tidak boleh menyeleweng daripadanya. Sebab ia merupakan dasar dan rujukan utamanya bagi mendapatkan keredhaan Allah dan kerelaan manusia.

Syariah bukanlah satu undang-undang yang diciptakan oleh negara. Sebaliknya ia difardhukan ke atas negara oleh kuasa yang lebih tinggi daripadanya. Oleh itu, negara tidak boleh menukar dan menggantinya sekehendak hati, kecuali jika negara itu tidak mahu lagi disebut sebagai negara Islam.

Bentuk dan nama negara tidaklah begitu penting dalam negara Islam. Tetapi dalam sejarahnya kaum Muslimin telah menyebut negara Islam sebagai Imamah atau Khilafah. Kedua-dua makna tersebut memiliki pengertian yang dalam.

Imamah bermaksud kepimpinan yang dipatuhi. Manusia wajib mematuhinya dan belajar daripadanya. Perkataan ini diambil dari perkataan 'imam' dalam solat. Hasan al-Basri mendefinisikan imam yang adil sebagai seorang pemimpin yang menjadi penengah antara Allah dengan para hamba-Nya. Dia mendengar apa yang datang daripada Allah dan memperdengarkannya kepada manusia. Dia melihat apa yang datang daripada Allah dan memperlihatkannya kepada manusia. Dia tunduk patuh kepada Allah dan memimpin manusia dalam kepatuhan serta ketaatan kepada-Nya.

Setiap kali mengutus para gabenor ke kawasan-kawasan tertentu, Umar bin Khattab mengisytiharkan tugas dan kewajipan mereka di hadapan khalayak ramai. Beliau berkata kepada mereka,

"Saya mengutus mereka bukanlah supaya mereka boleh bebas memukul orang-orang lemah, atau merampas harta benda. Tetapi saya mengutus mereka sebagai guru dan pendidik."

Khilafah bermaksud perwakilan yang mengatas namakan Rasulullah s.a.w dalam menjaga urusan agama, politik dan dunia dengan cara-cara yang telah dicontohkan oleh baginda s.a.w. Demikianlah definasi yang diberikan oleh At-Tiftazani, Ibn Khaldun dan para ulama yang lain.

Imam atau Khalifah ialah seorang ketua negara. Sebagaimana tabiat manusia, imam atau khalifah boleh benar dan berlaku baik atau boleh pula salah dan berlaku buruk. Kaum Muslimin berkewajipan untuk menyokong dan membantunya jika ia benar dan berlaku baik. Dan mereka wajib pula untuk menyanggahnya jika ia salah dan bersikap buruk terhadap mereka. Begitulah yang dinyatakan oleh khalifah pertama pada ucapan perlantikannya.

Oleh itu seorang imam atau khalifah bukanlah seorang yang maksum atau suci. Dia juga bukan seseorang yang kebal daripada tuntutan hukum. Jawatan yang diberikan kepadanya merupakan tugas dan tanggungjawab dan bukan merupakan satu pemuliaan. Khalifah Umar bin Abdul Aziz telah berucap semasa dilantik:

> "Wahai sekalian manusia, sesungguhnya saya hanyalah seorang biasa seperti kamu. Tetapi Allah telah menjadikan beban dan tanggung jawab saya lebih berat daripada kamu semua."

Berapa ramai para khalifah yang terpaksa hadir ke mahkamah dan duduk di hadapan hakim bersama dengan saingannya. Bahkan sejarah mencatat nama beberapa orang hakim yang menjatuhkan hukuman ke atas khalifah serta memenangkan seorang Yahudi atau seorang Nasrani dari golongan ahli zimmah. Hakim Syuraih pernah menjatuhkan keputusan yang menyebelahi orang Yahudi dan mengalahkan amirul mukminin Ali bin Abi Talib dalam satu kisah yang masyhur.

Yang tidak akan disoal serta diminta pertanggung jawapan hanyalah Allah sahaja. Sesuai dengan firman-Nya:

لَا يُسْـَٔلُ عَمَّا يَفْعَلُ وَهُمْ يُسْـَٔلُونَ

Terjemahan: *Dia (Allah) tidak ditanya tentang apa yang diperbuat-Nya, dan merekalah yang akan ditanyai.*

(Surah al-Anbiya' 21: 23)

Maknanya seluruh makhluk selain daripada Allah s.w.t. akan ditanya tentang apa yang telah diperbuat dan akan dihisab atas setiap perkataan yang telah diucapkan. Bahkan Rasulullah s.a.w. sendiri, di luar daripada ketentuan wahyu yang diturunkan, sentiasa menerima soalan dan cadangan. Dan sering pula baginda meninggalkan pendapatnya sendiri untuk mengambil pendapat para sahabat yang lain. Pernah baginda mengutus Abu Hurairah agar menyampaikan kepada manusia bahawa sesiapa yang mengucapkan 'La Ilaha Illallah' akan masuk syurga. Umar bin Khattab khuatir seluruh manusia tidak mahu lagi beramal dan bertawakal sahaja dengan mengucapkan kalimah tersebut. Maka beliaupun menemui Rasulullah s.a.w. seraya berkata: "Ya Rasulullah, saya khuatir mereka akan bertawakal sahaja dan tidak mahu lagi beramal. Biarkanlah mereka terus beramal." Rasulullah s.a.w. pun bersabda: "Ya, biarkanlah mereka beramal." Dengan demikian Rasulullah telah meninggalkan pendapat peribadinya dan beralih kepada pendapat Umar r.a.

Sejarah juga mencatat bagaimana Rasulullah s.a.w. menarik balik pendapatnya pada Perang Khandaq selepas ditentang oleh dua orang sahabat: Sa'ad bin Muaz dan Sa'ad bin Ubadah. Dan dalam Perang Badar pula Rasulullah cenderung kepada pendapat al-Habbab bin al-Munzir berbanding pendapatnya sendiri. Setelah mengetahui bahawa tempat persinggahan pertama yang diusulkan Rasulullah ternyata hanyalah pendapat peribadi dan bukan didasari oleh wahyu, al-Habbab mengemukakan cadangan yang menurutnya lebih baik dan Rasulullah bersetuju dengan pendapat beliau itu dan melaksanakannya.

Dalam Islam seorang pemimpin merupakan wakil bagi seluruh umat, bahkan boleh pula disebut sebagai pekerja upahan. Hak umat terhadapnya serupa dengan hak seseorang yang diwakili terhadap orang yang mewakili, atau hak seorang tuan terhadap seorang pekerja yang diupahnya.

Abu Muslim al-Khulani, seorang tabi'in dan ulama fiqh termasyhur yang kuat berzuhud pernah memasuki istana khalifah Muawiyah bin Abu Sufyan seraya memberi salam, "Assalamu alaikum, wahai ajir (pekerja upahan)!" Orang-orang yang berada di sekeliling khalifah pun marah dan menyuruhnya untuk mengulangi salamnya dengan: Assalamu alaikum, wahai amir (pemimpin). Beliau mengulangi salamnya tetapi tetap mengucapkan perkataan 'ajir'. Akhirnya Muawiyah pun berkata: "Biarkanlah Abu Muslim itu. Beliau lebih mengerti tentang apa yang diucapkannya."

Abu al-Ala' mengungkapkan kemarahannya terhadap para pemimpin di zamannya di dalam baris-baris puisi berikut:

Alangkah menjemukannya kedudukan itu!
Berapa ramai kusaksikan bangsa
diperintah oleh para pemimpin yang tidak mempedulikan nasib mereka.
Kezaliman serta tipuan terhadap rakyat sudah menjadi perkara biasa
Mereka ketepikan kesejahteraan rakyat, padahal mereka adalah buruh upahan rakyat!

NEGARA ISLAM DIASASKAN ATAS MUSYAWARAH, BUKAN ATAS KUASA RAJA

Negara Islam bukanlah satu negara yang konstitusinya diasaskan atas kuasa seorang kaisar atau raja. Ia juga bukan negara yang berdiri di atas sistem warisan turun temurun, di mana kekuasaan hanya beredar pada satu dinasti yang mewarisinya dari bapa ke anak sehingga ke cucu-cicit, tanpa mengira sama ada yang mendapatkan warisan tersebut ialah seorang yang salih atau seorang manusia yang paling sesat akidahnya dan paling rosak mental dan moralnya.

Kita harus mengerti bahawa ilmu, kebijaksanaan serta keistimewaan-keistimewaan lainnya bukanlah merupakan perkara yang boleh diwariskan secara genetik. Berapa ramai kita melihat ibu bapa yang salih namun anaknya rosak. Allah telah berfirman mengenai anak cucu Ibrahim dan Ishak a.s.

وَبَٰرَكْنَا عَلَيْهِ وَعَلَىٰٓ إِسْحَٰقَ ۚ وَمِن ذُرِّيَّتِهِمَا مُحْسِنٌ وَظَالِمٌ لِّنَفْسِهِۦ مُبِينٌ

Terjemahan: *Kami limpahkan keberkatan ke atasnya dan atas Ishak. Dan di antara anak cucunya ada yang berbuat baik dan ada (pula) yang zalim terhadap dirinya sendiri dengan cara yang nyata.*

(Surah as-Saffat 37: 113)

Allah berfirman kepada Ibrahim a.s.:

إِنِّى جَاعِلُكَ لِلنَّاسِ إِمَامًا ۖ قَالَ وَمِن ذُرِّيَّتِى ۖ قَالَ لَا يَنَالُ عَهْدِى ٱلظَّٰلِمِينَ

Terjemahan: *"Sesungguhnya Aku akan menjadikanmu Imam bagi seluruh manusia." Ibrahim berkata: "(Dan saya mohon juga) daripada keturunanku." Allah berfirman: "Janji-Ku (ini) tidak mengenai orang-orang yang zalim."*

(Surah al-Baqarah 2: 124)

Negara Islam menjalankan sistem-sistem terbaik yang terdapat pada sistem demokrasi, tetapi itu tidak bererti bahawa negara Islam merupakan salinan daripada sistem demokrasi barat. Ia serupa dengan demokrasi Barat dari segi memberi kebebasan kepada rakyat untuk memilih sendiri pemimpin yang mereka sukai. Mereka tidak boleh dipaksa untuk menerima pemimpin yang tidak mereka sukai. Ia juga serupa dari segi tanggung jawab pemimpin di hadapan majlis perwakilan dan majlis permusyawaratan. Bahkan majlis berkuasa memecatnya daripada kedudukannya dengan serta merta jika terbukti menyeleweng, berlaku curang dan tidak mahu lagi menerima nasihat. Bahkan, dalam Islam setiap anggota masyarakat, sama ada lelaki atau perempuan, boleh terus menasihati pemimpin dan menyerunya kepada yang makruf atau mencegahnya dari berbuat kemungkaran, tidak kira apapun kedudukan dan jawatannya dalam masyarakat tersebut. Firman Allah:

وَٱلْمُؤْمِنُونَ وَٱلْمُؤْمِنَٰتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَآءُ بَعْضٍ ۚ يَأْمُرُونَ
بِٱلْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ

Terjemahan: *Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka menjadi penolong kepada sebahagian yang lain. Mereka menyuruh (mengerjakan) perbuatan yang makruf dan mencegah kemungkaran.*

(Surah at-Taubah 9: 71)

Meskipun demokrasi barat memiliki kelebihan-kelebihan, tetapi ia tidak memiliki sebarang prinsip yang membatasinya atau nilai-nilai yang menjadi landasan kehidupannya. Hal ini membuat para wakil rakyat boleh sahaja bersepakat untuk menghapuskan nilai-nilai murni dan menggantinya dengan perkara-perkara yang keji. Ketiadaan ikatan-ikatan dan landasan yang kukuh juga membuat mereka bebas untuk menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal. Diberitakan bahawa ahli parlimen Inggeris boleh merubah atau menetapkan apa sahaja. Mereka hanya tidak mampu merubah perempuan menjadi lelaki atau lelaki menjadi perempuan.

Kita dapat melihat sendiri bagaimana demokrasi di Amerika telah membuat mereka menghalalkan peminuman arak dan mengizinkan perniagaan dan pengilangannya. Padahal para pakar telah mengesahkan kesan negatif daripada arak yang membahayakan ekonomi dan moral individu, keluarga dan masyarakat. Lebih dari itu, demokrasi di Barat ternyata turut mengesahkan perkahwinan antara lelaki dengan lelaki atau perempuan dengan perempuan.

Berbekalkan suara majoriti atau dengan helah menuruti kemahuan rakyat, sistem demokrasi di Barat mampu meruntuhkan seluruh nilai-nilai murni, termasuk nilai demokrasi itu sendiri. Inilah yang membuat seorang cendekiawan Arab berkata:

> "Demokrasi itu memiliki taring dan kuku-kuku yang tajam. Ia boleh menjadi lebih kejam daripada kediktatoran."

Kita tidak menafikan kebaikan-kebaikan yang terdapat pada demokrasi Barat. Tetapi kita sendiri melihat bahawa sistem tersebut sering digunakan untuk membela kepentingan sesetengah kelompok yang kuat. Tidak hairanlah, jika kita saksikan sistem demokrasi di sana membenarkan praktik riba dan monopoli yang dapat memberikan faedah tambahan kepada golongan kaya dan berharta. Padahal kedua-dua perkara itu terbukti telah menambahkan kesengsaran golongan lemah dalam masyarakat.

Pada dasarnya demokrasi merupakan sistem pemerintahan daripada rakyat, dengan kuasa rakyat dan untuk kemaslahatan rakyat. Tetapi yang sering berlaku dalam praktiknya ialah ramai para pemimpin dalam negara-negara demokrasi tersebut tidak mewakili aspirasi rakyat dan tidak memperjuangkan kesejahteraan rakyat. Bahkan sebaliknya mereka berjuang demi kepentingan peribadi, kepentingan parti dan demi kekuatan berpengaruh yang menyokongnya dari belakang. Sebabnya ialah demokrasi tidak pernah menjadikan kriteria moral sebagai persyaratan utama bagi orang-orang yang terpilih ataupun orang-orang yang memilih.

Di sinilah letak keistimewaan sistem shura yang diperjuangkan oleh negara Islam. Syura memiliki had-had dan batasan yang tidak boleh dilanggar. Akidah dan keimanan Islam, nilai-nilai akhlak serta hukum-hukum Islam merupakan penunjang utama negara Islam yang diterima dengan rela hati oleh masyarakat dan dijadikan sebagai landasan kehidupan mereka. Syura, parlimen atau kerajaan tidak berhak sama sekali untuk mempersoalkan asas-asas tersebut, terlebih lagi menggubal atau memansuhkannya. Sebab, asas-asas tersebut merupakan ketetapan Allah. Ketetapan Allah tidak boleh

dinafikan oleh manusia, sebagaimana penafian Allah pula tidak boleh ditetapkan oleh manusia!

Manakala pengundi dalam pandangan Islam merupakan seorang saksi. Oleh itu, syarat untuk menjadi pengundi serupa dengan syarat untuk menjadi saksi, iaitu sentiasa bersikap adil dan berkelakuan baik dalam kehidupan sehari-hari.

Firman Allah:

وَأَشْهِدُوا۟ ذَوَىْ عَدْلٍ مِّنكُمْ

Terjemahan: *Dan persaksikanlah dua orang yang adil di antara kamu.*

(Surah at-Talaq 65: 2)

Firman Allah:

مِمَّن تَرْضَوْنَ مِنَ ٱلشُّهَدَآءِ

Terjemahan: *Daripada saksi-saksi yang kamu redhai*

(Surah al-Baqarah 2: 282)

Seorang saksi juga harus memberikan pendapat dengan sejujurnya bila dikehendaki dalam pilihan raya. Ia tidak boleh menyembunyikan apa-apa yang hendak diutarakannya. Firman Allah:

وَمَن يَكْتُمْهَا فَإِنَّهُۥٓ ءَاثِمٌ قَلْبُهُۥ

Terjemahan: *Sesiapa yang menyembunyikannya maka ia adalah seseorang yang berdosa terhadap hatinya (sendiri)*

(Surah al-Baqarah 2: 283)

Firman Allah:

وَلَا يَأْبَ ٱلشُّهَدَآءُ إِذَا مَا دُعُوا۟

Terjemahan: *Janganlah saksi-saksi itu enggan (memberi kenyataan) apabila mereka dipanggil.*

(Surah al-Baqarah 2: 282)

Manakala orang-orang yang dipilih pula haruslah merupakan seorang yang kuat menjaga amanah dan berpengetahuan,[1] atau yang kuat dan jujur.[2] Jika tidak terdapat sifat-sifat tersebut di dalam dirinya, ia harus segera turun untuk memberikan peluang

kepada yang lain. Menganggap kecil perkara yang serius ini akan mempercepat kehancuran umat. Seperti yang diungkapkan dalam satu hadith:

« إذا ضُيِّعَت الأمانة فانتظروا الساعة » قيل:
وكيف إضاعتها؟ قال: « إذا وُسِّدَ الأمر إلى
غير أهله فانتظر الساعة » رواه البخاري

Maksudnya: *"Jika amanah dihilangkan maka tunggulah masa kehancurannya." Sahabat berkata: "Bagaimana amanah itu dihilangkan wahai Rasulullah?" Baginda bersabda: "Jika satu perkara diserahkan kepada seseorang yang bukan ahlinya maka tunggulah kehancurannya."*

(Riwayat al-Bukhari)

Hujah Dr. as-Shawi, "Perlu rasanya saya sebutkan di sini huraian Profesor Dr. Taufik as-Shawi dalam surat khabar *al-Wafdu*, terbitan Kaherah, 11 September1986. Dalam makalahnya itu Dr. as-Shawi telah membela aliran Islam dan membantah tuduhan Profesor Khalid Muhammad Khalid. Makalah itu turut pula menerangkan keutamaan negara Islam atas negara demokrasi. Beliau berkata:

> "Keistimewaan konsep negara Islam ini boleh dilihat dari dua segi. Pertama, sistem Islam telah lebih dahulu muncul untuk menetapkan prinsip-prinsip ini, lebih seribu tahun sebelum kemunculan sistem-sistem ciptaan manusia. Kedua, ketetapan-ketetapan Islam dalam perkara ini telah sampai kepada peringkat kesempurnaan yang tidak pernah dicapai oleh sebarang sistem demokrasi moden. Bahkan dijangkakan sistem ciptaan manusia itu tidak akan pernah mampu menyainginya di masa hadapan, meskipun kita beri masa seribu tahun lagi.

"Di antara contoh keistimewaan prinsip-prinsip negara Islam yang kita yakini keunggulannya berbanding sistem demokrasi moden ialah:

1. Kedaulatan prinsip syariah lebih unggul berbanding kedaulatan prinsip undang-undang demokrasi. Sebab, dalam demokrasi

kekuasaan lembaga legislatif dalam menetapkan hukum tidak terhad. Mereka sendirilah yang memutus dan menetapkan hukum dan tidak ada sebarang ikatan yang menghalangi hak-hak mereka dalam perkara tersebut. Sama ada lembaga legislatif tersebut dipegang oleh parlimen, ketua negara, institusi ketenteraan atau pihak sivil. Manakala dalam Islam, syariah merupakan kuasa legislatif tertinggi yang kuasa hukumnya meliputi seluruh lapisan jentera politik. Tidak ada satu lembaga atau institusi pun yang boleh memansuhkan hukum-hukum syariah atau mengetepikannya.

Dengan demikian, Islam menjadi sistem politik yang mampu meletakkan had-had terhadap kuasa majoriti yang memerintah. Prinsip seperti inilah yang sedang dicari-cari oleh para sarjana hukum dan undang-undang moden. Mereka berusaha menyimpulkan satu prinsip am yang luhur yang mereka namakan sebagai 'undang-undang semula jadi'. Mereka menghendaki agar sebarang lembaga legislatif yang menetapkan hukum patuh terhadap undang-undang tersebut dan tidak melanggar sempadan-sempadannya. Di antara contoh 'undang-undang semula jadi' ini ialah pengisytiharan hak-hak manusia. Sayangnya, sehingga kini mereka tidak pernah menemukan sebarang cara untuk melindungi undang-undang tersebut daripada serangan orang-orang yang berjalan di luar jalur hukum. Akhirnya prinsip undang-undang yang ditubuhkan oleh para sarjana dan ahli falsafah itu terbiar dan tidak dipraktikkan oleh lembaga-lembaga legislatif atau lembaga-lembaga politik, sama ada yang bersifat kediktatoran, ketenteraan dan lain sebagainya.

Islam telah mempraktikan undang-undang luhur tersebut secara tegas sejak lebih dari seribu tahun yang lalu dengan menjadikan al-Quran yang diturunkan Allah sebagai dasar konstitusinya. Dengan demikian prinsip-prinsip luhur dalam undang-undang Islam itu tidak hanya teguh dan mapan, tetapi juga suci, kekal, kukuh dan dilindungi oleh kekuatan iman kepada Allah. Oleh itu, ia telah menghasilkan berbagai-bagai hasil praktikal yang besar dan tidak dapat dipaparkan di sini.

2. Prinsip kedaulatan umat dalam negara Islam mengatasi prinsip kedaulatan rakyat dalam demokrasi moden. Kedaulatan rakyat dalam demokrasi moden bererti kekuasaan penduduk dalam satu negara tertentu. Sayangnya kedaulatan tersebut masih lagi bergantung sepenuhnya kepada kebijaksanaan

pemerintahan tempatan yang boleh sahaja mengesahkan kedaulatan rakyat tersebut atau malah mengekang kebebasannya dan memperlakukannya secara sewenang-wenang. Sedangkan dalam Islam kedaulatan umat membabitkan seluruh umat Islam di pelbagai ceruk penjuru dunia. Hanya ijma' (kesepakatan) dari umat yang besar ini sahajalah (atau kesepakatan para wakil umat yang terdiri dari para ulama dan para mujtahid sahaja) yang ditetapkan dan diperakui sebagai hukum syariah. Seluruh bangsa yang berdiri di bawah panji Islam atau berbicara atas namanya wajib menghormati kesepakatan (ijma') tersebut, sebab ia merupakan kedaulatan dan kesepakatan seluruh umat Islam.

Umat dengan pengertian dan sifatnya yang besar ini sahaja yang dapat menetapkan peraturan dan hukum berdasarkan ijma'nya. Umat merupakan kuasa legislatif yang memiliki kedaulatan hukum. Sebarang pemimpin atau sebarang dewan yang mewakili bangsa tertentu daripada umat ini tidak berhak untuk menentukan hukum. Kalau pun satu bangsa tertentu daripada umat yang besar ini dibenarkan untuk melaksanakan kedaulatan, sifat daripada kedaulatan itu adalah terhad dan berada di bawah ijma' umat sebagai pemilik kedaulatan tertinggi.

3. Prinsip pemisahan bidang kuasa antara berbagai-bagai lembaga dalam Islam jauh lebih bagus berbanding teks-teks konstitusi yang telah ditetapkan oleh sistem demokrasi moden. Islam memisahkan bidang kuasa lembaga-lembaga yang memegang kuasa hukum dengan lembaga-lembaga yang berkecimpung dalam bidang politik, bermula daripada pemisahan bidang kuasa kepala negara dengan parlimennya, sehingga kepada pemisahan bidang kuasa antara lembaga-lembaga perwakilan dengan lembaga-lembaga administratif yang lain.

Dalam negara Islam lembaga hukum berdiri sendiri secara bebas dan tidak mendapat sebarang tekanan daripada lembaga perwakilan. Perkara tersebut tidak pernah terjadi dalam sistem demokrasi, sama ada pada masa kini atau pada zaman dahulu. Konsep negara Islam merupakan sesuatu yang unik dan tidak dapat ditemukan bandingannya di seluruh dunia. Negara tidak boleh mengatalam bahawa undang-undang ditetapkan atas kehendak negara, sebagaimana yang tertera pada hampir seluruh buku undang-undang manusia dahulu dan kini. Dalam negara Islam,

seorang kepala negara tidak mungkin mengeluarkan sebarang hukum atas nama dirinya sendiri, sama ada dia seorang pemimpin yang adil atau seorang diktator.[3] Hal ini tentunya jauh berbeza dengan negara-negara moden; setiap orang yang berjaya memegang tampuk kekuasaan negara bebas untuk menggubal dan merubah undang-undang dan konstitusi-konstitusi am mengikut kehendaknya sendiri.

Di samping itu, kita tidak boleh menafikan bahawa demokrasi telah berjaya melepaskan masyarakat daripada cengkeraman kuku para penindas, dengan cara memberikan jaminan kepada perlaksanaan hukum, memisahkan bidang kuasa lembaga-lembaga, memberikan kebebasan kepada dunia akhbar, mewujudkan pelbagai parti dan menyedarkan rakyat akan hak-hak mereka di hadapan para pemimpin. Dengan cara itulah demokrasi telah berjaya mengembalikan semangat golongan lemah, mengukuhkan kebebasan rakyat am untuk mengutarakan pendapat menerusi parlimen dan perwakilan rakyat serta memberikan kebebasan kepada akhbar dan organisasi-organisasi bukan kerajaan.

Negara Islam berkewajipan untuk mengambil manfaat daripada pengalaman tersebut. Ia juga harus mempelajari seluruh segi yang dapat memperkuat prinsip 'shura' demi menghalang kemaraan para penindas dan para pelampau. Bahkan jika perlu ia harus mencegah kemunculan unsur-unsur tersebut dalam masyarakat. Sesuai dengan kaedah Usul Fiqh 'Saddu al-Zari'ah' (menghalang berlakunya perkara yang boleh menyebabkan terjadinya kerosakan) atau kaedah *Ma La Yatim al-Wajib Illa Bihi Fa Huwa Wajib* (Setiap perkara yang menjadi punca kesempurnaan bagi perkara yang wajib, maka hukumnya pun wajib).

NEGARA ISLAM IALAH NEGARA HIDAYAH

Negara Islam menurut perspektif ulama besar Abu al-Hasan Ali an-Nadawi ialah negara hidayah. Ia dinamakan demikian kerana sebahagian besar perhatiannya tertumpu kepada pengembangan dakwah dan penyampaian risalah Islam ke seluruh ceruk penjuru dunia. Risalah dan dakwah Islamiyah merupakan rahmat Allah kepada seluruh manusia. Oleh itu, siapa pun tidak boleh menghalangi sampainya rahmat Allah tersebut kepada para hamba-Nya.

Rasulullah s.a.w. telah memulakan misi dakwah tersebut dengan menghantar warkah kepada para raja dan penguasa dunia. Pada hari ini, negara-negara yang mengaku sebagai pendukung

Islam dan memiliki sarana yang lengkap harus berani menghadapi pelbagai cabaran dalam memperdengarkan suara Islam ke seluruh dunia. Jika mereka enggan melaksanakan misi tersebut, maka mereka bertangung jawab terhadap berjuta-juta atau berbilion-bilion manusia yang sehingga kini belum pernah mendengar sebarang hakikat kebenaran mengenai Islam, atau mengenalinya hanya secara sepintas lalu sahaja. Dan yang lebih penting lagi, negara Islam harus menyampaikan keterangan serta bukti-bukti yang nyata kepada sebahagian masyarakat yang terlanjur salah faham terhadap Islam. Kesalahfahaman mereka itu lebih banyak mendatangkan mudarat kepada mereka berbanding manfaat. Mereka memahami Islam yang sudah ditokok-tambah sehingga terkeluar daripada ajaran-ajarannya yang asal. Kefahaman mereka terhadap Islam seperti itulah yang membuat mereka mengemukakan kebenaran dalam bentuk kebatilan, atau memaparkan kebatilan atas nama kebenaran.

Tugas negara Islam ialah menunjukkan manusia jalan kepada Allah dan menyingkirkan seluruh rintangan yang menghalangi jalan Islam. Negara Islam harus menyampaikan kebenaran tersebut dengan konteks bahasa yang sesuai dengan zaman dan alam mereka agar dapat mudah diterima dan difahami. Al-Quran berkata:

وَمَآ أَرۡسَلۡنَا مِن رَّسُولٍ إِلَّا بِلِسَانِ قَوۡمِهِۦ لِيُبَيِّنَ لَهُمۡ

Terjemahan: *Kami tidak mengutus seorang rasul pun kecuali dengan bahasa kaumnya, supaya ia dapat memberi penjelasan dengan terang kepada mereka.*

(Surah Ibrahim 14: 4)

Bahasa manusia pada abad ke-15 Hijriah tentu berbeza dengan bahasa mereka pada abad ke-13 atau abad ke-12. Kita harus menyedari perbezaan-perbezaan ini agar kita dapat berkomunikasi dengan manusia menerusi bahasa yang mereka fahami. Cara dan sarana yang mereka ingkari sebaik-baiknya kita tinggalkan agar mereka tidak lari daripada kebenaran Islam dengan mendustakan Allah dan Rasul-Nya.

Salah seorang gabenor mengutus surat kepada khalifah Umar bin Abdul Aziz untuk menceritakan keresahannya akibat ramainya orang-orang ahli zimmah yang masuk Islam sehingga jatuhlah kewajipan mereka untuk membayar jizyah, manakala kewajipan zakat pula hanya dapat dikutip setelah setahun daripada masa mereka memeluk Islam. Gabenor itu mengesyorkan agar fardhu

jizyah diteruskan ke atas mereka yang baru masuk Islam demi mendapatkan harta yang boleh menjaga kemaslahatan belanjawan negara. Apakah jawapan khalifah Umar bin Abdul Aziz kepadanya?

Jawapan Umar Ibn Abdul Aziz sangat singkat, tetapi dapat menerangkan misi risalah negara Islam. Beliau menjawab surat gabenor itu seraya berkata: "Buruk sekali pandangan anda di sisi Allah! Sesungguhnya Allah mengutus Muhammad s.a.w. sebagai seorang penunjuk kepada jalan hidayah, bukan sebagai pengutip cukai!"

Itulah dia risalah hidayah yang menjadi misi terpenting negara Islam. Semasa sebahagian negara menyibukkan diri dengan mengumpulkan harta sebanyak mungkin daripada saku-saku rakyat dengan apa jua cara. Negara Islam pula menyibukkan diri dalam menyampaikan hidayah dan petunjuk Allah kepada manusia, seramai mungkin. Islam mengajarkan bahawa seorang Muslim, yang menyebabkan sampainya hidayah Allah kepada seorang manusia akan memperolehi pahala yang lebih berharga berbanding seluruh benda yang disinari matahari sejak dari mula terbit hingga terbenam.

NEGARA ISLAM IALAH NEGARA YANG MELINDUNGI KAUM LEMAH

Negara Islam merupakan negara yang melindungi hak-hak kaum yang lemah. Ia menguatkuasakan kewajipan zakat dan mengambilnya dari golongan kaya untuk diserahkan kepada tangan orang-orang miskin. Bahkan negara Islam juga berkewajipan untuk memberikan hak anak-anak yatim, orang-orang miskin dan para musafir yang kehabisan bekal daripada sumber-sumber yang lain. Firman Allah:

كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنكُمْ

Terjemahan: *Supaya harta itu tidak beredar di kalangan orang-orang kaya sahaja di antara kamu.*

(Surah al-Hasyr 59: 7)

Khalifah pertama Abu Bakar as-Siddiq berkata dalam ucapan perlantikannya:

"Ketahuilah bahawa orang yang kuat di antara kalian menjadi lemah di hadapanku sehingga aku dapat mengambil hak orang lain daripadanya, dan orang yang lemah di antara kalian menjadi kuat di hadapanku sehingga aku mengambil hak untuknya."

Inilah negara adil yang akan menolong orang-orang tertindas dan teraniaya di muka bumi, yang akan berjuang bersama golongan lemah untuk membebaskan mereka dari dipijak oleh kaki para penguasa dan dicengkam kuku para penindas yang telah buta mata hatinya akibat tamakkan harta dan kekuasaan.

وَمَا لَكُمْ لَا تُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ الرِّجَالِ
وَالنِّسَاءِ وَالْوِلْدَانِ الَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا أَخْرِجْنَا مِنْ هَٰذِهِ الْقَرْيَةِ
الظَّالِمِ أَهْلُهَا وَاجْعَلْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ وَلِيًّا وَاجْعَلْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ
نَصِيرًا ﴿٧٥﴾

Terjemahan: *Mengapa kamu semua tidak mahu berperang di jalan Allah dan (membela) orang-orang yang lemah, sama ada lelaki, wanita mahupun kanak-kanak, yang semuanya berdoa: "Wahai Tuhan kami, keluarkanlah kami daripada negeri ini yang zalim penduduknya. Berilah kami pelindung dari sampingMu, dan berilah kami penolong dari sisi-Mu.*

(Surah an-Nisa' 4: 75)

Tidak ada agama seperti Islam yang menyedarkan golongan lemah akan hak-hak mereka dan melindungi mereka daripada penindasan para penguasa. Padahal ramai di antara orang-orang yang miskin dan lemah itu tidak mengetahui bahawa mereka mempunyai hak di dalam harta orang-orang kaya. Mereka tidak menyedarinya kerana terlalu lama mewarisi penindasan dan kezaliman tersebut secara turun-temurun, sehingga ia dipraktikkan sebagai satu kaedah dan prinsip yang asal dalam masyarakat. Prinsip tersebut baru dapat dihancurkan ketika Islam tiba untuk menjelaskan kepada seluruh manusia bahawa asas-asas keadilan yang terkandung di dalam kitab Allah telah menuntut golongan yang kuat untuk melindungi kaum yang lemah, sehingga mereka mendapatkan hak-hak rohani dan kebendaan secara sempurna.

Islam telah menetapkan langkah-langkah bagi membebaskan para hamba sahaya secara bertahap. Salah satu caranya ialah dengan menjadikan 1/8 bahagian daripada harta zakat untuk tujuan membebaskan hamba sahaya. Pada zaman khalifah Umar bin Abdul Aziz, salah seorang gabenor yang bertugas di Afrika melaporkan bahawa dia tidak menemukan seorang fakir miskin pun untuk diberikan kepadanya harta zakat. Maka khalifah menyuruhnya untuk membeli para hamba sahaya dan membebaskan mereka dengan serta-merta.

Islam telah menetapkan hak-hak fakir miskin dalam harta orang-orang kaya secara jelas dan tegas. Orang-orang kaya tidak dibiarkan untuk memberikan sedekah menurut kadar yang mereka kehendaki. Tetapi mereka diikat dengan kewajipan zakat yang menjadi salah satu unsur daripada rukun Islam. Ia boleh diambil secara paksa jika orang-orang kaya enggan menyerahkan hak-hak fakir miskin yang terdapat pada hartanya. Bahkan negara Islam wajib mengangkat senjata untuk memerangi kelompok yang menentang fardhu zakat secara terang-terangan. Demikianlah yang telah dilakukan oleh khalifah Islam Abu Bakar as-Siddiq r.a. Bila mendengar keengganan sekelompok kaum untuk membayar zakat, beliau marah dan berkata: "Demi Allah, jika mereka enggan menyerahkan tali pengikat unta yang dahulu biasa mereka serahkan kepada Rasulullah s.a.w. nescaya aku perangi mereka!"

Zakat bukan merupakan satu bantuan kecemasan dengan membayar sejumlah wang atau beberapa kilogram beras sahaja. Matlamat di sebalik zakat sebetulnya ialah merealisasikan kehidupan yang sempurna bagi fakir miskin dan kaum keluarganya, dengan memenuhi segala keperluan asas mereka berupa makanan, pakaian, tempat tinggal, perubatan, pendidikan dan lain-lain, tanpa berlebih-lebihan atau terlampau dibatasi. Bahkan Imam as-Syafi'i berpendapat bahawa bahagian yang harus diserahkan kepada fakir miskin daripada harta zakat ialah sejumlah harta yang cukup untuk memenuhi keperluannya seumur hidup, sehingga dia tidak meminta-minta lagi. Perkara ini telah kami jelaskan secara terperinci dalam buku kami "Fiqh Zakat" dan "Masalah Kemiskinan dan Cara Islam Mengatasinya".

Islam melindungi hajat orang-orang yang sedang memerlukan, seperti orang-orang yang terikat dengan hutang dan para musafir yang kehabisan bekal dalam perjalanan. Sebagaimana Islam juga menumpukan sepenuh perhatian dalam al-Quran dan as-Sunnahnya terhadap masalah kanak-kanak yatim piatu. Islam menjaga keselamatan diri mereka agar tidak terlantar, terbiar dan disia-

siakan kehidupannya. Manakala terhadap anak yatim yang memiliki harta, undang-undang Islam melindungi harta tersebut agar tidak hilang dan digunakan secara sewenang-wenang.

Al-Quran al-Karim berkata:

وَلَا تَقْرَبُوا مَالَ الْيَتِيمِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ حَتَّىٰ يَبْلُغَ أَشُدَّهُ

Terjemahan: *Dan janganlah kamu semua menghampiri harta anak yatim kecuali dengan cara yang paling baik, hingga ia sampai dewasa.*

(Surah al-An'am 6: 152)

Al-Quran memerintahkan kita untuk menggunakan cara yang paling baik dalam mengurus atau mengembangkan harta anak yatim. Oleh itu, jika terdapat dua cara dalam mengurus dan mengembangkan harta anak yatim, salah satunya baik dan yang lain pula lebih baik, maka hanya cara yang terbaik yang boleh digunakan.

Banyak sekali sabda-sabda Nabi s.a.w. yang menggesa kita untuk memberikan perlindungan dan perhatian terhadap hak-hak kaum lemah dengan cara yang tidak pernah dikenali orang sebelum itu. Islam melindungi golongan lemah dalam berbagai-bagai kriterianya. Islam memberikan perlindungan kepada golongan lemah yang tidak memiliki harta benda, seperti kaum fakir miskin, orang-orang yang tidak memilki kebebasan seperti para hamba sahaya, tidak memiliki negeri seperti para musafir dan para pengongsi, tidak memiliki orang tua seperti anak yatim, tidak memiliki suami seperti para janda, atau golongan yang tidak memiliki kekuatan seperti warga tua dan kanak-kanak.

Apabila mendapati bahawa Sa'ad bin Abi Waqqas kurang memperhatikan hal-ehwal golongan yang lemah, Rasulullah s.a.w. bersabda kepada beliau:

«وهل ترزقون وتنصرون إلا بضعفائكم؟»

رواه البخاري

Maksudnya: *Tidakkah kamu mengetahui, bahawa kamu semua memperolehi rezeki dan kemenangan disebabkan kerana (wujudnya) kaum yang lemah di antara kamu.*

(Riwayat al-Bukhari)

Saya berpendapat bahawa hadith ini cuba untuk menjelaskan dekatnya kedudukan kaum yang lemah dengan Allah s.w.t. Keikhlasan dan ketidakberdayaan mereka membuat Allah menurunkan keberkatan dan kemenangan kepada umat ini. Kemudian kaum yang lemah ini sebenarnya merupakan tulang belakang bagi sektor pengeluaran pada masa damai. Golongan tersebut membentuk satu kekuatan besar berupa tenaga kerja yang dapat dimanfaatkan dalam sektor-sektor industri dan produksi. Manakala dalam keadaan perang pula mereka merupakan tulang belakang yang dapat mewujudkan kemenangan. Sebab golongan tersebutlah yang dengan rela hati mendaftarkan diri menjadi tentera untuk berjuang, semasa orang-orang kaya berfikir dua tiga kali untuk meninggalkan hartanya.

Abu Said al-Khudri meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

«لا قدست أمة لا يعطى الضعيف فيها حقه

غير متعتع» رواه أبو يعلى

Maksudnya: *Tidak disucikan satu umat selagi mereka belum memberikan hak kaum yang lemah tanpa diiringi dengan perkataan yang menyakitkan.*

(Riwayat Abu Ya'la, Qabus bin al-Mahariq dan at-Tabrani)

Mu'awiyah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

«لا يقدس الله أمة لا يقضي فيها بالحق

ويأخذ الضعيف حقه من القوي غير متعتع»

رواه الطبراني

Maksudnya: *Allah tidak mensucikan satu umat selagi mereka tidak menjalankan hukuman secara hak dan selagi kaum yang lemah tidak mengambil hak mereka daripada kaum yang kuat tanpa sebarang tekanan.*

(Riwayat at-Tabrani)

Rabi'ah bin Yazid meriwayatkan bahawa Mu'awiyah pernah menulis surat kepada Maslamah bin Makhlad untuk bertanya kepada Abdullah bin Amru bin al-Ash sama ada beliau pernah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

« لا قدست أمة لا يأخذ ضعيفها حقه من

قويها، وهو غير مضطهد »

Maksudnya: *Allah tidak mensucikan satu umat selagi kaum yang lemah tidak mampu mengambil haknya daripada kaum yang kuat tanpa sebarang tekanan.*

"Jika beliau berkata, ya, maka sampaikanlah utusan kepadaku yang membawa jawapan tersebut." Maka Maslamah pun pergi untuk bertanya kepada Abdullah bin Amru bin Al-Ash dan beliau menjawab, "ya". Maka dikirim seorang utusan daripada Mesir ke Syam untuk menyampaikan jawapan tersebut. Bila mendengar jawapan yang disampaikan oleh utusan itu Mua'wiyah r.a. berkata: "Sesungguhnya aku pun pernah mendengarnya, tetapi aku ingin mengesahkan pendengaranku itu."

Terdapat beberapa riwayat yang menerangkan bahawa Nabi s.a.w. telah menyampaikan ucapan yang serupa, sehingga dapat disimpulkan bahawa baginda mungkin telah mengucapkannya berulang kali.

Ibn Mas'ud meriwayatkan, semasa Rasulullah s.a.w. sampai ke Madinah baginda memberikan sebahagian harta kepada Ibn Mas'ud dan kepada para sahabat yang lain. Sebahagian sahabat berkata, "Ya Rasulullah, jauhkanlah ia daripada kami." Maka Rasulullah pun menjawab,

« فلما بعثني الله إذا؟ إن الله لا يقدس أمة لا

يعطون الضعيف منهم حقه » رواه الطبراني

Maksudnya: *"Jadi untuk apa Allah telah mengutus saya? Sesungguhnya Allah tidak mensucikan satu umat selagi mereka tidak memberikan hak orang-orang yang lemah di antara mereka."*

(Riwayat at-Tabrani)

Buraidah meriwayatkan bahawa Rasulullah pernah bertanya kepada Ja'far r.a. semasa beliau kembali daripada Habasyah, "Apakah perkara paling menarik yang pernah engkau lihat semasa di sana?" Beliau berkata, "Saya pernah melihat seorang wanita berjalan dengan menjunjung makanan di atas kepalanya. Tiba-tiba seorang penunggang kuda lalu di hadapannya dengan memecut

kudanya sehingga lari dengan kencangnya. Perempuan itu pun duduk untuk mengambil kembali makanannya (yang terjatuh) seraya berkata, "Celakalah engkau kelak, bila Allah telah meletakkan 'Kursi-Nya (singgahsana-Nya), dan Dia akan merampas daripada penzalim hak orang yang dizalimi." Maka Rasulullah s.a.w. membenarkan perkataan itu seraya bersabda:

« لا قدست أمة لا يأخذ ضعيفها حقه من

شديدها وهو غير متعتع » رواه البزار

والطبراني

Maksudnya: *Satu umat tidak akan disucikan, selagi kaum yang lemah tidak mengambil haknya daripada kaum yang kuat, tanpa mengalami sebarang tekanan.*

(Riwayat al-Bazzar dan at-Tabrani)

Abdullah bin Abu Sufyan meriwayatkan bahawa seorang Yahudi datang untuk menuntut hutang kurma dari Rasulullah s.a.w. Dia bersikap keras terhadap nabi s.a.w. sehingga sebahagian sahabat merasa marah dan bangkit untuk memukulnya. Melihat keadaan itu Rasulullah s.a.w bersabda kepada para sahabatnya:

« ما قدس الله – أو ما يرحم الله – أمة لا

يأخذون للضعيف منهم حقه غير متعتع »

Maksudnya: *Allah tidak mensucikan atau tidak merahmati satu umat selagi golongan yang lemah di antara mereka tidak mengambil haknya tanpa mengalami sebarang tekanan.*

Kemudian nabi s.a.w. mengirim utusan kepada Khaulah binti al-Hakim untuk meminjam buah kurma. Nabi pun memberikannya kepada orang Yahudi itu dan bersabda kepada para sahabat:

« كذلك يفعل عباد الله الموفون، أما إنه قد

كان عندنا تمر، ولكنه قد كان خيرا » رواه

الطبراني

Maksudnya: *Demikianlah seharusnya yang dilakukan oleh para hamba Allah yang menepati janjinya. Isu ini tadinya hanyalah tentang buah kurma. Tetapi kini ia telah menjadi satu kebajikan.*

(Riwayat at-Tabrani)

Dari hadith-hadith di atas dapat disimpulkan bahawa Islam sesungguhnya berdiri bersama pihak yang lemah, apa pun jenis kelemahannya, untuk menghadapi pihak yang kuat. Islam berdiri bersama golongan miskin untuk mendapatkan haknya daripada golongan kaya. Bahkan jika diperlukan, Islam sanggup untuk berperang menentang kemaraan golongan kaya yang enggan menyerahkan hak fakir miskin, sebagaimana yang telah kita jelaskan sebelum ini.

Islam juga berdiri bersama para buruh dan pekerja agar mereka mendapatkan upah mereka dari orang-orang yang mengupahnya. Untuk itu Rasulullah telah menegaskan:

«أعطوا الأجير أجره قبل أن يجف عرقه»

رواه ابن ماجه

Maksudnya: *Berilah upah pekerja (buruh) itu sebelum kering peluhnya.*

(Riwayat Ibn Majah daripada Ibn Umar)

Bahkan salah satu di antara tiga golongan yang dimusuhi Allah pada hari kiamat ialah:

«رجلا استأجر أجيرا، استوفى منه عمله ولم

يوفه أجره» رواه البخاري

Maksudnya: *Seorang lelaki yang mengupah seorang pekerja, pekerja itu telah menyempurnakan pekerjaannya, tetapi lelaki itu tidak memenuhi upahnya.*

(Riwayat al-Bukhari)

Islam juga membela kedudukan seseorang yang tersisih dari masyarakat kerana tidak memiliki harta, pangkat, keturunan atau keluarga. Jika dia meminta pertolongan tidak seorang pun yang menolong, jika dia meminang tidak seorang pun yang menerima pinangannya dan jika dia meminta kebenaran tidak seorang pun memberinya kebenaran. Rasulullah bersabda membandingkan

ketinggian martabat orang tersebut dengan orang lain yang memiliki pangkat, harta, kedudukan dan kemasyhuran:

«هذا خير من ملء الأرض مثل هذا» رواه البخاري

Maksudnya: *Orang (yang pertama itu) lebih baik sekali bumi dibandingkan dengan orang (yang kedua) ini.*

(Riwayat al-Bukhari)

Perkara ini lebih ditegaskan lagi dengan sabda baginda berikut:

«رُبَّ أشعث أغبر، مدفوع بالأبواب، لو أقسم على الله لأبره» رواه مسلم

Maksudnya: *Berapa ramai orang yang (berpakaian) lusuh dan berdebu dihalau dari pintu ke pintu. (Padahal) jika dia bersumpah atas Nama Allah, nescaya Allah kabulkan sumpahannya.*

(Riwayat Muslim)

Kita telah menyemak beberapa hadith yang menerangkan bahawa Allah tidak akan mensucikan serta merahmati satu kaum, selagi golongan yang lemah dalam kaum itu tidak boleh mengambil haknya daripada golongan yang kaya, tanpa mengalami sebarang tekanan. Maka kini kita terangkan bahawa Islam juga berdiri berganding bahu bersama kaum wanita untuk mendapatkan hak-hak mereka daripada kaum lelaki dan menjauhkan mereka daripada penindasan dan penzaliman. Meskipun lelaki itu adalah bapanya atau suami yang menjadi teman hidupnya. Berkenaan dengan hal ini, al-Quran berkata:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ
ءَامَنُواْ لَا يَحِلُّ لَكُمۡ أَن تَرِثُواْ ٱلنِّسَآءَ كَرۡهٗاۖ وَلَا تَعۡضُلُوهُنَّ
لِتَذۡهَبُواْ بِبَعۡضِ مَآ ءَاتَيۡتُمُوهُنَّ إِلَّآ أَن يَأۡتِينَ بِفَٰحِشَةٖ
مُّبَيِّنَةٖۚ وَعَاشِرُوهُنَّ بِٱلۡمَعۡرُوفِۚ

Terjemahan: *Hai orang-orang yang beriman, tidak halal bagi kamu semua mempusakai wanita dengan jalan paksa, dan janganlah kamu semua menyusahkan mereka kerana hendak mengambil kembali sebahagian daripada apa yang telah kamu berikan kepadanya. Kecuali jika mereka melakukan pekerjaan keji secara nyata. Dan bergaullah dengan mereka dengan cara yang makruf.*

(Surah an-Nisa' 4: 19)

Islam juga berdiri bersama kanak-kanak, sama ada lelaki atau perempuan, sehingga mereka mendapatkan hak penjagaan yang sempurna secara rohani dan jasmani daripada kedua orang tua mereka. Islam mencela perbuatan kaum Jahiliyah yang telah membunuh anak-anak lelaki mereka akibat takutkan kelaparan yang sedang atau akan melanda mereka. Bahkan anak-anak perempuan di zaman tersebut ditanam hidup-hidup oleh manusia yang paling dekat dengannya: bapanya!

وَإِذَا ٱلْمَوْءُۥدَةُ سُئِلَتْ ﴿٨﴾ بِأَىِّ ذَنۢبٍ قُتِلَتْ ﴿٩﴾

Terjemahan: *Apabila bayi-bayi perempuan yang ditanam hidup-hidup itu ditanya; "Atas dosa apakah dia telah dibunuh?"*

(Surah at-Takwir 81: 8-9)

Islam menjelaskan sebahagian daripada tugas para ibu bapa untuk memelihara anak-anak mereka dalam ayat berikut:

۞ وَٱلْوَٰلِدَٰتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَٰدَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ ۖ
لِمَنْ أَرَادَ أَن يُتِمَّ ٱلرَّضَاعَةَ ۚ وَعَلَى ٱلْمَوْلُودِ لَهُۥ رِزْقُهُنَّ
وَكِسْوَتُهُنَّ بِٱلْمَعْرُوفِ

Terjemahan: *Para ibu hendaklah menyusukan anak-anaknya selama dua tahun penuh, iaitu bagi yang ingin menyempurnakan penyusuan. Dan kewajipan ayah memberi makan dan pakaian kepada para ibu dengan cara yang makruf.*

(Surah al-Baqarah 2: 233)

Dan Islam juga berdiri bersama para ibu bapa yang sedang menjalani masa tuanya. Islam mengetahui bahawa selain keperluan jasmani dan rohani mereka juga memerlukan belaian kasih sayang.

Mereka juga sangat sensitif terhadap setiap perkataan yang boleh menggurisi perasaan. Al-Quran menjelaskan tentang pentingnya menjaga perasaan orang tua di dalam ayat berikut:

۞ وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّآ إِيَّاهُ وَبِٱلْوَٰلِدَيْنِ إِحْسَٰنًا ۚ إِمَّا
يَبْلُغَنَّ عِندَكَ ٱلْكِبَرَ أَحَدُهُمَآ أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُل لَّهُمَآ
أُفٍّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُل لَّهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ﴿٢٣﴾ وَٱخْفِضْ
لَهُمَا جَنَاحَ ٱلذُّلِّ مِنَ ٱلرَّحْمَةِ وَقُل رَّبِّ ٱرْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيَانِى
صَغِيرًا ﴿٢٤﴾

Terjemahan: *Dan Tuhanmu telah memerintahkan agar kamu semua jangan menyembah selain Dia dan hendaklah kamu berbuat baik kepada ibu bapamu dengan sebaik-baiknya. Jika salah seorang di antara keduanya atau kedua-duanya sampai berusia lanjut dalam pemeliharaanmu, maka sekali-kali janganlah kamu mengatakan kepada kedua-duanya perkataan 'Ah..' dan janganlah kamu mengherdik mereka dan ucapkanlah kepada mereka perkataan yang mulia. Dan rendahkanlah dirimu terhadap mereka berdua dengan penuh kesayangan dan ucapkanlah (dalam doa): "Wahai Tuhan, kasihanilah mereka berdua sebagaimana mereka berdua telah mendidikku di waktu kecil."*

(Surah al-Isra' 17: 23-24)

Bahkan dalam menjaga keperluan kebendaan orang tua Rasulullah s.a.w bersabda kepada seorang sahabat yang menuntut hutang kepada ayahnya.

« أنت ومالك لأبيك » رواه أحمد

Maksudnya: *Dirimu dan hartamu adalah milik ayahmu.*

(Riwayat Ahmad)

Islam juga membela kepentingan para pengguna semasa berhadapan dengan para peniaga yang memainkan harga pasaran dengan kuasa monopoli. Rasulullah s.a.w. bersabda:

« لا يحتكر إلا خاطئ » رواه مسلم

Maksudnya: *Tidak ada yang menahan (barangan) kecuali orang-orang yang bersalah.*

(Riwayat Muslim)

Ertinya orang yang memonopoli ialah orang yang berdosa. Perkataan 'Khati' (bersalah atau berdosa) ialah perkataan yang digunakan al-Quran dalam mencela orang-orang yang zalim dan takabur di muka bumi seperti Firaun dan lain-lain.

إِنَّ فِرْعَوْنَ وَهَامَٰنَ وَجُنُودَهُمَا كَانُوا خَاطِئِينَ

Terjemahan: *Sesungguhnya Firaun dan Haman beserta tenteranya adalah orang-orang yang berdosa.*

(Surah al-Qasas 28: 8)

Oleh itu, para fuqahak berpendapat bahawa pengawalan harga merupakan perkara yang wajib dilaksanakan apabila pemilik barang bersikap keterlaluan dalam mencari keuntungan sehingga membahayakan kemaslahatan orang ramai.

Islam juga berdiri bersama ahli zimmah (orang kafir yang tinggal di dalam naungan kerajaan Islam) untuk menuntut hak-haknya daripada kaum Muslimin secara sempurna. Perbezaan agama tidak boleh dijadikan sebab dan alasan untuk menindas mereka atau mencegah mereka dari mendapatkan hak-hak mereka. Bahkan para fuqahak menetapkan bahawa menganiaya ahli zimmah merupakan satu kesalahan yang lebih besar berbanding menganiaya seorang Muslim.[4]

Islam juga berdiri bersama golongan yang tidak mampu melindungi diri sendiri dan tidak berdaya menuntut hak-haknya. Oleh itu, kita dapati bahawa Fiqh Islam tidak melupakan nasib anak pungut atau anak buangan, Fiqh Islam menyediakan satu bab khas yang membincangkan hak-hak dan hukum-hukum berkenaan dengan nasib mereka secara terperinci, meskipun diketahui bahawa anak tersebut berasal daripada hubungan haram antara sepasang manusia. Sebab seseorang tidak akan menanggung dosa yang diperbuat oleh orang lain.

Islam juga melindungi janin di dalam rahim seorang ibu meskipun ibunya itu ialah seorang pembunuh yang harus dihukum bunuh dengan serta merta. Islam menunda perlaksanaan hukuman terhadap seorang ibu hamil yang sabit kesalahan kerana membunuh atau berzina sehingga dia melahirkan anaknya. Hukuman itu hanya di laksanakan setelah anak tersebut disapih dari susuan ibunya. Demikianlah kesimpulan hukum yang dapat kita petik daripada kes wanita al-Ghamidiyah pada zaman Rasulullah s.a.w.

Lebih daripada itu semua, Islam juga melindungi binatang ternak dan haiwan peliharaan. Islam menyuruh kita untuk

menyayanginya, berlaku baik kepadanya dan meringankan pekerjaannya. Jika haiwan tersebut sakit kita diperintahkan untuk merawatnya dan tidak memperlakukannya dengan sewenang-wenang di luar batas kemampuannya. Islam mengisytiharkan bahawa sikap yang keras dan kejam terhadap binatang tersebut merupakan pra syarat utama untuk masuk ke dalam neraka. Manakala menyayangi binatang pula merupakan pra syarat untuk mendapatkan keampunan Allah.

Satu hadith sahih menyebutkan bahawa seorang perempuan telah dihumbankan ke dalam neraka akibat mengurung seekor kucing. Dia tidak memberinya makan dan juga tidak melepaskannya agar boleh memakan serangga-serangga di atas tanah. Satu hadith yang lain pula menceritakan bahawa seorang lelaki telah memberi minum seekor anjing yang kehausan. Dia bersusah payah untuk memberi minum kepada anjing tersebut dan bersyukur kepada Allah kerana telah berjaya menolong anjing tersebut. Maka Allah pun mengampuni seluruh dosa-dosanya.

Para sahabat merasa hairan apabila mendengar mereka mendapatkan pahala yang besar dalam melindungi kehidupan haiwan. Maka Rasulullah s.a.w. yang mulia bersabda kepada mereka.

«في كل كبد رطبة أجر» متفق عليه

Maksudnya: *Terdapat pahala (dalam berkhidmat) kepada setiap hati yang hidup.*

(Muttafaqun 'alayhi)

Negara Islam bertanggungjawab sepenuhnya dalam melindungi kesejehteraan setiap golongan yang lemah itu. Ia harus memberikan jaminan-jaminan yang memastikan dipenuhinya hak-hak mereka secara sempurna dan melindungi mereka dari setiap pihak yang menginginkan berlakunya keburukan terhadap mereka dengan apa jua cara.

Rasulullah s.a.w bersabda:

«كلكم راع وكلكم مسئول عن رعيته، فالإمام راع وهو مسئول عن رعيته» متفق عليه

Maksudnya: *Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu bertanggungjawab terhadap sesiapa yang dipimpinnya. Seorang imam ialah seorang pemimpin dan dia bertanggung jawab terhadap sesiapa yang dipimpinnya.*

(Muttafaqun 'alaihi)

Rasulullah juga bersabda:

« إن الله سائل كل راع عمن استرعاه، وحفظ

أم ضيع » رواه النسائي

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah akan bertanya kepada setiap pemimpin tentang sesiapa yang dipimpinnya, sama ada dia menjaga atau mempersia-siakan mereka.*

(Riwayat an-Nasai)

Rasulullah s.a.w. telah melaksanakan konsep perlindungan tersebut dalam kehidupan baginda s.a.w dan menerapkannya dalam institusi negara yang didirikannya di Madinah. Negara tersebut telah memelihara dan melindungi hak-hak kaum fakir-miskin, para musafir yang kehabisan bekal dalam perjalanan, anak-anak yatim, para janda, para hamba sahaya dan orang-orang yang tertindas.

Rasulullah s.a.w. bersabda:

« أنا أولى بكل مسلم من نفسه: من ترك مالا

فلورثته ومن ترك دينا أو ضياعا فإليَّ وعليَّ »

رواه مسلم

Maksudnya: *Saya lebih berhak terhadap seorang Muslim daripada dirinya sendiri. Sesiapa yang meninggalkan harta maka harta tersebut untuk ahli warisnya. Tetapi sesiapa yang meninggalkan hutang atau 'sesuatu yang hilang' maka serahkanlah kepadaku untuk menjadi tanggunganku*

(Riwayat Muslim)

Dimaksudkan dengan 'sesuatu yang hilang' dalam hadith di atas ialah keluarga atau anak keturunan yang mungkin terbiar atau tersia-siakan kerana tidak memiliki keluarga yang mengasuh dan memberinya nafkah.

Semasa Allah menganugerahkan harta rampasan yang berasal dari Yahudi Bani Nadhir di Madinah, Rasulullah terus membahagikan

harta rampasan tersebut kepada kaum fakir-miskin dari golongan Muhajirin dan sebahagian golongan Ansar, dengan tujuan untuk meringankan beban mereka dan untuk merapatkan jurang perbezaan di antara mereka dengan para sahabat lain yang memiliki kecukupan. Berkenaan dengan hal tersebut al-Quran telah menurunkan satu ketetapan agung yang menjadi prinsip keadilan sosial.

مَّآ أَفَآءَ ٱللَّهُ عَلَىٰ رَسُولِهِۦ مِنْ أَهْلِ ٱلْقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ
وَلِذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْيَتَٰمَىٰ وَٱلْمَسَٰكِينِ وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِ كَىْ لَا يَكُونَ
دُولَةًۢ بَيْنَ ٱلْأَغْنِيَآءِ مِنكُمْ

Terjemahan: *Apa sahaja harta rampasan yang diberikan Allah kepada rasul-Nya yang berasal dari penduduk bandar-bandar, maka adalah untuk Allah, untuk rasul, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin dan orang-orang yang dalam perjalanan. Supaya harta itu jangan hanya beredar di antara orang-orang kaya sahaja di antara kalian.*

(Surah al-Hasyr 59: 7)

Rasulullah s.a.w tidak pernah memberikan keistimewaan kepada para bangsawan di dalam negara untuk menikmati kemudahan yang tidak boleh dinikmati oleh orang lain, seperti memberi keringanan dalam tugas dan tanggung jawab atau memaafkan sebahagian kesalahan demi menjaga kemuliaan nasab dan keturunan mereka.

Pernah orang-orang Quraish berusaha untuk memohon keringanan hukuman daripada Rasulullah s.a.w untuk seorang wanita suku Makhzumiyah yang sabit kesalahan akibat mencuri. Merekapun mengutus orang yang sangat disayangi oleh Rasulullah s.a.w., Usamah bin Zaid untuk membincangkan perkara tersebut kepada Rasulullah s.a.w. Setelah mengetahui maksud mereka Rasulullah s.a.w. sangat marah. Baginda menyampaikan ucapannya yang sangat masyhur yang menegaskan bahawa Islam tidak mengenal adanya pilih kasih dalam menjatuhkan hukuman, sama ada terhadap seorang bangsawan atau rakyat jelata. Ucapan tersebut ditutupnya dengan mengatakan:

Maksudnya: *Demi Allah, seandainya Fatimah binti Muhammad mencuri, nescaya akan kupotong tangannya.*

(Riwayat Muslim)

Tetapi dari sudut pandangan yang lain, kita temukan pula sikap Islam yang berbeza sama sekali dengan sikapnya di atas. Islam ternyata boleh memaafkan seorang pencuri yang papa kedana dan mencuri untuk memenuhi keperluan yang sangat mendesak. Terdapat kesangsian untuk menjatuhkan hukuman dalam hal seperti ini. Semasa beberapa hamba sahaya Hatib bin Balta'ah mencuri, Umar bin al-Khattab r.a. tidak memotong tangan mereka kerana menyedari keadaan mereka. Tetapi tuan mereka mengugut akan melaksanakan hukuman tersebut bila mereka kedapatan mencuri lagi. Demikian pula al-Quran al-Karim telah menetapkan bahawa hukuman seorang hamba wanita yang berzina ialah separuh dari hukuman seorang wanita merdeka, kerana pertimbangan kelemahan dan kemiskinannya. Allah berfirman mengenai para hamba wanita itu:

فَإِنْ أَتَيْنَ بِفَٰحِشَةٍ فَعَلَيْهِنَّ نِصْفُ
مَا عَلَى ٱلْمُحْصَنَٰتِ مِنَ ٱلْعَذَابِ

Terjemahan: *Maka jika mereka mengerjakan perbuatan keji (zina), atas mereka separuh hukuman daripada hukuman wanita-wanita merdeka.*

(Surah an-Nisa' 4: 25)

Kita dengar pula ucapan Abu Bakar as-Siddiq r.a. semasa dilantik menjadi khalifah:

> "Ketahuilah bahawa orang yang paling kuat di antara kamu adalah lemah di hadapan saya sehingga saya dapat mengambil hak daripadanya. Dan orang yang paling lemah di antara kamu adalah kuat di hadapan saya sehingga saya harus menyerahkan hak kepadanya."

Abu Bakar telah bangkit memerangi orang-orang yang tidak mahu membayar zakat untuk mengambil hak-hak fakir miskin yang terdapat dalam harta mereka.

Umar bin al-Khattab r.a. pula merupakan orang yang sangat sayang kepada golongan yang lemah dan bersikap keras terhadap golongan kaya dan bangsawan. Pernah beliau menyergah orang-orang yang berjalan di belakang Ubay bin Ka'ab, seorang bangsawan yang terhormat, seraya berkata kepada mereka, "Perbuatan seperti ini hanya mendatangkan kehinaan terhadap orang yang mengikuti dan fitnah terhadap orang yang diikuti."

Banyak sekali kisah masyhur yang menceritakan keprihatinan Umar r.a. terhadap nasib para janda dan orang-orang miskin. Di antaranya ialah kisah beliau semasa melihat seorang tua Yahudi yang sedang meminta-minta untuk keperluannya. Serta merta Umar r.a. memerintahkan pegawainya untuk mengeluarkan harta Baitul Mal bagi memenuhi keperluan Yahudi tersebut dan orang-orang lain yang senasib dengannya.

Ketegasan dan kekerasan sikapnya terhadap para pemimpin pula cukup terkenal. Kita tentu pernah mendengar ucapan keras beliau kepada Amru bin al-Ash gabenor Mesir, bagi membela nasib seorang Qibti yang dipukul oleh anak Amru. Umar berkata, "Sejak bila engkau menjadikan manusia sebagai hamba sahaya, padahal ibu-ibu mereka telah melahirkan mereka dalam keadaan merdeka?"

Perlu pula dikenang sikap keras beliau terhadap Sa'ad bin Abi Waqqas, Khalid bin al-Walid serta panglima-panglima perang lain yang telah memenangkan pertempuran-pertempuran dengan gemilang. Umar r.a. sentiasa menegur mereka bila mendapati tanda-tanda kemewahan dalam hidup mereka atau sikap-sikap yang serupa dengan para penguasa yang zalim. Sering juga beliau bertanya kepada mereka tentang harta benda yang mereka miliki: "Dari mana kamu dapatkan ini semua?"

Lebih dari itu, Umar r.a. juga melimpahkan perhatian dan kasih sayangnya kepada haiwan. Beliau memperingatkan manusia agar bersikap lembut, menyayangi mereka dan bertakwa kepada Allah dalam memelihara mereka. Ibn Sa'ad menceritakan dalam kitab Tabaqat bahawa Umar r.a. pernah memukul seorang tukang angkat seraya berkata kepadanya, "Mengapa engkau bebankan untamu dengan beban yang di luar kemampuannya?" Pada masa yang lain pula beliau melihat seekor keldai yang sedang kepayahan membawa batu bata. Umar r.a. mendekati keldai itu dan mengangkat dua batu bata untuk mengurangi bebannya. Tiba-tiba perempuan yang memiliki keldai itu datang dan menyergah Umar r.a., "Hai Umar, apa yang engkau lakukan terhadap keldaiku? Apakah hak dan kekuasaanmu terhadapnya?" Umar menjawab: "Mengapa pula saya harus berdiam menyaksikan perkara ini?"[5]

Kesimpulannya, tugas dan tanggungjawab kita tidak hanya mencakupi manusia sahaja, tetapi juga haiwan.

NEGARA ISLAM MELINDUNGI HAK DAN MEMBERI KEBEBASAN

Negara Islam ialah negara yang melindungi hak-hak dan memberi kebebasan. Kedua-dua hal tersebut merupakan prinsip keimanan dalam Islam dan bukan sekadar propaganda kosong.

Hak untuk hidup, hak untuk memiliki sesuatu, hak untuk memenuhi keperluan serta hak perlindungan terhadap agama, maruah diri, harta dan keturunan dipandang oleh syariat Islam sebagai lima atau enam perkara terpenting. Menjaga dan melindunginya merupakan tujuan utama diturunkannya syariah Islam. Tidak seorang pun dibenarkan untuk melanggarnya. Allah telah menetapkan hukuman-hukuman berupa yang menggerunkan qisas dan hudud untuk menjaganya agar tidak dicerobohi.

Negara Islam berkewajipan untuk berusaha merealisasikan tercapainya dua matlamat utama dalam kehidupan bagi setiap individu yang tinggal di bawah naungannya: terpenuhnya keperluan hidup dan terciptanya keamanan. Jika dua perkara tersebut telah dicapai barulah manusia dapat memberikan sepenuh tumpuan kepada ibadah. Firman Allah:

ٱلَّذِىٓ أَطْعَمَهُم مِّن جُوعٍ وَءَامَنَهُم مِّنْ خَوْفٍۢ

Terjemahan: *Allah-lah yang telah memberi makanan kepada mereka untuk menghilangkan lapar dan mengamankan mereka daripada rasa takut.*

(Surah Quraish 106: 4)

Sebahagian manusia dewasa ini sibuk melaungkan prinsip kebebasan dan menyangka bahawa ia merupakan hasil ciptaan revolusi-revolusi di Barat seperti revolusi Perancis dan lain-lain. Padahal Islam berabad-abad yang lalu telah menjelaskannya secara terperinci dan menyeru seluruh manusia untuk menganutinya. Manakala negara-negara Islam pula telah mengambilnya sebagai satu prinsip asas dan merubahnya daripada sekadar teori kepada perlaksanaan praktikal.

Prinsip kebebasan beragama itu sendiri hanya kita dapatkan dalam Islam. Tidak ada agama selain Islam yang memberikan kebebasan beragama secara penuh terhadap orang-orang yang hidup di bawah lindungannya. Islam menolak seluruh jenis pemaksaan beragama dalam bentuk apa pun. Bagi Islam, keimanan itu hanya datang dari kesedaran peribadi dan kepuasan hati. Oleh itu, keimanan seperti imannya Firaun sejurus sebelum mati lem-

tidak ada nilainya sama sekali. Sebab pada masa itu dia sudah tidak memiliki kebebasan lagi. Begitu pula dengan kaum yang menyaksikan siksaan Allah datang ke hadapan mereka dan mereka tidak berdaya untuk menolaknya.

فَلَمْ يَكُ يَنفَعُهُمْ إِيمَٰنُهُمْ لَمَّا رَأَوْا۟ بَأْسَنَا

Terjemahan: *Maka iman mereka tidak berguna bagi mereka, semasa mereka telah melihat siksaan Kami.*

(Surah al-Mukmin/Ghafir 40: 85)

Ayat-ayat al-Quran, sama ada yang Makki atau yang Madani, sama-sama mengikrarkan penentangan terhadap pemaksaan. Contoh ayat Makki:

أَفَأَنتَ تُكْرِهُ ٱلنَّاسَ حَتَّىٰ يَكُونُوا۟ مُؤْمِنِينَ

Terjemahan: *Maka apakah kamu (hendak) memaksa manusia supaya mereka menjadi orang-orang yang beriman semuanya?*

(Yunus 10: 99)

Manakala contoh ayat Madani yang menentang pemaksaan ialah:

لَآ إِكْرَاهَ فِى ٱلدِّينِ ۖ قَد تَّبَيَّنَ ٱلرُّشْدُ مِنَ ٱلْغَىِّ ۚ

Terjemahan: *Tidak ada paksaan untuk (memasuki) agama (Islam). Sesungguhnya telah jelas jalan yang benar daripada jalan yang salah.*

(Surah al-Baqarah 2: 252)

Islam telah menetapkan kebebasan beragama bagi siapa sahaja yang hidup di bawah naungan negaranya, termasuk orang-orang Yahudi, Nasrani ataupun Majusi. Mereka diberi kebebasan dalam akidah, beribadah serta menentukan hukum sesuai dengan yang diperintahkan oleh ajaran agama mereka. Bahkan lebih daripada itu, Islam juga membolehkan mereka untuk memakan makanan yang diharamkan dan dianggap sebagai najis dalam Islam, seperti daging khinzir, selagi mereka percaya bahawa ia halal menurut ajaran mereka. Ini merupakan gambaran toleransi paling tinggi yang tidak pernah dicapai oleh agama lain.

Islam juga menjamin kebebasan untuk berucap dan memberikan pendapat. Bahkan Islam memandang perkara tersebut

bukan hanya sebatas dengan prinsip kebebasan sahaja. Islam memandangnya sebagai satu kewajipan dan tanggung jawab, bukan sebagai satu hak atau kebebasan. Jika seseorang melihat satu kemungkaran yang dilakukan secara terang-terangan di hadapannya maka dia berkewajipan untuk mencegahnya dengan apa jua cara yang mampu dilakukannya. Tidak ada kebebasan baginya untuk memilih berdiam diri atau bersuara. Orang yang enggan menyuarakan satu kebenaran sama kedudukannya dengan orang yang mengisytiharkan satu kebatilan. Mereka yang tidak mahu menyuarakan kebenaran diibaratkan seperti syaitan yang bisu. Begitu pula, jika dia melihat satu kebajikan yang tidak dipraktikkan, maka dia wajib menyeru manusia untuk melaksanakannya. Dan tugas untuk menyeru bukan merupakan hak yang boleh diambil atau ditinggalkannya. Semua itu dijelaskan secara terperinci pada satu bab dari ajaran Islam yang biasa disebut dengan istilah: Amar Makruf Nahi Mungkar. Ia merupakan satu keistimewaan tersendiri yang dianugerahkan Allah kepada umat Islam.

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ
وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

Terjemahan: *Kamu semua adalah umat terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah daripada yang mungkar serta beriman kepada Allah.*

(Surah Ali Imran 3: 110)

Perkara tersebut juga dibahas secara teliti dalam bab Nasihat. Satu hadith sahih menyatakan bahawa nasihat merupakan kesimpulan daripada ajaran agama secara am. Manakala saling menasihati dalam kebenaran dan saling menasihati untuk menetapkan kesabaran pula merupakan prasyarat terselamatnya manusia daripada kerugian di dunia dan di akhirat.

Di bawah naungan negara Islam ilmu pengetahuan dan pemikiran terjamin kebebasannya. Bahkan Allahyarham al-Ustaz al-'Aqqad menyatakan bahawa berfikir merupakan salah satu kewajipan dalam Islam, manakala menuntut ilmu pula fardhu hukumnya bagi setiap Muslim dan Muslimah. Jika berfikir dan berpengetahuan merupakan satu kewajipan, maka jelaslah bahawa Islam memandang perkara ini bukan hanya satu jaminan terhadap hak dan kebebasan, tetapi ia merupakan satu fardhu dan kewajipan. Ertinya, setiap Muslim atau Muslimah yang melengahkan atau tidak melaksanakannya boleh dihukum.

Oleh itu, negara Islam seharusnya menjadi negara yang dapat menampung pelbagai jenis aliran ilmu pengetahuan dan pemikiran sepanjang sejarah, terutama pada abad-abad kegemilangan tamadun. Sejarah Islam memaparkan wujudnya berbagai-bagai aliran pemikiran dalam Ilmu Kalam, Fiqh, Tasauf dan lain-lain. Aliran-aliran pemikiran tersebut saling bertukar dan berselisih pendapat antara satu dengan yang lain. Tetapi dalam naungan negara Islam, semuanya dapat hidup bersama. Sebahagian saling mengisi dan mengambil daripada sebahagian yang lain, dengan tidak menyinggung perasaan dan tanpa diiringi dengan sifat taksub.

NEGARA ISLAM MERUPAKAN NEGARA YANG BERPRINSIP DAN BERAKHLAK

Negara Islam ialah negara yang berdisiplin terhadap prinsip-prinsip dan nilai-nilai akhlak dan tidak akan menyeleweng daripada prinsip-prinsip tersebut. Demikianlah sikapnya sama ada di dalam atau di luar negara, terhadap orang yang disukainya atau terhadap orang yang dibencinya, dan dalam masa peperangan atau perdamaian. Negara Islam tidak pernah bersikap dua wajah ataupun berbicara dengan dua lidah. Islam tidak menghendaki satu kebenaran yang dicapai dengan kebatilan atau satu kebajikan yang dicapai dengan keburukan. Sebaliknya Islam meyakini perpaduan antara matlamat yang mulia dan cara yang bersih.

Oleh itu, Islam menolak falsafah Machiavelli yang memandang bahawa demi tercapainya tujuan segala cara mesti dibenarkan, seperti menghalalkan riba untuk membangunkan masjid, atau melacurkan diri untuk bersedekah kepada fakir miskin. "Alangkah baiknya jika mereka tidak berzina dan tidak bersedekah!"

Rasulullah s.a.w. mengajarkan umatnya dengan sabdanya:

« إن الله طيب لا يقبل إلا طيبا » رواه مسلم

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah itu baik dan tidak menerima kecuali (perkara) yang baik-baik.*

(Riwayat Muslim)

Hadith tersebut ditujukan kepada orang-orang yang mengumpulkan harta dengan cara yang batil, kemudian menafkahkannya pada jalan kebajikan.

Negara Islam berjuang untuk merealisasikan kemuliaan budi pekerti yang menjadi tujuan pengutusan Nabi Muhammad s.a.w. Ia merupakan pengukuhan keadilan Allah di muka bumi bagi seluruh manusia, tanpa memandang warna kulit, sama ada merah atau pun putih, kerabat jauh mahupun dekat. Al-Quran mengisytiharkan:

۞ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ كُونُواْ قَوَّٰمِينَ بِٱلْقِسْطِ شُهَدَآءَ لِلَّهِ
وَلَوْ عَلَىٰٓ أَنفُسِكُمْ أَوِ ٱلْوَٰلِدَيْنِ وَٱلْأَقْرَبِينَ ۚ

Terjemahan: *Wahai orang-orang yang beriman, jadilah kamu semua penegak keadilan, menjadi saksi kerana Allah, walaupun terhadap dirimu sendiri ataupun ibu bapa dan kaum kerabatmu.*
(Surah an-Nisa' 4: 135)

Dan pada ayat yang lain pula:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ كُونُواْ قَوَّٰمِينَ لِلَّهِ
شُهَدَآءَ بِٱلْقِسْطِ ۖ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَـَٔانُ قَوْمٍ عَلَىٰٓ
أَلَّا تَعْدِلُواْ ۚ ٱعْدِلُواْ هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ ۖ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ ۚ إِنَّ
ٱللَّهَ خَبِيرٌۢ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

Terjemahan: *Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua menjadi penegak keadilan kerana Allah dan menjadi saksi dengan adil. Dan janganlah sekali-kali kebencian kamu semua terhadap satu kaum mendorong kamu untuk bersikap tidak adil. Berlaku adillah, kerana adil itu lebih dekat kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kalian kerjakan.*
(Surah al-Maidah 5: 8)

Pada zaman nabi, sekelompok orang Islam yang lemah iman menuduh seorang Yahudi telah mencuri, padahal dia tidak melakukan kesalahan tersebut. Maka turunlah sembilan ayat pada surah an-Nisa' yang membela hak orang Yahudi tersebut. Ayat-ayat tersebut juga memperingatkan Rasulullah s.a.w. agar tidak

mempercayai tohmahan yang dibuat dengan tujuan aniaya itu, dan agar Rasulullah s.a.w. tidak melindungi orang-orang yang melemparkan tohmahan. Sebab sikap melindungi orang yang bersalah akan mengakibatkan kita mengkhianati diri dan prinsip-prinsip kita sendiri. Firman Allah:

إِنَّآ أَنزَلْنَآ إِلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ بِٱلْحَقِّ لِتَحْكُمَ بَيْنَ
ٱلنَّاسِ بِمَآ أَرَىٰكَ ٱللَّهُ ۚ وَلَا تَكُن لِّلْخَآئِنِينَ خَصِيمًا ﴿١٠٥﴾
وَٱسْتَغْفِرِ ٱللَّهَ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿١٠٦﴾ وَلَا تُجَٰدِلْ
عَنِ ٱلَّذِينَ يَخْتَانُونَ أَنفُسَهُمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ مَن كَانَ
خَوَّانًا أَثِيمًا ﴿١٠٧﴾

Terjemahan: *Sesungguhnya Kami telah menurunkan al-Kitab (al-Quran) kepadamu dengan membawa kebenaran, supaya kamu menjatuhkan hukum di antara manusia dengan apa yang telah Allah wahyukan kepadamu, dan janganlah kamu menjadi lawan bagi (orang yang tidak bersalah) kerana (hendak membela) orang-orang yang berkhianat. Dan mohonlah keampunan daripada Allah, sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. Dan janganlah kamu berdebat (untuk membela) orang-orang yang mengkhianati dirinya. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang selalu berkhianat lagi bergelumang dosa.*

(Surah an-Nisa' 4: 105-107)

Negara Islam meyakini kesamaan sikap dan budi pekerti terhadap seluruh manusia. Sikap tersebut tidak akan berbelah bagi. Islam mewajibkan setiap Muslim untuk memenuhi janjinya terhadap seluruh manusia, sama ada secara suka atau terpaksa. Islam menyuruh kita untuk menyampaikan amanah kepada seluruh manusia, meskipun sebahagian mereka telah mengkhianati kita. Dan Islam mewajibkan kita untuk bersikap jujur kepada seluruh manusia, meskipun terhadap orang-orang yang berdusta kepada kita. Ukuran keutamaan atau kehinaan dalam Islam tidak berubah dengan berubahnya kedudukan atau pangkat manusia.

Kita melihat bahawa umat Yahudi menghalalkan riba dalam berinteraksi dengan orang-orang bukan Yahudi. Sebaliknya mereka mengharamkannya terhadap sesama Yahudi. Namun Islam tidak

pernah menjadikan satu perkara haram bagi orang kafir dan halal bagi Muslim, sebab dalam Islam ukuran haram adalah sama bagi seluruh manusia. Islam mengharamkan zina ke atas Muslimah atau bukan Muslimah, Islam mengharamkan perbuatan mencuri, sama ada mencuri harta orang Islam atau harta orang kafir, Islam mengharamkan perbuatan zalim terhadap Muslim atau bukan Muslim dan Islam mengharamkan kekerasan yang berlaku terhadap seorang Muslim atau bukan Muslim. Bahkan Islam juga melarang tindakan kekerasan diperlakukan terhadap manusia atau haiwan. Islam tidak sependapat dengan orang-orang Yahudi yang mengatakan:

لَيْسَ عَلَيْنَا فِي الْأُمِّيِّينَ سَبِيلٌ

Terjemahan: *Tidak ada dosa bagi kami untuk berbuat apa pun terhadap orang-orang ummi.*

(Surah Ali Imran 3: 75)

Yang mereka maksudkan dengan orang-orang ummi dalam ayat di atas ialah umat lain selain Yahudi. Orang-orang Yahudi memandang bahawa kehormatan dan harta benda umat selain Yahudi boleh dicerobohi.

Bahkan sebahagian ulama Islam berpendapat bahawa kesalahan menganiaya orang kafir lebih besar dosa dan hukumannya berbanding kesalahan menganiaya orang Islam sendiri. Sebab, dalam masyarakat Islam orang kafir tergolong dalam kelompok yang lemah, manakala orang Islam pula tergolong dalam kelompok yang kuat. Menganiaya orang-orang yang lemah merupakan satu dosa yang lebih besar daripada menganiaya orang-orang yang kuat. Itulah sebabnya mengapa hukum Islam menetapkan bahawa penganiayaan terhadap anak-anak yatim dan orang-orang miskin lebih berat hukumannya daripada menganiaya golongan lain yang lebih kuat.

Dalam perjanjian Hudaibiyah antara Rasulullah s.a.w. dengan kaum Quraish terdapat satu butir persyaratan yang mengatakan: jika ada di antara kaum Quraish yang datang kepada Rasulullah maka Rasulullah akan mengembalikannya kepada kaum Quraish, manakala jika terdapat orang-orang Islam yang datang kepada kaum Quraish maka mereka tidak perlu mengembalikannya kepada Rasulullah s.a.w. Sebelum tamat perjanjian itu, sebahagian pemuda Quraish yang telah masuk Islam datang untuk tinggal bersama

Rasulullah. Rasulullah tidak menerima mereka dan mengembalikan mereka kepada kaum Quraish sesuai dengan perjanjian yang disepakati bersama. Baginda bersabda kepada mereka:

> Maksudnya: *Kita penuhi janji kita kepada mereka, dan (sentiasalah) kita memohon pertolongan Allah dalam menghadapi mereka.*

Sebahagian negara menerapkan nilai-nilai akhlak dalam masa damai, tetapi dalam masa peperangan nilai-nilai tersebut mereka rosakkan atau mereka bekukan. Negara Islam tidak beranjak daripada merealisasikan nilai-nilai akhlak dalam apa jua keadaaan, sama ada dalam keadaan perang atau damai. Al-Quran yang menjadi pegangannya melarang mereka untuk bersikap keterlaluan, sama ada dalam peperangan atau dalam masa damai.

وَقَٰتِلُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ٱلَّذِينَ يُقَٰتِلُونَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوٓا۟ ۚ
إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلْمُعْتَدِينَ

Terjemahan: *Dan perangilah di jalan Allah orang-orang yang memerangi kamu semua, (tetapi) janganlah kamu melampaui batas, kerana sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas.*

(Surah al-Baqarah 2: 190)

Islam juga melarang kita untuk mengkhianati musuh dalam satu perjanjian, meskipun mereka telah berkali-kali mengkhianatinya. Dalam keadaan seperti itu, Islam menyuruh kita untuk mengembalikan perjanjian itu kepada mereka dengan cara yang jujur, dan bukan membalas satu pengkhianatan dengan pengkhianatan yang lain. Firman Allah:

وَإِمَّا تَخَافَنَّ مِن قَوْمٍ خِيَانَةً فَٱنۢبِذْ إِلَيْهِمْ عَلَىٰ سَوَآءٍ ۚ
إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلْخَآئِنِينَ

Terjemahan: *Dan jika kamu mengetahui pengkhianatan dari satu golongan, maka kembalikanlah perjanjian itu kepada mereka dengan cara yang jujur. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berkhianat.*

(Surah al-Anfal 8: 58)

Islam juga melarang kaum Muslimin untuk membunuh wanita, kanak-kanak, orang tua atau golongan lain yang tidak memiliki sebarang daya upaya. Bahkan Islam hanya membenarkan kaum Muslimin membunuh orang-orang yang memerangi mereka secara terang-terangan.

Dalam satu pertempuran Rasulullah s.a.w. melihat seorang wanita terbunuh. Baginda pun mengingkari berlakunya pembunuhan terhadap kaum wanita dan kanak-kanak dalam peperangan.

Islam tidak mensyariatkan peperangan untuk menumpahkan darah manusia secara sewenang-wenang. Bahkan Islam berusaha untuk mengecilkan jumlah korban sedapat yang boleh. Begitu pula Rasulullah dan para sahabatnya telah melarang tentera Muslimin dari menebang pokok dan menghancurkan bangunan iaitu satu perbuatan yang biasa dilakukan oleh manusia semasa berperang.

Setiap kali Rasulullah s.a.w. melantik seorang panglima perang baginda akan menasihatinya agar dia dan tentera Muslimin yang dipimpinnya sentiasa bertakwa kepada Allah dan sentiasa melakukan kebajikan. Setelah itu Rasulullah bersabda kepada mereka:

« اغزوا باسم الله في سبيل الله، قاتلوا من كفر
بالله، اغزوا ولا تغلوا، ولا تغدروا، ولا تمثلوا،
ولا تقتلوا وليدا » رواه مسلم (٨٩)

Maksudnya: *Berperanglah dengan nama Allah dan di atas jalan Allah. Perangilah mereka yang kafir terhadap Allah. Jangan bersikap melampaui batas, jangan melanggar janji, jangan membunuh dengan sewenang-wenang dan jangan membunuh kanak-kanak.*

(Riwayat Muslim)

Demikian pulalah sikap para khalifah setelah Rasulullah. Mereka menanamkan nasihat Rasulullah tersebut dalam hati para panglima perang di zaman mereka. Mereka melarang para panglima tersebut untuk membunuh kecuali orang-orang yang memerangi mereka. Oleh itu, tentera Islam tidak boleh menganiaya kaum wanita, kanak-kanak, warga tua dan para pendeta yang mengasingkan diri dalam tempat-tempat peribadatan.

Itulah di antara kriteria negara Islam yang sentiasa diperjuangkannya. Para pendakwah Islam juga berusaha untuk

menyeru dan menyampaikannya kepada seluruh manusia. Mudah-mudahan dengan keterangan ini tidak ada lagi orang yang menuduh bahawa negara Islam ialah negara teokrasi seperti yang wujud di dunia barat pada abad-abad pertengahan. Jika ada, maka kita sudah tahu bahawa dia telah mendustakan Islam, sejarah dan fakta.

وَقَدْ خَابَ مَنِ افْتَرَىٰ

Terjemahan: *"Dan sungguh merugilah orang-orang mengada-adakan kedustaan."*

(Surah Taha 20: 61)

NOTA BAHAGIAN KEDUA

1 Perkara ini merujuk kepada perkataan Nabi Yusuf a.s dalam al-Quran. Terjemahan: Jadikanlah aku bendahari negara (Mesir); sesungguhnya aku adalah orang yang pandai menjaga lagi berpengetahuan. (Surah Yusuf 12: 55)

2 Perkara ini merujuk kepada kisah Nabi Musa dalam al-Quran, di mana anak perempuan nabi Yaakub a.s. memohon kepada ayahnya agar mengambil nabi Musa sebagai pekerja seraya berkata: Terjemahan: Wahai ayahku ambillah ia sebagai pekerja (kita), kerana sesungguhnya orang yang paling baik yang kamu ambil sebagai pekerja ialah orang yang kuat lagi dapat dipercayai. (Surah al-Qasas 28: 26).

Maksud kuat dalam ayat ini ialah kemampuan dan pengetahuan, manakala amanah pula bermakna nurani yang sentiasa hidup dan takutkan Allah s.w.t. Kedua-dua sifat tersebut saling melengkapi antara satu dengan yang lain.

3 Maksudnya ialah hukum am yang mengatur hubungan antara manusia dan bukan sekadar hukum-hukum kecil yang disimpulkan berdasarkan pemahaman prinsip-prinsip fiqh dan syariah. Hukum-hukum kecil seperti ini sentiasa digubal dan diciptakan sesuai dengan keadaan zaman. Hal ini diperbolehkan selagi pemindaan dan perubahan tersebut tidak bercanggah dengan nas atau prinsip-prinsip syariah.

4 Lihat buku saya *Ghayru al-Muslimin fi al-Mujtama' al-Islamiy.*

5 Lihat buku saya *Khasais as-Syariah al-Islamiyah*, bab al-Akhlaqiyah.

BAHAGIAN 3

Sifat Negara Islam

NEGARA ISLAM BUKAN NEGARA TEOKRASI

Pada bab yang lalu telah kami jelaskan bahawa negara Islam merupakan negara sivil yang menjadikan ajaran Islam sebagai rujukan. Ia bukanlah negara agama sebagaimana yang difahami oleh dunia Barat. Sejarah Barat dipenuhi dengan perbalahan antara rakyat jelata melawan kekuasaan gereja dan berakhir dengan meletusnya revolusi menentang kekuasaan gereja. Pada masa itu mereka berteriak melampiaskan kemurkaan terhadap dominasi raja dan pemimpin agama: 'Gantung raja terakhir dengan tali usus pendeta terakhir!'

Sayangnya, kaum sekularis dalam negara-negara Arab dan Islam sendiri menyebarkan berita dusta dengan menuduh negara Islam sebagai negara agama yang memerintah atas nama 'kebenaran Tuhan'. Dr. Faraj Faudah menulis buku bertajuk "Sebelum Keruntuhan" *(Qabla as-Suqut)* yang menyokong sekularisme dan menyerang usaha pengukuhan syariat Islam sebagai hukum negara. Jawapan yang dikemukakan oleh rakan kami al-Ustaz Abdul Majid Subuh, seorang sasterawan dan pengkaji, terhadap buku tersebut sebenarnya cukup untuk membantah kandungan buku tersebut. Tetapi biarlah saya paparkan di sini beberapa pemikiran Dr. Faudah dan kuncu-kuncunya dalam menyokong idea sekularisme.

Dr. Faudah berkata: 'Orang-orang yang menyeru kepada penerapan syariat Islam secara serta merta tanpa menunda-nunda,

mengutarakan ucapan yang pada zahirnya kelihatan lojik. Ucapan itulah yang mereka pakai untuk menghadapi siapa sahaja yang menentang mereka dengan cara berdebat. Ucapan yang diutarakan secara lojik itu ialah: 'Apa yang engkau khuatirkan dari perlaksanaan hudud? Bukankah ia hanya akan dilaksanakan ke atas pencuri, penzina, peminum arak, orang-orang yang murtad dan orang-orang yang berbuat kerosakan di muka bumi?' Meskipun pada zahirnya soalan tersebut kelihatan lojik tetapi ia menyembunyikan satu hakikat di sebalik itu. Mudah-mudahan Allah menurunkan ilham agar saya dapat menerangkannya.

"Perlaksanaan undang-undang syariah bukanlah merupakan masalah kecil yang hanya berkaitan dengan perlaksanaan hudud. Tetapi ia merupakan satu pintu masuk kepada pelbagai tuntutan. Para penyokong syariat Islam berusaha menghindar daripada menjelaskan tuntutan-tuntutan tersebut atau memberikan penjelasan yang salah tentang wawasan yang sebenar.

"Perlaksanaan syariat Islam tidak dapat dipisahkan dengan konsep negara agama, dan negara agama selalunya memerintah atas nama 'kebenaran Tuhan'. Perkara ini tidak pernah berlaku dalam sejarah Islam atau dikatakan pernah berlaku tetapi hanya pada zaman Rasulullah. Pemerintahan yang diasaskan atas nama kebenaran Tuhan seperti itu, secara langsung atau tidak, didirikan di atas dominasi pemimpin-pemimpin agama".

Dr. Wahid Ra'fat pula berkata: "Para penyeru perlaksanaan undang-undang syariah ingin menjadi pendeta-pendeta Neo Ammon dan menyangka hanya mereka sahaja yang berhak menafsirkan syariah, mendirikan negara teokrasi agama yang didominasi oleh para pemimpin agama dan memerintah atas nama 'kebenaran Tuhan'. Idola mereka dalam perkara tersebut ialah negara Iran".'[1]

Dr. Fuad Zakariya berulang kali menyebutkan konsep 'kebenaran Tuhan' dalam tulisannya yang dimuatkan dalam surat khabar *al-Ahram* pada musim panas 1985. Konsep tersebut juga diulanginya beberapa kali pada bahagian mukadimah dan penutup bukunya "Antara Realiti dan Syak Wasangka" *(al-Haqiqah Wa al-Wahm)* dengan mengatakan bahawa konsep inilah yang sedang diperjuangkan oleh para penyeru perlaksanaan syariat Islam. Beliau mempengaruhi para pembaca agar mereka melemparkan tuduhan bahawa para penyeru perlaksanaan syariat Islam sebenarnya ingin mendirikan satu negara teokrasi yang didominasi oleh kaum agama.[2]

Dr. Louis Iwadh pula mengeluarkan tulisan yang senada dalam majalah *Al-Musawwir* (1983) berkenaan dengan perjalanan sekularisme di Mesir. Tulisan itu menuduh pemerintahan Islam

dengan mengatakan, 'Islam ialah agama yang berdiri di atas falsafah kemanusiaan. Hakikat Islam yang sebenar tidak mengenal pemerintahan kependetaan, tetapi ia mengiktiraf peranan teokrasi mutlak.'

Dalam satu temu bual dengan majalah tersebut dia berkata, 'Perbalahan demokrasi di Mesir selalunya berlaku antara pihak yang memperjuangkan konsep 'kebenaran semula jadi' dengan pihak yang memperjuangkan konsep 'kebenaran Tuhan'! Mereka yang menyeru kepada konsep 'kebenaran Tuhan' sebenarnya ingin mencegah rakyat daripada menggunakan aspirasi pemikirannya sebagai salah satu sumber rujukan dalam pemerintahan.'

Syibli al-'Aysami pula menulis satu buku berjudul "Sekularisme dan Negara Agama" *(Al-'Ilmaniyyah wa Ad-Dawlah Ad-Diniyyah).* Buku tersebut menerangkan bahawa hanya terdapat dua konsep, iaitu konsep negara sekular atau negara agama, dan tidak ada konsep ketiga. Negara agama ialah negara yang didominasi oleh para pemimpin agama. Para pemimpin agama itu menyebarkan anggapan bahawa mereka memilki sifat ma'sum (terhindar dari kesalahan) dan suci. Hukum yang mereka tetapkan disokong sepenuhnya oleh penguasa langit. Apa yang mereka halalkan atau haramkan di bumi, itulah yang dihalalkan dan diharamkan di langit. Tidak ada hak bagi siapa pun untuk berkata kepada mereka: 'kamu silap' atau 'kamu salah.' Bahkan perkataan tersebut meletakkan seseorang dalam kedudukan menentang kuasa Allah yang telah melantik pemimpin agama sebagai wakil-Nya di muka bumi dan berbicara atas kehendak-Nya.'

NEGARA ISLAM MERUPAKAN NEGARA SIVIL

Kepada mereka yang menuduh bahawa para pendakwah Islam menyeru kepada pendirian negara agama, saya katakan bahawa tuduhan kamu semua tidak benar. Kamu semua telah menuduh mereka dengan perkataan yang tidak pernah mereka ucapkan. Perkara yang sentiasa mereka perjuangkan ialah pendirian negara Islam dan tidak pernah sekalipun mereka menyeru kepada pendirian negara agama.

Terdapat perbezaan besar antara negara Islam yang berdiri di atas prinsip dan ajaran Islam dengan negara agama (teokrasi) yang dikenali oleh dunia Barat dan kaum Kristian pada abad-abad pertengahan. Sebahagian orang menyamakan antara konsep agama dengan konsep Islam. Padahal sebenarnya makna Islam itu jauh

lebih luas daripada makna perkataan 'agama'. Ulama-ulama Usul Fiqh menjadikan 'agama' sebagai salah satu dari lima atau enam keperluan utama yang dijaga oleh syariah, iaitu agama, diri, akal, keturunan dan harta. Sebahagian ulama yang lain menambahkan satu keperluan lain, iaitu maruah.

Saya berikan contoh yang boleh memperjelas lagi masalah ini. Kita menyeru kepada pembentukan sistem pendidikan Islam yang sempurna. Sistem pendidikan Islam ini meliputi berbagai-bagai aspek kehidupan dan salah satu daripada aspek tersebut ialah pendidikan agama, di samping pendidikan mental, jasmani, budi pekerti, ketenteraan, sosial, ekonomi, politik, sains, kesusasteraan, keterampilan hidup, seni, pendidikan seks dan lain-lain. Jadi, pendidikan agama hanya merupakan salah satu cabang daripada cabang-cabang pendidikan Islam.

Oleh itu, adalah satu kesilapan besar jika negara Islam yang sedang kita perjuangkan ini disebut sebagai negara agama. Negara Islam adalah satu negara sivil yang berdiri di atas prinsip pemilihan, baiat dan shura. Dalam negara Islam pemimpin bertanggungjawab kepada umat dan setiap individu berhak untuk memberikan nasihat kepada pemimpin atau menyuruhnya menegakkan perkara yang makruf serta mencegah kemungkaran. Malah Islam menganggap semua ini sebagai fardhu kifayah ke atas seluruh kaum Muslimin dan fardhu Ain ke atas seseorang yang mampu melakukannya bila yang lain tidak mampu atau merasa takut untuk melaksanakannya.

Seorang pemimpin dalam Islam terikat dan tidak bebas. Terdapat hukum syariah yang harus dijadikannya panduan hukum, di samping nilai-nilai yang mengarahkannya serta peraturan-peraturan yang mengikatnya. Peraturan dan hukum tersebut tidak ditentukan oleh dirinya sendiri atau oleh parti dan pendukungnya. Tetapi ditetapkan oleh Rabbunnas (Pemelihara Manusia), Malikinnas (Raja Manusia), Ilahinnas (Tuhan Manusia). Dia atau manusia lain tidak boleh membatalkan atau membekukan hukum tersebut. Bahkan raja, presiden, parlimen, kerajaan, majlis revolusi, ahli jawatan kuasa, dewan rakyat atau kekuasaan apa pun di muka bumi tidak memiliki sebarang kuasa untuk mengubah sebarang bahagian daripada hukum Allah yang tetap.

Setiap Muslim berhak untuk menolak sebarang perintah kerajaan yang secara jelas bercanggah dengan syariat Allah. Ia bukan hanya berhak, malah berkewajipan untuk menolaknya. Jika hak pemerintah dan hak Allah bercanggah maka tentu sahaja hak Allah yang mesti lebih dahulu ditunaikan. Tidak ada ketaatan terhadap makhluk dalam kederhakaan terhadap al-Khalik (Tuhan).

Dalam menceritakan tentang baiat dan pernyataan setia kaum wanita terhadap Nabi s.a.w., al-Quran menetapkan bahawa para wanita itu...

وَلَا يَعْصِينَكَ فِي مَعْرُوفٍ

Terjemahan: *Tidak akan menderhakaimu dalam perkara yang baik.*

(Surah al-Mumtahanah 60: 12)

Maksudnya, mereka akan mentaatimu dalam perkara-perkara yang baik sahaja. Ada pun dalam perkara yang buruk dan mungkar mereka berhak untuk tidak mentaatimu. Demikianlah, ikrar ketaatan kaum wanita dalam baiat mereka terhadap Nabi s.a.w. disertakan dengan satu ikatan. Padahal Nabi s.a.w.adalah ma'sum dan tindakannya disokong oleh wahyu Allah s.w.t. Ketaatan kepada orang lain tentunya harus lebih terikat lagi. Dalam satu hadith sahih dan muttafaqun 'alaihi disebutkan: Maksudnya: Ketaatan itu hanyalah dalam perkara yang baik (makruf).

Manakala dalam hadith yang lain pula:

« السمع والطاعة حق على المرء المسلم فيما أحب وكره، ما لم يؤمر بمعصية، فإذا أمر بمعصية فلا سمع ولا طاعة » متفقه عليه.

Maksudnya: *Kepatuhan dan ketaatan merupakan hak setiap individu Muslim dalam perkara yang disukai atau tidak disukainya, selagi dia tidak diperintahkan untuk berbuat maksiat. Jika dia diperintahkan untuk berbuat maksiat maka tidak ada lagi kepatuhan dan ketaatan.*

(Muttafaqun 'alaihi daripada Ibn Umar)

Khalifah Islam yang pertama Abu Bakar as-Siddiq pernah berkata,

'Taati aku selagi aku mentaati Allah dalam urusanmu. Jika aku telah menderhakai Allah maka kamu semua tidak wajib lagi mentaatiku. Jika aku berbuat kebajikan maka sokonglah aku, manakala jika aku berbuat keburukan maka luruskanlah aku.

Dalam Islam, kerajaan, pemimpin atau khalifah bukan merupakan wakil Allah. Sebaliknya mereka adalah wakil umat. Umatlah yang memilih mereka dan umatlah yang mengawasi segala gerak-geri mereka, memperhitungkan malah membuang mereka dari jawatan jika perlu. Umar bin Khattab pernah berkata, 'Sesiapa yang melihat adanya penyelewengan dalam diriku, maka luruskanlah.'

Salman r.a. pernah enggan mematuhi Amirul Mukminin Umar bin Khattab sebelum beliau dapat menjelaskan bagaimana kain yang diagihkannya secara merata sehelai seorang boleh cukup pada badan Umar, sedangkan Umar adalah seorang yang tinggi besar. Sehelai kain tentunya tidak cukup untuk ukuran bajunya!

Amirul Mukminin meminta anaknya Abdullah untuk menjawab soalan tersebut. Maka Abdullah pun bangun seraya menjelaskan bahawa dia telah memberikan sehelai kain yang diperuntukkan kepadanya kepada ayahnya.

Pernah semasa berkhutbah seorang wanita bangun dan membantah ucapan Umar bin Khattab. Maka Umar pun mengikuti pendapat wanita itu kerana benar, dan meninggalkan pendapatnya sendiri.

Abu Muslim al-Khulani, seorang ahli fiqh dan juga seorang tabi'in yang terkenal memasuki istana Muawiyah sambil mengucapkan, 'Assalamu'alaikum wahai orang upahan!' Orang-orang yang berada di sekeliling Muawiyah pun terpinga-pinga dan meminta agar Abu Muslim mengulangi salamnya dengan meninggalkan gelaran yang diberikannya itu. Tetapi Abu Muslim tetap mengucapkan salam yang serupa. Mereka bertambah marah dan memaksanya sekali lagi untuk mengulangi salam. Muawiyah mencegah mereka seraya berkata, 'Biarkanlah Abu Muslim itu. Sesungguhnya beliau lebih tahu akan apa yang beliau ucapkan.'

Setelah dilantik menjadi khalifah, Umar bin Abdul Aziz berucap, 'Sesungguhnya saya serupa sahaja dengan salah seorang di antara kamu. Hanya sahaja, Allah telah menjadikan tugas saya lebih berat daripada kamu semua.'

Salahuddin al-Ayyubi pula berkata, 'Saya hanyalah seorang hamba dan penjaga kepada syariah Allah.' Maksudnya saya hanyalah seorang tentera yang bertugas untuk menjaga dan melaksanakan syariat Allah.'

KERAGUAN YANG DITIMBULKAN PARA SARJANA SEKULAR TENTANG KONSEP NEGARA AGAMA

Apakah dasar dan bukti yang digunakan oleh kaum sekular dalam menuduh bahawa para pendakwah Islam telah menyeru kepada negara agama berasaskan 'kebenaran Tuhan'?

Setelah meneliti buku-buku yang mereka tulis, saya dapati bahawa pemikiran mereka diasaskan kepada beberapa perkara yang menimbulkan keraguan. Berikut ini akan saya paparkan dasar dan bukti mereka itu secara amanah, kemudian saya akan menjawabnya.

1. Konsep al-Hakimiah (kedaulatan hukum Allah) yang diserukan oleh dua pemimpin dakwah dan pemikiran Allahyarham Abul A'la Al-Mawdudi di Pakistan dan Allahyarham Sayid Qutub di Mesir. Ringkasan pemikiran mereka dalam konsep ini ialah bahawa kuasa untuk menentukan hukum hanyalah milik Allah sahaja dan bukan milik sebarang manusia. Alam semesta ini merupakan kerajaan Allah s.w.t. Oleh itu, tidak seorang pun boleh mencipta hukum lain atau berkongsi kekuasaan dengan Allah dalam menentukan hukum. Firman Allah:

إِنِ ٱلْحُكْمُ إِلَّا لِلَّهِ ۚ أَمَرَ أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّآ إِيَّاهُ ۚ

Terjemahan: *Hukum itu hanyalah milik Allah. Dia telah memerintahkan kamu semua untuk tidak menyembah selain Dia.*

(Surah Yusuf 12: 40)

2. Ucapan Saidina Uthman r.a. semasa dikepung oleh para pemberontak. Dr. Faraj Faudah telah mengutip ucapan tersebut dan dibesar-besarkan sehingga ia menjadi satu hujah yang sukar untuk dibantah. Dr. Faudah berkata: 'Tidak diragukan lagi bahawa konsep pemerintahan berdasarkan 'kebenaran Tuhan' dapat ditemukan akarnya pada ucapan khalifah Uthman bin Affan. Semasa para pemberontak memintanya untuk bersara daripada jawatannya sebagai khalifah beliau menjawab dengan perkataan yang mengukuhkan konsep negara berdasarkan 'kebenaran Tuhan'. Beliau berkata, 'Tidak! Demi Allah saya tidak akan melepaskan selendang yang telah dipakaikan Allah kepada saya.' Inilah

ungkapan yang meletakkan pemikiran politik Islam dalam dilema antara golongan majoriti dengan minoriti. Golongan majoriti bersetuju dengan pendapat Uthman r.a. bahawa Allah s.w.t. sahajalah yang berhak untuk mengangkat seorang khalifah, maka rakyat tidak berhak untuk melepaskan jawatan seorang imam yang telah diangkat oleh Allah. Manakala golongan minoriti pula berpendapat bahawa bahawa kekuasaan mesti berpaksi kepada rakyat. Rakyatlah yang melantik seorang pemimpin dan rakyat pula yang berhak untuk melepaskan jawatannya. Inilah pendapat yang dipegang teguh oleh kaum Mu'tazilah. Nama Mu'tazilah (yang berlepas diri) itu sendiri seolah-olah menjelaskan kedudukan kaum tersebut terhadap negara Islam serta sikap negara Islam terhadap mereka.'

3. Satu ucapan yang dianggap sebagai ucapan Abu Ja'far al-Mansur, khalifah Bani Abasiah. Setelah berjaya menjatuhkan Bani Umaiyah, khalifah pertama Bani Abasiah Abu Ja'far al-Mansur menyampaikan satu ucapan di Makkah seperti berikut: 'Wahai manusia, sesungguhnya aku merupakan kekuasaan Allah di atas bumi-Nya. Aku memimpin kamu semua dengan taufik, kebenaran dan sokongan-Nya. Akulah yang menjaga harta-Nya. Aku berbuat sesuai dengan kehendak dan keinginan-Nya dan memberi dengan kebenaran-Nya. Allah telah menjadikanku sebagai kunci khazanah-Nya. Jika Dia berkehendak maka Dia akan membukaku agar dapat aku agihkan rezeki kamu semua. Dan jika Dia berkehendak Dia juga boleh menutupku maka tertutuplah aku.'

4. Revolusi Iran beberapa tahun yang lalu membuktikan bahawa pemerintahan Islam didominasi sepenuhnya oleh kaum agama yang dipimpin oleh seorang Imam besar mereka iaitu Ayatullah Khomeini, kemudian diteruskan dengan seorang penggantinya. Hal ini memberi kesan bahawa pemerintahan yang berlaku di sana ialah pemerintahan agama yang murni. Dan pemerintahan Islam yang akan berdiri di tengah kita tidak jauh berbeza dari pemerintahan Iran yang mereka praktikkan.

KONSEP AL-HAKIMIAH DAN HUBUNGANNYA DENGAN NEGARA AGAMA

Kita mulakan dengan mengulas konsep al-Hakimiah (kedaulatan hukum Allah) yang dituduh sebagai asas bagi negara agama.

Sebenarnya, ramai orang yang salah faham dengan konsep al-Hakimiah ini dan ramai pula yang mencampurkannya dengan pemahaman di luar pemahaman penyeru konsep itu sendiri. Di sini akan saya paparkan beberapa catatan berkenaan dengan isu tersebut.

1. Adakah Konsep Ini Didasari Oleh Pemikiran Aliran Khawarij ?

Ramai di antara mereka yang menulis tentang konsep al-Hakimiah yang diserukan oleh al-Mawdudi dan Sayid Qutub menganggap bahawa konsep tersebut didasari oleh pemikiran Khawarij. Khawarij merupakan satu aliran yang menentang kekhalifahan Ali bin Abi Talib r.a. kerana Ali bin Abi Talib menerima Tahkim (mencari jalur hukum yang lebih maslahat dalam perjanjian damai dengan pihak Muawiyah). Kaum Khawarij tidak bersetuju dengan hal tersebut dan menyerukan ucapan mereka yang masyhur, 'Tidak ada hukum kecuali hukum Allah!' Saidina Ali sebagai ketua pemerintahan pada masa itu menjawab ucapan mereka itu dengan menyatakan bahawa ucapan tersebut merupakan perkataan yang hak tetapi diucapkan dengan tujuan batil. Memang benar bahawa hukum itu hanyalah milik Allah. Namun yang mereka maksudkan dari perkataan tersebut ialah tidak ada pemerintahan kecuali pemerintahan Allah. Padahal pemerintahan dijalankan oleh manusia dan manusia ada yang baik dan ada yang jahat.

Kesalahfahaman kaum Khawarij tentang konsep al-Hakimiah itu menjadi bahan ejekan sepanjang sejarah. Tidak seorang pun setelah itu yang berani mengulangi ucapan tersebut termasuk kaum Khawarij dengan pelbagai alirannya. Akhirnya mereka bertindak ganas dan beralih memperjuangkan keyakinan mereka dengan berperang untuk mendapatkan kekuasaan. Mereka berjaya mendirikan pemerintahan di beberapa kawasan. Pemerintahan itu bertahan untuk beberapa masa sebelum mengalami keruntuhan.

Dalam istilah syariah, konsep al-Hakimiah bermakna: Allah sahajalah yang menetapkan hukum bagi seluruh makhluk-Nya. Allah-lah yang berhak menurunkan perintah, larangan, pengharaman dan penghalalan terhadap mereka. Dan ini bukan konsep yang dimaksudkan oleh Mawdudi atau pun Sayid Qutub.

Tetapi ia merupakan satu ketetapan Allah terhadap seluruh kaum Muslimin. Oleh itu, Ali Ibn Abu Talib r.a. tidak pernah mengeluarkan sebarang kenyataan yang membantah ketetapan itu. Tetapi beliau membantah niat dan maksud buruk sebahagian kaum di sebalik perkataan tersebut. Maka beliau pun membantah mereka seraya berkata, 'Ucapanmu itu benar, tetapi yang kamu maksudkan di sebalik itu adalah batil.'

Ulama Usul Fiqh telah mengkaji secara mendalam tentang konsep al-Hakimiah terutama perkara-perkara yang berkenaan dengan hukum, sarana hukum, pengasas hukum serta manusia sebagai target hukum.

Kita dapati bahawa Imam al-Ghazali sendiri membincangkan perkara tersebut dalam beberapa perenggan daripada mukadimah kitabnya yang masyhur *Al-Mustasfa Min 'Ilmi al-Usul.* Beliau menganggap bahawa ia merupakan kajian ilmu yang pertama dalam syariah. Sebab hukum tidak dapat diciptakan sebelum syariah ditetapkan. Konsep al-Hakimiah juga berhubungan dengan pengasas hukum, manusia sebagai target hukum dan dengan hukum itu sendiri sebagai perbuatan yang dibebankan ke atas manusia.

Imam al-Ghazali berkata, 'Kajian yang dilancarkan terhadap pengasas hukum membawa kita kepada satu kesimpulan bahawa 'Tidak ada hukum kecuali hukum Allah'. Rasulullah sebagai utusan Allah sendiri tidak berhak untuk mengasaskan hukum, tidak pula seorang tuan terhadap hamba sahayanya atau antara sesama makhluk. Semua hukum adalah milik Allah dan diasaskan oleh Allah sahaja, tidak oleh selain-Nya.[3]

Kemudian Imam al-Ghazali membincangkan tentang Pengasas atau Pencipta hukum. Beliau berkata, 'Adapun hak pelancaran dan penetapan hukum hanya dimiliki oleh Zat Yang Maha Mencipta dan Maha Mengatur segala urusan. Perintah Nabi s.a.w., sultan, bapa atau suami sama sekali tidak mendatangkan satu kewajipan. Tetapi perintah mereka itu menjadi wajib jika sesuai dengan kewajipan yang telah ditetapkan Allah. Kedudukan mereka semua sama sahaja. Oleh itu, perkara yang wajib untuk kita lakukan ialah mentaati Allah s.w.t. dan mentaati pihak-pihak yang telah Allah wajibkan kepada kita untuk mentaati mereka.[4]

2. Konsep al-Hakimiah yang Diserukan Oleh Mawdudi dan Sayid Qutub.

Konsep al-Hakimiah (kedaulatan hukum) yang diperkatakan oleh Mawdudi dan Sayid Qutub sebagai milik Allah sahaja tidak bermaksud bahawa Allah telah melantik para ulama dan pemimpin yang memerintah atas Nama-Nya. Sebaliknya mereka berpendapat bahawa penerapan konsep tersebut hanya dalam bidang hukum syariah sahaja. Manakala sandaran kekuasaan politik tetap harus merujuk kepada masyarakat. Masyarakatlah yang memilih para pemimpin mereka dan masyarakat pulalah yang mengawasi, memperhitungkan dan melepaskan jawatan mereka bila perlu. Perbezaan di antara dua pemahaman ini sangat penting. Mencampuradukkan di antara kedua-duanya boleh menyebabkan seseorang menjadi bingung atau malah tersesat jalan, seperti yang dikatakan oleh Dr. Ahmad Kamal Abu al-Majd.

Konsep al-Hakimiah bukan merupakan satu seruan kepada negara teokrasi. Bahkan al-Mawdudi dan Sayid Qutub sendiri menafikan kewujudan negara teokrasi dalam Islam. Sayid Qutub sendiri berkata dalam bukunya *Ma'alim Fi at-Tariq*: 'Kerajaan Allah di muka bumi tidak ditegakkan di atas dominasi kekuasaan para pemimpin agama atau orang-orang yang berbicara atas nama Tuhan. Konsep seperti itu hanya berlaku pada dominasi gereja terhadap kerajaan-kerajaan di Eropah pada abad-abad pertengahan yang akhirnya menghasilkan negara teokrasi atau pemerintahan atas nama Tuhan yang suci!

'Dimaksudkan dengan kerajaan Allah di muka bumi ialah kerajaan yang menjadikan syariah Allah sebagai dasar hukum. Seluruh perkara yang berlaku dalam kerajaan itu dirujukkan kepada ketetapan dan syariah Allah sahaja.'

Pendapat al-Mawdudi berkenaan dengan isu ini banyak diputarbelitkan orang. Ramai di antara penulis yang salah faham terhadap pendapat beliau kerana mereka hanya mengambil sebahagian sahaja daripada perkataannya dan meninggalkan sebahagian yang lain. Ada pula segolongan manusia yang dengan berani menyusun undang-undang berdasarkan pemahaman yang separuh masak itu sehingga menghasilkan kesimpulan-kesimpulan hukum yang tidak pernah diisytiharkan oleh al-Mawdudi sendiri dan tidak sesuai dengan metodologi dakwah beliau yang dijelaskannya dalam berpuluh-puluh buku, makalah dan ceramah. Inilah yang berlaku ke atas firman Allah s.w.t. dan sabda Rasulullah s.a.w. Manusia sudah terbiasa memahaminya secara separuh-

separuh. Mereka mengambil sebahagian ayat dan meninggalkan sebahagian yang lain. Akibatnya, ayat yang mereka ambil terlepas daripada konteks pembicaraan am dan terpisah dari ayat-ayat lain yang turut melengkapi, menjelaskan serta menghadkan pengertian ayat tersebut. Jika kejadian ini boleh berlaku terhadap firman Allah dan sabda Rasulullah, maka terhadap perkataan manusia biasa tentunya ia lebih sering berlaku.

Al-Mawdudi pernah menggambarkan ciri-ciri sistem demokrasi di Barat dalam perkataannya:

'Kamu dapat menyaksikan sendiri bahawa sistem tersebut sama sekali tidak mempunyai sebarang hubungan dengan Islam. Oleh itu, tidak boleh kita samakan antara sistem demokrasi dengan sistem pemerintahan Islam. Malah ungkapan yang lebih tepat untuk hal itu ialah *al-Hukumah al-Ilahiyah* atau pemerintahan teokrasi.

Beliau menyambung pembicaraanya seraya berkata, 'Konsep negara teokrasi di Eropah berbeza sama sekali dengan konsep pemerintahan Islam. Konsep negara teokrasi yang dikenal Eropah ialah negara yang bersandarkan hukum yang ditentukan oleh sekelompok manusia tertentu. Mereka merasa berhak untuk menciptakan hukum bagi manusia sesuai dengan kehendak nafsu syahwat dan kepentingan mereka.[5] Dengan bersembunyi di belakang hukum Tuhan mereka juga berusaha untuk mencampuradukkan ajaran mereka dengan ajaran Tuhan. Gelaran kerajaan syaitan lebih sesuai kita berikan bagi konsep ini berbanding gelaran kerajaan Tuhan.

Teokrasi yang diajarkan Islam tidak bertumpu kepada sekelompok pemimpin atau para sheikh. Sebaliknya kekuasaan dalam sistem ini berada di tangan seluruh umat Islam. Masyarakatlah yang menangani urusan kerajaan dan melaksanakan seluruh keperluannya sesuai dengan yang tertera dalam kitab Allah dan sunnah Rasulullah s.a.w. Jika saya dibenarkan untuk memberikan istilah baru bagi sistem pemerintahan ini maka saya lebih suka menamakannya sebagai 'sistem teokrasi demokratik' atau 'Kerajaan Tuhan yang Bersifat Demokratik'. Ini kerana dalam sistem pemerintahan tersebut umat Islam telah ditauliahkan pemerintahan rakyat yang bersifat terhad di bawah kekuasaan Allah yang Maha Kuasa dan di bawah undang-undang-Nya yang paling utama. Ahli jawatan kuasa dalam negara hanya melaksanakan apa yang telah disepakati oleh kaum Muslimin. Di tangan kaum Muslimin pula mereka dilantik atau diturunkan dari jawatan. Begitu juga, setiap

perkara yang memerlukan hukum yang jelas tidak dapat diputuskan kecuali dengan kesepakatan (ijmak) kaum Muslimin.

Tugas menerangkan undang-undang atau sebahagian teks daripada undang-undang syariah bukan dipegang oleh satu keluarga tertentu. Sebaliknya tugas tersebut dilaksanakan oleh setiap orang Islam yang pemahaman keislamannya sudah mencapai taraf ijtihad.'

Daripada segi-segi yang telah dijelaskan di atas, pemerintahan Islam boleh dianggap bersifat demokratik. Inilah yang boleh kita fahami dari sekumpulan tulisan-tulisan al-Mawdudi. Namun demikian, kita mesti berjaga-jaga dengan istilah 'teokrasi' yang digunakan. Beliau menggunakan istilah tersebut hanya kerana sedikit kesamaan dengan konsep teokrasi Barat yang dikenal dalam sejarah. Manakala jika ditinjau dari keseluruhannya beliau menafikan persamaan tersebut.

3. Hak menetapkan hukum (*al-Hakimiah*) hanya milik Allah.

Hak menetapkan hukum yang dimiliki hanya oleh Allah merupakan bentuk paling murni dan mutlak daripada konsep al-Hakimiah. Sebab hanya kekuasaan Allah sahajalah yang paling sempurna dan tidak terbatas. Dengan demikian konsep al-Hakimiah tersebut merupakan bukti keesaan Tuhan dalam Uluhiah-Nya.

Akan tetapi kekuasaan mutlak yang dimiliki Allah dalam menentukan hukum (al-Hakimiah) tidak menutup peluang bagi manusia untuk menentukan sebahagian hukum dalam batasan yang dibenarkan Allah. Konsep al-Hakimiah hanya mencegah manusia daripada memiliki kebebasan menetapkan hukum di luar daripada apa yang dibenarkan Allah seperti penetapan hukum dalam urusan yang bersifat ibadah murni. Manusia tentu sahaja tidak boleh menetapkan hukum-hukum ibadah sesuai dengan kehendak sendiri. Mereka juga tidak boleh menambah atau mengurangi kadar kuantiti dan kualiti yang telah ditetapkan Allah dalam urusan ibadah. Bahkan mereka juga dicegah dari menyelewengkan hukum-hukum tersebut dari segi tempat, masa ataupun bentuk yang telah ditentukan. Contoh lainnya adalah undang-undang yang menetapkan perkara halal dan haram dalam agama. Tidak ada hak manusia sedikit pun untuk menghalalkan apa yang telah diharamkan Allah, atau mengharamkan apa yang telah dihalalkan Allah. Sikap demikian itu digambarkan oleh Rasulullah s.a.w. sebagai sifat para pendeta ahli kitab yang disebutkan Allah dalam firman-Nya:

اتَّخَذُوا أَحْبَارَهُمْ وَرُهْبَانَهُمْ أَرْبَابًا مِّن دُونِ اللَّهِ

Terjemahan: *Mereka menjadikan pendeta-pendeta dan rahib-rahib mereka sebagai tuhan selain Allah.*

(Surah at-Taubah 9: 31)

Manusia juga tidak boleh menetapkan hukum-hukum yang bercanggah dengan teks-teks hukum Allah yang jelas maknanya. Seperti penetapan hukum yang mengesahkan kemungkaran dan menyebarkan kekejian, sama ada secara terang-terangan ataupun tersembunyi. Mereka juga tidak dibenarkan untuk menetapkan hukum-hukum yang menghalangi orang lain dari menunaikan kewajipan terhadap Allah atau membatalkan hukuman-hukuman yang telah ditetapkan Allah.

Di luar daripada itu semua, kaum Muslimin berhak untuk menetapkan hukum serta peraturan mereka sendiri, sepanjang tidak ada teks-teks hukum Allah yang membincangkannya. Perkara seperti itu banyak sekali. Ia merupakan perkara yang didiamkan Allah, sesuai dengan keterangan satu hadith:

«وما سكت عنه فهو عفو» رواه الحاكم

Maksudnya: *Apa yang didiamkan maka ia merupakan satu keringanan.*

(Riwayat al-Hakim)

Perkara-perkara seperti itu meliputi sebahagian besar daripada kehidupan manusia. Termasuk perkara-perkara yang diterangkan dalam kaedah dan prinsip-prinsip am, tetapi tidak dijelaskan perinciannya, seperti isu shura.

Dengan demikian, kaum Muslimin berhak untuk menetapkan undang-undang sendiri bagi dirinya sesuai dengan kebenaran yang diberikan agama kepada mereka. Wawasan undang-undang yang dibenarkan oleh agama itu cukup luas meliputi bidang sosial, ekonomi, politik dan bidang-bidang kehidupan yang lain. Dalam proses penetapan undang-undang tersebut kaum Muslimin tidak terikat dengan sebarang perkara kecuali dengan matlamat dan tujuan syariah serta kaedah-kaedah amnya. Tujuan dan kaedah syariah ini harus diikuti demi memenuhi kemaslahatan bersama, menghindarkan diri dari kerosakan dan memelihara keperluan manusia pada peringkat individu mahu pun masyarakat.

Kita dapati sebahagian besar daripada peraturan dalam undang-undang moden tidak bercanggah dengan tujuan-tujuan syariah secara amnya. Sebab ia diasaskan untuk memperolehi manfaat, mencegah berlakunya mudarat dan untuk memelihara tradisi-tradisi konvensional. Contohnya seperti peraturan jalan raya, peraturan-peraturan dalam sarana pengangkutan laut dan udara, undang-undang perburuhan, kesihatan, perladangan dan lain-lain yang termasuk dalam Bab Siyasah Shar'iyah, satu bab yang cukup luas perbahasannya.[6]

Di samping itu terdapat pula peraturan-peraturan terhad terhadap perkara-perkara mubah, seperti larangan Saidina Umar Ibn al-Khattab terhadap penyembelihan binatang ternak untuk beberapa hari, atau seperti ketidaksetujuan beliau terhadap beberapa sahabat yang berkahwin dengan perempuan ahli kitab, kerana khuatir orang ramai akan mengikuti perbuatan mereka dan sikap mereka tersebut pada akhirnya akan mendatangkan kesusahan terhadap para wanita Muslimah.

Bahkan al-Ustaz al-Mawdudi sendiri yang dikenal sebagai pendakwah utama konsep al-Hakimiah (kedaulatan hukum Tuhan) dan paling keras sikapnya dalam hal tersebut memberikan keluasan kepada manusia dalam menentukan hukum di luar undang-undang yang mutlak dan hukum-hukum yang sudah tetap dan jelas. Beliau membenarkan mereka menggunakan kaedah takwil dalam memahami dan mentafsirkan teks-teks agama. Malah beliau juga membenarkan mereka menggunakan kaedah Qiyas, Istihsan dan Ijtihad.[7]

Analisa Ucapan Saidina Uthman bin Affan

Uthman bin Affan r.a tidak pernah sekalipun menyatakan bahawa beliau memerintah atas nama kebenaran Tuhan. Sejarah hanya mencatatkan bahawa beliau dibaiat oleh kaum Muslimin untuk memerintah sesuai dengan Kitabullah dan Sunnah Rasulullah s.a.w., kemudian meneruskan cara yang telah ditempuh oleh dua khalifah sebelum beliau.

Tidak tercatat sedikit pun dalam biografi beliau atau dalam kumpulan ucapan beliau satu pengisytiharan bahawa beliau memerintah di bumi atas nama kuasa langit. Sebaliknya diriwayatkan bahawa beliau berkata, 'Urusanku hanyalah mengikut kepada urusan kamu semua.'

Pada satu masa, serombongan pemberontak datang mengepung beliau dengan rasa marah kerana tidak bersetuju dengan polisi dan

kebijaksanaan beliau dalam mentadbir urusan rakyat. Mereka berjaya mengajak orang-orang yang memusuhi Islam untuk ikut serta dalam gerakan tersebut, dan sebahagian orang-orang Islam yang lemah iman sudah mulai terikut-terikut pula dengan hujah mereka. Dalam menghadapi para pemberontak itu Saidina Uthman tidak pernah mengatakan: sesungguhnya saya memerintah atas nama kebenaran Tuhan. Oleh itu kamu semua harus tunduk patuh kepadaku. Sebaliknya beliau membantah tuduhan para pemberontak terhadap dirinya dan polisinya dengan cara yang baik dan dengan menggunakan kaedah taakul yang ilmiah dan objektif.

Ada pun tentang pernyataan beliau: Jubah yang telah dipakaikan Allah kepadaku, tidak akan aku lepaskan. Dikatakan bahawa beliau mengisytiharkan hal tersebut kerana Rasulullah s.a.w pernah berwasiat kepada beliau lewat satu pemberitaan ghaib:

إن الله لعلّه يقمّصك قميصا، فإن أرادك أحد

على خلعه، فلا تخلعه (ثلاث مرات) » رواه

أحمد والترمذي

Maksudnya: *Semoga Allah memakaikan kepadamu satu jubah. Jika ada sesiapa pun yang menghendaki agar jubah tersebut dilepaskan, maka janganlah sekali-kali engkau lepaskan. (Rasulullah mengulanginya tiga kali)*

(Riwayat Imam Ahmad dan at-Tirmizi)

Maka dalam kejadian di atas, tindakan Saidina Uthman r.a. itu hanya didorong oleh keinginan untuk melaksanakan wasiat dan ajaran Rasulullah s.a.w. kepada beliau. Lagi pula tujuan beliau mengisytiharkan hal tersebut ialah agar urusan kekhalifahan tidak dipermain-mainkan oleh sebahagian orang yang bersikap sewenang-wenang. Mereka hanyalah korban dari satu kekuatan tersembunyi yang berjaya mengobarkan emosi orang ramai tanpa mereka sedari.

Sama-sama kita ketahui bahawa mereka yang meminta Uthman r.a. untuk turun dari jawatannya sebagai khalifah bukanlah *Ahlu al-Hilli wal 'Iqdi* (majlis syura). Padahal hanya *Ahlu al-Hil wa al-'Iqdi* sahaja yang mempunyai kuasa untuk mengeluarkan sebarang keputusan dalam hal tersebut, dan hanya kepada mereka sahaja Khalifah Uthman r.a. boleh meletakkan jawatan atau mengikuti sebarang keputusannya.

Imam at-Tabari dan Ibn Kathir serta para ulama yang lain menerangkan bahawa keengganan beliau untuk melepaskan jubah khalifah yang telah dipakaikan Allah itu ialah kerana beliau khuatir setelah itu umat Muhammad akan saling bermusuhan di antara sesama, kemudian mereka melantik seorang yang jahil dan keras hati sebagai pemimpin. Akibatnya terjadilah kekecohan dan rosaklah semua urusan.[8]

'Uthman bin Affan r.a. sebenarnya berbicara dalam konteks pembaiatan dirinya. Beliau mengetahui bahawa para sahabat yang pernah membaiat beliau belum membatalkan baiat mereka. Manakala mereka yang memberontak terhadapnya dan memaksanya untuk meletakkan jawatan hanyalah sebilangan kecil orang-orang yang sedang marah. Beliau telah melihat dengan mata kepala sendiri berbagai-bagai fitnah yang akan menimpa umat Islam jika beliau meletakkan jawatan dalam keadaan demikian. Penolakan beliau terhadap permintaan para pemberontak yang akhirnya membawa kepada pembunuhan merupakan satu pengorbanan yang tidak ternilai harganya bagi umat Islam. Padahal beliau boleh saja memerintahkan para penyokongnya untuk menahan kemaraan para pemberontak.

Pada masa itu sebilangan besar para pejuang yang terdiri dari kaum Muhajirin dan Ansar serta anak-anak mereka telah menghimpunkan satu kekuatan untuk membela beliau. Hasan dan Husain r.a. serta Abdullah bin Umar menawarkan diri untuk menjaga beliau dan berada di samping beliau sepanjang masa. Tetapi Saidina Uthman r.a malah berkata kepada mereka semua, 'Saya tidak memerlukan semua ini.' Beliau berusaha mencegah berlakunya pertumpahan darah di antara sesama kaum Muslimin. Kemudian beliau menghadapkan wajahnya kepada Allah dan menyibukkan diri dengan membaca al-Quran. Pada masa itulah para pemberontak merempuh masuk dan membunuhnya!

Bolehkah ucapan seorang syahid agung seperti Uthman r.a. yang telah mengorbankan dirinya demi mencegah perbalahan ditafsirkan sebagai menggunakan konsep kebenaran Tuhan untuk menguasai manusia? Bolehkah akal kita menerima seseorang yang mengisytiharkan bahawa ia memerintah atas nama Tuhan, kemudian membiarkan dirinya dibunuh dengan penuh kepasrahan?'[9]

Dr. Faraj Faudah melemparkan tuduhan bahawa ungkapan Saidina Uthman r.a inilah yang telah meletakkan pemikiran politik Islam dalam dilema antara golongan majoriti dengan minoriti. Golongan majoriti bersetuju dengan pendapat Uthman r.a. bahawa Allah s.w.t. sahaja yang berhak untuk mengangkat seorang khalifah,

maka rakyat tidak berhak untuk melepaskan jawatan seorang imam yang telah diangkat oleh Allah. Manakala golongan minoriti pula berpendapat bahawa kekuasaan mesti berpaksi kepada rakyat. Rakyatlah yang melantik seorang pemimpin dan rakyat pula yang berhak untuk melepaskan jawatannya. Inilah pendapat yang dipegang teguh oleh kaum Mu'tazilah. Nama Mu'tazilah (yang berlepas diri) itu sendiri seolah-olah menjelaskan kedudukan kaum tersebut terhadap negara Islam serta sikap negara Islam terhadap mereka.

Pendapat seperti ini adalah pendapat orang yang jahil akan Islam, jahil akan sejarahnya dan jahil pula terhadap pemikiran para pemimpinnya. Ia merupakan satu pemahaman yang telah dicemari oleh analisis yang tidak sempurna atau terlampau menurutkan nafsu. Pendapat Dr. Faudah ini tidak dapat diterima jika ditinjau dari beberapa sudut:

Pertama: Majoriti umat Islam, terutama ahlus sunnah berpendapat bahawa memilih, memperhitungkan, meluruskan dan memberhentikan seorang pemimpin menerusi Lembaga Ahli al-Hilli wa al-'Iqdi merupakan hak dan kewajipan seluruh umat. Umat juga berkewajipan untuk menyanggah perbuatan seorang pemimpin yang secara jelas bercanggah dengan kehendak Allah. Inilah prinsip majoriti umat Islam dan bukan prinsip minoriti seperti yang digambarkan oleh penulis. Malah Ali Abdur Raziq sendiri yang pendapatnya turut dikutip oleh penulis tidak dapat mengingkari secara teori bahawa pemilihan dan perlantikan seorang khalifah dalam Islam sememangnya merujuk kepada bidang kuasa Ahli al-Hilli wa al-'Iqdi, sebab kepimpinan merupakan satu ikatan yang terhasil dari baiat Lembaga Ahli al-Hilli wa al-'Iqdi terhadap seseorang yang paling adil di antara mereka.[10]

Kedua: Penulis (Dr. Faudah) telah mencampuradukkan dua prinsip:

a. Perbuatan manusia ditentukan oleh Allah sebagai pemilik kehendak yang Maha Tinggi di alam semesta. Inilah yang dinyatakan Allah dalam firman-Nya:

تُؤْتِي ٱلْمُلْكَ مَن تَشَآءُ وَتَنزِعُ ٱلْمُلْكَ مِمَّن تَشَآءُ
وَتُعِزُّ مَن تَشَآءُ وَتُذِلُّ مَن تَشَآءُ

Terjemahan: *Engkau berikan kerajaan kepada orang yang Engkau kehendaki dan Engkau cabut kerajaan daripada orang yang Engkau kehendaki. Engkau muliakan orang yang Engkau kehendaki dan Engkau perhinakan orang yang Engkau kehendaki.*

(Surah Ali Imran 3: 26)

Inilah mazhab Ahlus Sunnah yang dianuti oleh majoriti umat Islam.

b. Tanggungjawab manusia terhadap amal perbuatan mereka, meskipun amal perbuatan tersebut terhasil dan tercipta atas kehendak Allah juga. Kaum Mu'tazilah sahaja yang tidak sependapat dengan prinsip ini.

Maka seluruh penganut Ahlus Sunnah berpendapat bahawa kehendak Allah dan takdir-Nya tidak menggugurkan tanggungjawab manusia terhadap perbuatan mereka. Itulah sebabnya mengapa manusia diwajibkan untuk menegakkan Amar Makruf Nahi Mungkar. Juga itulah yang menjadi punca ditentukannya ganjaran dan hukuman atas setiap perbuatan serta sebab diciptakannya syuga dan neraka.

Penulis mengatakan bahawa golongan Mu'tazilah telah memisahkan diri daripada Islam kerana tidak bersetuju dengan prinsip al-Hakimiah. Mereka menamakan diri mereka sebagai Mu'tazilah (yang memisahkan diri) untuk memperjelas kedudukan mereka daripada Islam dan pandangan Islam terhadap mereka. Pendapat seperti ini tidak memiliki dalil dan landasan sama sekali. Tidak pernah seorang pun di antara pakar sejarah golongan-golongan Islam pada masa silam atau pada masa ini yang menerangkan hal tersebut. Ibn Hazam, as-Shahrastani atau al-Baghdadi pada zaman dahulu tidak pernah sedikitpun mengatakan hal tersebut. Tidak pula Ahmad Amin dalam bukunya Fajar Islam pada masa sekarang. Pelbagai buku rujukan tentang sejarah mazhab-mazhab dalam Islam yang jumlahnya ratusan pun tidak pernah menyebutkannya sama sekali.

Bahkan jika kita teliti secara lebih mendalam lagi, setelah golongan Mu'tazilah memegang tampuk kekuasaan pada zaman khalifah al-Makmun, al-Mu'tasim dan al-Wathiq, golongan Mu'tazilah lah yang berlaku kejam menutup mulut seluruh golongan yang menentang pendapat mereka dengan sebatan, seksaan dan penjara.

Sejarah mencatatkan semua kekejaman mereka itu, terutama dalam peristiwa 'khalqul Qur'an' yang telah membuat mereka menyeksa dan mengazab seorang Imam besar yang sangat sabar dan teguh memegang pendirian, iaitu Imam Ahmad bin Hanbal r.a.

Ketiga: Perbuatan orang-orang yang memberontak terhadap Zunnurain Uthman bin Affan r.a tidak mewakili pendapat majoriti umat Islam, sebab mereka bukan terdiri dari golongan yang memiliki kedudukan mulia serta biasa didengar pendapat dan nasihatnya. Sebaliknya mereka merupakan sekumpulan perusuh yang tengah dikuasai oleh hawa nafsu (demikianlah para ahli sejarah menyebut mereka). Mereka telah digunakan oleh sekelompok manusia yang berusaha untuk meruntuhkan Islam dengan cara yang halus. Justeru mereka inilah yang menjadi benih bagi segolongan manusia yang menuntut diberlakukannya dasar 'kebenaran Tuhan' dalam pemerintahan, padahal dasar tersebut bercanggah dengan prinsip umum Islam.

Analisa Ucapan Khalifah Al-Mansur

Ucapan khalifah pertama Bani Abbasiah al-Mansur telah dikutip penulis dari buku *Al-Islam Wa Usul al-Hukm*, tetapi pengarang buku itu sendiri mengatakan dalam nota kakinya bahawa ucapan tersebut dikutipnya dari buku sastera *al-'Aqd al-Farid* karangan Ibn Abdu Rabbihi al-Andalusi. Profesor Dr. Abdul Hamid Mutawalli berpedapat bahawa buku sastera tidak layak dijadikan sumber rujukan dalam membahas masalah-masalah fiqh.[11]

Meskipun al-Mansur benar-benar telah mengatakan ucapan tersebut, dan tidak satu pun kajian dan perbahasan yang memperkuat pendapat ini, ianya hanyalah ucapan al-Mansur sahaja. Tidak ada satu pandangan hukum pun yang dapat disimpulkan daripadanya. Umat Islam tidak pernah diperintahkan untuk mengikuti sunnah khalifah al-Mansur dan ucapan beliau bukan merupakan hujah dalam agama Allah. Oleh itu, ucapan tersebut boleh ditolak dengan begitu sahaja.

Demikianlah jika kita memahami ucapan tersebut secara apa adanya, meski pun jika dikaji secara mendalam sebenarnya ucapan tersebut mengandungi penafsiran yang berbeza. Kemungkinan yang beliau maksudkan dalam ucapan itu ialah bahawa beliau akan menegakkan shariat Allah di muka bumi dan memastikan bahawa manusia melaksanakan hukum-hakam Allah. Bukan bahawa beliau memiliki 'kebenaran Tuhan' untuk memerintah manusia dengannya. Terbukti bahawa dalam menerajui pemerintahan,

ramai di antara kaum Muslimin yang datang untuk menasihati, menyuruh dan mencegah khalifah al-Mansur dari melakukan pelbagai tindakan. Tetapi beliau tidak pernah mengatakan kepada mereka: sesungguhnya saya ini ma'sum (terjaga) dari sebarang kesalahan, atau: saya berkuasa kerana saya memiliki 'kebenaran Tuhan' atau ucapan-ucapan lain yang serupa dengan itu. Malah kita lihat sendiri ada sebahagian hakim pada zaman itu yang menolak pendapat beliau dan menetapkan satu perkara sesuai dengan yang benar menurut pendapat mereka. Al-Mansur membiarkan mereka dan tidak melakukan sebarang tindakan terhadap mereka.

Dalam buku sejarahnya, Ibn Asakir meriwayatkan daripada Abdullah bin Salih bahawa Khalifah al-Mansur pernah menulis surat kepada Suwar Ibn Abdullah seorang hakim di bandar Basrah yang isinya sebagai berikut:

'Telitilah kes tanah yang membabitkan antara seorang gabenor dan seorang peniaga. Serahkanlah tanah tersebut kepada gabenor.'

Suwar menjawab surat tersebut seraya berkata, 'Telah sabit bukti di hadapanku bahawa tanah itu ialah milik si peniaga. Aku tidak akan mengambilnya dari tangannya kecuali dengan bukti yang kukuh.'

Al-Mansur mengutus satu surat lagi dan berkata, 'Demi Allah yang tidak ada Tuhan selain Dia, serahkanlah tanah tersebut kepada gabenor.'

Suwar menjawab lagi dengan mengatakan, 'Demi Allah yang tidak ada Tuhan selain Dia, aku tidak akan mengambilnya dari tangan si peniaga kecuali dengan bukti yang kukuh.'

Ketika jawapan Suwar itu sampai ke tangan beliau, khalifah berkata, 'Demi Allah, aku telah berusaha untuk memenuhi tuntutan keadilan, dan para hakimku telah mengembalikanku kepada jalan yang benar.'

Numair al-Madani pula meriwayatkan:

Pernah khalifah al-Mansur datang berkunjung ke Madinah. Hakim Madinah pada masa itu ialah Muhammad bin Imran at-Talhi dan saya pula sebagai jurutulis kepadanya.

Pada satu hari, sekelompok penunggang unta datang meminta tolong kepada Hakim Muhammad bin Imran at-Talhi dalam urusan mereka dengan khalifah al-Mansur. Maka Hakim at-Talhi menyuruhku untuk mengirim sepucuk surat kepada khalifah al-Mansur yang meminta beliau untuk hadir ke mahkamah.

Saya memohon kepada beliau untuk tidak menulis surat panggilan kepada khalifah dalam isu tersebut. Tetapi beliau enggan memenuhi kehendak saya. Maka tidak ada pilihan bagi saya kecuali menulis surat tersebut dan menurunkan cop ke atasnya. Kemudian hakim at-Talhi berkata kepada saya, 'Demi Allah, saya tidak perkenankan orang lain untuk menyampaikan surat ini kecuali engkau sendiri.' Maka saya pun pergi untuk menemui Rabi' (pegawai khalifah). Rabi' pun masuk untuk menghadap khalifah.

Ketika keluar dari menemui khalifah, Rabi' berkata kepada orang ramai, 'Sesungguhnya Amirul Mukminin berkata kepada kamu semua bahawa beliau telah dipanggil ke mahkamah dan beliau tidak sudi ditemani oleh sesiapapun kecuali oleh saya sendiri.' Tidak lama setelah itu, khalifah pun hadir ke mahkamah dengan ditemani oleh Rabi.

Hakim at-Talhi tidak berdiri semasa khalifah masuk ke mahkamah. Sebaliknya beliau hanya membetulkan letak serbannya. Kemudian beliau memanggil para pendakwa dan mereka pun melemparkan tuduhannya kepada khalifah dengan bukti-bukti yang jelas. Berdasarkan bukti-bukti itu Hakim at-Talhi memutuskan bahawa khalifah bersalah dalam kes tersebut. Khalifah al-Mansur menerima keputusan tersebut dengan ikhlas. Di luar mahkamah beliau berjumpa dengan hakim at-Talhi dan berkata, 'Semoga Allah memberimu ganjaran yang terbaik atas keteguhan sikapmu dalam agama. Saya telah memerintahkan bendahariku untuk memberimu sepuluh ribu dinar.'

Abdul Rahman bin Ziyad bin An'um al-Ifriqi berkata, 'Dahulu saya pernah menuntut ilmu bersama-sama dengan khalifah al-Mansur sebelum beliau menjadi khalifah. Satu hari beliau mengajakku ke rumahnya dan beliau menghidangkan makanan yang tidak berlauk. Beliau agak segan kepadaku kerana menghidangkan makanan tersebut dan berkata kepada pembantunya,

'Hai pembantu, adakah engkau menyimpan manisan?'

'Tidak ada tuan', jawab pembantu.

'Kurma?'

'Tidak ada juga.'

Akhirnya beliau berbaring seraya membaca ayat berikut:

عَسَىٰ رَبُّكُمْ أَن يُهْلِكَ عَدُوَّكُمْ وَيَسْتَخْلِفَكُمْ
فِي ٱلْأَرْضِ فَيَنظُرَ كَيْفَ تَعْمَلُونَ

Terjemahan: *Mudah-mudahan Allah membinasakan musuh-musuh kamu semua dan menjadikan kamu semua khalifah di bumi(Nya), maka Allah akan melihat bagaimana perbuatan kalian.*

(Surah al-A'araf 7: 129)

Setelah beliau menjadi khalifah saya datang menjumpainya dan beliau berkata kepada saya,

'Bagaimana kerajaanku jika dibandingkan dengan kerajaan Bani Umayyah?'

'Saya tidak pernah melihat sebarang kerosakan pada mereka seperti yang saya dapatkan dalam kerajaanmu,' jawab saya.

'Itu kerana kami tidak memiliki penyokong.'

'Umar bin Abdul Aziz pernah berkata bahawa sesungguhnya kerajaan itu serupa dengan satu pasar. Jika barang baik yang dijual nescaya akan datanglah orang-orang yang baik, manakala jika barang buruk yang dijual maka akan datang pulalah orang-orang yang buruk budi pekertinya.' Beliau terdiam.

Satu hari seorang rakyat jelata menegurnya semasa beliau sedang berkhutbah. Beliau berkata kepada orang tersebut, 'Saya terima dengan lapang hati. Terima kasih kerana engkau telah memberi peringatan kepada seorang yang besar dan terhormat. Saya berlindung kepada Allah dari meniru sikap orang yang jika dikatakan kepadanya, 'Takutlah kamu kepada Allah', malah menjadi sombong dengan dosa dan kesalahan yang diperbuatnya.'

Semua kisah ini disebutkan secara terperinci oleh al-Hafiz as-Suyuti dalam bukunya *Tarikh al-Khulafa'* ("Sejarah Para Khalifah").[12] Patutkah khalifah dengan keperibadian seperti yang digambarkan di atas dituduh telah menjalankan pemerintahannya berdasarkan konsep 'kebenaran Tuhan'? Rasanya sesetengah pihak yang melemparkan tohmahan tersebut harus berfikir kembali. Itu pun jika mereka dapat mempertahankan kesahihan riwayat yang mengandungi ucapan tersebut.

Sesiapa yang membaca dan meneliti kandungan nasihat dan hukum-hakam kitab *al-Kharaj* yang telah dikarang oleh Abu Yusuf untuk cucu khalifah al-Mansur, iaitu khalifah Harun ar-Rashid, salah seorang khalifah Bani Abbasiah yang terbesar dan termasyhur, nescaya akan meyakini dengan sesungguhnya bahawa dinasti Bani Abbasiah terhindar daripada tohmahan yang diperkatakan oleh sesetengah pihak.

Pemerintahan yang berteraskan 'kebenaran Tuhan' merupakan satu pemerintahan yang bercanggah dengan asas-asas shariat, pemikiran dan cita rasa keislaman. Oleh itu, bentuk pemerintahan seperti ini tidak pernah wujud secara praktikal sepanjang sejarah pemerintahan kaum Muslimin.

REVOLUSI IRAN

Sepanjang sejarah umat Islam selama empat belas abad, hanya dua ucapan di atas (ucapan Saidina Uthman r.a. dan ucapan al-Mansur) yang dijadikan hujah oleh pihak yang menentang pemerintahan Islam. Manakala dari sejarah Islam moden pula, hujah yang mereka gunakan ialah pengalaman revolusi Iran yang diasaskan pada kekuasaan para 'Ayatullah' dan para 'Mullah'.

Seorang pengkaji yang jujur tentunya akan menyedari bahawa negara Iran bukanlah merupakan hujah yang kukuh dalam perbahasan ini jika ditinjau daripada beberapa segi:

- Konsep hukum dalam negara Iran yang bermazhab Syiah berbeza dengan konsep hukum yang difahami dan diyakini oleh Ahlus Sunnah yang mewakili majoriti umat Islam.

- Garis pemikiran Syiah dalam isu ini jelas menyeleweng daripada garis pemikiran Islam yang am, terutama dari segi akidah dan fiqh.

- Mazhab Syiah menjadikan isu kepimpinan sebagai masalah akidah yang asas, manakala Ahlus Sunnah menganggapnya sebagai masalah furu' (cabang).

- Kepimpinan bagi mereka ditentukan melalui nas (teks agama), manakala kita menentukan kepimpinan melalui pemilihan.

- Seorang pemimpin menurut pemahaman mereka adalah ma'sum (terjaga daripada kesalahan). Kita pula berpendapat bahawa seorang pemimpin itu hanyalah manusia biasa yang boleh benar dan boleh salah.

- Darjat seorang pemimpin dalam pandangan mereka sangat tinggi sehingga seorang malaikat atau nabi tidak akan dapat mencapainya. Manakala darjah seorang pemimpin dalam pandangan kita tercermin dalam ucapan Abu Bakar as-Siddiq,

'Saya telah dilantik untuk memimpin kamu semua, tetapi tidak bererti bahawa saya adalah manusia yang paling baik di antara kamu.' Juga tersirat dalam ucapan Umar Ibn Abdul Aziz, 'Saya serupa dengan salah seorang di antara kamu, namun beban yang diletakkan Allah di bahu saya lebih berat daripada beban kamu semua.'

- Syiah memandang bahawa apabila seseorang telah dilantik sebagai pemimpin maka jawatannya tidak boleh dilepaskan dengan apa jua cara. Kita pula berpendapat bahawa umat memiliki hak mutlak untuk melantik seorang pemimpin dan hanya mereka pula yang dapat memberhentikannya.

Inilah yang tertera dalam akidah dan fiqh mereka. Tetapi adakah sifat ma'sum turut menjadi kriteria para pemimpin negara Iran sekarang ini, atau kepimpinan dengan kriteria seperti ini tinggal kenangan sejarah yang sudah beku dan terkunci rapat pintunya bersamaan dengan hilangnya imam kedua belas sekitar dua belas abad yang lalu?

Apa pendapat para pemimpin di Iran dewasa ini? Apa yang tertulis dalam undang-undang mereka, dan apa yang berlaku dalam realiti kehidupan mereka? Bukankah Khomeini mereka dianggap sebagai seorang imam yang suci dan ketinggian darjatnya dianggap telah hampir kepada darjat ma'sum?

Al-Ustaz Fahmi Huwaydi, seorang penulis Islam yang masyhur, sering datang berkunjung ke negara Iran dan bertemu dengan para pemimpinnya. Beliau juga berjaya mempelajari kedudukan negara Iran. Dalam jawapan beliau terhadap tohmahan buku *Kedustaan Konsep Kebenaran Tuhan* beliau berkata:

> 'Mereka (kaum sekularis) juga sering menjadikan pengalaman revolusi Iran sebagai hujah dan menuduh bahawa pemerintahan yang sedang berlaku di sana adalah pemerintahan berdasarkan konsep 'kebenaran Tuhan' yang merupakan prinsip asas dalam negara agama. Pengkiasan mereka ini merupakan satu pandangan yang salah ditinjau dari dua segi:
>
> '**Pertama**: Mereka membincangkan pengalaman penganut Syiah yang menentukan pemimpin hanya dari kalangan agama. Padahal, paling sedikit tiga perempat dari kaum Muslimin di seluruh dunia merupakan pengikut Ahlus Sunnah. Perbezaan di antara kedua-dua mazhab dalam isu kepimpinan adalah

sangat besar. Mereka menganggap masalah kepimpinan sebagai salah satu masalah akidah, manakala kita pula memahaminya sebagai masalah furu' (cabang).

'Kedua: Sistem pemerintahan di Iran tidak pernah sekalipun mengaku bahawa mereka mengamalkan konsep 'kebenaran Tuhan' dalam menjalankan pemerintahan. Memang benar kaum agama ramai yang terlibat dalam pemerintahan, tetapi kuasa mereka hanya dalam bidang politik sahaja bukan dalam bidang agama. Kita masih ingat lagi bahawa pada masa awal kejayaan revolusi kepimpinan diterajui sepenuhnya oleh orang-orang politik dan sivil. Bazarkan, perdana menteri pertama setelah revolusi ialah seorang jurutera, manakala Abul Hasan Bani Sadar, presiden pertama mereka ialah seorang ahli ekonomi.

'Pada mulanya, mereka telah mengasaskan undang-undang yang menetapkan bahawa kaum agama hanya berperanan sebagai lembaga penyelia dan penasihat dan bukan penguatkuasa. Tetapi apabila kerjasama di antara dua belah pihak dinilai tidak berjaya ekoran beberapa faktor, kaum agama pun memegang kekuasaan. Kekuasaan mereka tidaklah sama dengan kekuasaan para rahib dan pendeta dalam negara teokrasi. Sebaliknya mereka dipilih kerana rakyat menganggap mereka sebagai orang-orang yang jujur dan ikhlas. Kejujuran dan keikhlasan merupakan dua asas pemilihan dalam sebarang bentuk politik masa kini, dan ia merupakan satu perkara yang biasa berlaku dalam pelbagai sistem revolusi.

'Perkara terpenting daripada itu semua ialah, Syiah Imamiyah sememangnya mengakui bahawa seorang Imam (pemimpin) itu ma'sum, tetapi kema'suman tersebut hanya terdapat pada para pemimpin daripada keturunan Nabi Muhammad s.a.w. sahaja, khasnya pada Fatimah dan al-Husain. Selain itu mereka juga menetapkan kema'suman dua belas imam pada masa lalu, tetapi para imam tersebut merupakan pemimpin dalam bidang kerohanian sahaja, bukan dalam politik.

'Imam yang kedua belas pula telah hilang sejak dua belas abad yang lalu. Mereka meyakininya sebagai imam yang ghaib. Dalam masa keghaiban imam kedua belas ini, seorang pemimpin masyarakat Syiah dianggap mewakili kepimpinan imam kedua belas. Maka dia harus dihormati sebagai sumber rujukan dalam masalah-masalah keagamaan. Tetapi dia tidak memiliki sebarang sifat kema'suman. Sifat tersebut telah hilang dengan hilangnya imam kedua belas.

Inilah yang berlaku dalam sistem kepimpinan politik di negara Iran dewasa ini.

'Gelaran yang harus diberikan kepada Ayatullah Khomeini sebenarnya adalah 'Naib Imam'. Tetapi orang ramai lebih suka menyebutnya sebagai 'Imam' sebab perkataan tersebut terasa lebih mudah diucapkan.

'Pemerintahan Khomeini tidak pernah menganggap orang-orang yang menentangnya sebagai 'musuh-musuh Allah'. Sebaliknya beliau menganggap mereka hanyalah para pembangkang yang tidak bersetuju terhadap sistem negara. Malah terdapat di antara ulama-ulama besar, yang menjadi rujukan dalam fiqh Syiah, menentang konsep 'kedaulatan ahli agama' (Wilayat al-Faqih) yang menjadi asas sistem pemerintahan Khomeini. Tetapi Khomeni tidak pernah mengkafirkan mereka atau menghukum mereka atas pendirian tersebut.

Para menteri kabinet di Iran diawasi secara ketat oleh Majlis Shura tanpa mendapatkan perlindungan dalam bentuk apa pun. Malah pada musim panas tahun 1984, Majlis Shura pernah memecat tujuh orang menteri dalam satu masa. Undang-undang mereka pula menetapkan bahawa 'Naib Imam' yang merupakan pemimpin negara dilantik berdasarkan pemilihan, manakala presiden pula dilantik menerusi pilihan raya.'

Jika seseorang menyedari fakta-fakta di atas nescaya dia tidak akan melemparkan tuduhan bahawa pemerintahan di Iran berjalan di atas konsep 'kebenaran Tuhan'.

Walau bagaimanapun, sifat negara Iran dengan asas pemikiran, perkembangan, lingkungan dan para pelaksananya merupakan satu pola tersendiri yang berlainan dari Ahlus Sunnah. Oleh itu, ia tidak boleh dikiaskan atau dijadikan hujah terhadap majoriti umat Islam yang menganut mazhab Ahlus Sunnah.

FAIL-FAIL YANG MESTI DITUTUP

Dalam beberapa buku yang saya karang, di antaranya buku *At-Thaqafah Al-'Arabiyah Al-Islamiyah Bayna Al-Asalah Wa Al-Mu'asarah* ("Budaya Arab dan Islam Antara Keaslian dan Kekinian"), saya sebutkan bahawa terdapat beberapa isu yang mesti kita tutup fail-failnya kerana ia menghalangi kita daripada membahas perkara lain. Di dalam isu tersebut telah jelas mana yang betul dan mana yang salah, telah tercapai hakikat kebenaran dan telah menyingsing sinar fajar dengan terangnya.

Tidak ada gunanya jika kita tetap berpusing-pusing di dalamnya. Banyak lagi isu-isu serius yang memerlukan kajian mendalam serta kerjasama antara sesama untuk merealisasikannya. Masa, usaha dan pemikiran yang kita miliki tentu akan lebih bermanfaat jika kita gunakan untuk membahas isu-isu tersebut. Usia kita sangat singkat dan berharga untuk disia-siakan dalam membahas perkara-perkara yang telah jelas, menghasilkan sesuatu yang telah dikeluarkan atau menyebarkan pemahaman yang telah tersebar luas.

FAIL-FAIL TENTANG NEGARA ATAU KEKUASAAN AGAMA

Di antara isu-isu yang harus segera kita tinggalkan dan kita tutup fail-failnya ialah isu berkenaan dengan Islam dan negara agama (teokrasi). Pernah terjadi polemik sengit mengenai isu berkenaan antara Ustaz Muhammad Abduh dengan Farah Anton pemilik majalah *Al-Jami'ah*. Ustaz Muhammad Abduh telah menamatkan polemik tersebut dengan menegaskan bahawa di antara enam cara utama yang digunakan Islam untuk mengukuhkan institusi ilmu pengetahuan dan kedaulatan rakyat ialah dengan meruntuhkan kekuasaan negara teokrasi, bukan dengan mendirikan dan memperkuatkannya! Keterangan yang cukup tegas dan jelas dari Ustaz Muhammad Abduh itu telah membuat lawan polemiknya terdiam.

Sayang, pada masa sekarang ini masih lagi bermunculan orang-orang yang ingin kembali membahasnya, seolah-olah ia perkara baru yang belum pernah dibahas.

Ustaz Muhammad Abduh menjelaskan pemikiran beliau dalam perenggan berikut:

'Islam telah berjaya meruntuhkan bangunan kekuasaan seperti itu dan menghapuskan saki baki pengaruhnya. Tidak pernah Islam memberikan sebarang kekuasaan kepada seseorang selain Allah dan rasul-Nya untuk mengawal akidah orang lain atau menguasai keimanannya. Tidak pernah Islam memberikan kuasa kepada sesiapa pun sama ada di bumi atau di langit untuk menentukan halal dan haramnya sebarang perkara. Keimanan seseorang terhadap Allah telah membuat dirinya merdeka dan ia tidak merasa diawasi kecuali oleh Allah sahaja. Hak seorang Muslim, betapa tinggi pun kedudukannya, terhadap orang lain, betapa rendah pun kedudukannya, hanyalah memberi nasihat dan petunjuk.'

Mengenai pemimpin dan pemerintah pula, Ustaz berkata: 'Mereka tidak memiliki sebarang keistimewaan dalam memahami al-Quran, ilmu pengetahuan atau pun tentang hukum-hakam. Kedudukan mereka sebagai pemimpin tidak menyebabkan tingginya martabat mereka dalam perkara-perkara tersebut. Sebaliknya martabat mereka sama sahaja dengan orang ramai yang mendalami ilmu pengetahuan.

'Seseorang diiktiraf keutamaannya hanya dengan kejernihan pemikiran dan kejituan pandangannya dalam memahami pelbagai masalah hukum. Hanya pemimpin seperti inilah yang mesti diambil berat pandangannya selagi ia berpegang teguh kepada manhaj al-Quran dan as-Sunnah. Kepadanyalah umat Islam mesti memberi sokongan padu. Sebaliknya, jika ia menyeleweng daripada manhaj al-Quran dan as-Sunnah, umat Islam mesti bangkit menentang dan meluruskannya dengan memberi nasihat dan peringatan. Tidak ada ketaatan terhadap makhluk dalam kederhakaan terhadap al-Khalik (Allah). Bahkan jika ia telah meninggalkan manhaj al-Quran dan as-Sunnah secara terang-terangan, umat Islam wajib memecat dan menggantinya. Umatlah yang melantiknya, umatlah yang berkuasa terhadapnya dan umatlah yang berhak untuk memberhentikannya demi kemaslahatan. Inilah sistem pemerintahan sivil dari segala seginya.'[13]

Demikianlah pendapat Imam Muhammad Abduh. Pendapat tersebut diperjelas lagi oleh al-Allamah as-Sheikh Muhammad Bahkhit al-Muti'iy, mufti Mesir dalam ulasan beliau terhadap buku karangan Ali Abdur Raziq *Al-Islam Wa Usul Al-Hukm* (Islam dan Asas-Asas Hukum). Dua ulama lainnya iaitu al-Allamah Muhammad Tahir bin Ashur, ketua Majlis Ulama Tunisia dan Muhammad al-Khidr Hussain Rektor Universiti al-Azhar, turut memberi ulasan yang menyanggah isi kandungan buku tersebut. Pandangan para ulama tersebut turut disokong dan ditegaskan oleh para cendekiawan, pendakwah dan ahli hukum yang terlibat dalam penyusunan hukum atau sistem politik.[14]

Meskipun masalah ini merupakan masalah yang sangat jelas dan tegas, pengikut fahaman barat, sama ada yang beraliran kanan atau kiri, berusaha untuk membangkit-bangkitkannya semula. Ulasan terakhir yang sempat saya baca mengenai hal ini ialah tulisan pemikir Marxis terkenal Prof. Mahmud Amin Al-Alim dalam satu makalahnya yang dimuat dalam surat kabar *al-Ahram* bertajuk "Politik dan Kekuasaan Islam". Di antara pemikiran beliau yang terkandung dalam tulisan tersebut ialah sebagai berikut:

'Kita menyaksikan wujudnya berbagai-bagai aliran dalam Islam. Ada aliran 'Islam Moderat' dan ada pula aliran 'Islam Fanatik' yang biasa kita kenali dengan istilah 'Islam Teroris'. Namun, betapapun banyaknya aliran-aliran tersebut, kita melihat adanya keseragaman sikap yang menyatukan mereka semua, iaitu sikap mereka terhadap kekuasaan dan pemerintahan. Kesemua aliran Islam tersebut bersepakat untuk menyeru kepada pemerintahan agama. Usaha mereka itu tidak cukup hanya dengan perlaksanaan undang-undang shariah sahaja, tetapi juga dengan mengislamkan seluruh aspek dalam pemerintahan dan kehidupan bermasyarakat. Bahkan sebahagian mereka juga menyeru kepada Islamisasi ilmu pengetahuan, sama ada ilmu-ilmu sosial atau ilmu-ilmu sains seperti fizik dan lain-lain.'[15]

Saya dan para penulis yang lain sentiasa berusaha untuk menjelaskan bahawa Islam tidak menyeru kepada 'Pemerintahan Agama' dengan bentuk yang serupa dengan kekuasaan para pendeta dalam masyarakat Barat pada abad-abad pertengahan. Sebaliknya Islam menyeru kepada 'Pemerintahan Islam' dalam erti pemerintahan sivil yang berteraskan ajaran Islam dalam peraturan, undang-undang dan urusan-urusan politiknya di dalam dan di luar negara.

Sayangnya Prof. Al-Alim mengingkari hakikat tersebut, sebagaimana dia mengingkari usaha mengislamkan pemerintahan dan masyarakat! Dia menganggap semua perkara tersebut hanyalah hasil kreativiti sekelompok manusia yang digelarinya sebagai 'Islam Politik'. Peranan apa yang diinginkannya bagi Islam dalam kehidupan? Apa yang difahaminya dari perlaksanaan shariat Islam, jika pemerintahan dan masyarakat tidak diislamkan terlebih dahulu?

Pada masa kejayaan Marxisme, Prof. Al-Alim beserta rakan-rakannya pernah menyeru kepada 'Pemerintahan dan Masyarakat Marxsis'. Sekarang, pada masa kebangkitan Islam dia menginginkan agar Islam berperanan sebagai pemerhati sahaja. Dia berpendapat bahawa pemerintahan, kekuasaan, masyarakat dan budaya mesti berjalan dalam jalur yang lain. Boleh ke kiri atau pun ke kanan, asalkan tidak pada jalur Islam!

Usaha ke arah mengislamkan ilmu pengetahuan, khasnya ilmu pengetahuan sosial, sama dengan usaha mengislamkan kebudayaan.[16] Pengislaman kebudayaan merupakan satu usaha untuk memerdekakan budaya kita dari dominasi budaya Barat, sehingga ia dapat tumbuh menjadi satu budaya yang murni dan benar-benar sesuai dengan pemikiran dan perasaaan umat. Tidak syak lagi, ilmu pengetahuan sosial paling kuat hubungannya dengan budaya setiap umat serta kriteria peradabannya.

Semua ini menuntut agar seluruh ilmu-ilmu kemanusiaan (*human sciences*) dan ilmu-ilmu sosial ditinjau semula dengan satu pendekatan baru yang tidak mengikuti Barat secara membuta tuli dan tidak pula menolaknya secara keseluruhan. Sebaliknya, kita mesti mengulangi kembali pengkajian dan perbahasan kita terhadap ilmu-ilmu tersebut, berbekalkan pemikiran yang jujur dan terbuka serta diiringi dengan prinsip-prinsip agama dan pemikiran. Kita akan mengambil sebahagian daripada ilmu-ilmu tersebut dan meninggalkan sebahagian yang lain. Kemudian, kita akan meneliti dan memberikan penilaian terhadap ilmu-ilmu tersebut berdasarkan kaedah-kaedah ilmiah yang objektif dan terhindar dari sebarang kefanatikan terhadap nilai-nilai tradisional mahupun pengagungan nilai-nilai moden.

Dengan cara itu, diharapkan akan muncul pusat-pusat pengkajian Islam terhadap pelbagai disiplin ilmu yang mampu bersaing dengan pusat-pusat pengkajian di Barat. Hal ini tentunya tidak dapat direalisasikan hanya dengan mengetengahkan tajuk-tajuk perbahasan sahaja. Tetapi diperlukan kajian yang terus-menerus serta penelitian-penelitian yang dilakukan dengan penuh kesungguhan dan kesabaran.

Tentang pengislaman ilmu-ilmu sains, saya sendiri tidak pernah mendengar seorang pemikir Muslim yang menyeru ke arah tersebut. Tetapi saya berpendapat bahawa kita mesti mengikat ilmu-ilmu sains tersebut dengan falsafah dan teori asas dalam alam semesta, iaitu:

- Seluruh alam semesta ini diciptakan oleh Allah s.w.t.

- Undang-undang dan sunnah Allah dalam alam semesta ini tidak akan mengalami sebarang perubahan.

- Setiap perkara yang berlaku dalam alam semesta ini tidak terjadi secara kebetulan dan bukan pula merupakan satu interaksi rambang antara pelbagai zat. Sebaliknya, seluruh kejadian dalam alam semesta ini terjadi kerana kehendak Allah yang menciptakan dan menentukan ukuran segala sesuatu secara sempurna.

Di samping itu harus pula dipastikan bahawa ilmu-ilmu sains ini dikembangkan hanya untuk kemaslahatan umat manusia dan untuk malah mendatangkan kemudaratan kepada mereka. Oleh

itu, hubungan antara sains dengan iman dan akhlak mesti dipererat dan diperteguhkan.

Tidak ada sebarang risiko yang membahayakan sains jika para saintis mengucapkan perkataan yang pernah diucapkan oleh Nabi Sulaiman, tatkala seorang alim berjaya menghadirkan singgahsana Ratu Balqis ke hadapannya dalam sekelip mata:

هَٰذَا مِن فَضْلِ رَبِّي لِيَبْلُوَنِي ءَأَشْكُرُ أَمْ أَكْفُرُ

Terjemahan: *Inilah kurnia Tuhanku, untuk mengujiku sama ada aku bersyukur atau kufur (terhadap nikmat-Nya)*

(Surah an-Naml 27: 40)

Begitu juga dengan mengucapkan perkataan yang disebutkan oleh Zulqarnain setelah berjaya membina empangan yang besar dan kukuh:

هَٰذَا رَحْمَةٌ مِّن رَّبِّي

Terjemahan: *Inilah rahmat dari Tuhanku*

(Surah al-Kahfi 18: 98)

Dari sini, jelaslah bahawa pemahaman penulis (Prof. Al-'Alim) terhadap Islamisasi pemerintah, masyarakat, dan ilmu pengetahuan tidak berhubungan sama sekali dengan apa yang diperjuangkan oleh aliran Islam moderat (sederhana), satu aliran yang paling dalam akarnya, paling ramai pengikutnya dan paling luas perkembangannya berbanding aliran-aliran Islam yang lain. Menyamaratakan seluruh aliran ini dengan menyifatkannya sebagai moderat, fanatik atau pun teroris adalah sama dengan menyamakan pelbagai entiti yang bercanggah dan berbeza.

FAIL SEKULARISME

Di antara fail-fail yang mesti segera ditutup ialah fail sekularisme yang memisahkan agama dengan kehidupan masyarakat. Dr. Kamal Abdul Majdi mengatakan bahawa sekularisme merupakan satu trend pemikiran yang bukan berasal dari kawasan kita. Bahkan ia timbul dan berkembang ekoran keadaan yang tidak terdapat pada suasana sosial kita.

Masyarakat Barat menyeru kepada sekularisme untuk menghadapi kemaraan dominasi para pendeta gereja. Di sana para pendeta berdiri bersama orang-orang yang jahil dan jumud untuk menghalangi perkembangan pemikiran dan ilmu pengetahuan. Para pendeta itu juga bekerjasama dengan para raja, para bangsawan dan perompak untuk menindas rakyat jelata dan orang-orang miskin.

Kita tidak mengenal kekuasaan para pendeta atau dominasi para pemimpin agama di negara kita. Kita tidak memiliki pemimpin agama yang menetapkan peraturan secara sewenang-wenang, sehingga berani mengatakan bahawa perkara yang dihalalkan atau diharamkan dalam ketetapan mereka itulah yang dihalalkan atau diharamkan di langit.

Saya pernah menerangkan dalam satu perbahasan bahawa sekularisme di Barat memiliki akar pemikiran falsafah yang berpangkal kepada Aristotle. Aristotle berpendapat tidak ada hubungan antara Tuhan dengan alam semesta. Tuhan tidak tahu-menahu tentang apa yang terjadi pada alam semesta dan tidak mempunyai sebarang kuasa untuk mengatur urusan-urusan di dalamnya. Pemikiran tersebut juga berakar dari dasar agama mereka yang membahagikan kehidupan kepada kekuasaan Tuhan dan kekuasaan kaisar (raja). Demikianlah yang dapat disimpulkan dari apa yang tertulis dalam kitab suci mereka yang mengatakan, 'tinggalkan apa yang menjadi milik kaisar untuk kaisar, dan apa yang menjadi milik Tuhan untuk Tuhan.'

Sekularisme merupakan satu konsep yang bercanggah dengan agama, pemikiran dan kemaslahatan umat. Sekularismelah yang menghilangkan potensi besar yang terkandung di dalam akidah dan shariah Islam. Beberapa negara Islam pernah mencuba menerapkan konsep sekularisme ini. Pedang kekuasaan dan sebatan penyiksaan dikenakan terhadap rakyat agar mereka patuh menjalankan idea tersebut. Mereka berpendapat inilah caranya untuk mengikuti kemajuan yang telah dicapai Barat dan negara-negara maju yang lain. Lihatlah buktinya hari ini. Berjayakah mereka? Sudahkah mereka menjadi negara-negara yang maju dan berkembang seperti yang diharapkan?

Contoh paling jelas daripada gambaran di atas ialah negara Turki dalam pemerintahan Attaturk yang mengikuti jejak langkah Barat dalam segala sesuatu termasuk dalam memakai topi sebagai pengganti tarbus. Ia juga mengharamkan hijab dan menghapuskan hukum-hukum shariah termasuk dalam urusan pernikahan, talak,

harta pusaka dan urusan rumah tangga. Generasi Islam pula terputus hubungan dengan warisan khazanah peradaban mereka apabila penggunaan huruf Arab diharamkan dan digantikan dengan huruf latin. Hal itu juga membuat masyarakat Turki terpisah dari dunia Islam secara am dan dengan dunia Arab secara khas. Malah melaungkan azan dalam bahasa Arab pun pada masa itu dianggap sebagai satu perbuatan jenayah.

Kini apa hasil yang telah mereka perolehi? Mereka tidak berjaya memotong akar keislaman sepenuhnya meski pun mata pelajaran Islam telah berjaya mereka hapuskan dari sukatan sekolah, kegiatan kebudayaan dan liputan media. Akibatnya sebahagian besar rakyat Turki hidup dalam pertelingkahan antara masa silam dengan masa sekarang dan antara akidah dengan realiti kehidupan.

Nasib negara Turki sekular akhirnya seperti yang diungkapkan oleh seorang penulis wanita berkebangsaan Turki, 'Dahulu kami merupakan negara paling utama di Timur. Kini kami menjadi negara yang paling belakang dalam dunia Barat!'

Meskipun negara-negara Barat memberi kebenaran kepada Turki untuk bergabung dengannya, mereka tidak pernah mengiktiraf Turki sebagai salah satu anggota tubuhnya dan sebahagian daripada peradabannya. Itulah sebabnya mengapa mereka tidak menerima Turki untuk menjadi anggota Masyarakat Ekonomi Eropah (European Economic Community). Bahkan seorang ahli parlimen negara Jerman berkata, 'Peradaban Turki tidak serupa sama sekali dengan peradaban kita.'

Negara Turki sekular akhirnya hanya mengulangi kisah seekor burung gagak yang ingin menjadi burung helang. Oleh itu ia pun sentiasa terbang mengikuti burung helang. Sayang, cara tersebut rupanya tidak membuatnya berjaya bertukar menjadi seekor helang, dan ia enggan pula untuk kembali menjadi burung gagak!

NOTA BAHAGIAN KETIGA

1 *Nadwah at-Tatarruf as-Siyasi ad-Dini*, Majalah 'Fikir' bilangan kelapan, Disember 1985, ms. 73-74, dengan sedikit perubahan. Dipetik daripada makalah Prof. Dr. Fahmi "Huwaydi Ukzubat al-Hukum al-Ilahi", al-Ahram 14-10-1987.

2 Telah kami jawab dalam buku kami *al-Islam wa al-'Ilmaniyyah* ("Islam dan Sekularisasi").

3 *Al-Mustasfa*, jilid 1, ms. 80, cetakan Dar Sadir, Beirut, disalin daripada cetakan Bulaq.

4 *Al-Mustasfa*, jilid 1, ms. 83, cetakan Dar Sadir, Beirut, disalin daripada cetakan Bulaq. Dalam buku tersebut disebutkan bahawa ijma' para ulama umat Islam menyatakan bahawa hukum hanya bersumber daripada Allah. Tetapi kaum Mu'tazilah mendakwa bahawa hukum merupakan hasil kreativiti akal manusia. Seseorang yang mengaku beragama Islam tidak akan berani mengeluarkan pernyataan seperti itu. Sebaliknya ia akan berkata bahawa fungsi akal ialah untuk mengenal pasti hukum-hukum Allah, sama ada telah digariskan oleh syariah atau tidak. Inilah yang telah ditetapkan oleh ulama-ulama besar kita (yakni ulama mazhab al-Maturidiyah). (Kitab al-Mustasfa, ms. 25).

5 Al-Mawdudi berpendapat bahwa para pendeta dan paderi Kristian tidak memiliki landasan syariah untuk dijadikan sumber hukum, kecuali nasihat-nasihat moral yang dikatakan berasal daripada Isa a.s. Itulah sebabnya mengapa mereka menetapkan hukum dan undang-undang mengikut kehendak hawa nafsu sendiri, kemudian mereka menggesa negara-negara Kristian untuk melaksanakannya dengan mengatakan bahawa undang-undang tersebut berasal daripada Tuhan. Allah mengutuk sikap mereka itu dalam firman-Nya:

Terjemahan: Maka kecelakaan besarlah bagi orang-orang yang menulis al-Kitab dengan tangan mereka sendiri, lalu dikatakannya, 'Ini dari Allah'. (Surah al-Baqarah 2: 79).

6 Lihat buku saya: *Syariah al-Islam Solihah Littatbiq Fi Kulli Zaman wa Makan.* ("Syariat Islam Sesuai Untuk Dilaksanakan Pada Setiap Zaman dan kawasan").

7 *Kumpulan Teori dan Petunjuk Islam Dalam Politik*, Undang-Undang dan Peraturan, ms. 171.

8 *Al-Bidayah wa An-Nihayah.*

9 Fahmi Huwaydi, *Ukzubat al-Hukm al- Ilahi*, makalah dalam surat khabar al-Ahram.

10 Dr. Ali Abdur Raziq, *al-Islam Wa Usul al-Hukm*, ms. 24.

11 *Mabadik Nizam al-Hukm fi al-Islam*, cetakan kedua, Yayasan al-Ma'arif, Alexandria.

12 As-Suyuti, *Tarikh al-Khulafak*, bab biografi khalifah al-Mansur, ms 241-253, cetakan Dar al-Fikr, Beirut.

13 Kompilasi Tulisan Imam Muhammad Abduh, jilid 3, ms. 285-287.

14 Sebagai contoh sila lihat tulisan-tulisan para ulama seperti Muhammad Yusuf Musa, Muhammad as-Sodiq Arjoun, Hassan al-Banna, Abdul Qadir 'Awdah, Sayid Qutub, Muhammad al-Ghazali, Muhammad Salim al-'Awa, Muhammad Abu Faris, Abdul Jamil Mutawalli dan yang terakhir Ustaz Khalid Muhammad Khalid dalam karyanya *ad-Dawlah fi al-Islam* ("Negara Dalam Islam") sebagai pembetulan terhadap tulisannya terdahulu *Min Huna Nabdak* ("Dari Sini Kita Mulakan").

15 Terorisme dan Fanatisme Dalam Pemikiran Para Cendekiawan, al-Ahram, 9hb. Disember 1992. Makalah ini diulas oleh Ustaz Fahmi Huwaydi dalam tulisan mingguannya bertajuk Agar Kita Tidak Memasuk Peperangan yang Salah, al-Ahram, 15hb. Disember 1992.

16 Sila rujuk buku-buku yang diterbitkan oleh International Institute of Islamic Thought, Washington, berkenaan dengan isu Islamisasi Ilmu Pengetahuan. Di antaranya ialah karya-karya Allahyarham Dr. Ismail Farouqi, Dr. Abdul Hamid Abu Sulayman, Dr. Imaduddin Khalil, Dr. Taha Jabir al-'Alwani, dan lain-lain.

BAHAGIAN 4

Menuju Ke Arah Fiqh Politik Yang Berwibawa

GEJALA-GEJALA NEGATIF DALAM BIDANG FIQH DAN PEMIKIRAN

Terdapat beberapa gejala negatif dalam bidang fiqh dan pemikiran. Hakikat ini sememangnya boleh dikesan oleh setiap orang yang mengkaji kancah pergerakan Islam atau gerakan kebangkitan Islam dengan teliti. Terlebih lagi jika kajian-kajian tersebut dikaitkan dengan masalah politik dan fiqh politik.

Sekitar tahun lima puluhan dan enam puluhan pada abad ini, telah muncul satu pemahaman fiqh yang dinamakan dengan 'fiqh ujian'. Pemahaman tersebut muncul akibat ujian dan hentaman hebat yang menimpa pergerakan Islam secara bertubi-tubi. Ia merupakan satu kajian fiqh yang dinamik dan inovatif. Sayangnya, penganut pemahaman tersebut kemudian menyeleweng ke arah mengkafirkan masyarakat di sekeliling mereka. Mereka memandang kehidupan dan manusia dengan pandangan negatif. Para pendakwahnya pula meninggalkan masyarakat kerana merasa tinggi hati dan lebih mulia.

Pemahaman seperti ini masih lagi mempengaruhi pemikiran beberapa penulis dan penasihat dalam gerakan Islam, sehingga hasil dakwah, tarbiyah dan pandangan politik mereka pun turut pula diwarnai oleh pemahaman tersebut. Para ahli gerakan Islam harus melupakan trauma ujian yang mengakibatkan timbulnya

pemahaman tersebut. Sudah masanya kini mereka kembali bergaul dengan masyarakat dan kehidupan menerusi pemahaman dan pemikiran yang sihat.

Di samping itu terdapat pula 'Fiqh Zohiri'. Pengikut aliran ini menamakan diri mereka sebagai 'Pengikut Mazhab Zohiri Baru'. Fiqh Zohiri mendoktrin pengikutnya agar mengikuti al-Quran dan al-Hadith sesuai dengan kandungan makna harfiahnya sahaja. Mereka dilarang untuk menghubungkaitkan sebarang teks agama dengan tujuan-tujuan syariah atau kemaslahatan manusia. Padahal para ulama telah menegaskan bahawa tujuan ditetapkannya hukum-hakam adalah untuk merealisasikan kemaslahatan manusia di dunia dan di akhirat. Oleh itu, setiap hukum yang terkeluar dari prinsip kemaslahatan ke arah kerosakan, dari prinsip keadilan ke arah kezaliman, dari rahmat Allah ke arah kemurkaan Allah atau dari perbuatan hikmah ke arah perbuatan sia-sia, maka ia tidak lagi berada dalam lingkungan syariah. Hal ini biasanya berlaku akibat kesilapan dalam mentakwilkan teks agama. Demikian pendapat Imam Ibn al-Qayyim.

Pemikiran dan pemahaman tersebut mungkin dapat diterima jika ia diterapkan dalam peraturan atau hukum yang membabitkan inidividu-individu tertentu. Tetapi dalam masalah 'siyasah shar'iyyah' yang membabitkan urusan-urusan seluruh manusia di pelbagai kawasan, sama ada Muslim atau kafir, kuat atau lemah, ia tidak dapat diterima sama sekali. Setiap hukum dan peraturan syariah sepatutnya diterapkan secara lentur dan bertolak ansur, dengan mengambil kira pelbagai pertimbangan dan perubahan-perubahan yang berlaku terhadap masa, tempat dan keadaan manusia itu sendiri.

Terdapat pula pemahaman dan pemikiran yang disebut dengan 'Fiqh Khariji'. Pemahaman tersebut diasaskan mengikut pandangan mazhab Khawarij pada masa silam. Para pengikut pemahaman ini berjiwa ikhlas dan berani. Sayangnya pandangan dan wawasan mereka terhadap agama dan kehidupan sangat sempit, dan sikap mereka terhadap orang lain pula sangat keras dan ganas. Kegiatan mereka berpaksi pada tindakan menolak, melemparkan tuduhan dan menaruh prasangka terhadap orang-orang Islam. Lebih daripada itu, mereka juga merasa diri merekalah yang paling benar, padahal perasaan seperti itulah yang merupakan punca kebinasaan.

Kemudian kita juga mengenal pemahaman tradisional atau 'fiqh tradisional'. Para pengikut fiqh ini berusaha untuk mencari jalan keluar terhadap setiap masalah politik dan hukum yang mereka hadapi menerusi buku-buku para ulama mazhabnya sahaja.

Tidak pernah mereka berusaha untuk mencarinya di luar lingkaran tersebut. Mereka juga tidak pernah memandang shariyyah dalam wawasannya yang luas, dan kurang bersetuju melihat cara-cara penyelesaian semasa. Pandangan seperti inilah yang mempersempitkan jalan yang telah diluaskan Allah dan menyusahkan urusan yang telah dipermudahkan Allah.

Pergerakan dan kebangkitan Islam tidak akan pernah berjaya menghasilkan fiqh politik yang adil dan berwibawa, kecuali jika ia meninggalkan seluruh pemahaman negatif seperti di atas beserta para penyokongnya. Fiqh baru ini hanya akan sempurna kematangannya jika kita semua menumpukan perhatian untuk membicangkan Fiqh Sunnah, Fiqh Matlamat, Fiqh Keseimbangan, Fiqh Keutamaan dan Fiqh Perbezaan Pendapat.

KESILAPAN DALAM FIQH POLITIK YANG MESTI DIPERBETULKAN

Gerakan Islam mesti berusaha meluruskan pemahaman-pemahaman, hukum-hakam serta kaedah-kaedah pelik dan rumit yang sentiasa kita dengar dan kita baca dari pelbagai sumber. Terlebih lagi, pemahaman dan pemikiran tersebut banyak yang berhubungan dengan isu-isu perbahasan dalam fiqh politik, satu bidang kajian yang pada masa lalu tidak dibahas secara mendalam, sebagaimana fiqh ibadah, fiqh mu'amalah, fiqh nikah dan lain-lain.

Pada masa ini, fiqh politik banyak mengalami salah faham, putar belit makna, kerapuhan hukum-hakam serta perbezaan konsep di antara ahli gerakan Islam. Perbezaan itulah yang akhirnya menjauhkan hubungan di antara mereka sejauh jarak antara timur dan barat.

Kita sendiri melihat terdapat di antara ahli gerakan Islam yang berpendapat bahawa prinsip shura dalam Islam hanyalah satu ajaran simbolik, bukan prinsip. Ada pula di antara mereka yang memberikan kuasa kepada pemimpin untuk mengumumkan peperangan atau mengadakan perjanjian tanpa merujuk kepada para wakil rakyat. Sebahagian yang lain pula berpendapat bahawa demokrasi dengan seluruh kandungannya merupakan satu kekufuran atau jalan menuju kekufuran!

Kemudian kita temukan pula orang-orang yang berpendapat bahawa wanita tidak memiliki sebarang kedudukan dalam urusan politik umat. Tempat mereka hanya di rumah sahaja dan mereka tidak berhak keluar dari rumah kecuali untuk berpindah ke rumah

suami atau ke dalam kubur! Mereka juga mengatakan bahawa kaum wanita tidak memiliki hak memilih dalam pilihan raya, apa lagi hak untuk dipilih menjadi wakil rakyat atau anggota parlimen. Pendapat seperti inilah yang membunuh peradaban umat dan memaksa umat ini untuk bernafas dengan satu paru-paru atau terbang dengan satu sayap![1]

Ada pula yang berpendapat bahawa kemajmukan parti merupakan konsep yang bercanggah dengan Islam. Oleh itu, mereka mengingkari wujudnya sebarang parti atau organisasi politik dalam negara Islam.

Bulu roma saya berdiri semasa seorang rakan memperlihatkan kepada saya sebuah karya ilmiah yang ditulis oleh sekelompok orang bertajuk "Turut Serta Dalam Parlimen Boleh Mengeluarkan Seseorang Daripada Tauhid". Penulis telah mencampuradukkan masalah akidah dengan masalah perbuatan. Dia patut menyedari bahawa dalam masalah perbuatan, hukum fiqh hanya berkisar antara salah dan betul, bukan antara iman dan kafir. Bahkan berijtihad dalam masalah perbuatan merupakan realisasi siyasah shar'iyyah yang boleh mendatangkan dua pahala kepada seorang mujtahid jika ia benar dan satu pahala jika ia tersilap.

Demikianlah perilaku kaum Khawarij terhadap Saidina Ali r.a. Mereka mengkafirkan saidina Ali r.a. hanya kerana beliau berijtihad dalam masalah perbuatan yang berhubungan dengan isu politik. Mereka telah menyamakan isu 'amali dengan isu akidah, seraya berkata, "Sebahagian orang telah berani membuat-buat hukum dalam agama Allah. Padahal hak menetapkan hukum itu hanyalah milik Allah!" Saidina Ali r.a. menjawab ucapan mereka itu dengan mengatakan, "Inilah satu pernyataan yang hak, tetapi tujuan orang yang mengucapkannya adalah batil."

PERBAHASAN PENTING SEKITAR ISU FIQH POLITIK

Saya merasa khuatir apabila mendapati bahawa sebahagian ulama Afghanistan yang telah memimpin jihad dengan penuh semangat, keikhlasan dan keteguhan ternyata telah mengharamkan kaum wanita untuk belajar. Mereka juga mengharamkan pilihan raya sebagai sarana untuk memilih wakil rakyat dan pemimpin negara, tidak bersetuju dihadkannya masa jawatan seorang pemimpin dan menentang orang yang berpendapat bahawa sistem shura merupakan satu kemestian.[2]

ISU HAD MASA KEPIMPINAN

Sebahagian rakan saya sependapat dengan pemikiran di atas. Salah seorang di antara mereka pernah berkata kepada saya, "Kegagalan yang dirasakan oleh pergerakan Islam sekarang adalah kerana mereka menyangka bahawa pemikiran-pemikiran seperti ini bukan berasal dari Islam. Padahal kita tidak akan berjaya jika kita memilih cara-cara di luar Islam untuk mencapai matlamat-matlamat keislaman."

Saya berkata kepadanya, "Mengapakah had masa kepimpinan diharamkan sedangkan tujuannya adalah untuk kemaslahatan kaum Muslimin?"

Beliau menjawab: "Sebab cara seperti itu bertentangan dengan kebijaksanaan yang dipraktikkan oleh kaum Muslimin sejak zaman khalifah pertama Abu Bakar r.a. Tidak seorang pun di antara khalifah Islam yang dipilih untuk jangka masa tertentu. Sebaliknya mereka kekal memerintah sepanjang hayat. Terutama para Khulafa' al-Rasyidin yang Rasulullah s.a.w. telah memerintahkan kita untuk mengikuti jejak langkah mereka. Ulama-ulama hadith terkemuka meriwayatkan daripada al-'Arbadh Ibn Sariyah bahawa Nabi s.a.w. memerintahkan kita agar berpegang teguh dengan teladan para khalifah itu. Dalam hadith tersebut Nabi s.a.w. turut memperingatkan kita untuk tidak menciptakan perkara-perkara baru (bid'ah) dalam agama yang membawa kepada kesesatan. Perbuatan memilih pemimpin untuk jangka waktu tertentu tergolong dalam perkara bid'ah!"

Berikut adalah jawapan saya terhadap kenyataan di atas:

Sebelum diperintahkan untuk mengikuti teladan para Khulafa' al-Rashidun terlebih dahulu kita telah diperintahkan untuk mengikuti sunnah Nabi Muhammad s.a.w. sebagai sumber rujukan kedua dalam Islam. Sunnah Nabi Muhammad s.a.w. dan Kitabullah merupakan tempat rujukan kita bila terjadi perselisihan faham. Hadith al-'Arbadh sendiri bunyinya adalah "Hendaklah kamu mengikuti sunnahku dan sunnah para Khulafa' al-Rashidin." Hadith ini menegaskan bahawa sunnah Nabi mesti didahulukan daripada sunnah Khulafa' al-Rashidin.

Kita sudah sedia maklum bahawa sunnah Nabi s.a.w. tergambar dalam ucapan, perbuatan dan ketetapan. Tetapi terdapat perbuatan-perbuatan Nabi s.a.w. yang bukan merupakan satu kewajipan. Selagi tidak terdapat sebarang dalil yang mengesahkan bahawa ia wajib atau sunnah maka hukum perbuatan-perbuatan tersebut hanyalah mubah (harus). Kita sendiri menyaksikan ada di

antara para Khulafa' al-Rashidin yang menetapkan satu keputusan atau mengerjakan satu perbuatan tidak bersesuaian dengan sunnah Rasulullah s.a.w., ekoran keadaan dan kemaslahatan yang telah berubah. Contohnya, Rasulullah pernah membahagikan tanah Khaybar kepada para pejuang yang menang dalam peperangan. Tetapi Umar bin Khattab r.a. tidak berbuat demikian ketika para pejuang Muslimin berjaya menawan negeri Iraq. Beliau melihat bahawa pembahagian tanah kepada para pejuang ketika itu tidak dapat mewujudkan kemaslahatan bersama. Ramai di antara para sahabat yang menentang pendapat beliau, terutama kerana pendapat beliau itu bercanggah dengan makna zahir daripada ayat berikut:

وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّمَا غَنِمْتُم مِّن شَىْءٍ فَأَنَّ لِلَّهِ خُمُسَهُۥ

Terjemahan: *Ketahuilah apa sahaja yang kalian perolehi sebagai rampasan perang, maka sesungguhnya seperlimanya untuk Allah, rasul, kerabat rasul, anak-anak yatim, orang-orang miskin dan para musafir.*

(Surah al-Anfal 8: 41)

Umar menjawab soalan itu dengan mengatakan, "Saya melihat perkara yang lebih luas kemaslahatannya dan dapat menjamin kehidupan manusia sekarang dan yang akan datang. Jika saya bahagikan seluruh harta dan tanah ini kepada kamu semua, orang yang akan datang tentunya tidak akan mendapatkan sesuatu apa pun."

Di sini dapat kita saksikan bahawa Umar r.a. tidak hanya menjaga kemaslahatan generasi yang hidup bersama beliau. Bahkan beliau juga menjaga kepentingan generasi yang akan datang. Polisi Umar r.a. ini merupakan sebentuk jaminan sosial yang sangat bagus, kerana ia menjaga kepentingan umat antara generasi. Dengan polisi ini, generasi sekarang tidak dibiarkan untuk menghabiskan sumber kekayaan yang sebahagiannya adalah hak milik generasi yang akan datang. Umar r.a. memperkuat pendapatnya dengan mengetengahkan surah al-Hashr yang menceritakan tentang pembahagian harta rampasan kepada kaum Muhajirin dan Ansar:

وَٱلَّذِينَ جَآءُو مِنۢ بَعْدِهِمْ

Terjemahan: *Dan (juga) orang-orang yang datang sesudah mereka.*

(Surah al-Hashr 59: 10)

Imam Ibn Qudamah memberikan ulasan terhadap kebijaksanaan Umar yang berlainan dengan kebijaksanaan Rasulullah itu, dengan mengatakan bahawa Rasulullah s.a.w. berbuat sesuai dengan kemaslahatan pada zaman baginda, dan Umar r.a. pula memutuskan sesuai dengan kemaslahatan pada zamannya.

Contoh di atas menjelaskan bahawa sebahagian daripada perbuatan Rasulullah bukanlah merupakan satu kemestian yang wajib diikuti oleh orang-orang setelahnya, dan para sahabat dibenarkan untuk berbeza pendapat dengan baginda berdasarkan pertimbangan-pertimbangan tertentu. Berdasarkan pemahaman ini, tidak patut kita katakan bahawa kebijaksanaan yang diamalkan oleh sebahagian kaum Muslimin pada satu zaman merupakan satu kewajipan yang harus diikuti oleh kaum Muslimin pada zaman setelahnya. Kita harus memperhatikan sesuai dan tidaknya kebijaksanaan tersebut dengan keadaan, tempat dan zaman. Jika salah satu daripada faktor-faktor ini telah mengalami perubahan maka berubah pulalah kebijaksanaan yang diasaskan di atasnya.

Teladan yang dapat kita ambil dari kesimpulan di atas ialah bahawa kita mesti meneliti seluruh sistem dan peraturan yang terdapat pada zaman ini. Kemudian kita ambil butir-butir yang bersesuaian dengan kemaslahatan zaman, lingkungan dan keadaan kita, berteraskan dalil-dalil agama serta matlamat-matlamat syariat Islam yang luas.

Memang salah jika kita menggunakan dalil Ijma' (kesepakatan) umat Islam pada zaman dahulu untuk mempertahankan pendapat tidak dihadkannya masa kepimpinan seorang pemimpin pada zaman ini. Lagi pula Ijma' (kesepakatan) antara umat Islam pada zaman tersebut tidak membahas tentang isu pembatasan masa. Mereka hanya memutuskan bahawa masa kepimpinan seorang pemimpin itu adalah sepanjang hayat, selagi ia tidak mendatangkan sebarang kerosakan dan kemudaratan kepada umat Islam. Isu pembatasan masa kepimpinan belum pernah dibahas oleh umat Islam pada zaman dahulu. Oleh itu, kita tidak boleh mengatakan bahawa mereka pernah melarang atau mengesahkannya.

ANTARA SUNNAH DAN BID'AH

Pendapat yang lain mengatakan bahawa menghadkan masa kepimpinan seorang ketua negara sama dengan membuat ajaran baru dalam agama (bid'ah). Hadith nabi s.a.w. dan ijma' ulama mengatakan bahawa setiap bid'ah itu adalah sesat.

Bahagian kedua dari pernyataan di atas yang menyatakan bahawa bid'ah itu adalah sesat tentu sahaja dapat diterima. Tetapi untuk mengesahkan bahagian pertama, iaitu sama ada perkara ini tergolong dalam bid'ah shar'iyyah (bid'ah dalam hukum agama) atau bukan, tentunya diperlukan bukti-bukti yang kukuh.

Memang merupakan satu kesalahan, malah satu kesesatan yang jauh, jika seseorang menyangka bahawa Islam menentang segala perkara baru, terlebih lagi menggolongkannya dalam perkara bid'ah. Sebab yang dimaksudkan dengan bid'ah hanyalah menciptakan perkara-perkara baru dalam urusan agama sahaja, seperti dalam urusan akidah, ibadah dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Ada pun mencetuskan satu pembaharuan dalam urusan kehidupan yang sentiasa berubah, seperti dalam tradisi, adat istiadat, urusan pentadbiran, urusan sosial, budaya, politik dan yang berkaitan dengannya bukanlah merupakan bid'ah. Semua ini termasuk berkaitan dengan apa yang diistilahkan para ulama' dengan Maslahah Mursalah (maslahat orang ramai). Imam as-Shatibi telah menjelaskannya secara terperinci dalam kitabnya al-I'tisam.

Atas dasar kemaslahatan inilah kita saksikan para sahabat telah mengerjakan perkara yang berbeza dengan apa yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w., seperti penulisan al-Quran, penyusunan hadith, penetapan cukai, pembinaan rumah-rumah penjara dan lain-lain.

Atas dasar kemaslahatan pula kita saksikan para tabi'in (generasi setelah sahabat) telah mengerjakan perkara yang berbeza dengan apa yang dilakukan oleh para sahabat, seperti mencetak mata wang, menubuhkan perkhidmatan pos dan lain-lain.

Kaum Muslimin setelah itu berjaya menciptakan beberapa perkara yang tidak pernah berlaku dalam zaman Rasulullah atau pada zaman sahabat, seperti menyusun ilmu pengetahuan yang sudah sedia ada kepada beberapa disiplin ilmu, seperti ilmu agama, ilmu bahasa, ilmu kemanusiaan dan lain-lain.

Semaklah satu hadith sahih yang berbunyi:

« من سن سنة حسنة فله أجرها وأجر من عمل بها إلى يوم القيامة »

Maksudnya: *Sesiapa yang mengerjakan satu sunnah (kebiasaan) yang baik, maka ia mendapatkan pahala darinya dan dari orang-orang yang mengikutinya (dalam mengerjakan perbuatan baik itu) hingga hari kiamat.*

Sejarah telah mencatatkan pelbagai gagasan inovatif daripada Umar bin Khattab dalam biografi beliau. Kesemuanya merupakan buah fikiran Umar sendiri yang disepakati oleh para sahabat sehingga menjadikannya satu Ijma' pada zaman itu.

MENJADIKAN SIRAH SEBAGAI SATU KETETAPAN HUKUM MERUPAKAN SATU KESALAHAN

Di antara punca kesilapan dan kerumitan dalam Fiqh Politik ialah sikap sesetengah golongan mencampurkan sunnah dengan sirah dalam berhujah.

Sunnah sememangnya merupakan sumber hukum shari'ah kedua setelah al-Quran. Al-Quran merupakan sumber hukum yang asas, manakala sunnah pula berfungsi menjelaskan aspek praktikalnya.

Kesilapan yang berlaku pada sesetengah orang ialah mereka kadang-kadang meletakkan sirah sedarjat dengan sunnah. Akibatnya mereka menyangka bahawa hukum boleh disimpulkan berdasarkan sirah (biografi) kehidupan Rasulullah, sebagaimana ia ditetapkan berdasarkan Quran dan sunnah.

Sirah tidak sama dengan sunnah. Sebahagian sirah bahkan tidak termasuk dalam kategori syariat dan tidak berkaitan dengannya. Oleh itu, para ulama Usuluddin tidak memasukkan sirah dalam definisi sunnah. Mereka hanya mengatakan bahawa sunnah itu hanyalah ucapan, perbuatan dan ketetapan yang dikeluarkan oleh Rasulullah s.a.w. Mereka tidak menyebutkan masuknya unsur sirah dalam definisi sunnah.

Sebenarnya para ahli hadithlah yang memasukkan gambaran jasmani dan rohani Rasulullah serta sirah baginda s.a.w. ke dalam definisi sunnah. Sebab dalam ilmu hadith mereka harus mengumpulkan seluruh perkara yang berhubungan dengan kehidupan baginda s.a.w., sama ada yang berkaitan dengan syariat ataupun tidak. Oleh itu mereka meneliti kehidupan Rasulullah sejak zaman sebelum baginda diangkat menjadi nabi, dari awal keputeraan baginda, masa menyusu, masa kecil, masa remaja, pernikahan hingga kewafatan baginda s.a.w. Mereka juga meneliti gambaran kehidupan baginda, bentuk jasmani serta budi pekerti baginda.

Dari sinilah sebahagian ulama menyimpulkan bahawa sebahagian keutamaan dalam Islam dipetik dari sirah sebagai satu sumber hukum yang mutlak dan wajib diikuti oleh setiap Muslim.

Di sini saya paparkan dua catatan penting berkenaan dengan kesimpulan di atas:

Pertama: Sebahagian daripada sirah berkenaan dengan peristiwa-peristiwa tertentu telah diriwayatkan tanpa sanad yang sahih dan bersambungan. Syarat periwayatan sirah tidak seketat dan setegas periwayatan hadith-hadith yang berkaitan dengan hukum-hakam serta penetapan halal haram.

Kedua: Sirah hanya mewakili segi 'amali daripada kehidupan Rasulullah s.a.w. atau segi perbuatan daripada sunnah. Perbuatan Rasulullah s.a.w. tidak mesti merupakan kewajipan atau kemestian. Bahkan pada umumnya perbuatan baginda ialah harus (mubah). Ia menjadi kewajipan apabila wujud dalil lain yang menetapkannya sebagai wajib.

Allah memang telah memerintahkan kita untuk mengikuti teladan Rasulullah s.a.w. sesuai dengan firman-Nya:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُو اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Terjemahan: *Sesungguhnya terdapat pada Rasulullah itu teladan yang baik bagi kalian, (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah.*

(Surah al-Ahzab 33: 21)

Tetapi ayat ini hanyalah memberi galakan agar kita mengikuti suri teladan kehidupan Rasulullah, bukan mewajibkannya. Begitu pula, teladan yang boleh kita ambil daripada sirah Rasulullah biasanya berhubungan dengan budi pekerti dan nilai-nilai am daripada kehidupan baginda, bukan dengan masalah-masalah yang terperinci.

Contohnya, kita tidak perlu meniru sikap Rasulullah untuk memulakan kerja dakwah secara sembunyi-sembunyi sedangkan kita boleh berdakwah secara terang-terangan. Juga tidak perlu kita berhijrah kerana hendak meniru perbuatan Rasulullah, padahal kita hidup aman dan damai dalam negara kita dan mampu pula melancarkan dakwah Islam. Oleh itu, berhijrah ke Madinah tidak diwajibkan lagi setelah pembukaan bandar Makkah (fathu Makkah). Sabda Rasulullah s.a.w.:

لا هجرة بعد الفتح، ولكن جهاد ونية، وإذا
استنفرتم فانفروا» متفق عليه

Maksudnya: *Tidak ada hijrah lagi setelah pembukaan (bandar Makkah). Yang ada hanyalah jihad dan niat (baik). Jika kamu diminta untuk pergi (berjuang di jalan Allah), maka pergilah!*
(Muttafaqun alayhi)

Hadith di atas menjelaskan bahawa kewajipan untuk berhijrah ke Madinah setelah pembukaan Makkah telah dimansukan. Tetapi hijrah dari satu negeri ke negeri yang lain masih lagi diwajibkan ke atas Muslim jika dia tidak dibenarkan mengamalkan ajaran agama oleh pihak tertentu.

Tidak perlu kita meminta bantuan daripada golongan-golongan yang mempunyai kekuasaan dan kekuatan, sebagaimana Rasulullah s.a.w. dahulu pernah memintanya kepada beberapa kabilah Arab dan hanya kabilah Aus dan Khazraj yang menyahut permintaan baginda. Pada masa sekarang, cara di atas tidak sesuai lagi untuk diamalkan.

Juga tidak perlu kita menanamkan aqidah kepada umat Islam selama tiga belas tahun berturut-turut. Sebab pada hari ini, kita hidup di tengah khalayak umat Islam yang telah beriman terhadap kalimah *La Ilaha Illallah Muhammadur Rasulullah*. Tidak perlu kita menghabiskan masa sekian lama untuk menggembeling dan mendidik mereka.

Demikian pula, jika pada masa sekarang ini kita menumpukan perhatian terhadap isu keadilan sosial, shura, kebebasan, Jerussalam, masjid al-Aqsa serta jihad menentang musuh-musuh umat, ini tidak bererti bahawa kita telah membuat perkara-perkara yang bercanggah dengan petunjuk Nabi s.a.w. yang memulakan perjuangan dalam isu-isu tersebut hanya setelah fasa Madinah. Sebab semasa di Makkah Rasulullah hidup di tengah-tengah masyarakat jahiliah yang mempersekutukan Allah dan mendustakan risalah kenabian. Dalam keadaan seperti itu, perjuangan pertama yang harus ditempuh ialah menanamkan aqidah tauhid dan mengajarkan risalah Islam.

Keadaan masyarakat kita pada hari ini berlawanan dengan keadaan masyarakat jahiliah. Masyarakat pada hari ini beriman kepada Allah, beragama Islam dan mengiktiraf Muhammad s.a.w. sebagai rasul, tetapi pada masa yang sama mereka banyak berbuat maksiat dan menyeleweng daripada syariat Allah.

ISLAM POLITIK

Pada beberapa tahun kebelakangan ini para penulis dan penganalisis sekular dan Barat, sama ada yang mengikuti aliran pemikiran Marxisme atau Liberalisme sama-sama mempopularkan berbagai istilah baru yang untuk mempersukarkan kedudukan Islam.

Salah satu di antara istilah-istilah tersebut ialah 'Islam Politik'. Maksud istilah tersebut bagi mereka ialah perilaku sebahagian kaum Muslimin dalam menumpukan perhatian terhadap pelbagai masalah dalaman dan luaran umat, usaha mereka untuk membebaskan Islam dari penindasan kuasa asing yang memaksakan kehendaknya secara paksa dalam urusan moral dan material, serta perjuangan mereka untuk memerdekakan umat Islam daripada cengkeraman penjajahan kebudayaan, sosial dan perundang-undangan Barat, agar umat Islam dapat kembali menegakkan syariat Allah s.w.t. dalam setiap aspek kehidupan mereka.

Perkataan 'Islam Politik' telah digunakan oleh kaum sekularis untuk menggelari para pejuang Islam itu, dengan tujuan agar orang ramai membenci perjuangan tersebut dan menjauhi para pendakwah kepada Islam universal yang merangkumi aspek akidah, syariah, agama dan negara.

Ramai orang yang bertanya sama ada istilah 'Islam Politik' ini boleh diterima dari segi hukum syariah? Adakah politik merupakan unsur baru dalam Islam yang dibuat oleh para pendakwah zaman ini, atau ia merupakan perkara agama yang baku dengan dalil-dalil yang digali dari al-Quran dan as-Sunnah?

Ramai di antara rakan-rakan yang meminta saya untuk menjelaskan hakikat sebenar perkara ini, berdasarkan dalil-dalil syariah yang tepat, agar kesalahan dapat dimusnahkan dan kebenaran dapat terus hidup di atas bukti-bukti yang kukuh. Perenggan-perenggan berikut merupakan jawapan saya terhadap soalan-soalan mereka:

Pertama: Umat Islam Menolak Penamaan Seperti Ini

Perkara pertama yang mesti dijelaskan di sini ialah kita sebagai umat Islam tidak dapat menerima penamaan seperti ini, sebab ia merupakan salah satu usaha para musuh Islam untuk memecahbelahkan Islam ke dalam beberapa bahagian. Dengan demikian, mereka harap Islam tidak lagi satu dan utuh seperti agama yang diturunkan Allah dan dianuti oleh umat Islam, tetapi ia menjadi berbagai-bagai jenis Islam seperti yang mereka sebutkan dalam istilah mereka.

Kadang-kadang mereka membahagikan Islam berdasarkan wilayah sehingga timbullah istilah Islam Asia atau Islam Afrika. Pada masa yang lain mereka membahagi Islam berdasarkan zaman sehingga timbul istilah Islam zaman nabi, Islam zaman Khulafa' ar-Rashidin, Islam zaman Bani Umaiyah, Islam zaman Bani Abbasiyah, Islam zaman Turki Othmani dan Islam zaman moden. Mereka juga membahagi Islam berdasarkan perbezaan suku bangsa, sehingga timbullah istilah Islam Arab, Islam India, Islam Turki, Islam Malaysia dan lain-lain.

Ada pula di antara mereka yang membahagikan Islam berdasarkan mazhab. Untuk tujuan itu mereka menciptakan istilah Islam Sunni dan Islam Syi'i. Bahkan Islam Sunni dan Islam Syi'i ini pun mereka bahagi lagi kepada beberpa pembahagian.

Belum puas dengan pembahagian-pembahagian di atas, mereka menambahkan lagi pembahagian-pembahagian baru dengan menciptakan istilah-istilah seperti Islam Revolusi, Islam Radikal, Islam Klasik, Islam Kanan, Islam Kiri, Islam Tertutup dan Islam Terbuka, serta sederet nama-nama lain seperti Islam Politik, Islam Fundamentalis, Islam Spritual dan Islam Ketuhanan.

Kita tidak tahu istilah-istilah apa lagikah yang akan mereka ciptakan pada masa hadapan. Namun, pada hakikatnya, seorang Muslim menolak seluruh bentuk pembahagian dan penamaan seperti ini. Hanya ada satu Islam bagi seorang Muslim, iaitu Islam yang berlandaskan kepada ajaran al-Quran dan as-Sunnah. Inilah Islam pertama dan terakhir. Umat Islam tidak boleh mengiktiraf ajaran lain selain ini. Inilah Islam yang difahami dan diamalkan oleh generasi umat Islam yang paling gemilang, iaitu para sahabat serta generasi yang datang selepas mereka dan berjaya mengikuti teladan mereka dengan baik. Merekalah generasi yang pernah dipuji oleh Allah dan rasul-Nya.

Inilah ajaran Islam yang sahih dan belum tercemar kejernihannya oleh penyelewengan pelbagai aliran, kerancuan falsafah, bid'ah pelbagai golongan, nafsu para pembantah, pemalsuan dari golongan yang batil, komplikasi pemikiran yang diciptakan para pakar dan penyelewengan makna yang dilakukan oleh para pentakwil yang jahil.

Kedua: Islam Memang Bersifat Politik

Wajib saya isytiharkan dengan sejelas-jelasnya di sini bahawa Islam sebenar seperti yang disyariatkan Allah sememangnya bersifat politik. Membuang unsur politik daripada Islam akan menghilangkan

jati diri Islam itu sendiri. Akibatnya ia akan berubah menjadi agama lain seperti agama Buddha atau Nasrani. Ia tidak akan kekal lagi sebagai Islam yang sejati.

Terdapat dua alasan yang mendasari pemikiran di atas:

1. Islam memiliki sikap yang jelas serta hukum yang tegas bagi menanggapi berbagai-bagai masalah yang dikenal pasti merupakan isu-isu utama dalam politik. Islam bukanlah agama yang hanya mengajarkan akidah ketuhanan atau tata cara beribadah sahaja. Dalam perkataan lain, Islam bukan agama yang mengetepikan sistem kehidupan, tata cara bermasyarakat dan bernegara, kemudian menumpukan perhatian kepada hubungan antara manusia dengan Tuhannya sahaja. Pendapat seperti ini tidak benar sama sekali. Sebaliknya, Islam merupakan ajaran yang mengandungi aspek akidah, ibadah, akhlak, serta syariah yang sempurna. Dalam perkataan lain, Islam merupakan manhaj dan sistem yang sempurna bagi kehidupan berdasarkan prinsip-prinsip dan kaedah-kaedahnya yang berhubungan dengan kehidupan individu, urusan rumah tangga, keadaan masyarakat, asas-asas negara serta hubungan-hubungan antarabangsa.

   Sesiapa yang membaca al-Quran, as-Sunnah dan buku-buku fiqh Islam dalam pelbagai mazhab akan memahaminya sejelas-jelasnya. Bahkan fiqh ibadah sendiri tidak jauh hubungannya dengan masalah politik. Seluruh kaum Muslimin sepakat bahawa sesiapa yang meninggalkan solat, zakat, berbuka di siang hari bulan Ramadhan serta meremehkan farhdu haji telah melakukan dosa besar dan patut menerima hukuman dan celaan. Jika perbuatan tersebut sengaja dilakukan oleh sekelompok manusia mereka mesti diperangi. Demikianlah yang dilakukan oleh Abu Bakar terhadap orang-orang yang menentang kewajipan membayar zakat.

   Bahkan jika penduduk satu negeri secara terang-terangan meninggalkan perbuatan sunnah yang menjadi salah satu syiar Islam, seperti azan, berkhitan untuk lelaki dan solat pada dua hari raya mereka patut didakwahi dengan mengemukakan hujah-hujah yang kuat. Jika mereka enggan menerima hujah-hujah tersebut dan masih lagi berdegil mereka mesti diperangi sampai mereka kembali ke dalam jamaah Islam.

   Islam memiliki kaedah, hukum dan panduan tersendiri dalam kebijaksanaan pendidikan, media komunikasi,

perundangan serta pengurusan harta. Islam juga memilki polisi tersendiri dalam masa damai, perang dan apa jua keadaan yang berpengaruh terhadap kehidupan. Islam bukan jurubicara yang membela kepentingan sesetengah negara atau khadam kepada falsafah dan ideologi lain. Justeru, Islamlah satu-satunya ideologi yang layak untuk memimpin dan berhak untuk diamalkan dan dipatuhi.

Islam juga tidak membenarkan adanya pembahagian dalam tata cara kehidupan, sebahagian mengikut ajaran agama dan sebahagian lainnya mengikut kehendak para penguasa. Oleh itu, Islam tidak setuju dengan salah satu ucapan yang dirujuk kepada Isa al-Masih: "Apa yang menjadi milik kaisar berikan kepada kaisar, dan apa yang menjadi milik Allah berikan kepada Allah." Sebaliknya, prinsip Islam berdiri di atas keyakinan bahawa kaisar dan seluruh harta yang dimilikinya adalah milik Allah yang Maha Esa. Kepunyaan-Nyalah segala sesuatu yang bernyawa dan tidak bernyawa, di langit dan di bumi.

Konsep tauhid dalam Islam berdiri di atas prinsip bahawa seorang Muslim tidak menyembah tuhan lain selain Allah, tidak meminta pertolongan kecuali kepada Allah dan tidak mencari hukum lain kecuali hukum Allah. Perkara ini dijelaskan dalam surah tauhid terbesar, yang dikenali pula dengan surah al-An'am:

يَٰٓأَهۡلَ ٱلۡكِتَٰبِ تَعَالَوۡاْ إِلَىٰ كَلِمَةٖ سَوَآءِۭ بَيۡنَنَا وَبَيۡنَكُمۡ
أَلَّا نَعۡبُدَ إِلَّا ٱللَّهَ وَلَا نُشۡرِكَ بِهِۦ شَيۡـٔٗا وَلَا يَتَّخِذَ بَعۡضُنَا
بَعۡضًا أَرۡبَابٗا مِّن دُونِ ٱللَّهِۚ فَإِن تَوَلَّوۡاْ فَقُولُواْ ٱشۡهَدُواْ بِأَنَّا
مُسۡلِمُونَ ٦٤

Terjemahan: *Hai ahli kitab, marilah kepada satu kalimat (ketetapan) yang tidak ada perselisihan antara kami dan kalian, bahawa kita tidak menyembah kecuali Allah, tidak mempersekutukan Dia dengan sesuatu apa pun dan tidak (pula) sebahagian kita menjadikan sebahagian yang lain sebagai sembahan selain daripada Allah. Jika mereka berpaling, maka katakanlah kepada mereka, "Saksikanlah bahawa kami adalah orang-orang yang menyerahkan diri (kepada Allah).*

(Surah Ali Imran 3: 64)

Inilah rahsia di sebalik penentangan orang-orang kafir Makkah terhadap Islam sejak hari pertama Islam mengangkat panji *La Ilaha Illallah*. Mereka benar-benar mengetahui potensi di sebalik perkataan itu. Mereka juga menyedari bahawa makna yang terkandung dalam perkataan itu mampu mendatangkan perubahan terhadap kehidupan sosial dan politik, di samping perubahan agama.

2. Keperibadian seorang Muslim yang dibentuk oleh Islam dan dibina oleh akidah, syariah, ibadah dan tarbiyahnya sememangnya merupakan keperibadian yang bersifat politik. Kecualilah jika berlaku kesalahan dalam pemahaman dan praktiknya terhadap ajaran Islam.

Islam mewajibkan setiap individu Muslim untuk menyeru kepada yang makruf dan mencegah berlakunya kemungkaran. Dalam konteks kenegaraan, kedua-dua konsep tersebut dipraktikkan dengan memberi nasihat kepada pemimpin umat Islam dan umat Islam secara keseluruhan. Nasihat merupakan unsur terpenting dalam agama. Bahkan satu hadith menyatakan bahawa intisari agama itu ialah nasihat. Sabda Rasulullah s.a.w.:

« الدين النصيحة » رواه مسلم

Maksudnya: *Agama itu ialah nasihat.*

(Riwayat Muslim)

Nasihat juga diamalkan dalam berwasiat dengan kebenaran dan berwasiat dengan kesabaran. Kedua-duanya merupakan syarat utama untuk terlepas daripada mengalami kerugian di dunia dan di akhirat. Demikianlah makna yang terkandung dalam surah al-'Asr.

Pada zaman sekarang, usaha seorang Muslim untuk memperhatikan hal keadaan umat disebut dengan istilah politik.

MENENTANG KEROSAKAN DAN PENINDASAN MERUPAKAN JIHAD YANG PALING UTAMA

Rasulullah s.a.w. sentiasa memberikan galakan agar kita menentang kerosakan yang berlaku dalam satu pemerintahan. Baginda menganggap perbuatan ini lebih utama daripada berperang

menentang musuh yang menyerang dari luar. Sebab kerosakan dalaman inilah yang menjadi punca datangnya serangan musuh dari luar. Semasa ditanya tentang jihad apakah yang paling utama, baginda bersabda:

«أفضل الجهاد كلمة حق عند سلطان جائر»

رواه النسائي

Maksudnya: *Jihad yang paling utama ialah menyatakan perkataan yang hak di hadapan seorang penguasa yang zalim.*

(Riwayat an-Nasai)

Rasulullah s.a.w. juga menganggap orang yang mati syahid dalam memperbetulkan kerosakan dalaman telah mencapai darjat mati syahid yang tertinggi. Sabda baginda:

«سيد الشهداء حمزة، ثم رجل قام إلى إمام جائر فأمره ونهاه فقتله» رواه الحاكم

Maksudnya: *Penghulu para syuhada ialah Hamzah, kemudian seorang lelaki yang berdiri di hadapan seorang penguasa yang zalim, menyuruhnya (kepada yang ma'ruf) dan mencegahnya (dari yang mungkar), dan penguasa yang zalim itu membunuhnya.*

(Riwayat al-Hakim)

Rasulullah juga telah menanamkan dalam diri seorang Muslim sifat untuk menentang kezaliman dan orang-orang yang zalim. Bahkan dalam doa qunut yang diriwayatkan oleh Ibn Mas'ud dan diamalkan dalam mazhab Hanafi serta mazhab-mazhab yang lain, baginda berdoa:

«أفضل الجهاد كلمة حق عند سلطان جائر» رواه النسائي

Maksudnya: *Ya Allah, kami bersyukur atas nikmat-Mu dan tidak mengkufurinya (mengingkarinya). Kami lepaskan dan kami tinggalkan orang-orang yang derhaka terhadap-Mu.*

Baginda juga menyeru seluruh umat Islam untuk berjuang menyelamatkan orang-orang yang lemah dan tertindas. Seruan baginda tersebut dinyatakan dalam ayat berikut:

وَمَا لَكُمْ لَا تُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ الرِّجَالِ
وَالنِّسَاءِ وَالْوِلْدَانِ الَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا أَخْرِجْنَا مِنْ هَٰذِهِ الْقَرْيَةِ
الظَّالِمِ أَهْلُهَا وَاجْعَلْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ وَلِيًّا وَاجْعَلْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ
نَصِيرًا ﴿٧٥﴾

Terjemahan: *Mengapa kamu semua tidak mahu berperang di jalan Allah dan (membela) orang-orang yang lemah dari kalangan lelaki, wanita mahupun kanak-kanak, yang semuanya berdoa, "Wahai Tuhan kami, keluarkanlah kami dari negeri ini yang zalim penduduknya. Berilah kami perlindungan dari-Mu dan beri (jugalah) kami penolong dari sisi-Mu."*

(Surah an-Nisa' 4: 75)

Amat besar kemurkaan Allah terhadap mereka yang membiarkan berlakunya penganiayaan ke atas diri mereka dan memilih untuk terus dihina dan ditindas. Padahal mereka mempunyai kekuatan untuk berhijrah dan melarikan diri daripada kawasan tersebut dan bermukim di tempat lain.

Firman Allah:

إِنَّ الَّذِينَ تَوَفَّاهُمُ الْمَلَائِكَةُ ظَالِمِي أَنْفُسِهِمْ قَالُوا فِيمَ كُنْتُمْ
قَالُوا كُنَّا مُسْتَضْعَفِينَ فِي الْأَرْضِ ۚ قَالُوا أَلَمْ تَكُنْ أَرْضُ اللَّهِ
وَاسِعَةً فَتُهَاجِرُوا فِيهَا ۚ فَأُولَٰئِكَ مَأْوَاهُمْ جَهَنَّمُ ۖ
وَسَاءَتْ مَصِيرًا ﴿٩٧﴾ إِلَّا الْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ الرِّجَالِ
وَالنِّسَاءِ وَالْوِلْدَانِ لَا يَسْتَطِيعُونَ حِيلَةً وَلَا يَهْتَدُونَ سَبِيلًا ﴿٩٨﴾
فَأُولَٰئِكَ عَسَى اللَّهُ أَنْ يَعْفُوَ عَنْهُمْ ۚ وَكَانَ اللَّهُ عَفُوًّا غَفُورًا ﴿٩٩﴾

Terjemahan: *Sesungguhnya orang-orang yang dimatikan Malaikat dalam keadaan menganiaya diri sendiri, (kepada mereka) Malaikat bertanya, "Dalam keadaan bagaimanakah kalian ini?" Mereka menjawab, "Kami adalah orang-orang yang tertindas di negeri (Makkah)." Para Malaikat berkata, "Bukankah bumi Allah itu luas sehingga kalian boleh berhijrah di bumi itu?" Orang-orang itu tempatnya di neraka Jahannam dan neraka*

Jahanam itu ialah seburuk-buruk tempat kembali. Kecuali mereka yang tertindas sama ada lelaki, wanita atau kanak-kanak yang tidak mampu berdaya upaya dan tidak mengetahui jalan (untuk hijrah). Mereka itu mudah-mudahan Allah memaafkannya. Dan adalah Allah Maha Pemaaf lagi Maha Pengampun."

(Surah an-Nisa' 4: 97-99)

Bahkan terhadap mereka yang lemah dan tidak berdaya pun al-Quran mengatakan:

فَأُولَٰئِكَ عَسَى اللَّهُ أَن يَعْفُوَ عَنْهُمْ ۚ

Terjemahan: *Mudah-mudahan Allah memaafkan mereka.*

(Surah an-Nisa' 4: 99)

Ia merupakan satu pengharapan kepada Allah dan satu penolakan terhadap sebarang penindasan dan penghinaan. Seorang Muslim tidak boleh membiarkan dirinya diperlakukan seperti itu, sebaliknya dia mesti sentiasa mencari peluang untuk menentangnya.

Al-Quran berulang kali menceritakan kisah para penindas dan orang-orang yang zalim seperti Fir'aun, Haman, Qarun beserta para penolong dan bala tentera mereka. Tujuan diulang-ulangnya kisah ini ialah untuk menanamkan dalam diri Muslim perasaan benci dan marah terhadap setiap penindasan. Juga agar tertanam dalam diri Muslim satu idealisme untuk menolong orang-orang lemah yang menjadi korban penindasan.

MENGUBAH KEMUNGKARAN ADALAH WAJIB

Peringatan al-Quran dan as-Sunnah terhadap mereka yang berdiam diri di hadapan satu kemungkaran atau membiarkan manusia, penguasa atau rakyat jelata melakukan kemungkaran, merupakan satu peringatan yang menggoncangkan hati setiap Muslim yang masih lagi memiliki iman walaupun sebesar biji bayam

Semaklah firman Allah berikut:

لُعِنَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِنۢ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ عَلَىٰ لِسَانِ
دَاوُۥدَ وَعِيسَى ٱبْنِ مَرْيَمَ ۚ ذَٰلِكَ بِمَا عَصَوا۟ وَّكَانُوا۟
يَعْتَدُونَ ﴿٧٨﴾ كَانُوا۟ لَا يَتَنَاهَوْنَ عَن مُّنكَرٍ
فَعَلُوهُ ۚ لَبِئْسَ مَا كَانُوا۟ يَفْعَلُونَ ﴿٧٩﴾

Terjemahan: *Telah dilaknat orang-orang kafir dari Bani Israel dengan lidah Daud dan Isa bin Maryam, disebabkan mereka derhaka dan (bersikap) melampaui batas. Mereka, satu sama lain, tidak pernah melarang perbuatan mungkar yang mereka lakukan. Sesungguhnya amat buruklah apa yang sentiasa mereka lakukan itu.*

(Surah al-Maidah 5: 78-79)

Rasulullah s.a.w. bersabda:

« من رأى منكم منكرا فليغيره بيده، فإن لم
يستطع فبلسانه، فإن لم يستطع فبقلبه وذلك
أضعف الإيمان » رواه مسلم

Maksudnya: *Sesiapa yang melihat satu kemungkaran hendaklah dia merubahnya dengan tangannya. Jika dia tidak mampu maka (hendaklah dia merubahnya) dengan lidahnya. Jika dia tidak mampu (juga) maka (hendaklah dia merubahnya) dengan hatinya, dan itulah selemah-lemah iman.*

(Riwayat Muslim)

Sesungguhnya silap jika kita menyangka bahawa kemungkaran itu hanyalah perbuatan zina atau meminum arak sahaja. Sebaliknya, kemungkaran itu termasuklah mempersendakan kemuliaan umat, memanipulasi hasil pilihan raya, memberikan kesaksian yang sahih dalam pilihan raya, memberikan jawatan kepada seseorang yang bukan ahlinya, mencuri harta awam, memonopoli dan menyorokkan barangan keperluan orang ramai, menghantar orang yang tidak bersalah ke dalam penjara tanpa melalui proses yang adil di mahkamah, menyeksa banduan yang tidak berdosa dalam tahanan

dan tempat-tempat pengasingan, memberi atau menerima rasuah, mencari muka di hadapan para penguasa dengan cara yang batil dan memilih musuh-musuh Allah untuk menjadi pemimpin dengan meninggalkan orang-orang Mukmin yang jujur.

Demikanlah, lingkaran kemungkaran boleh bertambah luas sehingga merangkumi hampir seluruh perkara yang disahkan sebagai perkara utama dalam urusan politik. Bolehkah seorang Muslim yang lurus agamanya dan sentiasa mengharapkan keredhaan Allah berdiam diri di hadapan seluruh kemungkaran-kemungkaran ini? Bolehkah dia lari meninggalkan medan perjuangan yang penuh kemungkaran ini akibat takut, tamak atau kerana ingin menyelamatkan diri sendiri ?

Jika perasaan seperti ini telah tersebar luas dalam sanubari seluruh umat nescaya habislah risalahnya dan hampirlah ia kepada kemusnahan. Sebab, perasaan takut, tamak dan mementingkan diri sendiri ini akan segera merubah identitinya menjadi umat yang lain. Bukan umat yang digambarkan Allah dalam firman berikut:

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ
وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

Terjemahan: *Kamu adalah umat yang terbaik, yang dikeluarkan untuk manusia, menyuruh kepada yang ma'ruf, mencegah dari yang mungkar dan beriman kepada Allah.*

(Surah Ali Imran 3: 110)

Tidak hairanlah jika Rasulullah s.a.w. menyampaikan peringatan sempena perkara ini seperti yang terkandung dalam hadith berikut:

«إذا رأيت أمتي تهاب أن تقول للظالم: يا
ظالم فقد تُودِّع منهم» رواه أحمد

Maksudnya: *Jika kamu melihat umatku merasa takut untuk mengatakan kepada seorang yang zalim, "Wahai zalim!", mereka telah ditinggalkan.*

(Riwayat Ahmad Ibn Hanbal)

Tuntutan keimanan membuat seorang Muslim tidak boleh berdiam diri sahaja menghadapi kemungkaran, walau apa pun bentuk dan jenisnya, sama ada kemungkaran dalam bidang politik,

ekonomi, sosial mahu pun budaya. Dia harus bangkit menentangnya dan jika mampu, merubahnya dengan tangannya. Jika dia masih tidak mampu merubahnya dengan tangan dia mesti melancarkan perubahan dengan lidah dan ucapannya. Jika dia masih tidak mampu mengubah dengan lidah dan ucapan dia mesti melancarkan perubahan pada darjah yang paling rendah, iaitu penentangan dengan hati. Darjah seperti inilah yang disebutkan oleh hadith dengan istilah 'Adh'aful Iman' (iman yang paling lemah).

Rasulullah menamakannya 'perubahan dengan hati' kerana ia merupakan satu bebanan terhadap nurani dan perasaan seseorang dalam membanteras kemungkaran dan menentang orang-orang yang melakukan serta melindunginya. Beban nurani seperti ini tidak boleh diperkecilkan maknanya, sebab betapa rendah pun martabatnya Rasulullah masih lagi menggolongkannya sebagai satu usaha ke arah 'perubahan'.

Bebanan yang terus-menerus terhadap perasaan dan nurani seorang Muslim satu masa mesti bertindak balas dan melakukan reaksi-reaksi positif, sama ada dalam bentuk revolusi yang membabitkan orang ramai ataupun dalam bentuk letupan kuat. Demikianlah sunnah Allah dalam alam semesta, tekanan yang terus menerus sememangnya akan menghasilkan satu letupan.

Jika hadith di atas menamakan penentangan melalui perasaan sebagai 'usaha perubahan dengan hati', terdapat hadith lain yang menamakannya sebagai 'jihad hati'. Ia merupakan darjat jihad yang paling rendah, sebagaimana ia juga merupakan darjat keimanan yang paling rendah dan paling lemah. Satu hadith marfu' berkaitan dengan perkara tersebut telah diriwayatkan oleh Muslim daripada Ibn Mas'ud:

« ما من نبي بعثه الله في أمة قبلي إلا كان له من أمته حواريون وأصحاب يأخذون بسنته، ويقتدون بأمره، ثم إنها تخلف من بعدهم خلوف يقولون ما لا يفعلون، ويفعلون ما لا يؤمرون، فمن جاهدهم بيده فهو مؤمن، ومن

جاهدهم بلسانه فهو مؤمن، ومن جاهدهم
بقلبه فهو مؤمن، ليس وراء ذلك من الإيمان
حبة خردل»

Maksudnya: *Tidak ada seorang nabi pun yang Allah utus pada umat sebelumku, melainkan terdapat pada umatnya itu para penolong dan para sahabat yang melaksanakan sunnahnya dan mengikuti perintahnya. Setelah (periode) mereka itu datanglah generasi yang hanya pandai bercakap tetapi tidak pandai berbuat. Mereka melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak pernah diperintahkan kepada mereka. Sesiapa yang berjihad menentang mereka dengan tangannya dia seorang yang beriman, sesiapa yang berjihad menentang mereka dengan lidahnya (ucapannya) dia seorang yang beriman dan sesiapa yang berjihad menentang mereka dengan hatinya dia seorang yang beriman. Tidak ada keimanan lagi setelah itu, walaupun sebesar biji bayam.*

(Riwayat Muslim)

USAHA INDIVIDU DAN JAMA'AH

Seseorang tentunya tidak mampu menentang kemungkaran seorang diri, terlebih lagi jika kejahatan telah bermaharajalela dan bertambah ramai pengikutnya. Atau jika kemungkaran tersebut berasal daripada para penguasa yang sepatutnya menjadi orang pertama dalam memerangi kemungkaran. Penguasa seperti inilah yang disebutkan dalam peribahasa dengan istilah 'harapkan pagar, pagar makan padi'. Seorang penyair mencuba menggambarkannya dalam sajak berikut:

Tugas para penggembala ialah menjaga kambing agar tidak dimakan serigala.
Tetapi, bagaimana pula jadinya jika tugas tersebut diserahkan kepada serigala.

Dari sini dapat disimpulkan bahawa bekerjasama dalam membanteras kemungkaran merupakan satu kewajipan agama. Inilah yang dimaksudkan dengan tolong menolong (*ta'awun*) dalam

kebajikan dan ketakwaan. Kerjasama (*'amal jama'iy*) ini boleh dilaksanakan dengan menggabungkan diri kepada mana-mana pertubuhan atau parti. Di samping kewajipan agama, menghimpunkan kekuatan secara bersama juga merupakan satu keperluan yang dituntut oleh realiti kehidupan.

ANTARA HAK DAN KEWAJIPAN

Hak-hak kemanusiaan (human rights) merupakan satu isu kontroversial yang sentiasa diperdebatkan dalam pelbagai aliran falsafah dan menerima perlbagai kritikan daripada sistem-sistem moden. Dalam Islam isu tersebut tidak hanya dibincangkan dan didebatkan, malah ia diangkat menjadi satu kewajipan suci. Sesiapa yang mengabaikannya akan berdosa dan sesiapa yang melanggarnya layak menerima hukuman Allah.

Terdapat perbezaan yang jelas antara 'hak' dengan 'kewajipan'. Kedudukan 'hak' dalam hukum adalah mubah (harus) dan manusia boleh memilih sama ada mengambil atau meninggalkannya. Manakala 'kewajipan' pula merupakan satu ketetapan (fardhu). Seseorang yang dibebankan satu kewajipan tidak boleh memilih untuk meninggalkan atau mengabaikannya tanpa sebarang keuzuran yang diterima oleh syariah.

Seperkara yang menjadikan seorang Muslim sentiasa bersifat politik ialah kerana dorongan keimanan yang sentiasa menuntutnya untuk menjalani kehidupan tidak hanya untuk dirinya sendiri. Keimanan menggesa dirinya untuk sentiasa mengambil berat setiap permasalahan dan kesukaran yang dialami oleh orang lain. Terlebih lagi orang-orang mukmin yang bersaudara dengannya dengan ikatan iman:

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ ...

Terjemahan: *Sesungguhnya orang-orang mukmin itu adalah bersaudara.*

(Surah al-Hujurat 49: 10)

Dalam satu hadith Rasulullah s.a.w. bersabda:

« من لم يهتم بأمر المسلمين فليس منهم، ومن
لم يصبح ناصحا لله ولرسوله ولأئمة المسلمين

وعامتهم فليس منهم، وأيما أهل عرصة بات
فيهم امرؤ جائع، فقد برئت منهم ذمة الله
وذمة رسوله » رواه الطبراني)

Maksudnya: *Sesiapa yang tidak mempedulikan masalah kaum Muslimin maka dia tidak termasuk dalam golongan mereka, sesiapa yang tidak memberi nasihat untuk Allah, rasulullah, para pemimpin kaum Muslimin dan kalangan awamnya maka dia tidak termasuk dalam golongan mereka. Sesiapa yang tinggal di satu kawasan perumahan dan terdapat di dalamnya seseorang yang kelaparan, maka dia telah terlepas daripada perlindungan Allah dan rasul-Nya.*

(Riwayat at-Tabrani)

Al-Quran tidak hanya menyuruh seorang Muslim untuk memberi makan orang-orang miskin, tetapi ia juga menyuruhnya untuk menggesa orang lain agar memberi makan kepada mereka. Dengan demikian mereka tidak serupa dengan kaum Jahiliah yang dicerca oleh al-Quran dalam ayat berikut:

كَلَّا بَل لَّا تُكْرِمُونَ ٱلْيَتِيمَ ﴿١٧﴾ وَلَا تَحَٰٓضُّونَ عَلَىٰ طَعَامِ
ٱلْمِسْكِينِ ﴿١٨﴾

Terjemahan: *Sekali-kali tidak (demikian), sebenarnya kalian tidak memuliakan anak yatim dan kalian tidak mengajak memberi makan orang miskin.*

(Surah al-Fajr 89: 17-18)

Lebih daripada itu, al-Quran menganggap pengabaian terhadap hak-hak mereka sebagai pendustaan terhadap agama. Firman Allah:

أَرَءَيْتَ ٱلَّذِى يُكَذِّبُ بِٱلدِّينِ ﴿١﴾ فَذَٰلِكَ ٱلَّذِى
يَدُعُّ ٱلْيَتِيمَ ﴿٢﴾ وَلَا يَحُضُّ عَلَىٰ طَعَامِ ٱلْمِسْكِينِ ﴿٣﴾

Terjemahan: *Tahukah kamu (orang) yang mendustakan agama? Itulah orang yang mengherdik anak yatim, dan tidak menganjurkan memberi makan orang miskin.*

(Surah al-Ma'un 107: 1-3)

Malah al-Quran menyebutkan perkara keji itu bersamaan dengan ayat yang menerangkan tentang kekufuran terhadap Allah. Merekalah orang-orang yang patut menerima seksaan yang pedih di akhirat.

إِنَّهُۥ كَانَ لَا يُؤْمِنُ بِٱللَّهِ ٱلْعَظِيمِ ﴿٣٣﴾ وَلَا يَحُضُّ عَلَىٰ طَعَامِ ٱلْمِسْكِينِ

Terjemahan: *Sesungguhnya dia dahulu tidak beriman kepada Allah yang Maha Agung, dan dia juga tidak mendorong (orang lain) untuk memberi makan orang miskin.*

(Surah al-Haqqah 69: 33-34)

Dalam masyarakat kapitalis yang mengabaikan hak-hak orang miskin dan golongan lemah, dorongan dan galakan seperti di atas sangat diperlukan untuk mencetuskan satu penentangan atau penghimpunan kekuatan golongan miskin bagi menentang sikap sewenang-wenang golongan kaya.

Di samping memerangi kezaliman sosial, seorang Muslim juga dituntut untuk memerangi kezaliman politik dan kezaliman-kezaliman yang lain, walau apapun bentuk dan coraknya. Sikap berdiam diri dan tidak ambil peduli terhadap kezaliman akan memastikan datangnya azab Allah ke atas seluruh umat. Sebab kedudukan orang yang melakukan kezaliman dan orang yang berdiam diri semasa menyaksikannya adalah serupa.

وَٱتَّقُوا۟ فِتْنَةً لَّا تُصِيبَنَّ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ مِنكُمْ خَآصَّةً

Terjemahan: *Dan peliharalah dirimu daripada seksaan yang menimpa tidak hanya ke atas orang-orang yang zalim di antara kamu sahaja.*

(Surah al-Anfal 8: 25)

Al-Quran sendiri mencela kaum-kaum terdahulu yang patuh secara membuta tuli kepada para penguasa pada zaman mereka dan taat mengikuti cara hidup mereka yang sesat.

Firman Allah:

وَٱتَّبَعُوا۟ مَن لَّمْ يَزِدْهُ مَالُهُۥ وَوَلَدُهُۥٓ إِلَّا خَسَارًا

Terjemahan: *Dan mereka mengikuti orang-orang yang harta dan anak-anaknya tidak menambah kepadanya melainkan kerugian semata-mata.*

(Surah Nuh 71: 21)

Firman Allah:

وَٱتَّبَعُوٓا۟ أَمْرَ كُلِّ جَبَّارٍ عَنِيدٍ

Terjemahan: *Dan mereka menuruti perintah setiap penguasa yang (bersikap) sewenang-wenang dan menentang kebenaran*

(Surah Hud 11: 59)

Tentang kaum Fira'un pula Allah berfirman:

فَٱسْتَخَفَّ قَوْمَهُۥ فَأَطَاعُوهُ ۚ إِنَّهُمْ كَانُوا۟ قَوْمًا فَٰسِقِينَ

Terjemahan: *Maka Fir'aun telah mempengaruhi kaumnya, lalu mereka pun patuh kepadanya. Sesungguhnya mereka semua ialah kaum yang fasik.*

(Surah as-Zukhruf 43: 54)

Malah bersimpati serta menyokong para penzalim secara diam-diam pun boleh mendatangkan azab Allah:

وَلَا تَرْكَنُوٓا۟ إِلَى ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ فَتَمَسَّكُمُ ٱلنَّارُ وَمَا لَكُم
مِّن دُونِ ٱللَّهِ مِنْ أَوْلِيَآءَ ثُمَّ لَا تُنصَرُونَ

Terjemahan: *Dan janganlah kalian cenderung kepada orang-orang yang zalim yang menyebabkan kalian disentuh api neraka. Sekali-kali kalian tidak mempunyai seorang penolong pun selain daripada Allah, kemudian kalian tidak akan diberi pertolongan.*

(Surah Hud 11: 113)

Islam membebankan satu tanggung jawab politik ke atas bahu setiap Muslim dengan meminta mereka untuk tinggal hanya di dalam negara yang dipimpin oleh seorang pemimpin Muslim yang dibaiat oleh kaum Muslimin dan memerintah dengan Kitab Allah.

Jika seorang Muslim tidak melaksanakan tanggung jawab ini, ia akan dihimpun bersama-sama orang-orang Jahiliah. Satu hadith sahih menyebutkan:

> Maksudnya: *Sesiapa yang meninggal dunia dan ia belum lagi menyatakan baiatnya maka ia mati dalam kematian jahiliah.*
> (Riwayat Muslim)

SOLAT DAN POLITIK

Dalam kekhusyukan solatnya seorang Muslim juga boleh mengharungi samudera politik, iaitu apabila dia membaca ayat-ayat al-Quran yang berkaitan secara langsung dengan masalah-masalah politik. Di antaranya ialah ayat-ayat surah al-Maidah yang menggesa setiap Muslim untuk memutuskan sebarang perkara berdasarkan hukum yang telah diturunkan Allah. Ayat-ayat tersebut menggelari mereka yang tidak melaksanakan hukum yang telah diturunkan Allah sebagai kafir, zalim ataupun fasik.

...وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْكَٰفِرُونَ

Terjemahan: *Dan sesiapa yang tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang yang kafir.*

(Surah al-Maidah 5: 44)

...وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ

Terjemahan: *Dan sesiapa yang tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang yang zalim.*

(Surah al-Maidah 5: 45)

...وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَٰسِقُونَ

Terjemahan: *Dan sesiapa yang tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang yang fasik.*

(Surah al-Maidah 5: 47)

Seorang imam yang membaca ayat-ayat tersebut di dalam solat telah masuk ke dalam kancah politik. Bahkan mungkin dia telah melakukan satu penentangan, sebab dengan membaca ayat-ayat tersebut dia telah melemparkan tuduhan kepada para penguasa dan menggesa mereka untuk melaksanakan hukum Allah secara serta merta. Jika mereka enggan berbuat demikian maka mereka termasuk ke dalam golongan orang-orang kafir, zalim atau fasik, atau ketiga-tiganya sekali!

Dalam solat, kadang-kadang seorang Muslim juga membaca ayat yang mengingatkan agar kita tidak meminta pertolongan kepada orang-orang kafir, seperti ayat-ayat berikut:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَتَّخِذُوا۟ ٱلْكَٰفِرِينَ أَوْلِيَآءَ
مِن دُونِ ٱلْمُؤْمِنِينَ ۚ أَتُرِيدُونَ أَن تَجْعَلُوا۟ لِلَّهِ عَلَيْكُمْ
سُلْطَٰنًا مُّبِينًا ﴿١٤٤﴾

Terjemahan: *Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu semua mengambil orang-orang kafir menjadi penolong dengan meninggalkan orang-orang mukmin. Inginkah kamu mengadakan alasan yang nyata bagi Allah (untuk menyiksa kamu semua)?*

(Surah an-Nisa' 4: 144)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَتَّخِذُوا۟ عَدُوِّى وَعَدُوَّكُمْ أَوْلِيَآءَ تُلْقُونَ
إِلَيْهِم بِٱلْمَوَدَّةِ

Terjemahan: *Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu semua menjadikan musuh-Ku dan musuhmu menjadi teman-teman setia yang kamu semua sampaikan kepada mereka (berita-berita Muhammad), kerana rasa kasih sayang.*

(Surah al-Mumtahanah 60: 1)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَتَّخِذُواْ بِطَانَةً مِّن دُونِكُمْ
لَا يَأْلُونَكُمْ خَبَالًا وَدُّواْ مَا عَنِتُّمْ قَدْ بَدَتِ ٱلْبَغْضَآءُ مِنْ
أَفْوَٰهِهِمْ وَمَا تُخْفِى صُدُورُهُمْ أَكْبَرُ

Terjemahan: *Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu semua jadikan teman kepercayaanmu orang-orang yang di luar kalanganmu, (sebab) mereka tidak henti-hentinya (menimbulkan) kemudaratan bagi kamu. Mereka menyukai apa yang menyusahkan kamu semua. Telah nyata kebencian dari mulut mereka, dan apa yang disembunyikan dalam hati mereka lebih besar lagi.*

(Surah Ali Imran 3: 118)

Begitu pula, seorang Muslim melakukan usaha politik dalam solatnya semasa dia membaca 'Qunut Nazilah' yang telah ditetapkan dalam fiqh. Ia merupakan satu doa yang dibaca di dalam solat pada raka'at terakhir, khasnya pada solat-solat Jahriyah (solat-solat yang sebahagian bacaannya dibaca dengan suara keras). Qunut Nazilah disyariatkan untuk dibaca jika berlaku sebarang kejadian yang menimpa kaum Muslimin seperti berperang dengan musuh, gempa bumi, banjir, kebuluran dan keadaan-keadaan yang serupa dengannya.

Saya masih ingat bagaimana Imam as-Syahid Hasan al-Banna telah menggunakan hukum syariat ini untuk mengerahkan rakyat Mesir menentang Inggeris. Dalam artikel beliau di surat khabar harian *al-Ikhwan al-Muslimun* beliau meminta seluruh rakyat Mesir untuk membaca doa Qunut dalam solat-solat mereka bagi menentang kemaraan penjajah Inggeris. Al-Banna mencadangkan susunan doa dengan lafaz tertentu, tetapi sangat sedikit orang yang sudi melaksanakannya. Alhamdulillah, kami hafal doa tersebut dan sentiasa membacanya dalam solat. Lafaz Qunut yang diajarkan oleh al-Banna itu ialah seperti berikut:

اللهم رب العالمين، وأمان الخائفين، ومذل المتكبرين، وقاصم الجبارين، اللهم إنك تعلم أن هؤلاء الغاصبين من الأنجليز قد احتلوا أرضنا، وغصبوا حقنا، وطغوا في البلاد، فأكثروا فيها الفساد، اللهم رد عنا كيدهم، وفل حدهم، وأدل دولتهم، وأذهب عن أرضك سلطانهم، ولا تدع لهم سبيلا على أحد من عبادك المؤمنين. اللهم خذهم ومن ناصرهم أو عاونهم أو وادهم، أخذ عزيز مقتدر

"Wahai Tuhan pemelihara semesta alam, Pelindung bagi orang-orang yang ketakutan, Yang memperhinakan orang-orang yang sombong dan membinasakan orang yang sewenang-wenang. Ya Allah, Engkau Maha Tahu bahawa para pencuri Inggeris itu telah menduduki negeri kami, merampas hak kami dan bertindak sewenang-wenang serta melakukan pelbagai kerosakan di muka bumi. Ya Allah tolaklah tipu daya mereka daripada kami, musnahkanlah kekuatan mereka, singkirkanlah kekuasaan mereka dari bumi-Mu dan janganlah biarkan mereka menindas hamba-hamba-Mu yang salih. Ya Allah, jatuhkanlah hukuman-Mu, yang Maha Mulia lagi Maha Kuasa, terhadap mereka dan orang-orang yang bekerja sama serta bersimpati terhadap mereka."

Demikianlah, kita boleh masuk ke dalam kancah politik dan mengharungi perjuangannya dalam keadaan kita sedang berdiri di mihrab melakukan solat dengan penuh khusyuk. Inilah karakter agama Islam yang tidak memisahkan antara urusan agama dengan dunia. Al-Quran, as-Sunnah dan sejarah Islam tidak pernah mengiktiraf agama yang terpisah dari urusan kenegaraan atau negara yang memisahkan diri daripada ajaran agama.

TENTANG TUDUHAN TIDAK ADA AGAMA DALAM POLITIK DAN TIDAK ADA POLITIK DALAM AGAMA

Sebahagian orang yang dahulu menganggap bahawa agama tidak berkaitan dengan politik dan kemudian mengisytiharkan satu kenyataan dusta 'tidak ada agama dalam politik dan tidak ada politik dalam agama. Sekarang justeru merekalah orang-orang pertama yang mengingkari kenyataan tersebut dengan ucapan dan perbuatan mereka sendiri. Mereka sentiasa merujuk kepada agama untuk mengambil bahan-bahan yang boleh digunakan untuk urusan politik mereka dan menyerang musuh-musuh mereka. Mereka juga meminta fatwa daripada ulama-ulama yang lemah semangat keagamaannya dan kurang ilmunya bagi menentang orang-orang yang membangkang dengan politik mereka. Padahal politik tersebut adalah batil secara agama dan tidak sesuai untuk kehidupan.

Saya masih ingat lagi bagaimana ulama-ulama seperti itu telah mengeluarkan fatwa terhadap kami semasa saya dan beberapa rakan berada dalam tahanan di Thur antara tahun 1948 - 1949 M. Dalam fatwa tersebut mereka memutuskan bahawa kami, yang sedang berjuang agar diterapkannya hukum al-Quran dan ajaran Islam, telah memerangi Allah dan rasul-Nya dan berusaha melakukan kerosakan di muka bumi. Mereka juga memutuskan bahawa kami harus dihukum bunuh, disalib atau dikerat kedua-dua tangan dan kaki kami dan dimusnahkan dari muka bumi.

Kejadian seperti ini terjadi berulang-ulang kali. Ia seperti satu drama yang diulang berkali-kali dengan barisan pelakon yang berbeza.

Saya juga masih ingat bagaimana majlis fatwa telah diminta untuk mengeluarkan fatwa yang menyatakan bahawa berdamai dengan Israel merupakan satu perkara yang disokong oleh syariat. Mereka memerlukan fatwa sedemikian untuk menyokong keadaan politik mereka yang sedang genting. Padahal sebelum itu majlis fatwa telah mengeluarkan fatwa yang mengharamkan sebarang perdamaian dengan Israel dan menganggapnya sebagai satu pengkhianatan terhadap Allah, rasul-Nya dan orang-orang yang beriman.

Sampai hari ini, para penguasa masih terus mendatangi para ulama dan meminta mereka untuk mengeluarkan fatwa-fatwa yang menyokong tujuan-tujuan politiknya. Di antaranya ialah fatwa yang menghalalkan faedah bank serta bon pelaburan. Ulama-ulama yang cetek pemahamannya serta sedikit ilmu agamanya menyambut baik tempahan fatwa tersebut. Namun, para ulama

yang kuat memegang prinsip dan tinggi pengetahuan keagamaannya menolak permintaan tersebut. Merekalah yang disebut Allah dalam firman-Nya:

ٱلَّذِينَ يُبَلِّغُونَ رِسَٰلَٰتِ ٱللَّهِ وَيَخْشَوْنَهُۥ وَلَا يَخْشَوْنَ أَحَدًا إِلَّا ٱللَّهَ

Terjemahan: *Merekalah orang-orang yang menyampaikan risalah Allah dan mereka tidak merasa takut kepada seorang pun kecuali kepada Allah.*

(Surah al-Ahzab 33: 39)

ADAKAH POLITIK SATU KEMUNGKARAN?

Dari segi teori, politik merupakan satu ilmu yang memiliki kepentingan dan martabat tersendiri. Manakala dari segi praktiknya pula, politik merupakan satu pekerjaan yang mulia dan bermanfaat, sebab ia berkaitan dengan usaha mentadbir masalah-masalah manusia dengan sebaik mungkin.

Imam Ibn al-Qayyim menyebutkan pendapat imam Abu al-Wafa' bin 'Aqil al-Hanbali yang berkata:

> "Politik ialah satu perbuatan yang kedudukannya di tengah-tengah manusia boleh mendekatkan mereka kepada kemaslahatan dan menjauhkan mereka daripada kerosakan, selagi tidak bercanggah dengan undang-undang syariat."

Ibn al-Qayyim juga berkata, "Politik yang adil mustahil bercanggah dengan undang-undang syariat. Ia mesti selaras dengan matlamat syariat, malah ia merupakan sebahagian daripada syariat. Kami menyebutnya 'politik' untuk menyesuaikan dengan istilah yang mereka gunakan. Tetapi pada hakikatnya ia adalah syiar keadilan yang diajarkan Allah dan rasul-Nya."[3]

Para ulama terdahulu telah menjelaskan tentang nilai dan keutamaan politik, malah Imam al-Ghazali berkata, "Sesungguhnya dunia ialah tempat bercucuk tanam bagi akhirat. Agama tidak akan sempurna jika urusan dunia tidak disempurnakan terlebih dahulu. Kerajaan dan agama merupakan dua sisi dari sekeping mata wang. Agama merupakan asas dan kekuasaan sebagai penjaganya. Setiap perkara yang tidak memiliki asas akan runtuh, dan setiap perkara yang tidak dijaga dengan baik akan hilang."[4]

Para ulama tersebut mendefinisikan kepimpinan dan kekhalifahan sebagai perwakilan Rasulullah s.a.w. kepada seseorang untuk menjaga agama dan mengatur urusan keduniaan.[5] Oleh itu, di samping seorang pendakwah, guru dan hakim, Rasulullah sendiri adalah seorang pakar politik, seorang ketua negara dan pemimpin umat. Para khulafa ar-Rashidun setelah baginda juga berpolitik di atas manhaj dan kaedah yang telah diajarkan oleh Rasulullah. Mereka telah mengatur urusan umat secara adil dan ihsan, dan mereka telah memimpin mereka dengan ilmu dan iman.

Sayangnya, pada masa sekarang ramai di antara manusia yang membenci politik kerana sudah serik menerima perlakuan buruk daripada orang-orang yang berkecimpung dalam bidang tersebut. Mereka benci terhadap politik dan seluruh perkara yang berhubungan dengannya, sama ada politik para penjajah mahu pun politik pemerintah yang berkhianat dan para penguasa yang zalim. Terlebih lagi setelah falsafah Machiavelli mendominasi pandangan dunia politik. Bahkan diceritakan bahawa setelah puas merasakan tipu daya dan permainan politik as-Syekh Muhammad Abduh berkata, "Auzubillah (saya berlindung kepada Allah) daripada politik, daripada orang-orang yang menekuni bidang politik, daripada mereka yang mengatur urusan politik serta mereka yang diatur oleh politik."

Para musuh pemikiran dan pergerakan Islam menggunakan peluang tersebut untuk mempengaruhi umat Islam yang membenci politik. Mereka menamakan ajaran Islam yang universal dan sempurna dan sedang diperjuangkan oleh para pemimpin Islam sebagai 'Islam politik', sehingga kalangan awam umat Islam menjauhkan diri daripadanya.

Bahkan menggelari setiap Muslim yang taat menjalankan syariat agama sebagai 'Muslim Politik', merupakan perkara yang biasa berlaku di zaman sekarang. Memanggil seseorang dengan gelaran seperti itu sudah cukup untuk membuat masyarakat menghinanya dan menjauhkan diri daripadanya.

Di kawasan Maghribi, sekelompok remaja Muslimah yang bertudung pergi mengadu kepada seorang tokoh yang disegani dalam agama dan politik. Mereka mengadukan bahawa sesetengah kolej di negeri itu tidak menerima mereka belajar di sana kecuali dengan satu syarat tambahan, iaitu melepaskan tudung. Mereka berharap tokoh ini dapat mengusahakan agar mereka dikecualikan daripada syarat tersebut, sebab ia merupakan perkara yang diharamkan Allah dan rasul-Nya. Tetapi alangkah terkejutnya mereka apabila mendengar jawapan tokoh agama itu: "Jenis

selendang yang kalian pakai ini bukan sekadar tudung biasa, tetapi ia merupakan pakaian bercorak politik!"

Sebelum itu seorang sekularis terbesar di Tunisia berkata, "Pakaian seperti itu membawa kecenderungan perkauman." Seorang sekularis yang lain melihat pelaksanaan solat Aidil Fitri di tengah padang seraya berkata, "Solat seperti ini bukan sunnah. Sebaliknya ia merupakan satu solat politik!" Ada juga yang berpendapat bahawa melakukan i'tikaf pada sepuluh hari terakhir bulan Ramadhan merupakan i'tikaf politik. Tidak mustahil pada satu masa mereka mengatakan bahawa solat berjamaah di masjid merupakan solat politik! Dan membaca sejarah peperangan Islam daripada kitab *Sirah Ibn Hisham*, kitab *Imta' al-Asma'* atau kitab *al-Maghazi Min Sahih al-Bukhari* dianggap sebagai bacaan politik! Malah mengalunkan bacaan al-Quran, terutama ayat-ayat tertentu, akan dituduh politik.

Sukar bagi saya untuk melupakan satu peristiwa pada masa lalu, di mana salah satu bukti yang membuat para defendan telah disabitkan bersalah ialah kerana mereka menghafal surah al-Anfal, yang dikenali dengan surah Jihad, atau surah Ali Imran, yang bercerita tentang kesabaran menahan ujian dan keutamaan berpegang teguh pada pendirian.

Dari sini dapat kita simpulkan bahawa Islam yang digelari oleh para westernis dan sekularis sebagai 'Islam Politik' itulah Islam yang benar. Itulah Islam yang disyariatkan Allah dalam Kitab-Nya dan telah berjaya dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w., para sahabat dan para khulafa ar-Rashidun. Allah tidak akan menerima agama lain selain agama ini.

NEGARA ISLAM DAN PERLAKSANAAN HUKUM ALLAH

Pada masa ini, beberapa penulis yang diragukan kredibilitinya telah menulis beberapa artikel yang menimbulkan kekecohan. Artikel tersebut membahas kewajipan menjalankan hukum Allah bagi kaum Muslimin. Kami telah mendengar beberapa ulasan yang menyakitkan telinga daripada mereka yang tidak menguasai ilmu-ilmu keislaman, fiqh dan syariah.

Di antara mereka ada yang berkata bahawa ayat-ayat yang mencela orang yang tidak melaksanakan hukum Allah serta menganggapnya sebagai kafir, zalim atau fasik bukan ditujukan kepada umat Islam. Sebaliknya ayat tersebut diturunkan dalam

konteks yang berkaitan dengan Ahli Kitab, Yahudi dan Nasrani. Demikian pulalah yang dijelaskan oleh Asbabun Nuzul daripada ayat-ayat tersebut.

Mereka juga mengatakan perkara yang sama terhadap ayat di bawah ini:

وَأَنِ ٱحْكُم بَيْنَهُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَآءَهُمْ وَٱحْذَرْهُمْ أَن يَفْتِنُوكَ عَنۢ بَعْضِ مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ إِلَيْكَ

Terjemahan: *Dan hendaklah kamu memutuskan perkara di antara mereka mengikut apa yang diturunkan Allah, dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu mereka. Berhati-hatilah kamu terhadap mereka, supaya mereka tidak memalingkan kamu dari sebahagian apa yang telah diturunkan Allah kepadamu.*

(Surah al-Maidah 5: 49)

Mereka berpendapat bahawa perintah memutuskan perkara mengikut apa yang diturunkan Allah dalam ayat ini hanya untuk Ahli Kitab sahaja, dan bukan untuk kaum Muslimin.

Ada pula di antara mereka yang berpendapat bahawa kaum Muslimin memang termasuk dalam konteks ayat tersebut. Tetapi perkataan 'memutuskan perkara dengan hukum Allah' pada ayat tersebut maksudnya ialah menerapkan hukum Allah dalam pertelingkahan serta perselisihan pendapat, dan itu merupakan pekerjaan para hakim dan qadi sahaja. Ayat tersebut tidak boleh diertikan ke dalam konteks politik atau perundangan yang dikuasai sepenuhnya oleh penguatkuasa politik seperti para raja, presiden, perdana menteri dan yang serupa dengannya, atau didominasi oleh lembaga perundangan seperti majlis perwakilan yang memiliki kuasa untuk menetapkan, memansuhkan atau menggubal undang-undang.

Mereka juga berpendapat bahawa perkataan 'syariah' yang terdapat di dalam al-Quran sama sekali tidak dapat diertikan seperti hukum syariah yang sedang diperjuangkan perlaksanaannya oleh kaum Muslimin. Perkataan tersebut terdapat dalam ayat Makki dan ertinya ialah manhaj Ilahi yang tergambar dalam akidah, akhlak dan nilai-nilai murni.

Firman Allah:

ثُمَّ جَعَلْنَٰكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنَ ٱلْأَمْرِ فَٱتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ
أَهْوَآءَ ٱلَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٨﴾

Terjemahan: *Kemudian Kami jadikan kamu berada di atas syariat (peraturan) dan urusan agama itu, maka ikutilah syariat itu dan janganlah kamu ikuti hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui.*

(Surah al-Jathiyah 45: 18)

Sebahagian rakan-rakan meminta saya untuk menjelaskan isu penting yang pada akhir-akhir ini telah dicemari oleh beberapa buku kontroversial.

Pada kesempatan ini saya ingin memaparkan beberapa pandangan asas berkenaan perkara di atas:

1. Perkara yang sudah diketahui secara mutlak tidak memerlukan sebarang dalil lagi.

Terdapat beberapa perkara yang disebut oleh para ulama besar umat Islam dengan istilah 'perkara yang sudah diketahui secara mutlak'. Maksudnya ialah perkara-perkara yang hakikatnya sudah diketahui secara mutlak oleh orang ramai, sama ada golongan ulama ataupun masyarakat awam, dan tidak diperlukan sebarang teori atau dalil-dalil untuk mengesahkannya lagi, kerana hakikat pengetahuan tersebut sudah tersebar luas antara generasi umat dan telah disahkan dengan bukti-bukti yang mutawatir dan meyakinkan sepanjang sejarah.

Perkara-perkara seperti inilah yang menjadi asas dan ketetapan terhadap ijma' (kesepakatan) umat, kesepaduan pemikiran, perasaan serta ilmu pengetahuannya. Oleh itu, umat Islam tidak pernah membahas dan membincangkannya lagi, kecuali jika mereka berniat untuk menggubal dasar-dasar Islam itu sendiri.

Di antara perkara-perkara ini menurut saya ialah bahawa Allah tidak menurunkan undang-undang dalam Kitab Suci dan lisan rasul-Nya hanya untuk diambil berkatnya sahaja atau hanya untuk dibacakan ke atas orang mati dan digantung menjadi perhiasan di dinding rumah. Tetapi Allah s.w.t. telah menurunkannya untuk ditaati, dilaksanakan dan untuk menjadi dasar hukum bagi hubungan antara sesama manusia. Juga untuk memberikan panduan kepada jalan kehidupan agar sesuai dengan perintah, hukum dan syariat Allah.

Orang-orang yang menyembah Allah dengan penuh kerelaan, memilih Islam sebagai agama, Muhammad s.a.w. sebagai nabi dan al-Quran sebagai pedoman hidup cukup berpuas hati dengan ketetapan-ketetapan agama. Apabila mendengar hukum-hukum dan ketetapan Allah mereka berkata, "kami dengar dan kami taati". Mereka merasa tidak perlu lagi membahas dalil-dalil yang berasal daripada teks-teks agama yang jelas dan kaedah-kaedah yang tetap.

2. Dalil-dalil yang menetapkan wajibnya memutuskan perkara sesuai dengan hukum Allah.

Dengan sepenuh keyakinan kami katakan bahawa dalil-dalil yang menetapkan wajibnya memutuskan perkara sesuai dengan hukum Allah adalah teramat banyak. Ia tidak hanya tertera pada ayat-ayat surah al-Maidah sahaja. Meskipun ayat tersebutlah yang paling keras mengecam orang-orang yang tidak memutuskan perkara dengan hukum Allah dan memanggil mereka sebagai kafir, zalim atau fasik. Demikianlah hakikatnya, sama ada sesuai ataupun bercanggah dengan kehendak nafsu kita.

Sekarang mari kita semak pula ayat-ayat daripada surah an-Nisa' berikut:

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ يَزْعُمُونَ أَنَّهُمْ ءَامَنُوا۟ بِمَآ أُنزِلَ إِلَيْكَ
وَمَآ أُنزِلَ مِن قَبْلِكَ يُرِيدُونَ أَن يَتَحَاكَمُوٓا۟ إِلَى ٱلطَّٰغُوتِ
وَقَدْ أُمِرُوٓا۟ أَن يَكْفُرُوا۟ بِهِۦ وَيُرِيدُ ٱلشَّيْطَٰنُ أَن يُضِلَّهُمْ
ضَلَٰلًۢا بَعِيدًا ﴿٦٠﴾ وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ تَعَالَوْا۟ إِلَىٰ مَآ أَنزَلَ
ٱللَّهُ وَإِلَى ٱلرَّسُولِ رَأَيْتَ ٱلْمُنَٰفِقِينَ يَصُدُّونَ عَنكَ
صُدُودًا ﴿٦١﴾ فَكَيْفَ إِذَآ أَصَٰبَتْهُم مُّصِيبَةٌۢ بِمَا
قَدَّمَتْ أَيْدِيهِمْ ثُمَّ جَآءُوكَ يَحْلِفُونَ بِٱللَّهِ إِنْ أَرَدْنَآ إِلَّآ
إِحْسَٰنًا وَتَوْفِيقًا ﴿٦٢﴾ أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ يَعْلَمُ ٱللَّهُ مَا
فِى قُلُوبِهِمْ فَأَعْرِضْ عَنْهُمْ وَعِظْهُمْ وَقُل لَّهُمْ فِىٓ
أَنفُسِهِمْ قَوْلًۢا بَلِيغًا ﴿٦٣﴾ وَمَآ أَرْسَلْنَا مِن رَّسُولٍ إِلَّا

لِيُطَاعَ بِإِذْنِ ٱللَّهِ ۚ وَلَوْ أَنَّهُمْ إِذ ظَّلَمُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ
جَآءُوكَ فَٱسْتَغْفَرُوا۟ ٱللَّهَ وَٱسْتَغْفَرَ لَهُمُ ٱلرَّسُولُ
لَوَجَدُوا۟ ٱللَّهَ تَوَّابًا رَّحِيمًا ﴿٦٤﴾ فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ
حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُوا۟
فِىٓ أَنفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا۟ تَسْلِيمًا ﴿٦٥﴾

Terjemahan: *Apakah kamu tidak memperhatikan orang-orang yang mengaku dirinya telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadamu dan kepada apa yang diturunkan sebelum kamu? Mereka hendak berhakim kepada taghut, padahal mereka telah diperintah mengingkari taghut itu. Dan syaitan bermaksud menyesatkan mereka (dengan) penyesatan yang sejauh-jauhnya. Apabila dikatakan kepada mereka, "Marilah kamu (tunduk) kepada hukum yang Allah telah turunkan dan kepada hukum rasul", nescaya kamu melihat orang-orang munafik menghalangi (manusia) dengan sekuat-kuatnya dari (mendekati) kamu. Maka bagaimanakah halnya apabila mereka (orang-orang munafik) ditimpa sesuatu musibah disebabkan perbuatan tangan mereka sendiri, kemudian mereka datang kepadamu sambil bersumpah: "Demi Allah, kami sekali-kali tidak menghendaki selain penyelesaian yang baik dan perdamaian yang sempurna. Mereka itu ialah orang-orang yang Allah mengetahui apa yang di dalam hati mereka. Oleh itu, berpalinglah kamu daripada mereka, berilah mereka pelajaran dan katakanlah kepada mereka perkataan yang berkesan pada jiwa mereka. Kami tidak mengutus seorang rasul melainkan untuk ditaati dengan izin Allah. Sesungguhnya jika mereka yang menganiaya dirinya datang kepadamu lalu memohon ampun kepada Allah dan rasul pun memohon ampun untuk mereka, tentulah mereka mendapati Allah Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang. Maka demi Tuhanmu, mereka (pada hakikatnya) tidak beriman hingga mereka menjadikan kamu hakim terhadap perkara yang mereka perselisihkan, kemudian mereka tidak merasa dalam hati mereka sesuatu keberatan terhadap putusan yang kamu berikan dan mereka menerima dengan sepenuhnya.*

(Surah an-Nisa' 4: 60-65)

Semak pula ayat-ayat daripada surah an-Nur berikut:

وَيَقُولُونَ
ءَامَنَّا بِٱللَّهِ وَبِٱلرَّسُولِ وَأَطَعْنَا ثُمَّ يَتَوَلَّىٰ فَرِيقٌ مِّنْهُم مِّنۢ بَعْدِ
ذَٰلِكَ ۚ وَمَآ أُو۟لَٰٓئِكَ بِٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٤٧﴾ وَإِذَا دُعُوٓا۟ إِلَى ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ
لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ إِذَا فَرِيقٌ مِّنْهُم مُّعْرِضُونَ ﴿٤٨﴾ وَإِن يَكُن لَّهُمُ ٱلْحَقُّ
يَأْتُوٓا۟ إِلَيْهِ مُذْعِنِينَ ﴿٤٩﴾ أَفِى قُلُوبِهِم مَّرَضٌ أَمِ ٱرْتَابُوٓا۟ أَمْ يَخَافُونَ
أَن يَحِيفَ ٱللَّهُ عَلَيْهِمْ وَرَسُولُهُۥ ۚ بَلْ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٥٠﴾
إِنَّمَا كَانَ قَوْلَ ٱلْمُؤْمِنِينَ إِذَا دُعُوٓا۟ إِلَى ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ
أَن يَقُولُوا۟ سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا ۚ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿٥١﴾

Terjemahan: *Dan mereka berkata, "Kami telah beriman kepada Allah dan rasul dan kami mentaati (keduanya)". Kemudian sebahagian dari mereka berpaling sesudah itu, sekali-kali mereka itu bukanlah orang-orang yang beriman. Apabila mereka dipanggil kepada Allah dan rasul-Nya agar rasul menghukum (memutuskan) di antara mereka sebahagian dari mereka menolak untuk datang. Tetapi jika keputusan itu untuk (kemaslahatan) mereka, mereka datang kepada rasul dengan patuh. Apakah (ketidak datangan mereka itu kerana) dalam hati mereka ada penyakit, atau (kerana) mereka ragu-ragu ataukah (kerana) takut jika Allah dan rasul-Nya berlaku zalim kepada mereka? Sebenarnya, mereka itulah orang-orang yang zalim. Sesungguhnya jawapan orang-orang mukmin bila mereka dipanggil kepada Allah dan rasul-Nya agar rasul menghukum (memutuskan) di antara mereka ialah ucapan, "Kami mendengar dan kami patuh." Dan mereka itulah orang-orang yang beruntung.*
(Surah an-Nur 24: 47-51)

Kemudian perhatikan pula ayat-ayat surah al-Ahzab berikut:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَن يَكُونَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ ۗ وَمَن يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا ﴿٣٦﴾

Terjemahan: *Dan tidaklah patut bagi lelaki mukmin, tidak (pula) perempuan mukminah, apabila Allah dan rasul-Nya telah menetapkan satu ketetapan, akan ada bagi mereka pilihan (yang lain) tentang urusan mereka. Dan sesiapa yang menderhakai Allah dan rasul-Nya maka sesungguhnya dia telah sesat (dalam) kesesatan yang nyata.*

(Surah al-Ahzab 33: 36)

Ayat-ayat muhkamat (jelas dan pasti maknanya) dari Kitabullah yang kita sebutkan di atas tidak memerlukan sebarang ulasan lagi. Maksud dan maknanya jelas, iaitu:

- Kepatuhan terhadap hukum Allah merupakan bahagian yang tidak boleh dilepaskan daripada keimanan.

- Tidak ada pilihan lain bagi orang-orang yang beriman' di hadapan perkara yang telah ditetapkan Allah dan Rasul-Nya.

- Setiap kali seorang mukmin dipanggil untuk melaksanakan undang-undang Allah dan Rasul-Nya jawapan yang diucapkannya ialah, "Kami dengar dan kami taati."

Dalam ayat-ayat di atas Allah juga telah bersumpah menafikan keimanan terhadap sesiapa yang tidak menerima sepenuhnya keputusan Rasulullah s.a.w. dengan hati rela.

Ingin saya paparkan satu perkara penting di sini, iaitu ketetapan dan hukum-hukum yang diturunkan Allah itu bukan hanya tertera dalam teks-teks al-Quran dan al-Hadith, tetapi ia juga menepati kaedah-kaedah keseimbangan yang adil dalam kehidupan (al-Mizan). Kedua-duanya merupakan ketetapan yang diturunkan Allah.

اللَّهُ الَّذِي أَنزَلَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ وَالْمِيزَانَ

Terjemahan: *Allah-lah yang menurunkan Kitab dengan (membawa) kebenaran dan (menurunkan) al-Mizan (neraca keadilan).*

(Surah as-Shura 42: 17)

لَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلَنَا بِالْبَيِّنَاتِ وَأَنزَلْنَا مَعَهُمُ الْكِتَابَ
وَالْمِيزَانَ لِيَقُومَ النَّاسُ بِالْقِسْطِ

Terjemahan: *Sesungguhnya Kami telah mengutus para rasul Kami dengan membawa bukti-bukti yang nyata dan telah Kami turunkan bersama mereka al-Kitab dan al-Mizan (neraca keadilan) supaya manusia dapat melaksanakan keadilan.*

(Surah al-Hadid 57: 25)

Maka dalam hal ini kita boleh berpedoman kepada dua cahaya petunjuk. Cahaya petunjuk yang dipetik daripada Kitabullah serta cahaya petunjuk berasaskan akal dan fitrah (al-Mizan). Kedua-duanya merupakan petunjuk yang diturunkan oleh Allah s.w.t. Inilah yang dimaksudkan dengan 'nurun 'ala nuur' (cahaya di atas cahaya).

3. Ayat-ayat yang membahas perkara ini merupakan ayat-ayat muhkamat (yang jelas dan tegas maknanya).

Ayat-ayat surah al-Maidah yang mengecam sesiapa yang tidak membuat keputusan berdasarkan hukum Allah dan menyebut mereka sebagai kafir, zalim atau fasik, merupakan ayat-ayat yang jelas dan tegas maksud dan ertinya.

Perlu rasanya kita paparkan lagi ayat tersebut selengkapnya dalam perenggan berikut, agar boleh direnungkan dan diteliti.

إِنَّا أَنزَلْنَا التَّوْرَاةَ فِيهَا
هُدًى وَنُورٌ ۚ يَحْكُمُ بِهَا النَّبِيُّونَ الَّذِينَ أَسْلَمُوا لِلَّذِينَ
هَادُوا وَالرَّبَّانِيُّونَ وَالْأَحْبَارُ بِمَا اسْتُحْفِظُوا مِن كِتَابِ
اللَّهِ وَكَانُوا عَلَيْهِ شُهَدَاءَ ۚ فَلَا تَخْشَوُا النَّاسَ

وَٱخْشَوْنِ وَلَا تَشْتَرُوا۟ بِـَٔايَـٰتِى ثَمَنًا قَلِيلًا ۚ وَمَن لَّمْ يَحْكُم
بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلْكَـٰفِرُونَ ﴿٤٤﴾ وَكَتَبْنَا عَلَيْهِمْ
فِيهَآ أَنَّ ٱلنَّفْسَ بِٱلنَّفْسِ وَٱلْعَيْنَ بِٱلْعَيْنِ وَٱلْأَنفَ
بِٱلْأَنفِ وَٱلْأُذُنَ بِٱلْأُذُنِ وَٱلسِّنَّ بِٱلسِّنِّ وَٱلْجُرُوحَ
قِصَاصٌ ۚ فَمَن تَصَدَّقَ بِهِۦ فَهُوَ كَفَّارَةٌ لَّهُۥ ۚ وَمَن
لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّـٰلِمُونَ ﴿٤٥﴾

Terjemahan: *Sesungguhnya Kami telah menurunkan Kitab Taurat. Di dalamnya (terdapat) petunjuk dan cahaya (yang menerangi). Dengan Kitab itu diputuskan perkara orang-orang Yahudi oleh nabi-nabi yang berserah diri kepada Allah, oleh orang-orang alim mereka dan (juga oleh) pendeta-pendeta mereka, sebab mereka diperintahkan memelihara Kitab-Kitab Allah dan mereka menjadi saksi terhadapnya. Oleh itu, janganlah kamu takut kepada manusia, (tetapi) takutlah kepada-Ku. Dan janganlah kamu menukar ayat-ayat-Ku dengan harga yang sedikit. Sesiapa yang tidak memutuskan menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu ialah orang-orang yang kafir. Kami telah tetapkan terhadap mereka di dalamnya (Taurat) bahawa jiwa (dibalas) dengan jiwa, mata dengan mata, hidung dengan hidung, telinga dengan telinga, gigi dengan gigi, dan luka-luka pun ada qisasnya. Sesiapa yang melepaskan (hak qisas)nya, maka melepaskan hak itu (menjadi) penebus dosa baginya. Sesiapa yang tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu ialah orang-orang yang zalim. Dan Kami iringkan jejak mereka (nabi-nabi Bani Israel) dengan Isa bin Maryam, (dia) membenarkan Kitab yang sebelumnya, iaitu Taurat. Kami telah memberikan kepadanya Kitab Injil sedang di dalamnya (terdapat) petunjuk dan cahaya (yang menerangi). Ia membenarkan Kitab yang sebelumnya, iaitu Kitab Taurat dan menjadi petunjuk serta pengajaran untuk orang-orang yang bertakwa. Hendaklah para pengikut Injil memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah di dalamnya. Sesiapa yang tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah maka mereka itu ialah orang-orang yang fasik.*

(Surah al-Maidah 5: 44 - 47)

Saya ingin memaparkan beberapa sudut pandangan yang menjelaskan sikap sesetengah ahli tafsir mengenai ayat tersebut.

Pertama: Tidak diragukan lagi bahawa ayat tersebut diturunkan kepada ahli Taurat dan Injil. Demikianlah yang disebutkan dalam Asbabun Nuzul (sebab-sebab turunnya ayat) dan konteks ayat tersebut. Tetapi perenggan akhir daripada ayat-ayat tersebut, iaitu: "Dan sesiapa yang tidak memutuskan perkara menurut apa yang telah diturunkan Allah maka mereka itu ialah orang-orang yang kafir." Perkataan 'sesiapa' dalam perenggan tersebut merupakan lafaz yang mengandungi makna umum. Tetapi mengapakah para ahli tafsir mengetepikan kaum Muslimin dalam pembabitan hukum yang terkandung dalam ayat tersebut dan menghadkannya hanya terhadap Ahli Kitab sahaja?

Mereka memberi penafsiran yang demikian kerana mereka khuatir masyarakat awam akan cepat menuduh para pemimpin dan pemerintah dengan gelaran kafir besar, akibat kerosakan dan kemaksiatan yang berlaku dalam masalah pentadbiran negara yang tidak mengikut hukum Allah, meskipun mereka beralasan kerana terdorong oleh hawa nafsu ataupun kerana bertolak ansur dan sebagainya. Jarang sekali di antara para pemimpin dan pemerintah yang selamat daripada fitnah tersebut, kecuali segelintir kecil manusia yang dilindungi Allah.

Inilah yang menyebabkan Ibn Abbas serta sahabat-sahabatnya, di antaranya ialah Atha', Tawus, Ibn Jubair dan lain-lain, menegaskan bahawa kekufuran akibat perbuatan tersebut bukanlah kekufuran yang mengeluarkan seseorang daripada agama, seperti kafirnya seseorang terhadap Allah, para malaikat, kitab-kitab Allah, para Rasul Allah dan hari akhirat. Ia merupakan kekufuran bukan dalam erti sebenar. Pendapat ini menjadikan Ibn Abbas memisahkan antara pengertian orang yang mengingkari hukum Allah dengan orang yang mengiktirafnya tetapi tidak melaksanakannya.

Pernah berlaku perbincangan antara Abu Majlaz, seorang tabi'in, dengan seorang dari Bani Sadus Ibadhiyah tentang para pemimpin pada zaman mereka. Sebelum itu ramai orang yang datang menanyakan perihal kepimpinan mereka kepada Abu Majlaz, dengan tujuan agar beliau mengeluarkan fatwa mengkafirkan mereka semua berdasarkan ayat-ayat al-Quran. Syeikh Tabari meriwayatkan bahawa Imran bin Hudairi berkata, "Beberapa orang daripada Bani 'Amru Ibn Sadus telah mendatangi Abu Majlaz seraya bertanya,

"Wahai Abu Majlaz, benarkah ayat Allah mengatakan bahawa, Sesiapa yang tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah maka mereka ialah orang-orang yang kafir?"

"Ya, benar."

"Dan sesiapa yang tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah maka mereka ialah orang-orang yang zalim?"

"Ya, benar."

"Dan sesiapa yang tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah maka mereka ialah orang-orang yang fasik?"

"Ya, benar."

"Wahai Abu Majlaz, adakah para pemimpin kita memutuskan perkara berdasarkan hukum yang telah diturunkan Allah?"

"Islam ialah agama yang mereka anuti, ajaran yang mereka sentiasa perbincangkan dan mereka dakwahkan. Jika mereka meninggalkan sebahagian daripada ajarannya, tentulah mereka sedar bahawa mereka telah mengerjakan satu dosa."

"Tidak, demi Allah sesungguhnya engkau takut!"

"Kamu semua lebih layak menyampaikan perkara tersebut daripadaku. Saya sendiri tidak berpandangan demikian. Jika kamu berpandangan demikian mengapa pula kamu tidak bertindak balas? Saya berpendapat bahawa ayat-ayat tersebut diturunkan kepada orang-orang Yahudi, Nasrani dan orang-orang musyrikin."

Dalam riwayat lain, Abu Majlaz diriwayatkan berkata, "Para pemimpin itu berbuat apa yang mereka hendak buat, dan mereka tahu bahawa ia adalah perbuatan dosa. Tetapi ayat-ayat tersebut diturunkan kepada orang-orang Yahudi dan Nasrani."

Kedua: Sesungguhnya wajib bagi kita untuk membezakan antara dua jenis pemimpin. Ada pemimpin yang patuh kepada ajaran Islam dan menganggapnya sebagai manhaj, peraturan dan sistem kehidupan. Dia memerintah dengan berlandaskan kepada ajaran Islam dan sentiasa merujuk kepadanya dalam apa jua perkara. Sayangnya, dalam beberapa perkara kecil, kadang-kadang ia tergelincir dan memutuskan perkara mengikut hawa nafsu dan kehendaknya sendiri.

Ada pula pemimpin yang menolak hukum Allah kerana berpandangan bahawa undang-undang ciptaan manusia lebih utama berbanding hukum Allah. Pemimpin seperti ini seolah-olah telah menuduh bahawa Allah jahil akan maslahat para hamba-Nya. Atau Allah mengetahui maslahat para hamba-Nya tetapi Dia menetapkan undang-undang yang bercanggah dengan maslahat tersebut.

أَلَا يَعْلَمُ مَنْ خَلَقَ وَهُوَ اللَّطِيفُ الْخَبِيرُ ﴿١٤﴾

Terjemahan: *Apakah Allah yang menciptakan itu tidak mengetahui (yang kamu zahirkan dan kamu rahsiakan), dan Dia Maha Halus lagi Maha Mengetahui.*

(Surah al-Mulk 67: 14)

Inilah yang menyebabkan al-Allamah Mahmud Muhammad Shakir mengulas tafsir at-Tabari berkenaan athar yang diriwayatkan daripada Abu Majlaz. Beliau berkata,

> "Jelaslah tujuan kaum Ibadhiyah mempertanyakan perkara tersebut kepada Abu Majlaz adalah untuk memaksa beliau mengkafirkan para pemimpin. Sebab mereka tinggal dalam kawasan sultan dan kemungkinan mereka melihat para pemimpin telah melakukan beberapa perkara yang dilarang Allah. Oleh itu Abu Majlaz menjawab pertanyaan mereka dalam riwayat pertama, "Jika mereka telah meninggalkan sebahagian daripada perintah agama, tentunya mereka sendiri mengetahui bahawa mereka telah melakukan satu dosa." Manakala dalam riwayat kedua pula beliau berkata, "Mereka lakukan apa-apa yang hendak mereka lakukan dan mereka tahu bahawa ia adalah dosa."

Dari sini dapat kita simpulkan bahawa para pemimpin pada zaman itu tidak meninggalkan hukum Allah sepenuhnya. Mereka hanya tergelincir dalam beberapa perkara kecil dan melanggar beberapa larangan Allah. Soalan dan tuntutan Bani Sadus Ibadhiyah terhadap para pemimpin Islam pada zamannya itu tidak serupa dengan apa yang telah dilakukan oleh para pemimpin pada zaman sekarang.

Pada zaman sekarang para pemimpin dengan sengaja telah memakai undang-undang yang bercanggah dengan hukum Allah dalam memutuskan perkara-perkara yang berkaitan dengan harta, maruah dan darah orang ramai. Lebih dari itu, mereka juga mengeluarkan undang-undang yang memaksa umat Islam mengamalkan undang-undang selain hukum Allah yang tertera dalam Kitab-Nya dan dalam sunnah Rasul-Nya. Mereka lebih mementingkan hukum ciptaan orang kafir daripada hukum yang diturunkan Allah. Seolah-olah mereka sengaja ingin menentang hukum dan agama Allah.

Tidak ragu lagi, tindakan seperti inilah yang disebut sebagai kufur! Tidak ada satu orang Islam pun yang berbeza pendapat dalam mengkafirkan orang seperti ini, meskipun mereka masih lagi berselisih pendapat mengenai kafirnya orang-orang yang memasarkan undang-undang moden ini dan menyeru kepadanya.

Perkara yang sedang berlaku dalam masyarakat kita sekarang ini ialah meninggalkan Islam secara keseluruhan, memilih hukum lain selain hukum Allah dan rasul-Nya serta membekukan setiap peraturan dalam syariat Allah. Lebih dari itu, masyarakat kita juga telah pandai menyimpulkan bahawa undang-undang moden lebih utama berbanding hukum-hukum yang diturunkan Allah. Para pengkaji hukum moden berpendapat bahawa syariat Allah telah diturunkan bukan untuk dipraktikan pada zaman kita. Zaman tersebut telah berlalu, dan atas sebab-sebab tertentu hukum-hukum yang dipraktikkan pada zaman itu pun telah terbatal.

Demikianlah pandangan penganalisis dan pelaksana hukum pada zaman ini. Ia merupakan pendapat yang jauh berbeza dengan apa yang kita terangkan dalam peristiwa Abu Majlaz serta beberapa orang dari Bani Amru Ibn Sadus yang mengingkari perbuatan para pemimpin pada zaman mereka.

Jika betul bahawa Bani Amru Ibn Sadus telah menentang sultan kerana beliau telah menerapkan satu hukum yang berbeza dengan hukum syariat, maka kita mesti melihat kepada fakta sejarah. Sejarah mencatatkan bahawa para pemimpin Islam yang melaksanakan satu hukum baru tidak pernah menjadikannya sebagai satu ketetapan hukum yang mesti dilaksanakan sepanjang masa.

Kemudian, seorang pemimpin yang menetapkan satu keputusan yang berbeza dengan hukum Allah kemungkinan besar dia jahil akan hukum syariah, atau terdorong oleh hawa nafsu, atau mentakwilkan satu hukum dengan takwilan yang berbeza daripada pendapat majoriti ulama. Dalam suasana yang terakhir ini dia masih lagi bertumpu kepada teks Kitabullah dan Sunnah Rasulullah s.a.w.

Tidak pernah berlaku pada zaman Abu Majlaz atau zaman sebelumnya, bahawa seorang pemimpin telah memutuskan satu perkara kerana sengaja mengingkari hukum syariah, atau kerana lebih mengutamakan hukum orang kafir berbanding hukum Allah. Perkara seumpama itu tidak pernah berlaku sama sekali! Oleh itu, perbincangan Abu Majlaz dengan orang-orang Ibadhiyah tidak boleh dikaitkan dengan perbuatan para pemimpin pada zaman ini

yang mengingkari hukum syariah dan mengutamakan hukum orang kafir berbanding hukum Allah.

Sesiapa yang mencuba berhujah dengan ucapan Abu Majlaz dan menafsirkannya berlainan dengan keadaan pemerintah pada zaman beliau, dengan tujuan mencari muka kepada penguasa pada zaman ini, atau sebagai helah untuk memberlakukan undang-undang selain daripada hukum yang telah diturunkan Allah kepada para hamba-Nya, maka syariah memandangnya telah ingkar terhadap hukum Allah. Ia harus segera bertaubat. Jika dia enggan bertaubat dan semakin keras pengingkarannya terhadap hukum Allah, hukuman bagi orang murtad yang mengukuhkan kekafirannya telah sama-sama dimaklumi oleh setiap pemeluk agama ini![6]

Ketiga: para ulama Usul Fiqh telah mengkaji secara mendalam masalah-masalah yang berkaitan dengan Asbabun Nuzul (faktor-faktor khas yang menyebabkan turunnya ayat-ayat al-Quran) atau Asbabul Wurud (faktor-faktor khas yang menyebabkan keluarnya hadith-hadith nabi s.a.w.). Mereka juga mengkaji lafaz-lafaz yang bermakna umum daripada ayat-ayat atau hadith-hadith tersebut dan sepakat mengatakan bahawa satu hukum ditetapkan berdasarkan umumnya makna yang terkandung dalam lafaz ayat atau hadith, bukan berdasarkan faktor khas yang menjadi punca turunnya ayat atau hadith tersebut. (Al-'Ibrah bi 'Umum al-Lafz, La Bikhusus as-Sabab). Sebab jika hukum disimpulkan berdasarkan faktor-faktor khas, tentu banyak hukum-hukum yang tidak terpakai lagi setelah zaman nabi s.a.w., akibat tidak wujudnya kesamaan antara peristiwa yang berlaku pada zaman baginda dengan peristiwa yang berlaku zaman-zaman setelah itu. Itu pun jika hadith-hadith yang menceritakan tentang Asbabun Nuzul sahih semua, sebab banyak di antaranya tidak sahih.

Dalam isu yang sedang kita bincangkan, iaitu lafaz ayat "Sesiapa yang tidak memutuskan perkara berdasarkan apa yang diturunkan Allah..." Tidak boleh kita katakan bahaya ayat tersebut hanya berkaitan dengan orang-orang Yahudi atau Nasrani dan tidak berhubungan sama sekali dengan kaum Muslimin. Padahal Kitab Suci mereka sudah lama dimansuhkan, manakala Kitab Suci umat Islam kekal abadi hingga hari kiamat kelak. Bagaimana mungkin Allah telah meminta orang-orang Yahudi dan Nasrani dalam Taurat dan Injil untuk melaksanakan hukum-Nya, tetapi tidak memerintahkan kaum Muslimin untuk melaksanakannya dalam al-Quran?

Saya pernah menulis satu ulasan dalam satu perbahasan tentang 'fatwa' dan penyelewengan sebahagian orang dalam bidang tersebut pada zaman sekarang. Saya katakan dalam perbahasan tersebut:

"Di antara contoh kesilapan dalam pentakwilan ialah pendapat sesetengah orang mengenai ayat-ayat surah al-Maidah yang membincangkan tentang status orang-orang yang tidak memutuskan perkara sesuai dengan hukum yang diturunkan Allah s.w.t. Ayat-ayat tersebut ialah

...وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْكَٰفِرُونَ

Terjemahan: *Sesiapa yang tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah maka mereka itu ialah orang-orang yang kafir.*

(Surah al-Maidah 5: 44)

...وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ

Terjemahan: *Sesiapa yang tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah maka mereka itu ialah orang-orang yang zalim.*

(Surah al-Maidah 5: 45)

...وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَٰسِقُونَ

Terjemahan: *Sesiapa yang tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah maka mereka itu ialah orang-orang yang fasik.*

(Surah al-Maidah 5: 47)

Mereka berpendapat bahawa ayat-ayat tersebut bukan diturunkan untuk umat Islam, tetapi ia diturunkan hanya untuk Ahli Kitab sahaja. Oleh itu, penafsiran ayat ini menurut mereka ialah: orang-orang Yahudi atau Nasrani yang tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah merekalah orang-orang yang kafir, zalim atau fasik. Ada pun orang-orang Islam yang tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah tidak tergolong dalam orang-orang kafir, zalim atau fasik. Demi Allah, pentakwilan seperti inilah yang menimbulkan kehairanan dan kebingungan!

Memang betul bahawa konteks ayat tersebut berbicara tentang Ahli Kitab, sebab ia dipaparkan setelah ayat-ayat yang membincangkan Taurat dan Injil. Namun, kita sendiri dapat melihat bahawa ayat tersebut diturunkan dalam lafaz yang mengandungi makna umum, sehingga mencakup seluruh Ahli Kitab dan kaum Muslimin. Bukankah para ulama Usul Fiqh sependapat mengatakan bahawa satu hukum ditetapkan berdasarkan lafaz ayat yang bersifat umum, bukan berdasarkan faktor-faktor khas yang menyebabkan turunnya ayat?

Serupa dengan jika kita berkata, "Si fulan sakit kerana salah makan. Sesiapa yang salah makan tentu akan jatuh sakit." Isu pertama dalam ayat pertama berkaitan khas dengan si fulan sahaja. Tetapi ayat kedua diucapkan dengan lafaz umum dan bermaksud siapa sahaja yang salah makan tentu akan jatuh sakit.

Ia juga serupa dengan ayat berikut: "Hasil keputusan peperiksaan pada sekolah 'A' amat buruk kerana teruknya pentadbiran. Setiap sekolah yang teruk pentadbirannya tentu akan buruk pula hasil keputusannya." Ayat pertama berkaitan dengan sekolah 'A' sahaja. Manakala ayat kedua pula berkaitan dengan setiap sekolah yang teruk pentadbirannya, termasuk sekolah 'A' atau sekolah-sekolah yang lain. Sifat umum yang terdapat pada ayat kedua telah memasukkan seluruh sekolah ke dalam makna yang dikehendaki.

Dengan demikian dapatlah kita simpulkan bahawa meski pun ayat-ayat surah al-Maidah itu berkenaan dengan Ahli Kitab, tugas memutuskan perkara berdasarkan hukum-hukum Allah tidak terhad kepada mereka sahaja. Sebab ayat tersebut diturunkan dalam lafaz umum yang mencakup setiap kaum yang Allah telah turunkan hukum-hukum-Nya kepada mereka.

Lebih dari itu, akal sihat kita tentunya tidak dapat menerima berlakunya dikotomi perlaksanaan hukum. Bagaimana mungkin kita dapat menerima bahawa umat Islam yang tidak melaksanakan hukum Allah tidak akan menerima sebarang hukuman, manakala umat Yahudi dan Nasrani yang tidak melaksanakan hukum Allah dianggap sebagai kafir, zalim atau fasik?

Pendapat seperti itu tidak dapat diterima kerana beberapa faktor berikut:

1. Pendapat itu bercanggah dengan keadilan Tuhan. Seseorang yang berpendapat demikian bererti telah menuduh tuhan memiliki dua ukuran (double standard) dalam menilai antara Ahli Kitab dan

umat Islam. Padahal Allah menilai para hamba-Nya bukan dengan nama ataupun gelaran, tetapi dengan iman dan amalan. Oleh itu Allah berfirman dalam surah an-Nisa':

لَّيْسَ بِأَمَانِيِّكُمْ وَلَآ أَمَانِيِّ أَهْلِ ٱلْكِتَٰبِ ۗ
مَن يَعْمَلْ سُوٓءًا يُجْزَ بِهِۦ

Terjemahan: *(Pahala dari Allah) itu bukanlah menurut angan-angan kalian yang kosong dan tidak (pula) menurut angan-angan Ahli Kitab. Sesiapa yang mengerjakan kejahatan nescaya akan diberi pembalasan dengan kejahatan itu.*

(Surah an-Nisa' 4: 123)

Dalam tafsirnya at-Tabari menceritakan satu riwayat yang berasal daripada al-Bukhturi, beliau berkata: Seseorang bertanya kepada Huzaifah mengenai ayat-ayat tersebut (Surah al-Maidah 5: 44-47) seraya berkata, "Benarkah ia diturunkan berkenaan dengan Bani Israel?"

Huzaifah menjawab, "Bani Israel adalah saudara-saudara kalian yang terbaik, meskipun mereka memperolehi seluruh kepahitan dan kalian memperolehi seluruh kemanisan. Tidak, demi Allah kalian akan mengikuti jalan mereka setapak demi setapak." Maksudnya tidak banyak perbezaan di antara kalian dengan Ahli Kitab kecuali dalam beberapa perkara sahaja.

Berita Huzaifah ini diriwayatkan pula oleh al-Hakim dalam kitab al-Mustadrak, jilid kedua, halaman 312-313, melalui Jarir, daripada al-A'mash, daripada Ibrahim dan daripada Humam. Jarir meriwayatkan bahawa ketika mereka sedang duduk bersama Huzaifah datang seorang lelaki bertanya kepada beliau: "Betulkah ayat surah al-Maidah 5: 44-47 itu diturunkah berkenaan dengan Bani Israel sahaja?" Huzaifah berkata, "Bani Israel adalah saudara-saudara yang terbaik, meskipun kalian merasakan yang manis dan mereka merasakan yang pahit! Demi Allah yang jiwaku berada pada tangan-Nya, ayat tersebut tidak bermaksud demikian! Tetapi akan kalian mengikuti mereka setapak demi setapak dan selangkah demi selangkah."

Al-Hakim berkata bahawa hadith ini terhitung sahih mengikut syarat Bukhari dan Muslim, tetapi kedua-duanya tidak meriwayatkannya. Imam az-Zahabi sependapat dengan al-Hakim tentang kesahihan hadith ini.

2. Pendapat seperti itu juga membawa makna bahawa Kitab yang diturunkan Allah kepada kaum Muslimin lebih rendah kedudukannya berbanding Kitab yang diturunkan Allah kepada Ahli Kitab. Oleh itu, meninggalkan hukum yang diturunkan Allah kepada Ahli Kitab boleh menjadikan seseorang itu kafir, zalim atau fasik, manakala meninggalkan hukum yang diturunkan kepada kaum Muslimin tidak mendatangkan sebarang risiko. Padahal Allah telah menurunkan kepada kaum Muslimin Kitab-Nya yang paling sempurna. Itulah Kitab yang terpercaya dan membenarkan Kitab-Kitab sebelumnya. Bahkan di antara Kitab-Kitab yang lain hanya Kitab kaum Muslimin sahaja yang dijaga oleh kuasa Allah dan tidak boleh diceroboh oleh sebarang kebatilan dari segi mana pun.

Firman Allah:

وَأَنزَلْنَآ إِلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ بِٱلْحَقِّ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ
مِنَ ٱلْكِتَٰبِ وَمُهَيْمِنًا عَلَيْهِ ۖ فَٱحْكُم بَيْنَهُم
بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ ۖ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَآءَهُمْ عَمَّا جَآءَكَ مِنَ ٱلْحَقِّ

Terjemahan: *Dan Kami telah turunkan kepadamu al-Quran dengan membawa kebenaran, membenarkan apa yang sebelumnya, iaitu Kitab-Kitab (yang diturunkan sebelumnya) dan batu ujian terhadap Kitab-Kitab yang lain itu; maka putuskanlah perkara menurut apa yang Allah turunkan dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu mereka dengan meninggalkan kebenaran yang telah datang kepadamu.*

(Surah al-Maidah 5: 48)

3. Tujuan daripada diceritakannya kisah-kisah Ahli Kitab dalam al-Quran yang menerangkan tentang keadaan mereka serta hukuman dan bantuan Allah kepada mereka ialah agar kaum Muslimin dapat menjadikannya sebagai satu pelajaran. Dengan demikian diharapkan mereka dapat menteladani seluruh perkara baik yang dilakukan oleh Ahli Kitab serta menjauhkan diri dari seluruh kemungkaran yang mereka lakukan. Inilah tujuan diceritakannya kisah-kisah tersebut. Ia hanya menjadi cerita kosong bagi sesiapa yang tidak mengambil intisari pelajaran daripadanya.

Bahkan seluruh ulama umat Islam meyakini bahawa ayat-ayat yang khas diturunkan berkenaan Ahli Kitab merupakan

pelajaran dan peringatan bagi seluruh umat Islam. Oleh itu, mereka berpendapat bahawa seluruh perintah dan seruan dalam al-Quran yang ditujukan kepada Bani Israel berlaku juga kepada seluruh umat Islam. Contohnya ialah ayat-ayat berikut:

أَتَأْمُرُونَ ٱلنَّاسَ بِٱلْبِرِّ وَتَنسَوْنَ أَنفُسَكُمْ
وَأَنتُمْ تَتْلُونَ ٱلْكِتَٰبَ ۚ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٤٤﴾

Terjemahan: *Mengapa kalian menyuruh orang lain (mengerjakan) kebajikan, sedangkan kalian melupakan diri kalian sendiri, padahal kalian membaca Al-Kitab (Taurat)? Maka tidakkah kalian berfikir?*

(Surah al-Baqarah 2: 44)

أَفَتُؤْمِنُونَ بِبَعْضِ ٱلْكِتَٰبِ وَتَكْفُرُونَ بِبَعْضٍ ۚ

Terjemahan: *Apakah kalian beriman kepada sebahagian al-Kitab (Taurat) dan mengingkari sebahagian yang lain?*

(Surah al-Baqarah 2: 85)

Jika seruan dan perintah yang ditujukan khas kepada Ahli Kitab turut diberlakukan kepada seluruh umat Islam, maka bagaimana pula dengan seruan yang menggunakan lafaz umum seperti yang tertera dalam tiga ayat daripada surah al-Maidah? Ayat-ayat tersebut sering diselewengkan maknanya oleh para pentakwil, padahal maknanya sangat jelas dan tidak memerlukan sebarang takwil; iaitu kecaman terhadap setiap pemimpin yang tidak melaksanakan hukum Allah sebagai kafir, zalim ataupun fasik.

Satu penjelasan sahaja sebenarnya sudah cukup untuk mematahkan hujah mereka, tetapi biarlah kita hapuskan keraguan di hati mereka dengan satu, dua atau tiga penjelasan serta bukti yang nyata. Seperti kata pujangga:

> Satu lembing sebenarnya sudah cukup untuk menakutimu.
> Tetapi ini aku berikan lembing yang kedua dan ketiga

Keempat: Orang-orang yang mengatakan bahawa ayat-ayat surah al-Maidah itu diturunkan berkenaan dengan Ahli Kitab sama sekali tidak bermaksud mengatakan bahawa kaum Muslimin tidak berkewajipan menjalankan hukum Allah yang tertera di dalam al-

Quran. Tidak ada seorang Muslim pun yang berfikiran demikian, apa lagi seorang ulama atau ahli tafsir al-Quran. Untuk apa Allah turunkan al-Quran, jika syariat dan hukum yang terkandung di dalamnya tidak wajib dilaksanakan?

Percanggahan penafsiran ini timbul kerana sebahagian umat Islam ingin menghindarkan diri dari mengkafirkan sebahagian para pemimpin. Itulah sebabnya mengapa mereka mengeluarkan berbagai-bagai pendapat dan hujah. Tetapi mereka tetap sependapat bahawa melaksanakan hukum yang diturunkan Allah dalam al-Quran adalah wajib bagi setiap umat Islam. Malah sebahagian ulama berkata tentang ayat-ayat surah al-Maidah itu, "Ia diturunkan kepada Ahli Kitab, tetapi diwajibkan kepada kita."

Imam Abu Ja'far at-Tabari sendiri berpendapat bahawa ayat-ayat surah al-Maidah itu sememangnya berkaitan dengan Ahli Kitab, tetapi beliau tetap mengatakan bahawa melaksanakan hukum Allah merupakan kewajipan setiap hamba-Nya, sesuai dengan lafaz umum yang tertera pada akhir ayat. Beliau berkata:

> "Di antara pendapat-pendapat ini yang paling benar menurut saya ialah pendapat yang mengatakan bahawa ayat-ayat ini diturunkan berkenaan dengan orang-orang Ahli Kitab yang kafir. Ayat sebelum dan sesudahnya berkaitan erat dengan Ahli Kitab, merekalah yang dimaksudkan dalam ayat-ayat tersebut.
>
> "Ada pun jika ada yang bertanya: mengapa tuan mengertikan ayat-ayat tersebut dalam makna khas, bukankah Allah telah menurunkannya dengan lafaz pemberitaan yang bersifat umum? Maka saya jawab: Memang Allah telah menurunkan ayat tersebut dalam lafaz yang bersifat umum, tetapi keumuman dalam ayat itu hanya meliputi bahagian yang berkenaan dengan pengingkaran terhadap hukum-hukum yang tertera dalam Kitab Allah. Oleh itu, siapa sahaja yang meninggalkan hukum-hukum Allah maka termasuklah dia ke dalam golongan orang-orang kafir. Begitu pula hukum orang-orang yang tidak mahu melaksanakan hukum Allah kerana pengingkarannya terhadap hukum tersebut dan kerana kekufurannya terhadap Allah."

Dengan demikian dapat kita simpulkan bahawa Imam Abu Ja'far ternyata sependapat dengan ulama-ulama yang lain mengenai umumnya kandungan makna ayat-ayat tersebut. Inilah juga pendapat kami dan pendapat setiap orang alim yang membaca

dengan teliti. Kita tidak mengecam setiap penguasa yang berbuat kesalahan sebagai kafir, tetapi kita membahagi mereka mengikut kategori perbuatan, kesalahan serta keadaan mereka.

Pendapat Rashid Ridha

Al-'Allamah Rashid Ridha membahas ayat-ayat surah al-Maidah itu dalam tafsirnya. Beliau berkata:

> "Kekufuran, kezaliman dan kefasikan adalah antara perkataan-perkataan yang sering disebut di dalam al-Quran. Ketiga-tiga perkataan tersebut memiliki hakikat yang sama dengan makna yang berbeza-beza, seperti yang telah saya jelaskan dalam tafsir ayat surah al-Baqarah: "Dan orang-orag kafir ialah orang-orang zalim."
>
> "Ulama Usul dan Furu' memakai istilah 'kufur' terhadap seseorang yang keluar daripada agama atau mengingkari kebenaran agama Allah. Perkataan tersebut tentunya tidak sama maksudnya dengan perkataan zalim dan fasik. Tidak seorang pun di antara para ulama mengertikan perkataan 'kufur' dalam al-Quran di luar definisi yang mereka sepakati. Tetapi mereka mengatakan bahawa terdapat kekufuran yang bukan sebenar kekufuran (kufrun duna kufrin).
>
> "Para ulama juga tidak mengatakan bahawa perkataan zalim dan fasik di dalam al-Quran serupa dengan makna kufur dalam definisi mereka. Tidak pernah sekalipun mereka gunakan perkataan kekufuran dengan maksud kezaliman atau kefasikan. Oleh itu, hukum mengkafirkan sesiapa yang tidak memutuskan satu perkara berdasarkan hukum Allah masih merupakan masalah yang layak untuk dibahas dan dikaji lebih mendalam lagi.
>
> "Jika kita merujuk kepada penafsiran para ulama zaman dahulu, kita akan dapati bahawa sebahagian besar ulama hanya mengutip pendapat-pendapat Ibn 'Abbas r.a. Di antaranya ialah pendapat beliau yang menggelar sesiapa yang tidak melaksanakan hukum Allah itu sebagai kafir yang bukan kafir (kufrun duna kufrin), atau zalim yang bukan zalim (zalim duna zalim), atau fasik yang bukan fasik (fasiq duna fasiq). Diriwayatkan beliau juga berpendapat bahawa ketiga-tiga ayat tersebut diturunkan berkenaan dengan orang-orang Yahudi, ia tidak berkaitan sama sekali dengan kaum Muslimin.

"As-Sya'bi pula meriwayatkan bahawa ayat pertama dan kedua diturunkan berkenaan dengan orang-orang Yahudi, manakala ayat yang ketiga pula diturunkan berkenaan dengan orang-orang Nasrani.[7] Demikianlah makna zahir daripada ayat-ayat tersebut. Tetapi itu tidak bermakna bahawa siapa sahaja yang melakukan perbuatan tersebut dan menentang Kitab Allah seperti orang-orang Yahudi dan Nasrani boleh terlepas daripada hukuman Allah. Al-Quran penuh berisikan pengajaran, dan setiap orang yang berakal tentunya boleh mengkiaskan satu ajaran kepada perkara-perkara lain yang serupa dengannya.

"Dilihat dari konteks ayat, dua ayat yang pertama sememangnya bercerita tentang orang-orang Yahudi, manakala ayat ketiga pula bercerita tentang orang-orang Nasrani. Tetapi perkataan yang digunakan dalam ayat-ayat tersebut bersifat umum dan tidak terdapat sebarang dalil pun yang mengatakan bahawa ia bermakna khas. Oleh itu, tidak terdapat sebarang halangan untuk menafsirkan perkataan 'kufur' dalam ayat tersebut sebagai kekufuran yang paling besar. Begitu pula dengan dua ayat berikutnya. Terlebih lagi jika penentangan seseorang terhadap perlaksanaan hukum Allah didasari atas ketidakpatuhannya terhadap agama, keengganannya melaksanakan syariat serta anggapannya bahawa undang-undang yang lain lebih baik dan lebih utama daripada hukum Allah.

"Jika kita memperhatikan ketiga-tiga ayat tersebut secara sepintas lalu akan kita dapati bahawa pada ayat pertama orang-orang yang tidak memutuskan perkara berdasarkan hukum yang diturunkan Allah digelari sebagai kafir, pada ayat kedua ia digelari sebagai zalim, manakala pada ayat ketiga pula ia digelari sebagai fasik. Ketiga-tiga perkataan tersebut digunakan dalam ayat-ayat ini sesuai dengan makna literalnya serta definisi ulama mengenainya.

"Ayat pertama berbicara tentang undang-undang, penurunan al-Kitab yang mengandungi petunjuk dan cahaya serta kesungguhan para nabi dan para ulama dalam melaksanakannya. Keterangan ini ditutup dengan satu ketetapan bahawa sesiapa yang menentang perlaksanaan hukum Allah kerana ketidakpatuhan, ketidaksukaan terhadap cahaya dan hidayah-Nya, atau kerana mengutamakan undang-undang lain berbanding hukum Allah maka dia adalah orang yang kafir! Orang-orang yang tidak mengamalkan hukum

Allah kerana tidak berdaya untuk melaksanakannya atau kerana kejahilannya terhadap perkara tersebut tidak termasuk dalam kategori di atas, asalkan dia bertaubat kepada Allah dengan segera melaksanakan hukum Allah. Statusnya serupa dengan orang yang berbuat maksiat dan mazhab ahlus sunnah tidak mengkafirkannya.

"Ayat kedua tidak berbincang mengenai keaslian al-Kitab yang merupakan rukun iman dan intisari agama. Sebaliknya ia berbincang tentang isu persamaan dan keadilan dalam menjatuhkan hukuman terhadap mereka yang mencerobohi nyawa serta tubuh badan orang lain. Dan sesiapa yang tidak menegakkan hukum menurut ketentuan yang telah diturunkan Allah maka dia adalah orang yang zalim dalam menjatuhkan hukuman.

"Ayat ketiga pula menerangkan tentang petunjuk yang terdapat dalam kitab Injil. Sebahagian besar isi kandungan Kitab tersebut ialah nasihat, adab dan sopan-santun serta galakan untuk menegakkan hukum syariah mengikut kehendak Allah, bukan mengikut pengertian ayat secara zahirnya sahaja. Sesiapa yang tidak menjalankan petunjuk tersebut maka mereka ialah orang-orang yang fasik kerana telah keluar daripada ajaran dan petunjuk syariat Allah.

"Ramai di antara umat Islam pada masa sekarang yang telah berani menciptakan hukum-hukum dan syariat baru. Mereka meniru perbuatan umat-umat sebelum mereka. Mereka juga telah berani meninggalkan undang-undang yang telah diturunkan Allah kepada mereka dalam Kitab-Nya tanpa sebarang takwil yang diyakini kebenarannya. Merekalah yang tergolong dalam tiga kategori manusia yang disebutkan Allah dalam ketiga-tiga ayat di atas, atau tergolong dalam sebahagian daripadanya.

"Sesiapa yang menentang hukum hudud dalam kes pencurian, dalam qazaf (menuduh orang lain berzina) atau dalam perzinaan, dan tidak wujud lagi rasa kepatuhan terhadap hukum Allah dalam hatinya serta merasa bahawa hukum hudud tersebut tidak baik dan undang-undang manusia lebih baik dan utama, maka dia telah kafir secara pasti! Mereka yang tidak melaksanakannya kerana sebab-sebab lain tergolong dalam orang-orang yang zalim, sebab dia telah meninggalkan unsur kebenaran, persamaan dan keadilan yang terdapat dalam hukum Allah. Atau dia tergolong dalam orang-orang yang fasik. Perkataan fasik adalah perkataan yang luas

maknanya. Setiap orang yang kafir dan zalim adalah fasik, tetapi tidak setiap orang yang fasik adalah kafir dan zalim. Seorang ulama besar berpendapat: "Hukum Allah yang diturunkan melalui wahyu atau ditetapkan berdasarkan ijtihad dan dalil-dalil yang benar, itulah hukum yang adil. Kedua-dua unsur tersebut tidak dapat dipisahkan. Di mana terdapat keadilan di sanalah terdapat hukum Allah."

"Seseorang tidak boleh mencari hukum lain apabila terdapat nas (sumber hukum daripada al-Quran dan al-Hadith) yang pasti ketetapan dan maknanya. Kecuali jika terdapat nas lain yang menuntut kita untuk mengikutinya. Seperti nas yang menetapkan dibenarkannya melanggar beberapa larangan untuk menyelamatkan diri daripada satu bahaya dan kesukaran hidup (raf'ul haraj)."

Demikianlah pendapat dan sikap Allahyarham as-Sheikh Rashid Ridha terhadap orang-orang yang tidak melaksanakan hukum Allah. Sikap beliau tersebut sangat jelas dan terperinci. Oleh itu, sesiapa yang ingin mengetahuinya secara jelas tidak boleh memisahkan sebahagian pendapat tersebut dari sebahagian yang lain. Perbuatan seperti itu kadang-kadang menjadikan seseorang salah faham terhadap pemikiran dan keperibadian beliau, lalu mengecam beliau sebagai ulama yang mempermudah-mudahkan urusan agama, tersilap dan mudah menyerah. Tuduhan seperti ini tidak patut kita tujukan kepada seorang pembaharu agung seperti beliau.

PERBINCANGAN SEKITAR PENDAPAT IBN ABBAS

Sebahagian orang berpendapat bahawa mazhab Ibn Abbas dalam isu ini hanya tertumpu kepada Asbabun Nuzul daripada ayat-ayat surah al-Maidah yang menunjukkan bahawa ia diturunkan hanya untuk Ahli Kitab sahaja. Pendapat beliau inilah yang mereka gunakan untuk membantah al-Ustaz Fahmi Huwaydi.

Saya sendiri tidak mengerti bagaimana mereka boleh merujuk pendapat tersebut kepada Ibn Abbas? Padahal pendapat Ibn Abbas dalam tafsir al-Quran sangat jelas. Beliau tidak pernah menyatakan pendapat seperti itu kecuali dalam beberapa ayat yang sudah jelas dan pasti membawa pengertian khas, dan bukan umum. Selain daripada itu, beliau lebih suka berpedoman kepada kaedah Usul Fiqh, "Satu hukum ditetapkan berdasarkan pengertian lafaznya

yang am, bukan atas sebab-sebab khas yang menjadi punca turunnya ayat." (Al'Ibrah Bi 'Umum al-Lafzi La Bikhusus as-Sabab). Bukti yang jelas bagi sikap beliau itu ialah pendapat beliau mengenai ayat-ayat surah al-Maidah itu sendiri.

At-Tabari dan juga beberapa ulama yang lain meriwayatkan bahawa Ibn Abbas mengulas ayat "Merekalah orang-orang yang kafir" dengan mengatakan bahawa perkataan 'kafir' yang dimaksudkan dalam ayat tersebut bukanlah seperti kafir terhadap Allah, para Malaikat-Nya, Kitab-Kitab dan para rasul-Nya.

Diriwayatkan bahawa Ibn Abbas juga membezakan antara orang-orang yang ingkar terhadap hukum Allah dengan orang-orang yang mengiktiraf tetapi tidak melaksanakannya. Beliau menganggap golongan pertama telah kafir manakala golongan kedua pula telah zalim dan fasik.

Ibn al-Munzir meriwayatkan bahawa ketika Ibn Abbas mendengar pendapat mereka yang mengatakan bahawa ayat-ayat tersebut diturunkan hanya untuk Ahli Kitab beliau berkata dengan satu sindiran,

"Alangkah baiknya kalian ini. Semua yang manis-manis adalah milik kalian, manakala semua yang pahit-pahit diberikan kepada Ahli Kitab." Ucapan beliau ini seolah-olah menegaskan bahawa ayat-ayat tersebut justeru telah diturunkan berkenaan dengan kaum Muslimin.[18]

DAKWAAN BAHAWA HUKUM ALLAH HANYA UNTUK MENDAMAIKAN PERSELISIHAN

Ada pula sebahagian orang yang berpendapat bahawa hukum-hukum yang terdapat dalam al-Quran hanya berfungsi untuk memutuskan perkara dalam perselisihan antara dua belah pihak. Oleh itu, ia tidak berkaitan sama sekali dengan isu-isu politik, pentadbiran ataupun undang-undang negara. Dalilnya ialah firman Allah:

وَأَنِ ٱحْكُم بَيْنَهُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ

Terjemahan: *Dan hendaklah kamu memutuskan perkara di antara mereka dengan apa yang diturunkan Allah.*

(Surah al-Maidah 5: 49)

Allah tidak pernah menyatakan: "perkara mereka", tetapi "perkara di antara mereka".

Pendapat seperti ini jelas-jelas merupakan satu pendapat yang tidak dapat diterima dalam pemahaman agama yang benar. Sesiapa yang membaca surah al-Maidah secara keseluruhan nescaya akan mendapatkan bahawa surah tersebut secara terang-terangan membahas hukum-hukum berkenaan isu politik, undang-undang dan pentadbiran.

Dalam membicarakan kitab Taurat, al-Maidah menyatakan:

إِنَّآ أَنزَلْنَا ٱلتَّوْرَىٰةَ فِيهَا
هُدًى وَنُورٌ ۚ يَحْكُمُ بِهَا ٱلنَّبِيُّونَ ٱلَّذِينَ أَسْلَمُوا۟ لِلَّذِينَ
هَادُوا۟ وَٱلرَّبَّٰنِيُّونَ وَٱلْأَحْبَارُ بِمَا ٱسْتُحْفِظُوا۟ مِن كِتَٰبِ
ٱللَّهِ وَكَانُوا۟ عَلَيْهِ شُهَدَآءَ ۚ فَلَا تَخْشَوُا۟ ٱلنَّاسَ
وَٱخْشَوْنِ وَلَا تَشْتَرُوا۟ بِـَٔايَٰتِى ثَمَنًا قَلِيلًا ۚ وَمَن لَّمْ يَحْكُم
بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْكَٰفِرُونَ

Terjemahan: *Sesungguhnya Kami telah menurunkan Kitab Taurat. Di dalamnya (terdapat) petunjuk dan cahaya (yang menerangi). Dengan Kitab itu diputuskan perkara-perkara orang-orang Yahudi oleh nabi-nabi yang menyerahkan diri kepada Allah, oleh orang-orang alim mereka dan pendeta-pendeta mereka. Disebabkan mereka telah diperintahkan untuk memelihara Kitab-Kitab Allah dan mereka menjadi saksi terhadapnya. Oleh itu, janganlah kamu takut kepada manusia, (tetapi) takutlah kepada-Ku. Dan janganlah kamu menukar ayat-ayat-Ku dengan harga yang sedikit. Sesiapa yang tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah maka mereka itu adalah orang-orang yang kafir."*

(Surah al-Maidah 5: 44)

Tampak jelas bahawa pengertian hukum pada ayat di atas bersifat lebih umum dari sekadar pendamai antara dua pihak yang bertelagah.

Manakala tentang Injil pula al-Maidah menyatakan:

وَلْيَحْكُمْ أَهْلُ الْإِنجِيلِ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فِيهِ ۚ وَمَن لَّمْ يَحْكُم
بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿٤٧﴾

Terjemahan: *Dan hendaklah para pengikut Injil memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah di dalamnya. Sesiapa yang tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah maka mereka itu ialah orang-orang yang fasik.*
(Surah al-Maidah 5: 47)

Sama-sama kita ketahui bahawa Kitab Injil bukan merupakan Kitab hukum yang boleh dijadikan sumber rujukan oleh para hakim dalam memutuskan perkara-perkara berkaitan perselisihan dan pertelagahan. Kitab Injil lebih menyerupai Kitab nasihat dan wasiat tentang adab dan budi pekerti.

Katakanlah bahawa pendapat di atas adalah benar,dan hukum Allah telah diturunkan untuk memutuskan perkara antara dua belah pihak. Apakah itu bererti bahawa seluruh pemimpin dan ketua-ketua negara serta lembaga penguatkuasa undang-undang terlepas daripada tanggung jawab melaksanakan hukum Allah? Tidak! Tanggung jawab tersebut akan sentiasa mengiringi mereka dalam apa jua keadaan. Demikianlah yang telah ditetapkan oleh para ulama pada zaman ini.

As-Sheikh Rashid Ridha berkata: "Hukum pengkafiran ke atas para hakim dan para qadi yang melaksanakan hukum buatan manusia, turut berlaku ke atas para pemimpin dan raja-raja yang meletakkan dasar hukum itu. Meskipun hukum-hukum tersebut dibuat bukan berdasarkan pengetahuan para pemimpin dan raja itu, tetapi merekalah yang memberikan kebenaran bagi perlaksanaannya dan merekalah yang melantik para hakim dan para qadi untuk melaksanakannya." Demikian pulalah pendapat Allahyarham as-Sheikh Shaltut dalam kitab "al-Fatawa". Beliau memberikan ulasan dan pendapat yang sangat kuat dan patut dijadikan bahan rujukan.

PENGERTIAN PERKATAAN 'SYARIAH' DALAM AL-QURAN

Di antara perkara aneh yang diperkatakan oleh orang ramai serta dimuat dalam berbagai-bagai tulisan pada surat kabar dan majalah ialah pendapat bahawa hanya terdapat satu perkataan 'Syariah' dalam al-Quran, iaitu pada ayat surah al-Jathiyah:

ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا

Terjemahan: *Kemudian Kami jadikan kamu berada di atas satu syariah (peraturan) daripada urusan agama itu, maka ikutilah ia ...*

(Surah al-Jathiyah 45: 18)

Oleh itu mereka mengambil kesimpulan bahawa al-Quran tidak menumpukan perhatian yang serius terhadap isu syariah. Jika pendapat seperti ini disahkan benar, maka kita terpaksa mengatakan bahawa Islam juga tidak menumpukan perhatian yang serius terhadap isu akhlak, sebab al-Quran hanya menyebutnya sekali sahaja, itu pun untuk memuji kemuliaan akhlak Rasulullah s.a.w. Firman Allah:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

Terjemahan: *Dan sesungguhnya kamu benar-benar memiliki akhlak yang agung.*

(Surah al-Qalam 68: 4)

Kita terpaksa pula mengatakan bahawa Islam tidak memperhatikan keutamaan-keutamaan (fadhail) sebab perkataan tersebut tidak terdapat sepatah pun dalam al-Quran. Bahkan lebih parah lagi kita terpaksa menafikan adanya akidah dalam Islam, sebab perkataan tersebut tidak tertera dalam al-Quran.

Jika kita menggunakan konsep pemahaman yang singkat dan literal seperti ini dalam memahami nilai-nilai dan ajaran-ajaran Islam nescaya akan kacau-bilaulah keadaan kita. Perkara yang hak dan yang batil akan bercampur baur dan akhirnya kita akan terpesong keluar daripada jalan yang benar.

Cara yang wajib kita lakukan untuk memahami nilai-nilai dan ajaran-ajaran Islam ialah dengan mencari kandungan makna-maknanya dalam al-Quran dan as-Sunnah, dan tidak mempedulikan pelbagai perkataan dan istilah yang diciptakan oleh orang ramai setelah berlalunya zaman penurunan al-Quran.

Kelima: Saya rasa tidak ada seorang ulama pun yang melarang kita menyebut orang-orang yang tidak memutuskan perkara berdasarkan hukum Allah sebagai kafir. Sebab itulah sifat yang dinyatakan secara jelas oleh Allah s.w.t. dalam Kitab-Nya. Sebagaimana Allah juga menyebutkan mereka sebagai zalim dan fasik. Sesiapa sahaja yang menyemak dengan teliti nas dan lafaz al-Quran berkenaan ayat-ayat tersebut tentu tidak akan tersilap dalam melemparkan tuduhan terhadap mereka yang tidak melaksanakan hukum Allah. Cuma dia masih boleh menafsirkan perkataan kufur itu mengikut pendapat Ibn Abbas dan ulama-ulama lain yang berpendapat bahawa perkataan 'kufur' dalam ayat tersebut bukanlah kufur yang mengeluarkan seseorang daripada agama. Ia adalah kufur yang bukan sebenar kufur.

Seseorang juga boleh membezakan antara orang yang terang-terangan mengingkari ayat tersebut dengan orang yang mengesahkannya tetapi tidak melaksanakannya. Demikianlah pemisahan yang dilakukan oleh para penafsir al-Quran dan para ulama Islam berkenaan isu tersebut.

DUA PERKARA PENTING TENTANG KEZALIMAN

Terdapat dua perkara penting yang harus diperhatikan oleh setiap manusia, sama ada para pemimpin atau rakyat biasa.

1. Kecaman Allah terhadap manusia sebagai zalim atau fasik bukanlah merupakan satu kecaman yang boleh diremehkan dan dipandang ringan. Orang Islam sepatutnya tidak hanya khuatir terhadap gelaran 'kafir' sahaja. Malah gelaran sebagai zalim atau fasik pun merupakan perkataan yang berat bagi setiap Muslim yang sentiasa menjaga keselamatan agama dan dirinya serta berharap akan berjumpa dengan Tuhannya. Semaklah firman Allah dalam ayat-ayat berikut yang menerangkan tentang kemurkaan Allah terhadap orang yang zalim dan orang yang fasik:

أَلَا لَعْنَةُ ٱللَّهِ عَلَى ٱلظَّٰلِمِينَ

Terjemahan: *Ketahuilah, kutukan Allah (ditimpakan) ke atas orang-orang yang zalim.*

(Surah Hud 11: 18)

وَٱللَّهُ لَا يُحِبُّ ٱلظَّٰلِمِينَ

Terjemahan: *Dan Allah tidak menyukai orang-orang yang zalim*
(Surah Ali Imran 3: 57)

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ

Terjemahan: *Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang zalim*
(Surah al-Maidah 5: 51)

وَمَن يَظْلِم مِّنكُمْ نُذِقْهُ عَذَابًا كَبِيرًا

Terjemahan: *Dan sesiapa di antara kamu yang berbuat zalim, nescaya kami rasakan (timpakan) kepadanya azab yang besar.*
(Surah al-Furqan 25: 19)

إِنَّهُۥ لَا يُفْلِحُ ٱلظَّٰلِمُونَ

Terjemahan: *Sesungguhnya tidak beruntung orang-orang yang zalim.*
(Surah Yusuf 12: 23)

وَسَيَعْلَمُ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوٓا۟ أَىَّ مُنقَلَبٍ يَنقَلِبُونَ

Terjemahan: *Dan orang-orang yang zalim itu kelak akan mengetahui ke tempat mana mereka akan kembali.*
(Surah as-Shu'arak 26: 227)

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلْفَٰسِقِينَ

Terjemahan: *Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang fasik.*
(Surah al-Munafiqun 63: 6)

بِئْسَ ٱلِٱسْمُ ٱلْفُسُوقُ بَعْدَ ٱلْإِيمَٰنِ

Terjemahan: *Seburuk-buruk panggilan ialah kefasikan sesudah iman.*
(Surah al-Hujurat 49: 11)

وَأَخَذْنَا ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ بِعَذَابٍۭ بَـِٔيسٍۭ بِمَا كَانُوا۟ يَفْسُقُونَ

Terjemahan: *Dan Kami timpakan kepada orang-orang yang zalim seksaan yang keras disebabkan mereka selalu berbuat fasik.*

(Surah al-A'araf 7: 165)

2. Meski pun darjat kekufuran orang-orang yang tidak melaksanakan hukum Allah dengan tidak mengingkarinya, tidak serupa dengan darjat kekufuran sebenar yang mengeluarkan seseorang daripada agama, perbuatan tersebut tetap dikategorikan sebagai perbuatan yang bercanggah dengan prinsip-prinsip Islam. Orang-orang yang melakukannya dianggap bersedia untuk digelari sebagai zalim dan fasik.

Sifat zalim ataupun fasik itu melekat pada dirinya bukan hanya untuk sementara waktu sahaja. Ia berterusan dalam diri mereka selama mereka masih lagi memutuskan perkara dengan hukum selain hukum Allah. Kekalnya undang-undang lain selain hukum Allah dalam satu negara merupakan satu kemungkaran yang pasti, manakala sikap berdiam diri di hadapan undang-undang tersebut tanpa pernah menentangnya juga dianggap sebagai satu kemungkaran.

Usaha untuk menentang hukum tersebut merupakan satu kewajipan secara yakin dan ijma'. Ahli *al-Hilli wa al-'Iqdi* (majlis perwakilan) memikul tanggung jawab untuk merubahnya secara konstitusional. Jika tidak berjaya mereka mesti merubahnya dengan menggunakan kekuatan tentera atau kekuatan rakyat, dengan syarat tersedianya kemampuan untuk melaksanakan cara tersebut dan tidak menyebabkan timbulnya fitnah yang lebih besar. Dalam keadaan seperti itu harus dicari jalan tengah yang paling sedikit risiko serta kerosakannya (Akhaff ad-Dararain). Sarana jihad pun harus berpindah daripada jihad dengan tangan kepada jihad dengan lisan. Bahkan jika jihad lisan pun tidak efektif, maka harus dilancarkan jihad dengan hati, dan itulah peringkat paling lemah daripada keimanan. Insya-Allah, kami akan jelaskan perkara ini dengan lebih terperinci lagi pada tajuk-tajuk berikut.

Dalam sahihnya Imam Muslim meriwayatkan daripada Ibn Mas'ud r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

Maksudnya: *Tidak ada seorang nabi pun yang Allah utus pada umat sebelumku, melainkan terdapat pada umatnya itu para*

penolong dan para sahabat yang melaksanakan sunnahnya dan mengikuti perintahnya. Setelah (periode) mereka itu datanglah generasi yang hanya pandai bercakap tetapi tidak pandai berbuat. Mereka melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak pernah diperintahkan kepada mereka. Sesiapa yang berjihad menentang mereka dengan tangannya dia seorang yang beriman, sesiapa yang berjihad menentang mereka dengan lidahnya (ucapannya) dia seorang yang beriman dan sesiapa yang menentang mereka dengan hatinya dia seorang yang beriman. Tidak ada keimanan lagi setelah itu, walaupun sebesar biji bayam.

(Riwayat Muslim)

Walau bagaimanapun, seorang Muslim tidak boleh menyerah atau mengaku kalah dalam menghadapi realiti kehidupan yang bercanggah dengan prinsip Islam. Malah sebaliknya, dia dituntut untuk melancarkan usaha yang berterusan bagi merubahnya dengan berpandukan cara-cara yang dibenarkan oleh syariah, seperti melancarkan dakwah, mendidik dan mengajar masyarakat sehingga berubahlah keperibadian dan mentaliti (anfus) mereka. Perubahan keperibadian dan mentaliti inilah yang menjadi prasyarat Allah dalam janji-Nya untuk merubah keadaan satu kaum.

TAHAP-TAHAP MERUBAH KEMUNGKARAN DAN MASA DIBENARKANNYA MENGGUNAKAN KEKUATAN

Satu soalan panjang telah diajukan kepada saya seperti di bawah ini:

Soalan: "Akhir-akhir ini ramai orang mempertanyakan satu perkara yang serius dan penting berkenaan dengan merubah kemungkaran. Bolehkah merubah kemungkaran dengan cara kekuatan, siapakah yang berhak untuk melakukan perubahan tersebut dan bilakah ianya dibenarkan?

"Sebahagian orang berpendapat bahawa hak untuk merubah kemungkaran adalah milik pemerintah sahaja. Dengan demikian tugas tersebut seolah-olah hanya kewajipan negara sahaja dan bukan kewajipan setiap individu. Sebab jika setiap individu memiliki hak untuk merubah kemungkaran tentulah berlaku kekecohan dan fitnah besar. Hanya Allah sahaja yang tahu betapa teruknya kerosakan yang dihasilkan oleh kekecohan dan fitnah tersebut.

Sebahagian yang lain pula berpendapat bahawa merubah kemungkaran merupakan hak dan kewajipan setiap Muslim. Pendapat mereka itu diperkuat oleh hadith sahih berikut:

> Maksudnya: *Sesiapa yang melihat satu kemungkaran hendaklah dia merubahnya dengan tangannya. Jika ia tidak mampu maka hendaklah (dia merubahnya) dengan lidahnya (ucapannya). Dan jika ia tidak mampu juga maka hendaklah (dia merubahnya) dengan hatinya. Itulah selemah-lemah iman.*
>
> (Riwayat Muslim)

"Hadith di atas menetapkan bahawa usaha merubah kemungkaran merupakan satu kewajipan terhadap setiap individu yang melihatnya. Sebagai langkah pertama, dia mesti merubahnya dengan kekuatan tangannya, jika ia tidak mampu berbuat demikian maka ia boleh menggunakan kuasa lidahnya (ucapannya), jika ia tidak juga terdaya untuk mencegah kemungkaran tersebut dengan lidahnya ia boleh merubahnya dengan hatinya dan itulah selemah-lemah iman. Orang yang mampu untuk mencapai peringkat tertinggi daripada keimanan tentulah tidak berpuas hati bila hanya mencapai darjat yang paling rendah dan paling lemah.

"Inilah yang mendorong sesetengah pemuda yang tinggi semangat kerohaniannya, merubah setiap kemungkaran yang dilihatnya dengan kekuatan tangan mereka tanpa menghiraukan risiko di sebalik itu. Sayangnya, dalam usaha tersebut mereka berhadapan secara langsung dengan pemerintah dan negara. Kedua-dua unsur ini ternyata seringkali melakukan kemungkaran tersebut atau menjadi pelindung di sebaliknya. Pemerintah sering menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal, menggugurkan kewajipan-kewajipan agama, tidak melaksanakan hudud, menentang kebenaran atau menyebarluaskan kebatilan.

"Dalam keadaan seperti itu, pendapat kedua mewajibkan setiap individu untuk meluruskan penyelewengan yang berlaku dengan mengerahkan seluruh daya dan upaya yang dimilikinya. Jika mereka diseksa atau dibunuh, maka mereka adalah syuhada yang mati di jalan Allah demi mempertahankan ajaran Allah. Kedudukan mereka di akhirat ialah di sisi Saidina Hamzah Ibn Abdul Muttalib, penghulu para syuhada. Demikianlah penjelasan satu hadith.

"Bagi sesetengah kalangan, terutama para pemuda gerakan Islam, percanggahan antara dua pendapat di atas terasa agak membingungkan. Terlebih lagi pendapat pertama yang biasanya

hanya disokong oleh sesetengah ulama yang mendapat sebutan sebagai 'ulama kerajaan' atau 'ulama kuncu-kuncu polis'. Pendapat para ulama seperti itu tidak mendapat sambutan yang baik di kalangan masyarakat.

"Penyokong pendapat kedua kebanyakannya terdiri daripada para pemuda yang dituduh sebagai fanatik, fundamentalis dan terlalu mengikuti perasaan. Mereka memahami teks-teks agama dengan pemahaman yang cetek dan literal.

"Kami berharap agar anda dapat meluangkan sedikit masa untuk menjelaskan duduk perkara yang sebenar, supaya teranglah bagi kami manakah antara dua pendapat ini yang benar. Mungkin juga kebenaran terletak di antara kedua-duanya atau ada pendapat lain selain daripada dua pendapat tersebut. Semoga Allah meluruskan pandangan anda untuk menjelaskan perbezaan antara yang hak dengan yang batil. Amin."

Saya menjawab soalan di atas sebagai berikut:

Kewajipan menyeru kepada yang makruf dan mencegah yang mungkar merupakan salah satu kewajipan yang paling asas dalam Islam. Allah telah menjadikan kewajipan tersebut sebagai salah satu dari dua unsur yang menjadikan umat Islam sebagai umat yang paling baik dan paling utama.

Firman Allah:

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ
وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

Terjemahan: *Kamu semua adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang mungkar, dan beriman kepada Allah.*
(Surah Ali Imran 3: 110)

Di antara sifat-sifat asas bagi seorang mukmin dalam pandangan al-Quran ialah:

التَّٰٓئِبُونَ ٱلْعَٰبِدُونَ ٱلْحَٰمِدُونَ ٱلسَّٰٓئِحُونَ
ٱلرَّٰكِعُونَ ٱلسَّٰجِدُونَ ٱلْءَامِرُونَ بِٱلْمَعْرُوفِ
وَٱلنَّاهُونَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ وَٱلْحَٰفِظُونَ لِحُدُودِ ٱللَّهِ ۗ
وَبَشِّرِ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿١١٢﴾

Terjemahan: *Mereka itu ialah orang-orang yang bertaubat, yang beribadah, yang memuji (Allah), yang berjalan (untuk mencari ilmu pengetahuan atau berjihad), yang ruku', yang sujud, yang menyuruh berbuat makruf dan mencegah perbuatan mungkar dan yang memelihara hukum-hukum Allah.*

(Surah at-Taubah 9: 112)

Kedudukan wanita-wanita mukminah dalam perkara ini serupa dengan lelaki-lelaki mukmin. Mereka berkongsi sama dalam melaksanakan kewajipan-kewajipan am ini. Firman Allah:

وَٱلْمُؤْمِنُونَ وَٱلْمُؤْمِنَٰتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَآءُ بَعْضٍ ۚ يَأْمُرُونَ
بِٱلْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ

Terjemahan: *Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan wanita, sebahagian mereka menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh (mengerjakan) yang makruf dan mencegah dari yang mungkar.*

(Surah at-Taubah 9: 71)

Tuntutan keimanan mengharuskan seorang mukmin untuk menolong saudaranya sesama mukmin, begitu pula seorang mukminah terhadap sesama mukminah.

Sebagaimana al-Quran telah memuji orang-orang yang menyeru kepada kebajikan serta berusaha mencegah kemungkaran, ia juga telah mengecam mereka yang tidak berusaha menyeru kepada kebajikan dan tidak pernah saling memperingatkan untuk meninggalkan kemungkaran. Firman Allah:

لُعِنَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِنۢ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ عَلَىٰ لِسَانِ
دَاوُۥدَ وَعِيسَى ٱبْنِ مَرْيَمَ ۚ ذَٰلِكَ بِمَا عَصَوا۟ وَّكَانُوا۟
يَعْتَدُونَ ﴿٧٨﴾ كَانُوا۟ لَا يَتَنَاهَوْنَ عَن مُّنكَرٍ
فَعَلُوهُ ۚ لَبِئْسَ مَا كَانُوا۟ يَفْعَلُونَ ﴿٧٩﴾

Terjemahan: *Telah dilaknat orang-orang kafir dari Bani Israel dengan lisan Daud dan Isa bin Maryam. Itu kerana mereka derhaka dan sentiasa melampaui batas. Mereka tidak melarang tindakan kemungkaran yang mereka perbuat antara satu sama lain. Sesungguhnya amat buruklah apa yang selalu mereka perbuat itu.*

(Surah al-Maidah 5: 78-79)

Ayat-ayat di atas menjelaskan bahawa seorang Muslim bukanlah seorang manusia salih yang berbuat kebajikan dan meninggalkan keburukan untuk dirinya sendiri, kemudian hidup mengasingkan diri dalam satu lingkungan khas tanpa mempedulikan keadaan di sekitarnya. Seorang Muslim bukan manusia yang sampai hati membiarkan satu kebajikan runtuh berkecai di hadapannya, atau membiarkan kemungkaran berkembang dan bermaharajalela di sekelilingnya. Sebaliknya seorang Muslim ialah manusia yang salih jiwanya dan sentiasa menginginkan kebajikan untuk orang lain. Keprihatinan seorang Muslim terhadap orang-orang di sekelilingnya itu digambarkan oleh surah al-'Asr sebagai berikut:

وَٱلْعَصْرِ ﴿١﴾ إِنَّ ٱلْإِنسَٰنَ لَفِى خُسْرٍ ﴿٢﴾ إِلَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟
وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَتَوَاصَوْا۟ بِٱلْحَقِّ وَتَوَاصَوْا۟ بِٱلصَّبْرِ ﴿٣﴾

Terjemahan: *Demi masa, sesungguhnya manusia itu benar-benar berada dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal salih. Dan saling menasihati supaya mentaati kebenaran dan saling menasihati supaya menetapi kesabaran.*

(Surah al-'Asr 103: 1-3)

Tidak ada yang dapat menyelamatkan seorang Muslim dari mengalami kerugian di dunia dan di akhirat kecuali dengan cara saling menasihati dan saling berwasiat dalam kebenaran dan kesabaran. Inilah yang dimaksudkan dengan Amar Makruf Nahi Mungkar. Amalan seperti inilah yang memastikan tegaknya kebenaran dan kebajikan dalam diri umat. Setiap kemungkaran tidak akan berlaku dalam masyarakat Muslim kecuali kerana kelalaian, kelemahan dan pertelingkahan yang berlaku dalam diri mereka sendiri. Inilah yang menjadi punca timbulnya kegoncangan serta hilangnya keamanan dan ketenteraman dalam masyarakat.

Dalam masyarakat Muslim kemungkaran tidak diberi peluang untuk hidup. Kedudukannya serupa dengan seorang penjenayah yang dijatuhkan hukuman gantung sampai mati atau hukuman penjara selama-lamanya. Ia mungkin boleh terus hidup dan berpindah-pindah, tetapi hal seperti itu hanya berlaku di luar pengetahuan lembaga keadilan dan di bawah pandangan benci masyarakat terhadapnya.

Setiap Muslim dituntut untuk menolak dan menentang setiap kemungkaran di muka bumi, sehingga tidak tersisa lagi kewujudannya di negerinya ataupun di negeri lain, di dalam rumahnya ataupun di rumah orang lain, juga pada kaumnya ataupun pada kaum yang lain.

Dalam konteks inilah kita patut memahami hadith sahih yang diriwayatkan oleh Abu Sa'id al-Khudri, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

« من رأى منكم منكرا فليغيره بيده، فمن لم يستطع فبلسانه، فمن لم يستطع فبقلبه وذلك أضعف الإيمان » رواه مسلم

Maksudnya: *Sesiapa di antara kamu yang melihat kemungkaran maka hendaklah dia merubahnya dengan tangannya, jika dia tidak mampu maka hendaklah dia merubahnya dengan lidahnya (ucapannya), dan jika dia tidak mampu juga maka hendaklah dia merubahnya dengan hatinya. Itulah selemah-lemah iman.*

(Riwayat Muslim)

Maksud daripada hadith tersebut sangat jelas, iaitu merubah kemungkaran merupakan hak, malah kewajipan setiap individu Muslim yang menyaksikannya. Buktinya, lafaz 'man' (sesiapa)

dalam hadith 'man ra-a' (sesiapa yang melihat) merupakan lafaz yang bersifat umum. Oleh itu, lafaz tersebut mengenai siapa sahaja yang melihat kemungkaran, sama ada pemerintah ataupun rakyat.

Keumuman lafaz dalam sabda baginda s.a.w. tersebut juga bermaksud bahawa Rasulullah tidak mengecualikan satu orang pun dari umatnya dalam perkara ini. Ia merupakan satu tugas yang diwajibkan kepada seluruh umat Islam tanpa pengecualian. Bermula dari generasi para sahabat, kemudian diteruskan oleh generasi-generasi setelahnya sehingga hari kiamat.

Kita sendiri mengetahui bahawa Rasulullah s.a.w. dalam kehidupannya bertindak sebagai imam, pemimpin dan hakim bagi umat Islam. Tetapi baginda, dalam sabdanya di atas, mewajibkan setiap individu Muslim untuk merubah setiap kemungkaran yang disaksikannya dengan seluruh kemampuan yang ada pada dirinya, meskipun kedudukan mereka hanya sebagai rakyat.

BEBERAPA SYARAT YANG HARUS DIPERHATIKAN DALAM MERUBAH KEMUNGKARAN

Setiap individu Muslim, atau kelompok Muslim, yang melakukan usaha perubahan dituntut untuk memperhatikan beberapa syarat di bawah ini.

Syarat Pertama: Kemungkaran Itu Diharamkan Secara Ijma'

Disyaratkan bahawa kemungkaran yang dikehendaki perubahannya merupakan satu kemungkaran yang telah disepakati pengharamannya. Ia mesti merupakan kemungkaran sebenar yang mesti segera dirubah dengan tangan. Kemudian jika tidak mampu barulah dibolehkan merubahnya dengan lidah dan dengan hati.

Perkara yang disebut sebagai mungkar biasanya merupakan perkara haram yang harus ditinggalkan secara serta merta kerana boleh mendatangkan hukuman Allah. Sama ada pengharaman itu membabitkan dosa kecil mahupun dosa besar. Kedudukan dosa kecil tentunya tidak sama dengan dosa besar. Ia mungkin boleh dimaafkan lagi, terutama jika belum menjadi satu kebiasaan yang terus-menerus dilakukan.

Firman Allah:

إِن تَجْتَنِبُوا كَبَآئِرَ مَا تُنْهَوْنَ عَنْهُ نُكَفِّرْ عَنكُمْ
سَيِّـَٔاتِكُمْ وَنُدْخِلْكُم مُّدْخَلًا كَرِيمًا

Terjemahan: *Jika kalian menghindari dosa-dosa besar di antara dosa-dosa yang dilarang untuk mengerjakannya, nescaya Kami hapuskan kesalahan-kesalahan kalian (dosa-dosa kecil kalian) dan Kami masukkan kalian ke tempat yang mulia (syurga).*

(Surah an-Nisa' 4: 31)

Sabda Rasulullah s.a.w.:

« الصلوات الخمس، والجمعة إلى الجمعة،
ورمضان إلى رمضان، مكفرات لما بينهن، إذا
اجتنبت الكبائر » رواه مسلم

Maksudnya: *Sembahyang lima waktu, (masa dari satu solat) Jumaat kepada Jumaat (yang lain) dan (masa dari satu puasa) Ramadhan kepada Ramadhan yang lain (boleh menjadi) penebus bagi dosa-dosa (kecil) yang terdapat di antaranya, selagi tidak dilakukan dosa besar.*

(Riwayat Muslim)

Oleh itu, mengerjakan perkara-perkara yang makruh atau meninggalkan sunnah-sunnah yang dianjurkan tidak boleh dikategorikan sebagai kemungkaran. Satu hadith sahih menyebutkan bahwa seorang lelaki telah datang bertanya kepada Rasulullah s.a.w. dan bertanya tentang perkara-perkara yang diwajibkan dalam Islam. Rasulullah s.a.w. menyebutkan perkara-perkara fardhu seperti solat, zakat dan puasa. Lelaki itu bertanya lagi, "Adakah perkara-perkara lain yang wajib saya lakukan?" Rasulullah menjawab, "Tidak ada kecuali beberapa perkara yang sifatnya sunnah." Setelah Rasulullah selesai menerangkan lelaki itu berkata: "Wahai Rasulullah, demi Allah saya tidak akan menambah atau menguranginya lagi." Setelah lelaki itu pergi Rasulullah s.a.w. bersabda kepada para sahabat:

« أفلح إن صدق، أو دخل الجنة إن صدق »
متفق عليه

Maksudnya: *Dia telah berjaya seandainya benar (dengan apa yang diucapkannya) dan dia masuk syurga seandainya benar.*
(Muttafaqun 'alaihi)

Dalam hadith lain diriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda mengenai lelaki itu:

« من سره أن ينظر إلى رجل من أهل الجنة،
فلينظر إلى هذا » متفق عليه

Maksudnya: *Sesiapa yang suka melihat penduduk syurga maka hendaklah dia melihat kepada (orang) ini.*
(Muttafaqun 'alaihi)

Dengan demikian kita fahami bersama bahawa kemungkaran yang harus dirubah secara serta merta ialah kemungkaran yang mencapai taraf haram, atau kemungkaran yang melibatkan hukum syariah dan disahkan oleh nas-nas yang muhkam (jelas dan pasti) serta kaedah-kaedah syariah yang tegas.

Penetapan mungkar atau tidaknya satu perkara tidak cukup hanya dengan merujuk kepada satu pendapat atau satu ijtihad sahaja. Sebab satu ijtihad mungkin benar dan mungkin salah. Bahkan satu hasil ijtihad kadang-kadang boleh berubah mengikut perubahan tempat, masa, tradisi serta kebiasaan satu kawasan.

Satu perkara ditetapkan sebagai mungkar berdasarkan ijma' (kesepakatan ulama). Perkara-perkara yang masih diperselisihkan antara para ulama dan mujtahid sejak dahulu hingga sekarang tidaklah termasuk dalam lingkaran 'kemungkaran' yang mesti segera dirubah dengan tangan.

Para ulama masih lagi berselisih pendapat tentang hukum gambar, hukum menyanyi dengan menggunakan alat muzik atau menyanyi tanpa alat muzik, hukum memperlihatkan wajah bagi wanita, atau hukum melantik seorang wanita dalam perlembagaan. Mereka juga masih berselisih faham dalam menetapkan masa mula berpuasa serta hari raya. Ada yang menetapkannya dengan cara melihat anak bulan dan ada pula yang menetapkannya dengan pengiraan kalendar. Bahkan yang menetapkan dengan melihat anak bulan pun berbeza pendapat pula, sama ada melihat anak bulan dengan menggunakan alat atau dengan penglihatan biasa.

Perkara-perkara seperti ini merupakan perdebatan panjang yang jalan kesepakatannya amat sukar untuk dicapai. Oleh itu, setiap individu Muslim, atau sekelompok jamaah Muslim yang memilih satu pendapat di antara dua pandangan ulama tersebut

tidak boleh bersikap keras terhadap orang-orang yang mengamalkan pendapat yang lain. Bahkan pendapat majoriti sendiri tidak boleh menggugurkan pendapat minoriti ataupun mengabaikan alasan dan pertimbangannya, meskipun pendapat minoriti itu hanya diperjuangkan oleh seorang mujtahid yang memiliki syarat-syarat untuk berijtihad.

Sejarah sendiri mencatatkan betapa banyak pendapat-pendapat yang pada satu masa telah ditinggalkan tetapi pada masa yang lain justeru menjadi pendapat yang paling popular. Dan berapa banyak pula pendapat seorang ulama yang dilemahkan oleh sesetengah pihak, tetapi datang pula pihak lain yang mengesahkan dan memperkuatnya dengan dalil-dalil sehingga ia menjadi pendapat yang muktamad dan layak untuk difatwakan.

Sebagai contoh, pendapat-pendapat Ibn Taimiyah berkenaan dengan talak dan isu-isu kekeluargaan banyak mendapat tantangan daripada pelbagai pihak pada zaman beliau. Bahkan berabad-abad setelah kematian beliau pun pendapat tersebut masih lagi belum dapat diterima oleh orang ramai. Setelah itu, pada zaman sekarang Allah munculkan orang-orang yang menyokong pendapat tersebut sehingga ia menjadi rujukan utama bagi fatwa-fatwa dan dasar hukum di pelbagai negara Islam.

Kemungkaran yang wajib dirubah dengan kekuatan ialah kemungkaran yang jelas dan telah disahkan oleh ijma' (kesepakatan) ulama umat Islam bahawa ia adalah mungkar. Merubah kemungkaran yang belum disahkan dengan cara-cara di atas hanya mendatangkan keburukan yang tidak akan berakhir. Sebab setiap orang yang memegang satu pendapat akan mengajak orang lain secara paksa untuk mengikutinya.

Pada satu masa dahulu, sekelompok pemuda yang bersemangat di sebahagian kawasan Islam telah bergerak menuju kedai-kedai menjual mainan untuk menghancurkan anak patung sepasang pengantin serta permainan kanak-kanak yang lain. Mereka menganggap anak-patung tersebut sebagai berhala yang diharamkan sehingga termasuk salah satu dosa besar!

Apabila dikatakan kepada mereka bahawa para ulama sejak dahulu membolehkan membuat patung untuk permainan kanak-kanak, sebab bentuknya sangat sederhana dan dibuat bukan untuk tujuan mengagung-agungkannya. Mereka menjawab, "Anak patung yang dimaksudkan oleh para ulama itu tidak serupa dengan anak patung yang dibuat pada zaman ini. Bentuk anak patung pada zaman ini sangat cantik dengan mata yang boleh terbuka dan tertutup sendiri."

Mereka tidak berhenti menjawab sehinggalah dikatakan, "Secantik apa pun anak patung itu, kanak-kanak tetap memperlakukannya seperti mainan. Mereka melemparnya ke kanan ke kiri, mencabut tangan dan kakinya dan tidak ada seorang pun di antara kanak-kanak itu yang memuliakan atau mengagungkannya."

Pada sesetengah negara Islam yang lain sekelompok pemuda berusaha untuk menutup gerai-gerai makan dan kedai-kedai kopi dengan cara paksa sejurus selepas mendengar beberapa negara Islam telah memulakan ibadah puasa dengan melihat anak bulan. Maka mereka pun segera mengatakan bahawa bulan Ramadhan telah tiba dan tidak boleh makan minum di siang hari secara terang-terangan.

Demikian pulalah keadaan sesetengah pemuda Islam di Mesir dalam menentukan hari raya Aidil Fitri. Bahagian hal ehwal agama di Mesir menetapkan bahawa bulan Syawal belum datang lagi. Pendapat mereka itu disokong dengan bukti-bukti serta keterangan-keterangan yang jelas. Di antaranya, buruknya keadaan cuaca sehingga mustahil seseorang dapat melihat anak bulan Syawal pada malam itu. Tetapi negara-negara jiran lainnya menetapkan kedatangan bulan Syawal, sebab cuaca di negara itu baik dan anak bulan boleh dilihat dengan jelas. Para pemuda itu berkeras untuk berbuka pada keesokan harinya dan melaksanakan sembahyang Aidil Fitri. Perbuatan mereka itu bercanggah dengan negara serta majoriti umat Islam. Lebih dari itu, kekecohan yang mereka timbulkan telah mengakibatkan pertengkaran yang tidak sepatutnya berlaku dengan pihak penguatkuasa.

Saya berpendapat, ditinjau dari beberapa segi kelompok-pemuda itu telah tersalah langkah.

1. Para ulama sendiri masih lagi berselisih faham tentang penetapan puasa atau Aidil Fitri dengan melihat anak bulan. Di antara mereka ada yang berpendapat bahawa seorang saksi sahaja sudah memadai untuk tujuan itu. Manakala yang lain berpendapat diperlukan dua atau tiga saksi. Bahkan ada pula yang mensyaratkan sejumlah saksi. Setiap pendapat ini memiliki dalil-dalilnya serta pandangannya tersendiri.

2. Mereka juga berbeza pendapat sama ada kawasan tempat melihat anak bulan itu perlu diambil kira atau tidak. Beberapa mazhab berpendapat bahawa setiap negeri harus menetapkan rukyahnya sendiri dan tidak harus mengikuti rukyah negeri lain. Demikianlah mazhab Ibn Abbas r.a. dan ulama-ulama

yang sependapat dengan beliau. Pendapat tersebut disokong oleh satu hadith yang diriwayatkan oleh Kuraib dalam sahih Muslim.

3. Kaedah ilmu fiqh menetapkan bahawa keputusan seorang pemimpin atau hakim dalam perkara-perkara khilafiyah mesti dipatuhi oleh seluruh umat. Oleh itu, jika penguatkuasa undang-undang syariah telah memilih salah satu pendapat berkenaan perkara tersebut setiap rakyat mesti mengikutinya dan tidak mengusahakan pendapat lain yang akan menimbulkan kekecohan dan perpecahan.

Oleh itu dalam sesetengah fatwa saya katakan: jika kita belum mampu mempersatukan pendapat seluruh umat Islam, maka paling tidak kita wajib untuk mempersatukan pendapat umat Islam di negara kita dalam melaksanakan syiar-syiar agama. Dengan demikian tidak terjadi perselisihan faham antara sesama rakyat dalam satu negara, di mana setengahnya masih berpuasa dan yang lain sudah berhari raya.

Perkara yang lebih penting lagi ialah kesalahan para pemuda yang jujur dan ikhlas ini sepatutnya tidak dilayan dengan kekerasan ataupun dihadang dengan peluru. Mereka berhak untuk menerima penjelasan dan keterangan sehingga mereka puas hati.

Syarat Kedua: Kemungkaran Dilakukan Secara Terang-Terangan

Disyaratkan bagi sesiapa yang hendak merubah kemungkaran, hendaklah dia melakukannya ke atas kemungkaran yang dilakukan secara terang-terangan. Ada pun jika kemungkaran tersebut dilakukan secara bersembunyi dengan menutup pintu rumahnya sehingga tidak terlihat oleh pandangan manusia, maka orang lain tidak boleh mengintai perbuatannya sama ada dengan meletakkan kamera tersembunyi ataupun merempuh masuk ke dalam rumah dengan tujuan untuk menangkap basah.

Inilah yang dimaksudkan dengan lafaz hadith 'man ra-a' (sesiapa yang melihat). Rasulullah mengaitkan usaha untuk merubah kemungkaran dengan melihat dan menyaksikannya, bukan sekadar mendengarnya daripada orang lain.

Islam menyerahkan hukuman orang yang berbuat kemungkaran secara sembunyi-sembunyi kepada Allah s.w.t. yang akan menghisabnya pada hari akhirat. Islam tidak membenarkan siapa pun untuk mengambil tindakan terhadapnya di dunia sehingga

telah nampak dengan jelas perbuatan mungkar yang telah dilakukannya.

Bahkan jika kita kaji lebih mendalam akan kita dapati bahawa Allah juga memberi keringanan hukum terhadap mereka yang berusaha menutup-nutupi perbuatannya dan tidak melakukan kemaksiatan secara terang-terangan. Dalam satu hadith sahih Rasulullah s.a.w. bersabda:

« كل أمتى معافى إلا المجاهرين »

Maksudnya: *Setiap umatku akan mendapat keampunan, kecuali mereka yang (melakukan kemaksiatan) secara terang-terangan.*

Oleh itu, tidak seorang pun dibenarkan melakukan sebarang tindakan terhadap kemungkaran yang dilakukan secara tersembunyi. Di antaranya ialah berbagai-bagai jenis kemaksiatan hati seperti riak, kemunafikan, kesombongan, hasad, tamak takabur dan lain-lain. Agama memang menganggap dosa-dosa tersebut sebagai dosa besar, tetapi perubahan tidak boleh kita lancarkan selagi ia tersembunyi dalam hati dan belum beralih menjadi perbuatan secara terang-terangan. Kita hanya diperintahkan untuk berinteraksi dengan perkara-perkara yang zahir, manakala terhadap perkara-perkara yang bersifat rahsia dan tersembunyi kita hanya dapat bertawakal kepada Allah s.w.t.

Pernah terjadi satu kisah yang berlaku ke atas Amirul Mukminin Umar bin Khattab r.a. sempena perkara ini. Kisah ini diceritakan oleh Imam al-Ghazali dalam kitab Ihya' Ulumuddin. Pada satu hari Umar memanjat rumah seorang lelaki untuk melihat apa yang dilakukannya. Beliau mendapati lelaki tersebut sedang melakukan satu perbuatan terlarang. Umar marah kepadanya, tetapi dia menjawab:

"Wahai Amirul Mukminin, jika betul aku telah berbuat satu kemaksiatan terhadap Allah, maka engkau telah berbuat tiga kemaksiatan!"

"Apa dia?", tanya Saidina Umar.

"Allah s.w.t. berfirman:

وَلَا تَجَسَّسُوا

Terjemahan: *Dan janganlah kamu saling mencari-cari kesalahan (orang lain).*

(Surah al-Hujurat 49: 12)

Engkau telah datang ke mari untuk mencari-cari kesalahanku. Allah s.w.t. juga berfirman:

وَأْتُوا الْبُيُوتَ مِنْ أَبْوَابِهَا

Terjemahan: *Dan datangilah rumah-rumah daripada pintunya*
(Surah al-Baqarah 2: 189)

Sementara engkau telah masuk ke rumahku melalui bumbung. Dan Allah s.w.t. berfirman:

لَا تَدْخُلُوا بُيُوتًا غَيْرَ بُيُوتِكُمْ حَتَّىٰ تَسْتَأْنِسُوا وَتُسَلِّمُوا عَلَىٰ أَهْلِهَا

Terjemahan: *Janganlah kalian memasuki rumah selain daripada rumah-rumah kalian (sendiri) sebelum kalian meminta izin dan menyampaikan salam kepada pemiliknya.*
(Surah an-Nur 24: 27)

Dan engkau tidak memberi salam."

Umar r.a. pun meninggalkan lelaki tersebut dengan menyuruhnya untuk bertaubat.[9]

Syarat Ketiga: Memiliki Kemampuan Untuk Melakukan Perubahan

Seseorang, atau sekelompok manusia, yang hendak melakukan perubahan dengan kekuatan mesti memiliki kemampuan dan kesanggupan untuk melakukan pekerjaan tersebut. Dia harus memiliki kekuatan material dan spritual yang cukup untuk menjayakannya dalam menghapuskan kemungkaran.

Syarat seperti ini boleh kita fahami dalam hadith yang diriwayatkan oleh Abu Sa'ad di atas. Rasulullah s.a.w. bersabda: Sesiapa yang tidak mampu (melakukannya dengan tangan) maka hendaklah dia melakukannya dengan lidahnya (ucapannya). Maksudnya, sesiapa yang tidak mampu untuk melakukan perubahan dengan kekuatan hendaklah dia meninggalkan cara tersebut dan beralih menggunakan pendekatan ucapan dan keterangan jika dia mampu.

Perubahan dengan kekuatan biasanya hanya dilakukan di dalam lingkungan kekuasaan seseorang terhadap orang yang berada

dalam kekuasaannya. Seperti kekuasaan suami terhadap isteri, seorang ayah terhadap anak-anaknya, seorang pemilik syarikat terhadap para pekerja dalam syarikat tersebut ataupun seorang pemimpin dalam wilayah kekuasaannya dan dalam batas kesanggupannya.[10]

Dalam hal ini kekuatan spritual merupakan syarat yang harus wujud di samping kekuatan material. Sebab kekuasaan seorang suami terhadap isteri atau seorang ayah terhadap anak-anaknya tidak di dasari atas kekuatan fizikal. Sebaliknya ia didasari atas karisma serta kemuliaan peribadi. Inilah yang menjadikan ucapan dan perintahnya didengar dan dilaksanakan.

Masalah ini menjadi lebih sukar apabila kemungkaran dilakukan oleh pemerintah atau negara yang memiliki kekuatan hukum, kekuatan material dan kekuatan tentera. Apa yang harus dilakukan oleh seseorang atau kelompok-kelompok untuk merubah kemungkaran yang dilakukan atau dilindungi oleh pemerintah seperti itu?

Jawapannya: mereka mesti mencari seluruh potensi dan kekuatan yang boleh merubah keadaan. Pada zaman sekarang ini kekuatan tersebut dikategorikan dalam tiga perkara berikut:

1. Angkatan bersenjata.

Ia merupakan kekuatan yang dimiliki oleh seluruh negara pada zaman ini, terutama negara-negara dunia ketiga. Kekuatan inilah yang mereka gunakan untuk menegakkan hukum dan menjayakan politik. Ia juga sering digunakan untuk menutup mulut lawan dengan besi dan api. Pemerintahan seperti ini tidak pernah berusaha untuk memberikan penjelasan yang rasional kepada rakyatnya. Sebaliknya ia menjawab seluruh ketidakpuasan mereka dengan cara kekerasan. Setiap negara yang mempunyai kekuatan bersenjata seperti itu boleh mematahkan setiap gerakan rakyat yang menginginkan perubahan. Demikianlah yang kita saksikan di beberapa negara, contoh terakhir ialah peristiwa pembantaian para mahasiswa yang melancarkan aksi unjuk perasaan bagi menuntut kebebasan di China.

2. Majlis Perwakilan yang memiliki kekuasaan konstitusional untuk mengeluarkan undang-undang atau menggubalnya, sesuai dengan kesepakatan majoriti yang diamalkan dalam sistem demokrasi. Sesiapa yang memiliki suara majoriti dalam sistem demokrasi yang sebenar boleh merubah setiap kemungkaran yang

disaksikannya dengan menerapkan undang-undang secara total. Sehingga tidak ada seorang menteri, ketua negara ataupun presiden yang berani mengatakan 'tidak' di hadapannya.

3. Kekuatan rakyat ramai yang membentuk satu kesepakatan menyeluruh di antara mereka. Jika kekuatan rakyat ramai ini bergerak tidak seorang pun yang dapat menghadapi atau menghalanginya. Sebab ia bergerak seperti gelombang samudera yang bergelora dan mendatangkan taufan serta banjir besar. Tidak ada satu apa pun yang boleh menghadangnya. Bahkan angkatan bersenjata pun tidak dapat berbuat apa-apa. Sebab tentera pun berasal dari masyarakat sedangkan kekuatan orang ramai yang dihadapinya ialah ayahnya, ibunya, anak-anaknya atau saudara-maranya sendiri. Demikianlah yang telah kita saksikan pada peristiwa pemberontakan rakyat di Iran

Sesiapa yang tidak memiliki salah satu daripada kekuatan ini hendaklah bersabar dan terus meneguhkan pendirian sehingga dia memilikinya. Tetapi dalam bersabar itu dia mesti terus berusaha melancarkan dakwah dengan ucapan dan tulisannya untuk menyedarkan orang ramai terhadap keadaan sebenar yang sedang berlaku. Dengan demikian, diharapkan akan timbul keazaman yang kuat dalam diri seluruh masyarakat untuk merubah kemungkaran. Dia juga harus mendidik generasi remaja mukmin yang memiliki potensi, agar mereka boleh merubah keadaan di masa depan. Inilah yang diisyaratkan oleh hadith Abu Tha'labah al-Khashani, ketika beliau bertanya kepada Rasulullah s.a.w. mengenai firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ عَلَيۡكُمۡ أَنفُسَكُمۡۖ لَا يَضُرُّكُم مَّن ضَلَّ إِذَا ٱهۡتَدَيۡتُمۡ

Terjemahan: *Wahai orang-orang yang beriman, jagalah diri kalian. Tiadalah orang-orang yang sesat itu akan memberi mudarat kepada kalian apabila kalian telah mendapat petunjuk.*
(Surah al-Maidah 5: 105)

Rasulullah s.a.w. menjawab soalan Abu Tha'labah berkenaan ayat di atas dalam sabdanya berikut:

«بل ائتمروا بالمعروف وتناهوا عن المنكر، حتى إذا رأيت شحا مطاعا، وهوى متبعا، ودنيا مؤثرة، وإعجاب كل ذي رأي برأيه، فعليك بخاصة نفسك ودع العوام، فإن من ورائكم أياما، الصابر فيهن مثل القابض على الجمر، للعامل فيهن مثل أجر خمسين رجلا يعملون كعملكم» رواه الترمذي

Maksudnya: *Bahkan kalian mesti bergiat dalam menyeru kepada yang makruf dan mencegah dari yang mungkar, sehingga (datanglah satu masa) di mana kalian melihat keserakahan dipatuhi, hawa nafsu dituruti, dunia menjadi keutamaan dan setiap orang berbangga dengan pendapatnya, maka hendaklah engkau (menjaga) dirimu sendiri dan tinggalkanlah orang ramai. Sesungguhnya masih ada hari-hari lagi setelah kamu. Orang yang sabar dalam (menghadapi) hari-hari itu seperti memegang bara, manakala untuk orang yang beramal pada hari-hati itu mendapat ganjaran seperti pahala lima puluh orang yang beramal di antara kamu.*

(Riwayat at-Tirmizi)

Dalam satu riwayat yang lain ditambahkan: Dan engkau akan melihat (pelbagai) perkara yang tidak terkawal (tidak ada kekuatanmu untuk mengawalnya).

Syarat Keempat: Hindari Daripada Menimbulkan Kemungkaran yang Lebih Besar

Perubahan kemungkaran dengan cara kekuatan hendaknya jangan sampai menimbulkan kemungkaran yang lebih besar seperti berlakunya fitnah dan kerosakan yang tidak terkawal. Akibatnya orang-orang yang tidak berdosa bergelimpangan menjadi korban, kehormatan dicabuli dan harta benda dirampas. Setelah itu kemungkaran justeru bertambah kuat dan para pengganas semakin bermaharajalela di muka bumi.

Oleh itu, para ulama memfatwakan bahawa berdiam diri terhadap satu kemungkaran, kerana khuatir akan timbul kemungkaran lain yang lebih besar, adalah sah dari segi syariat. Fatwa mereka itu didasari dengan sikap memilih risiko yang lebih ringan di antara dua kemungkaran dan kejahatan (Ikhtiar Akhaff ad-Dararain Wahtimal Ahwan as-Sharrain).

Berkenaan dengan perkara ini kita fahami hadith Rasulullah s.a.w. berikut. Rasulullah s.a.w. bersabda kepada Aishah r.a.

«لولا أن قومك حديثو عهد بشرك، لبنيت الكعبة على قواعد إبراهيم»

Maksudnya: *Kalau bukan kerana kaummu baru dengan kemusyrikan, nescaya telah kubina Ka'bah di atas tiang-tiang Ibrahim.*

Dalam al-Quran al-Karim kita temukan ayat yang menguatkan perkara ini, iaitu dalam kisah nabi Musa a.s. dengan Bani Israel. Dalam pemergian nabi Musa a.s. selama empat puluh hari untuk berjumpa dengan Tuhan, Bani Israel ditimpa fitnah patung emas anak lembu yang dibuat oleh Samiri. Samiri sangat pandai menyesatkan mereka sehingga mereka menyembah patung anak lembu tersebut. Nabi Harun, saudara nabi Musa, bertungkus lumus untuk mengingatkan mereka. Tetapi mereka tidak mempedulikan beliau. Bahkan mereka berkeras untuk meneruskan kemungkaran tersebut seraya berkata:

لَن نَّبْرَحَ عَلَيْهِ عَٰكِفِينَ حَتَّىٰ يَرْجِعَ إِلَيْنَا مُوسَىٰ

Terjemahan: *Kami akan tetap menyembah anak lembu ini, hingga Musa kembali kepada kami.*

(Surah Taha 20: 91)

Ketika Musa a.s. kembali dan melihat kemungkaran yang memalukan ini beliau sangat marah kepada saudaranya sehingga menarik janggutnya dengan keras.

قَالَ يَٰهَٰرُونُ مَا مَنَعَكَ إِذْ رَأَيْتَهُمْ ضَلُّوٓا۟ ﴿٩٢﴾ أَلَّا تَتَّبِعَنِ ۖ
أَفَعَصَيْتَ أَمْرِى ﴿٩٣﴾ قَالَ يَبْنَؤُمَّ لَا تَأْخُذْ بِلِحْيَتِى وَلَا بِرَأْسِىٓ ۖ
إِنِّى خَشِيتُ أَن تَقُولَ فَرَّقْتَ بَيْنَ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ وَلَمْ تَرْقُبْ قَوْلِى

Terjemahan: *Musa berkata, "Wahai Harun, apa yang menghalangi kamu ketika kamu melihat mereka telah sesat, (sehingga) kamu tidak mengikuti aku? Maka apakah kamu telah (sengaja) menderhakai perintahku? Harun menjawab, "Hai putera ibuku, janganlah kamu pegang janggutku dan jangan (pula) kepalaku. Sesungguhnya aku khuatir bahawa kamu akan berkata (kepadaku): kamu telah memecah belah antara Bani Israel dan kamu tidak memelihara amanahku."*

(Surah Taha 20: 92-94)

Nabi Harun a.s. memilih untuk menjaga keutuhan persatuan di kalangan Bani Israel semasa kepergian saudaranya. Beliau mendapati bahawa peringatan lisan yang dilancarkannya tidak dipedulikan, oleh itu beliau cenderung untuk menunggu kepulangan nabi Musa a.s. agar boleh berdiri berganding bahu dengannya mengambil tindakan tegas terhadap Bani Israel yang telah melakukan perbuatan durjana.

Inilah empat syarat yang harus dipenuhi oleh setiap individu atau kelompok yang ingin melakukan usaha perubahan dengan menggunakan kekuatan material yang berkesan.

Kemudian, saya ingin memperingatkan satu masalah yang sangat penting terhadap orang-orang yang bergiat dalam mencari jalan untuk merubah keadaan umat Islam. Ketahuilah bahawa kerosakan yang melanda masyarakat kita, sejak zaman kemunduran Islam, zaman penjajahan Barat hingga ke zaman para penguasa sekular yang zalim, merupakan satu kerosakan yang sangat parah. Usaha untuk merubah kerosakan yang bersifat global itu tidak memadai hanya dengan melancarkan penentangan terhadap kemungkaran-kemungkaran kecil seperti majlis nyanyian dan tarian gila, para wanita yang membuka aurat di jalan-jalan, atau jual beli pita video yang berisikan gambar-gambar lucah dan terlarang. Masalah yang sedang dihadapi jauh lebih besar dibandingkan hal-hal tersebut. Kita memerlukan perubahan yang lebih menyeluruh, lebih luas dan lebih mendalam, yang berkaitan dengan pemikiran, pemahaman, akhlak, perbuatan, adab, tradisi serta sistem perundang-undangan.

Sebelum itu semua, kita juga mesti merubah mentaliti manusia dengan memberikan pandangan, pendidikan dan teladan yang baik secara berterusan. Jika manusia telah berjaya merubah apa yang ada pada diri mereka (mentaliti mereka) barulah mereka berhak untuk menerima perubahan daripada Allah. Sesuai dengan ketentuan Allah dalam firman-Nya:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا۟ مَا بِأَنفُسِهِمْ

Terjemahan: *Sesungguhnya Allah tidak merubah keadaan satu kaum sehingga mereka merubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri.*

(Surah ar-Ra'ad 13: 11)

Satu perkara lain yang perlu kita beri perhatian semasa berusaha merubah kemungkaran ialah perlunya berlemah lembut dalam tindakan-tindakan yang kita ambil. Bahkan kita dituntut untuk memberi dakwah secara baik kepada orang-orang yang melakukan kemungkaran. Rasulullah s.a.w. sendiri mewasiatkan agar kita berlemah lembut. Baginda juga menerangkan bahawa Allah menyukai sifat lemah lembut pada segala sesuatu dan setiap kali Allah memasuki sesuatu Dia akan menghiasinya (dengan keindahan).

Di antara peristiwa yang berkaitan dengan perkara ini ialah satu kisah yang diriwayatkan oleh Imam al-Ghazali dalam kitab Ihya' Ulumuddin. Seorang lelaki datang menemui khalifah al-Makmun untuk melancarkan usaha amar ma'ruf nahi mungkar terhadap khalifah. Lelaki tersebut bersikap sangat garang dan mengecam khalifah dengan perkataan-perkataan kasar seperti: hai zalim, hai pendosa dan sebagainya. Khalifah al-Makmun memiliki ilmu yang dalam dan kepribadian yang lembut. Oleh itu beliau tidak menyiksa lelaki tersebut, sebagaimana kebiasaan para raja dan pemimpin. Malah beliau berkata kepadanya, "Wahai engkau, berlembutlah sedikit. Sesungguhnya Allah pernah mengirim utusan yang lebih baik daripadamu kepada seorang raja yang lebih jahat daripadaku. Allah telah mengutus Musa dan Harun dan kedua-duanya lebih baik daripadamu, kepada Fir'aun yang lebih jahat daripadaku. Tetapi Allah mengatakan kepada kedua-dua utusan tersebut:

اذْهَبَآ إِلَىٰ فِرْعَوْنَ إِنَّهُۥ طَغَىٰ ﴿٤٣﴾ فَقُولَا لَهُۥ قَوْلًا لَّيِّنًا
لَّعَلَّهُۥ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَىٰ ﴿٤٤﴾

Terjemahan: *Pergilah kalian berdua kepada Fir'aun, sesungguhnya dia telah melampui batas; maka berbicaralah kalian berdua kepadanya dengan kata-kata yang lemah lembut, mudah-mudahan dia ingat atau takut.*

(Surah Taha 20: 43-44)

Hujung ayat di atas mengandungi harapan terhadap Fir'aun (mudah-mudahan dia ingat atau takut) padahal di awal ayat Allah telah mengecamnya (sesungguhnya dia telah melampaui batas). Dari ayat ini setiap pendakwah seharusnya dapat memetik satu pelajaran untuk tidak berputus asa dalam berdakwah kepada siapa sahaja, meskipun ia sangat kafir dan zalim. Asalkan dia memakai cara yang lembut dan ramah, bukan cara yang keras dan tegas.

NOTA BAHAGIAN KEEMPAT

1 Akhir-akhir ini kita melihat aksi gerakan Taliban di Afghanistan. Setelah berjaya menawan ibu negeri Kabul mereka melarang seluruh kaum wanita daripada bekerja. Padahal di antara kaum wanita tersebut terdapat puluhan ribu para janda yang suaminya mati syahid dalam peperangan dan terpaksa bekerja untuk menyara kehidupannya dan anak-anaknya.

2 Sayang sekali mereka telah mengecewakan harapan kita dengan berperang dan berbunuh-bunuhan antara sesama sendiri. Hal ini berlaku kerana membiarkan kefanatikan perkauman dan rasialisme jahiliah menguasai diri mereka. Akibatnya, rakan-rakan yang dahulunya sama-sama berjihad kini saling berbunuhan. Mereka telah berjaya menewaskan Soviet Union, kekuatan ateis terbesar dalam sejarah. Tetapi mereka tidak berjaya mengalahkan hawa nafsu mereka sendiri dan gagal menciptakan kedamaian.

3 Ibn al-Qaiyim, *at-Turuq al-Hukmiyyah fi as-Siyasah as-Shar'iyyah*, ms. 13-15, penerbit as-Sunnah al-Muhammadiyyah.

4 Imam al-Ghazali, *Ihya' Ulumiddin*, bab Ilmu yang Hukumnya Fardhu Kifayah, jilid 1, ms. 17, Darul Ma'rifah, Beirut.

5 Dr. Diya' ad-Din ar-Reis, *an-Nazariyat as-Siyasiyah al-Islamiyah*, ms. 125, cetakan keenam.

6 Ulasan Ustaz Mahmud Muhammad Shakir terhadap *tafsir at-Tabari*.

7 As-Sya'bi juga menukilkan pendapat at-Tabari bahawa ayat pertama berkenaan dengan kaum Muslimin, ayat kedua dengan orang-orang Yahudi dan ayat ketiga dengan orang-orang Nasrani. Demikian pulalah pendapat Ibn al-'Arabi dalam buku *Ahkam al-Quran*, sebagaimana yang dinukilkan oleh al-Qurtubi.

8 Dinukil oleh as-Suyuti dalam kitab *ad-Durr al-Manthur*.

9 *Ihya' Ulumiddin*, jilid 7, ms. 1218.

10 Terdapat beberapa pemimpin yang tidak mampu merubah kemungkaran-kemungkaran kecil yang berlaku di dalam wilayah kekuasaannya sendiri. Kita melihat bagaimana Umar bin Abdul Aziz tidak mampu mengembalikan sistem syura kepangkuan umat Islam dan menyingkirkan sistem kerajaan monarki berasaskan warisan. Kita juga melihat bagaimana Najashi raja Habsyah setelah masuk Islam tidak mampu menerapkan syariat Islam kepada rakyatnya, kerana mereka belum memeluk Islam. Jika beliau berkeras untuk menerapkannya juga tentulah mereka akan memberontak dan menurunkannya dari takhta kerajaan.

BAHAGIAN 5

Sikap Negara Islam Terhadap Demokrasi, Kemajmukan Parti, Kedudukan Wanita dan Golongan Bukan Islam

Sepucuk surat dari Algeria yang mengandungi soalan mengenai politik kenegaraan telah dihantarkan kepada saya. Soalan yang tertera dalam surat tersebut ialah sebagai berikut:

"Saya tidak dapat menyembunyikan kehairanan dan keterkejutan saya semasa mendengar perkataan bernada negatif daripada sebahagian individu, sedangkan mereka dikenali memiliki semangat keagamaan yang tinggi dan menjadi anggota dalam berbagai-bagai jamaah Islam. Mereka mengatakan bahawa konsep demokrasi bercanggah dengan ajaran Islam. Bahkan salah seorang daripada mereka mengaku pernah mendengar keterangan seorang ulama yang berkata bahawa demokrasi merupakan satu kekufuran! Hujah mereka dalam hal itu ialah: demokrasi merupakan satu konsep pemerintahan yang berasaskan rakyat dan hukum rakyat. Sedangkan ajaran Islam telah menyatakan bahawa rakyat bukanlah penentu dan pencipta hukum. Hak untuk mencipta dan menetapkan hukum itu hanyalah milik Allah s.w.t. sahaja. Firman-Nya:

إِنِ ٱلْحُكْمُ إِلَّا لِلَّهِ

Terjemahan: *(Menetapkan) hukum itu hanyalah hak Allah.*
(Surah al-An'am 6: 57)

"Pendapat seperti di atas saya rasa serupa dengan pendapat kaum Khawarij pada zaman dahulu. Saidina Ali mematahkan pendapat seperti itu dengan ucapan beliau yang masyhur, "Perkataan seperti itu benar, tetapi maksud yang tersembunyi di sebaliknya adalah batil."

"Pada masa sekarang, telah tersebar di kalangan kaum liberalis dan pejuang kebebasan bahawa kaum Muslimin merupakan musuh demokrasi dan penyokong kediktatoran dan penindasan. Betulkah Islam memusuhi demokrasi? Betulkah demokrasi merupakan satu kekufuran seperti yang diperkatakan oleh sebahagian kaum Muslimin? Atau adakah semua ini hanya pendapat sebahagian orang yang menggunakan nama Islam, sedangkan Islam itu sendiri tidaklah demikian?

"Perkara ini memerlukan penjelasan yang tegas oleh para ulama yang moderat. Iaitu para ulama yang tidak terlalu bersikap lembut dan tidak pula terlampau keras. Dengan bersandarkan keterangan mereka kita boleh meletakkan perkara ini sesuai dengan ukurannya dan menjauhkan Islam daripada penafsiran-penafsiran yang tidak betul, meskipun berasal daripada sebahagian ulama. Sebab para ulama itu sendiri ialah manusia biasa yang boleh melakukan kesilapan.

"Saya berdoa agar Allah membantu al-Ustaz untuk menjelaskan kebenaran dengan dalil-dalil daripada syariah, sehingga dapat menghapuskan keraguan di hati kami. Akhir kata, saya ucapkan ribuan terima kasih, semoga Allah sentiasa melimpahkan pahala-Nya kepada al-Ustaz."

Saya jawab surat tersebut dengan perenggan-perenggan berikut:

Saya merasa sangat prihatin melihat pelbagai perkara telah dicampuradukkan antara satu sama lain. Kebenaran dan kebatilan telah sukar untuk dibezakan oleh sebahagian orang yang kuat memegang agama atau oleh orang-orang yang sentiasa berbicara atas nama agama. Demikianlah keadaan yang telah digambarkan oleh saudara kita dari Algeria di atas. Akibatnya sebahagian umat Islam dengan mudahnya menuduh saudaranya sesama Muslim telah kafir atau fasik. Tidak tahukah mereka bahawa tuduhan tidak berasas ke atas seorang Muslim sebagai kafir adalah satu dosa besar dalam pandangan syariah? Malah satu hadith sahih menyebutkan bahawa orang yang melemparkan tuduhan kafir kepada saudaranya tanpa asas-asas yang kukuh, dialah yang lebih layak untuk mendapatkan tuduhan tersebut.

Isu yang dibangkitkan dalam soalan di atas bukanlah merupakan satu isu yang baru bagi saya. Bahkan ramai di antara saudara-saudara daripada Algeria telah menanyakan perkara tersebut berkali-kali kepada saya dengan bahasa yang lebih keras seperti: adakah demokrasi itu merupakan satu kekufuran?

Beberapa minggu yang lalu saya berkunjung ke Lebanon untuk menyampaikan satu syarahan di Bandar Soida. Selepas syarahan tersebut pelbagai soalan telah diajukan kepada saya. Di antaranya berkaitan dengan ikut sertanya parti Refah di Turki dalam pemerintahan demokrasi sekular. Saya katakan kepada saudara yang bertanya itu bahawa kesimpulan hukum dalam perkara ini mesti diambil berdasarkan fiqh al-Muwazanat (kefahaman dalam mempertimbangkan satu perkara mengikut kaedah-kaedah syariah). Jika didapati bahawa kemaslahatan umat Islam di sana tidak dapat diwujudkan kecuali dengan ikut serta dalam pemerintahan, maka hukumnya harus. Si penanya tidak puas hati dengan jawapan saya. Dia berkata dengan suara yang lantang, "Bagaimana kita perbolehkan kaum Muslimin ikut serta dalam pemerintahan demokrasi sedangkan demokrasi itu sendiri merupakan satu kekufuran?" Dia memberikan satu makalah kepada saya yang menyokong pendapatnya itu.

Saya hairan melihat sebahagian manusia dengan mudahnya telah menjatuhkan hukum mungkar atau kafir terhadap demokrasi sedangkan mereka sendiri tidak mengetahui secara pasti realiti sebenar daripada demokrasi. Mereka juga tidak tahu bahawa para ulama telah sepakat memutuskan sesiapa yang menghukum berdasarkan kejahilan ia telah melakukan satu kesalahan, meskipun hukum yang dijatuhkannya itu benar secara kebetulan. Satu hadith sahih menerangkan bahawa seorang qadi yang menjatuhkan hukuman berdasarkan kejahilan akan dicampakkan ke dalam neraka. Begitu pula jika ia mengetahui kebenaran dan tidak menghukum berdasarkan kebenaran tersebut.

Adakah demokrasi satu kemungkaran dan kekufuran, sedangkan majoriti manusia di Timur dan di Barat berjuang untuk menegakkannya sebagai sistem negara, setelah berjaya menjatuhkan penguasa yang zalim menerusi perjuangan pahit yang mengalirkan darah dan mengorbankan jutaan nyawa?

Adakah demokrasi satu kemungkaran dan kekufuran, sedangkan umat Islam ramai yang memandangnya sebagai satu jalan paling berkesan untuk menghapuskan kekuasaan individu dan memotong kuku politik yang tajam dan telah mencakar masyarakat Arab dan Islam sejak berzaman?

REALITI DEMOKRASI

Di luar daripada definisi dan terminologi akademik, realiti sebenar daripada demokrasi ialah kesepakatan rakyat untuk memilih sebahagian orang yang akan memerintah dan mengatur urusan mereka. Dengan cara itu rakyat terhindar daripada memiliki seorang pemimpin yang tidak mereka kehendaki atau sistem yang tidak mereka sukai. Rakyat juga berhak untuk memperhitungkan kesalahan seorang pemimpin atau memecat dan menggantinya dengan orang lain jika ia terbukti menyelewengkan kekuasaannya.

Dengan sistem demokrasi pula diharapkan rakyat tidak terpaksa untuk mengikuti satu sistem ekonomi, sosial, budaya dan politik yang tidak mereka kehendaki. Orang-orang yang menentang keinginan rakyat layak untuk diberi peringatan dan teguran. Malah jika mereka berkeras untuk memberontak mereka patut diperangi dan dihukum.

Inilah realiti sebenar daripada sistem demokrasi yang hakiki. Manusia mengaplikasikan sistem tersebut dalam beberapa sarana praktikal seperti pilihan raya, mengambil pendapat orang ramai, menetapkan suara majoriti, memberi peluang kepada berbagai-bagai pertubuhan politik untuk mewakili aspirasi masyarakat, memberi peluang kepada kelompok minoriti untuk mengemukakan bantahan, memberikan kebebasan kepada para penulis serta menyerahkan kuasa independen kepada mahkamah.

Adakah demokrasi dalam keterangan yang kita gambarkan di atas bercanggah dengan ajaran Islam? Di manakah letak percanggahan tersebut dan apakah dalil al-Quran dan al-Hadith yang mengesahkan anggapan seperti itu?

Pada hakikatnya, mereka yang mendalami realiti sebenar daripada demokrasi nescaya akan memahami bahawa sistem demokrasi sebenarnya merupakan gambaran daripada ajaran Islam. Islam sendiri mengajarkan bahawa seseorang yang tidak disukai orang ramai tidak boleh menjadi imam dalam solat. Sabda nabi s.a.w.:

«ثلاثة لا ترتفع صلاتهم فوق رؤوسهم شبرا»

وذكر أولهم: «رجل أمَّ قوما وهم له

كارهون» رواه ابن ماجة

Maksudnya: *Terdapat tiga jenis manusia yang tidak akan diangkat pahala solat mereka sejengkal pun daripada kepala mereka. Salah satu di antaranya ialah seorang imam yang memimpin kaumnya (dalam solat) sedangkan mereka tidak suka terhadapnya.*

(Riwayat Ibn Majah)

Jika orang yang tidak disukai masyarakat yang tidak dibenarkan menjadi imam dalam solat, bagaimana pula dalam urusan-urusan kehidupan dan politik? Satu hadith yang lain menyebutkan:

«خيار أئمتكم – أي حكامكم : الذين
تحبونهم ويحبونكم، وتصلون عليهم أي
تدعون لهم، ويصلون عليكم. وشرار
أئمتكم: الذين تبغضونهم ويبغضونكم،
وتلعنونهم ويلعنونكم» رواه مسلم

Maksudnya: *Sebaik-baik pemimpin kamu ialah pemimpin yang kamu sukai dan menyukai kamu, kamu berdoa untuknya dan dia berdoa untukmu. Seburuk-buruk pemimpin kamu ialah yang kamu benci dan yang membenci kamu, kamu mengutuknya dan dia juga mengutukmu.*

(Riwayat Muslim)

AL-QURAN MEMERANGI PARA PENGUASA YANG MENGAKU SEBAGAI TUHAN

Al-Quran melancarkan kecaman keras terhadap para penguasa yang mentuhankan diri sendiri dan memaksa para hamba Allah untuk menjadi hamba mereka. Di antara para penguasa yang mengaku sebagai tuhan itu ialah Namrud. Al-Quran banyak menceritakan perdebatan antara Namrud dengan Ibrahim a.s.

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِى حَآجَّ إِبْرَٰهِـۧمَ فِى رَبِّهِۦٓ أَنْ ءَاتَىٰهُ ٱللَّهُ
ٱلْمُلْكَ إِذْ قَالَ إِبْرَٰهِـۧمُ رَبِّىَ ٱلَّذِى يُحْىِۦ وَيُمِيتُ

قَالَ أَنَا أُحْيِۦ وَأُمِيتُ ۖ قَالَ إِبْرَٰهِـۧمُ فَإِنَّ ٱللَّهَ يَأْتِى
بِٱلشَّمْسِ مِنَ ٱلْمَشْرِقِ فَأْتِ بِهَا مِنَ ٱلْمَغْرِبِ فَبُهِتَ
ٱلَّذِى كَفَرَ ۗ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٢٥٨﴾

Terjemahan: *Adakah kamu tidak memperhatikan orang yang mendebat Ibrahim tentang Tuhannya? Allah telah memberikan pemerintahan (kekuasaan) kepada orang itu. Ketika Ibrahim berkata, "Tuhanku ialah yang menghidupkan dan mematikan." Orang itu berkata, "Saya boleh menghidupkan dan mematikan." Ibrahim berkata, "Sesungguhnya Allah menerbitkan matahari dari Timur, maka terbitkanlah ia dari Barat," Lalu terdiamlah orang kafir itu; dan Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang zalim."*

(Surah al-Baqarah 2: 258)

Taghut ini (Namrud) mengaku bahawa dia mempunyai kuasa untuk menghidupkan dan mematikan manusia, serupa dengan kekuasaan Tuhan Ibrahim yang merupakan Tuhan semesta alam. Oleh itu, manusia wajib menyembahnya sebagaimana mereka menyembah Tuhan nabi Ibrahim a.s. Untuk membuktikan kekuasaannya itu Namrud memanggil dua orang lelaki yang sedang lalu di hadapan mereka. Salah seorang daripada dua lelaki itu dibunuhnya tanpa sebarang kesalahan, manakala lelaki yang lain dibebaskannya. Ketika membunuh lelaki pertama dia berkata kepada Ibrahim, "Nah inilah manusia yang saya matikan." Manakala ketika melepaskan lelaki yang kedua dia berkata, "Dan inilah manusia yang saya hidupkan. Bukankah dengan demikian saya boleh mematikan dan boleh menghidupkan?"

Firaun serupa dengan Namrud. Dia menyeru kaumnya untuk menyembahnya seraya berkata:

أَنَا۠ رَبُّكُمُ ٱلْأَعْلَىٰ

Terjemahan: *Akulah tuhan kamu yang paling tinggi.*

(Surah an-Nazi'at 79: 24)

Bahkan di hadapan rakyatnya dia berkata dengan sombongnya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلْمَلَأُ مَا عَلِمْتُ لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرِى

Terjemahan: *Wahai pembesar kaumku, aku tidak mengetahui adanya Tuhan lain bagi kamu selain diriku.*

(Surah al-Qasas 28: 38)

Dalam kisah Firaun al-Quran telah mengungkapkan persubahatan keji antara tiga manusia derhaka. Mereka itu ialah:

1. Firaun, seorang penguasa yang mengaku tuhan dan menindas para hamba Allah di muka bumi.

2. Haman, seorang pakar politik yang menggunakan kepandaian dan pengalamannya untuk berkhidmat kepada taghut. Dia juga berusaha untuk menundukkan rakyat demi meneguhkan pemerintahan Firaun.

3. Qarun, seorang kapitalis yang mengambil manfaat daripada pemerintahan yang zalim. Dia membantu pemerintahan Firaun dengan sebahagian hartanya dengan tujuan agar dia memperolehi pulangan harta lebih banyak. Cara yang digunakannya dalam memperolehi harta tersebut ialah dengan memerah peluh rakyat.

Al-Quran menyebutkan persubahatan dosa antara tiga orang itu pada ayat-ayat berikut:

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا مُوسَىٰ بِآيَاتِنَا وَسُلْطَانٍ مُّبِينٍ ﴿٢٣﴾
إِلَىٰ فِرْعَوْنَ وَهَامَانَ وَقَارُونَ فَقَالُوا سَاحِرٌ كَذَّابٌ ﴿٢٤﴾

Terjemahan: *Dan sesungguhnya telah Kami utus Musa dengan membawa ayat-ayat Kami dan keterangan yang nyata kepada Firaun, Haman dan Qarun, maka mereka berkata, "(Ia) adalah seorang ahli sihir yang pendusta."*

(Surah al-Mukmin 40: 23-24)

وَقَارُونَ وَفِرْعَوْنَ وَهَامَانَ ۖ وَلَقَدْ جَاءَهُم مُّوسَىٰ
بِالْبَيِّنَاتِ فَاسْتَكْبَرُوا فِي الْأَرْضِ وَمَا كَانُوا سَابِقِينَ

Terjemahan: *Dan (juga) Qarun, Firaun dan Haman. Telah datang kepada mereka Musa dengan (membawa) keterangan-*

keterangan yang nyata. Tetapi mereka berlaku sombong di muka bumi. Tiadalah mereka termasuk orang-orang yang terhindar (dari kehancuran itu)."

(Surah al-Ankabut 29: 39)

Walaupun Qarun berganding bahu dengan Firaun dia bukan berasal daripada kaum Firaun. Dia adalah salah seorang daripada kaum nabi Musa a.s. Tetapi dia bersikap sewenang-wenang terhadap kaumnya sendiri dan bergabung dengan Firaun. Ini membuktikan bahawa perbezaan nasab dan keturunan bukan merupakan faktor yang menyatukan mereka. Sebaliknya kepentingan harta bendalah yang mengeratkan hubungan antara kedua penindas itu.

HUBUNGAN ANTARA PARA TAGHUT DAN KEROSAKAN DALAM PERSPEKTIF AL-QURAN

Al-Quran mengkaitkan setiap taghut dengan tersebarnya kerosakan yang memusnahkan bangsa. Firman Allah:

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ فَعَلَ رَبُّكَ بِعَادٍ
﴿٦﴾ إِرَمَ ذَاتِ الْعِمَادِ ﴿٧﴾ الَّتِي لَمْ يُخْلَقْ مِثْلُهَا فِي الْبِلَادِ ﴿٨﴾
وَثَمُودَ الَّذِينَ جَابُوا الصَّخْرَ بِالْوَادِ ﴿٩﴾ وَفِرْعَوْنَ ذِي الْأَوْتَادِ ﴿١٠﴾
الَّذِينَ طَغَوْا فِي الْبِلَادِ ﴿١١﴾

Terjemahan: *Apakah kamu tidak memperhatikan bagaimana Tuhanmu bertindak terhadap kaum 'Ad? (Iaitu) penduduk Iram yang mempunyai bangunan-bangunan yang tinggi. Belum pernah didirikan (satu bandar pun) semegah itu di negeri-negeri ini. Dan kaum Thamud yang memotong batu-batu besar di lembah. Juga kaum Firaun yang mempunyai pasak-pasak (tentera yang ramai) yang bersikap sewenang-wenang di dalam negeri dan berbuat banyak kerosakan di dalamnya.*

(Surah al-Fajr 89: 6-11)

Dalam menjelaskan tentang Firaun al-Quran tidak hanya menggunakan perkataan 'Tughyan' (penindas), tetapi juga perkataan 'al-'Uluw' yang bererti sombong dan memaksa para hamba Allah

untuk mematuhinya dengan cara menindas dan memaksa mereka. Allah s.w.t. berfirman:

إِنَّهُۥ كَانَ عَالِيًا مِّنَ ٱلْمُسْرِفِينَ

Terjemahan: *Sesungguhnya dia (Firaun) ialah orang yang sombong dan termasuk (dalam golongan) orang-orang yang melampaui batas.*

(Surah ad-Dukhan 44: 31)

Allah s.w.t. juga berfirman:

إِنَّ فِرْعَوْنَ عَلَا فِى ٱلْأَرْضِ وَجَعَلَ أَهْلَهَا شِيَعًا
يَسْتَضْعِفُ طَآئِفَةً مِّنْهُمْ يُذَبِّحُ أَبْنَآءَهُمْ وَيَسْتَحْىِۦ
نِسَآءَهُمْ ۚ إِنَّهُۥ كَانَ مِنَ ٱلْمُفْسِدِينَ ﴿٤﴾

Terjemahan: *Sesungguhnya Firaun telah berbuat sewenang-wenang di muka bumi dan menjadikan penduduknya berpecah belah dengan menindas sebahagian daripada mereka, menyembelih anak-anak lelaki mereka dan membiarkan hidup anak-anak perempuan mereka. Sesungguhnya Firaun termasuk orang-orang yang berbuat kerosakan.*

(Surah al-Qasas 28: 4)

Begitulah, al-Quran telah menjelaskan bahawa kesombongan dan kerosakan merupakan dua perkara yang saling berkaitan antara satu sama lain.

AL-QURAN MENGECAM SETIAP BANGSA YANG PATUH KEPADA PARA PENINDAS

Al-Quran tidak hanya memerangi para penindas dan taghut sahaja, tetapi juga orang ramai yang mengikuti jalan para taghut, berserah diri di bawah kekuasaan mereka serta menyerahkan tanggung jawab memimpin kepada mereka.

Allah s.w.t. berfirman mengenai kaum Nabi Nuh, kaum 'Ad serta kaum Firaun yang mengikuti kemungkaran dan kekufuran para rajanya secara membuta tuli:

قَالَ نُوحٌ رَّبِّ إِنَّهُمْ عَصَوْنِي وَاتَّبَعُوا مَن لَّمْ يَزِدْهُ مَالُهُ وَوَلَدُهُ إِلَّا خَسَارًا

Terjemahan: *Nuh berkata, "Wahai Tuhanku, sesungguhnya mereka telah mendurhakaiku dan telah mengikuti orang-orang yang harta dan anak-anaknya hanya menambah kerugian kepada mereka.*

(Surah Nuh 71: 21)

وَتِلْكَ عَادٌ جَحَدُوا بِآيَاتِ رَبِّهِمْ وَعَصَوْا رُسُلَهُ وَاتَّبَعُوا
أَمْرَ كُلِّ جَبَّارٍ عَنِيدٍ

Terjemahan: *Dan itulah (kisah) kaum 'Ad yang mengingkari tanda-tanda kekuasaan Tuhan mereka dan menderhakai para rasul Allah. Mereka tidak menuruti perintah semua penguasa yang sewenang-wenang lagi menentang kebenaran.*

(Surah Hud 11: 59)

... فَاتَّبَعُوا أَمْرَ فِرْعَوْنَ وَمَا أَمْرُ فِرْعَوْنَ بِرَشِيدٍ ﴿٩٧﴾
يَقْدُمُ قَوْمَهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَأَوْرَدَهُمُ النَّارَ وَبِئْسَ الْوِرْدُ الْمَوْرُودُ

Terjemahan: *Tetapi mereka mengikuti perintah Firaun, padahal perintah Firaun itu sekali-kali (bukanlah) perintah yang benar. Ia berjalan di hadapan kaumnya pada hari kiamat, lalu memasukkan mereka ke dalam neraka. (Padahal) neraka itu ialah seburuk-buruk tempat yang didatangi.*

(Surah Hud 11: 97-98)

Al-Quran membebankan tanggung jawab untuk menentang pemimpin yang zalim kepada orang ramai, sebab orang ramailah yang memberi peluang kepada munculnya para Firaun dan para taghut penindas. Oleh itu, disebutkan dalam cerita rakyat bahawa satu hari Firaun ditanya, "Apakah yang menyebabkan kamu menjadi seorang taghut?" Maka dijawabnya, "Faktor utama yang menyebabkan saya berubah menjadi taghut dan penindas ialah kerana saya tidak pernah menemukan seorang pun yang berani membantah pendapat saya."

Golongan yang lebih bertanggung jawab terhadap penindasan yang dilakukan oleh para taghut ialah para kaki tangan penguasa. Al-Quran menyebut mereka sebagai 'junud' atau kekuatan ketenteraan yang merupakan taring dan kuku tajam politik. Ia

merupakan cemeti yang menakuti rakyat bila mereka memberontak atau bila terlintas dalam fikiran mereka untuk memberontak.

Firman Allah:

إِنَّ فِرْعَوْنَ وَهَٰمَٰنَ وَجُنُودَهُمَا كَانُوا خَٰطِـِٔينَ

Terjemahan: *Sesungguhnya Qarun dan Haman beserta tenteranya ialah orang-orang yang bersalah.*

(Surah al-Qasas 28: 8)

فَأَخَذْنَٰهُ وَجُنُودَهُۥ فَنَبَذْنَٰهُمْ فِى ٱلْيَمِّ ۖ
فَٱنظُرْ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٤٠﴾

Terjemahan: *Maka kami hukum Firaun beserta bala tenteranya, lalu kami lemparkan mereka ke dalam laut. Maka lihatlah bagaimana akibat (yang ditanggung oleh) orang-orang yang zalim.*

(Surah al-Qasas 28: 40)

SERANGAN SUNNAH NABAWIYAH TERHADAP PARA PEMIMPIN YANG ZALIM

Sunnah Nabawiyah (al-Hadith) juga turut menyerang para pemimpin yang zalim dan memerintah rakyatnya dengan tangan besi. Kekejaman para rajalah yang membuat rakyat tidak berani menyanggah perintah dan ucapan mereka. Para penguasa seperti itu kelak akan berterbangan dibakar api neraka seperti kelkatu yang berterbangan mengerumuni lampu.

As-Sunnah an-Nabawiyah juga mengecam para pengikut dan kakitangan para pemimpin tersebut. Sebab merekalah yang menolong para pemimipin tersebut dalam menzalimi dan menindas rakyat jelata. Rasulullah s.a.w. mengecam satu bangsa yang dikuasai oleh ketakutan sehingga tidak berani mengatakan kepada orang yang berbuat aniaya, "Wahai zalim!"

Abu Musa meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

« إن في جهنم واديا، وفي الوادي بئر يقال له
هبهب، حق على الله أن يسكنه كل جبار
عنيد » رواه الطبراني

Maksudnya: *Di dalam neraka Jahannam terdapat satu lembah dan di tengah lembah itu terdapat satu perigi bernama Habhab. Sungguh Allah akan menempatkan para penguasa yang zalim dan keras kepala di dalamnya.*

(Riwayat at-Tabrani)

Muawiyah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

«ستكون أمة من بعدي، يقولون فلا يُرَدّ عليهم قولهم، يتقاحمون في النار، كما تقاحم القردة» رواه أبو يعلى والطبراني

Maksudnya: *Sepeninggalanku kelak akan muncul para pemimpin yang berkata dan berucap tetapi perkataan mereka tidak pernah disanggah dan dibantah. Mereka (akan) berhamburan melompat masuk ke dalam neraka, sebagaimana melompatnya kera.*

(Riwayat Abu Ya'la dan at-Tabrani)

Jabir meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. telah berkata kepada Ka'ab bin 'Ujrah.

«أعاذك الله من إمارة السفهاء يا كعب!».

قال: وما إمارة السفهاء؟ قال: «أمراء يكونون بعدي، لا يهدُون بهديي، ولا يستنون بسنتي، فمن صدّقهم بكذبهم وأعانهم على ظلمهم، فأولئك ليسوا مني ولست منهم، ولا يردون عليّ حوضي. ومن لم يصدقهم بكذبهم ولم يعنهم على ظلمهم فأولئك مني، وأنا منهم وسيردون عليّ حوضي» رواه أحمد والبزار

Maksudnya: *"Semoga Allah melindungimu daripada pemerintahan yang (dipimpin oleh) orang-orang yang jahil wahai Ka'ab." Ka'ab berkata, "Apakah yang dimaksudkan dengan pemerintahan yang dipimpin oleh orang-orang yang jahil itu?" Rasulullah s.a.w. bersabda: "Mereka ialah para pemimpin setelah (zaman)ku yang tidak mengamalkan petunjukku dan tidak menjalankan sunnahku. Sesiapa yang mempercayai kebohongan mereka dan menolong mereka dalam kezaliman, ia tidak termasuk dalam golonganku dan aku pula bukan sebahagian daripada mereka. Bahkan aku tidak memperkenankan mereka untuk meminum (air penawar) daripada telagaku (telaga al-Kauthar). Manakala sesiapa yang tidak mempercayai kebohongan mereka dan tidak pula menolong mereka dalam kezaliman mereka ialah dari golonganku dan aku temasuk golongan mereka. Mereka berhak untuk minum air penawar daripada telagaku."*

(Riwayat Ahmad dan al-Bazzar)

Muawiyah meriwayatkan secara marfu' bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

« لا تُقدَّس أمة لا يُقْضَى فيها بالحق، ولا يأخذ الضعيف حقه من القوي غير مُتَعتَع »

رواه الطبراني

Maksudnya: *Tidak disucikan satu umat yang tidak memutuskan perkara mereka dengan cara yang hak, dan golongan yang lemah tidak boleh mengambil haknya daripada golongan yang kuat tanpa bersusah payah.*

(Riwayat at-Tabrani)

Abdullah bin Amru meriwayatkan secara marfu' bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

« إذا رأيت أمتي تهاب أن تقول للظالم: يا ظالم! فقد تُودِّع منهم » رواه أحمد

Maksudnya: *Jika kamu melihat umatku merasa takut untuk mengatakan kepada seorang yang zalim, "Hai zalim", maka mereka telah ditinggalkan (Allah).*

(Riwayat Ahmad)

SYURA, NASIHAT RAKYAT SERTA AMAR MAKRUF NAHI MUNGKAR

Islam telah menetapkan Syura sebagai salah satu tiang penunjang bagi kehidupan yang Islami dan Islam mewajibkan para pemimpin untuk meminta pendapat majlis syura dalam mengambil keputusan. Islam juga menggesa rakyat untuk membiasakan diri memberi nasihat kepada sesama rakyat dan kepada para pemimpin kaum Muslimin. Kedudukan nasihat dalam Islam begitu tinggi sehingga Islam menjadikannya sebagai kesimpulan ajaran agama secara keseluruhan.

Islam juga menjadikan amar makruf nahi mungkar sebagai satu kewajipan yang lazim dipatuhi. Bahkan Islam berpendapat bahawa jihad yang paling tinggi kedudukannya ialah sanggahan seorang rakyat di hadapan seorang penguasa yang zalim. Dengan ini dapat kita fahami bahawa dalam Islam kedudukan menentang para taghut yang melakukan kerosakan dalaman lebih tinggi berbanding menentang musuh yang menyerang dari luar dalam satu peperangan. Sebab, masalah pertamalah (kerosakan dalaman) biasanya yang menjadi punca terhadap datangnya masalah kedua (serangan dari luar).

PEMIMPIN DALAM PANDANGAN ISLAM

Islam memandang seorang pemimpin itu sebagai wakil atau orang yang diupah untuk mentadbir urusan umat. Oleh itu umat berhak untuk memperhitungkan kesilapan wakilnya atau mencabut perwakilan tersebut daripadanya bila-bila masa. Terutama jika dia terbukti tidak menunaikan kewajipan dan tanggung jawabnya.

Seorang pemimpin dalam Islam bukan merupakan seorang penguasa yang terjaga daripada kesalahan. Dia hanya manusia biasa yang boleh salah dan silap. Oleh itu, kaum Muslimin wajib menegur dan meluruskan tindakannya apabila dia menyeleweng daripada jalan yang lurus.

Hal seperti inilah yang diumumkan oleh para pemimpin agung Islam setelah kewafatan Rasulullah s.a.w. Mereka ialah Khulafa ar-Rashidin, para khalifah yang mendapat petunjuk. Kita telah diperintahkan untuk mengikuti sunnah mereka dan berpegang teguh dengan seluruh teladan yang mereka contohkan. Sebab teladan mereka merupakan lanjutan daripada sunnah Rasulullah s.a.w.

Semasa dilantik menjadi khalifah pertama, Abu Bakar as-Siddiq menyampaikan ucapan perdananya sebagai berikut:

> "Wahai manusia, meskipun saya telah dilantik untuk memimpin kamu, tidak bererti bahawa saya yang terbaik di antara kamu semua. Jika kamu melihat saya berada dalam kebenaran maka tolonglah saya. Tetapi jika kamu melihat saya berada dalam kebatilan maka luruskanlah tindakan saya. Patuhlah kepada saya selama saya taat mematuhi perintah Allah. Jika saya telah derhaka kepada perintah Allah, kamu semua tidak perlu lagi mematuhi perintah saya."

Khalifah kedua Umar al-Faruq pula berkata, "Semoga Allah mengasihi orang yang sudi menunjukkan kelemahan dan kekurangan diriku." Beliau juga pernah berkata, "Wahai manusia, sesiapa yang melihat sebarang penyelewengan dalam diri saya, maka hendaklah dia bangkit untuk meluruskannya." Salah seorang rakyat jelata yang mendengar ucapan khalifah ini bangkit seraya berkata, "Hai anak al-Khattab, demi Allah jika kami sempat melihat sebarang penyelewengan dalam dirimu, nescaya akan kami luruskan dengan pedang kami."

Khalifah Ali bin Abu Talib berkata kepada seseorang yang menentangnya dalam satu perkara, "Engkau benar, saya yang salah." Kemudian beliau membaca ayat berikut:

وَفَوْقَ كُلِّ ذِي عِلْمٍ عَلِيمٌ

Terjemahan: *Dan di atas orang yang berpengetahuan itu ada lagi yang Maha Mengetahui*

(Surah Yusuf 12: 76)

KEISTIMEWAAN SISTEM DEMOKRASI

Islam telah mendahului sistem demokrasi dalam menerapkan kaedah-kaedah dan realiti sebenar daripada konsep tersebut. Tetapi perincian daripada penerapan kaedah-kaedah tersebut diserahkan kepada hasil ijtihad kaum Muslimin sendiri, sesuai dengan asas-asas agama, kemaslahatan agama, perkembangan kehidupan kaum Muslimin mengikut zaman dan kawasan, serta keadaan manusia yang sentiasa berubah-ubah.

Menerusi perjuangan panjang menghadapi kezaliman para penguasa yang curang dan sentiasa menindas, sistem demokrasi telah berjaya menciptakan pelbagai metode dan sarana yang, sampai hari ini masih lagi dianggap sebagai satu jaminan terbaik yang boleh melindungi rakyat daripada kezaliman para penguasa. Tetapi tidak dinafikan bahawa dalam sistem ini masih lagi terdapat beberapa kesalahan dan kekurangan yang sememangnya tidak dapat dihindari oleh manusia biasa.

Bukanlah merupakan kesalahan jika para pemikir dan pemimpin serta orang ramai berinisiatif untuk memikirkan cara dan kaedah lain yang dirasa akan lebih sempurna dan ideal. Tetapi sebelum perkara itu berjaya diwujudkan dan dipraktikkan dalam realiti kehidupan manusia, saya merasa bahawa kita perlu mengambil segi-segi yang baik daripada sistem demokrasi. Terutama beberapa perkara yang sangat diperlukan bagi mewujudkan keadilan, Syura, penghormatan terhadap hak-hak manusia serta penentangan terhadap para penguasa yang bersikap sombong di muka bumi.

Kaedah syariah menetapkan bahawa setiap perkara wajib yang tidak boleh disempurnakan kecuali dengan melakukan perkara lain, maka hukum melakukan perkara lain itu pun wajib (*Ma la yatimm al-wajib illa bihi fahuwa wajib*). Jika satu sistem terbukti boleh merealisasikan matlamat-matlamat syariah, maka hukum melaksanakan sistem tersebut adalah wajib.

Tidak ada sebarang dalil syariah yang mencegah kita daripada mengambil pemikiran, teori ataupun penyelesaian praktikal yang berasal dari luar Islam. Malah dalam peperangan al-Ahzab, Rasulullah s.a.w. memakai cara *Hafr al-Khandaq* (menggali parit) yang merupakan taktik peperangan bangsa Persia. Setelah Perang Badar, Rasulullah s.a.w. juga pernah menggunakan para tawanan perang untuk mengajarkan kanak-kanak Muslimin menulis dan membaca, padahal mereka adalah orang-orang musyrik. Hikmah dan kebijaksanaan merupakan barang milik orang Islam, di mana pun ia ditemukan merekalah yang paling berhak untuk memakainya.

Telah saya tegaskan berulang kali dalam buku-buku saya bahawa kita berhak untuk mengambil pemikiran, kaedah serta sistem-sistem luar yang bermanfaat kepada kita selagi ia tidak bercanggah dengan nas-nas yang jelas serta kaedah-kaedah syariah yang baku. Pemikiran atau sistem yang kita ambil itu tentunya harus kita tambahkan dengan nilai-nilai kerohanian daripada agama kita, sehingga ia tampil dalam bentuk yang Islami.[1]

Begitulah caranya kita mengambil sistem demokrasi. Kita ambil kaedah-kaedah dan sarana-sarananya, kemudian kita ubah

dan luruskan sehingga sesuai dengan ajaran agama, dan kita tinggalkan sebahagian falsafahnya yang mungkin boleh menghalalkan perkara haram atau mengharamkan perkara halal.

MENGUNDI SERUPA DENGAN MEMBERIKAN KESAKSIAN

Islam menganggap penyertaan seseorang dalam pilihan raya dan pungutan suara serupa dengan memberi kesaksian bahawa calon yang dipilih adalah baik. Oleh itu, mesti ada dua syarat utama pada peribadi pemilih ataupun peribadi calon yang akan dipilih. Dua syarat utama itu ialah adil dan diredhai orang ramai. Firman Allah:

وَأَشْهِدُوا۟ ذَوَىْ عَدْلٍ مِّنكُمْ

Terjemahan: *Dan mintalah kesaksian daripada dua orang yang adil di antara kamu.*

(Surah at-Talaq 65: 2)

مِمَّن تَرْضَوْنَ مِنَ ٱلشُّهَدَآءِ

Terjemahan: *(Pilihlah) dari saksi-saksi yang kalian redhai*

(Surah al-Baqarah 2: 282)

Syarat-syarat kesaksian ini boleh saja kita ringankan kriterianya sesuai dengan keadaan, sehingga membolehkan lebih ramai penduduk untuk memberikan kesaksian. Tidak perlu kita ketepikan kesaksian seseorang dalam masalah ini, kecuali jika dia telah terbukti melakukan kesalahan yang meruntuhkan kemuliaan dirinya.

Sesiapa yang memberikan kesaksian ke atas seorang yang tidak baik dengan mengatakan bahawa dia orang baik, maka dia telah melakukan dosa besar iaitu dosa memberi keterangan palsu. Dalam al-Quran larangan Allah yang melarang kita memberikan keterangan palsu disebutkan seiring dengan larangan menyembah berhala. Firman Allah:

فَٱجْتَنِبُوا۟ ٱلرِّجْسَ مِنَ ٱلْأَوْثَٰنِ وَٱجْتَنِبُوا۟ قَوْلَ ٱلزُّورِ

Terjemahan: *Oleh itu, jauhilah oleh kalian berhala-berhala itu dan jauhilah perkataan-perkataan dusta.*

(Surah al-Hajj 22: 30)

Sesiapa yang memberikan undian suaranya kepada seorang calon kerana alasan kerabat dekat atau sekampung, atau kerana berharap dapat mengambil manfaat bila calon itu terpilih nanti, maka dia telah menentang firman Allah:

وَأَقِيمُوا۟ ٱلشَّهَـٰدَةَ لِلَّهِ

Terjemahan: *Dan hendaklah kalian dirikan kesaksian itu kerana Allah.*

(Surah at-Talaq 65: 2)

Sesiapa yang tidak menunaikan kewajipannya dalam pilihan raya, sehingga golongan yang jujur kalah dan golongan yang tidak layak memimpin menang dengan suara majoriti, maka dia telah menentang perintah Allah dalam memberi kesaksian. Firman Allah:

وَلَا يَأْبَ ٱلشُّهَدَآءُ إِذَا مَا دُعُوا۟

Terjemahan: *janganlah saksi-saksi itu enggan (memberi keterangan) apabila mereka dipanggil*

(Surah al-Baqarah 2: 282)

وَلَا تَكْتُمُوا۟ ٱلشَّهَـٰدَةَ ۚ وَمَن يَكْتُمْهَا فَإِنَّهُۥٓ ءَاثِمٌ قَلْبُهُۥ

Terjemahan: *Dan janganlah kalian (para saksi) menyembunyikan kesaksiannya dan sesiapa menyem-bunyikannya, maka sesungguhnya ia adalah orang yang berdosa hatinya.*

(Surah al-Baqarah 2: 283)

Demikian pulalah sifat yang mesti dimiliki oleh para calon pilihan raya. Dengan menambahkan beberapa peraturan dan pandangan terhadap sistem pilihan raya ini mungkin pada satu masa kita boleh menjadikan demokrasi sebagai satu sistem Islam, meskipun pada mulanya berasal dari kalangan bukan Islam.

HUKUM RAKYAT DAN HUKUM ALLAH

Ingin saya jelaskan dengan lebih terperinci lagi bahawa realiti sebenar daripada demokrasi benar-benar sesuai dengan realiti ajaran Islam yang bersumber daripada nas-nas murni seperti al-Quran dan al-Hadith serta sunnah para Khulafa ar Rashidin,

bukan daripada sejarah para sultannya yang zalim atau para rajanya yang jahat. Juga bukan daripada fatwa-fatwa para ulama sultan yang menyesatkan atau meniru cara yang ditempuh sebahagian orang dalam mengejar perubahan segera, tanpa pertimbangan yang mendalam.

Anggapan bahawa demokrasi merupakan satu kemungkaran, kerana mengamalkan konsep 'hukum rakyat untuk rakyat' yang bercanggah dengan konsep 'hukum hanya milik Allah', adalah satu anggapan yang tidak boleh diterima. Prinsip 'hukum untuk rakyat' dalam demokrasi sama sekali tidak bercanggah dengan prinsip perundangan Islam. Malah prinsip demokrasi itu bercanggah dengan 'hukum individualisme' yang menjadi asas kepada timbulnya kediktatoran.

Meskipun demokrasi menuntut diberlakukannya kehendak dan hukum rakyat tidak bererti bahawa sistem demokrasi menolak penguasaan Tuhan terhadap manusia. Perkara sedemikian tidak pernah terlintas dalam fikiran orang-orang yang menyeru kepada demokrasi. Justeru perkara yang mereka perjuangkan secara habis-habisan ialah menentang kuasa kediktatoran yang menindas rakyat dan berjuang bersama rakyat dalam meruntuhkan pemerintahan para sultan dan penguasa yang zalim.

Perkara terpenting bagi mereka yang memperjuangkan demokrasi ialah mengusahakan agar rakyat memiliki kebebasan penuh untuk memilih para pemimpin yang sesuai dengan kehendak mereka, dan agar mereka berkuasa memperhitungkan tindak-tanduk orang yang memimpinnya, menolak perintahnya jika bercanggah dengan falsafah bangsa atau menurunkannya jika terbukti menyeleweng serta enggan menerima nasihat dan teguran rakyat.

PENGERTIAN DARIPADA PRINSIP 'HUKUM HANYA MILIK ALLAH'

Ingin saya peringatkan di sini bahawa prinsip 'hukum hanya milik Allah' merupakan prinsip ajaran Islam yang murni. Para ulama usul telah menetapkan perkara tersebut dalam kajian-kajian mereka berkenaan hukum syariat. Mereka sepakat untuk mengatakan bahawa 'al-Hakim' (yang menetapkan hukum) hanya Allah. Nabi hanya berfungsi sebagai penyampai hukum Allah. Hanya Allah-lah yang memiliki hak untuk menyuruh dan melarang, menghalalkan dan mengharamkan serta menentukan hukum dan menetapkan syariah.

Ucapan kaum Khawarij "Tidak ada hukum kecuali hukum Allah" merupakan ucapan yang benar. Tetapi mereka telah menggunakan ucapan tersebut tidak pada tempatnya dengan menjadikannya sebagai dalil untuk menolak keputusan manusia dalam mewujudkan perdamaian. Pendapat mereka itu bercanggah dengan beberapa ayat al-Quran yang justeru mengesahkan keputusan manusia dalam beberapa perkara. Di antaranya dalam hubungan suami isteri. Al-Quran membenarkan kita untuk menerima keputusan dan pertimbangan manusia untuk memperbaiki keretakan hubungan antara suami isteri.

Itulah sebabnya mengapa Amirul Mukminin Ali bin Abi Talib membantah hujah kaum Khawarij itu seraya berkata, "Kalimatu Haqqin Uriida Bihi Batil" (Perkataan yang benar tetapi diucapkan dengan tujuan yang batil). Maksudnya, perkataan yang mereka ucapkan itu memang benar, sebab ia merupakan ayat al-Quran:

إِنِ ٱلْحُكْمُ إِلَّا لِلَّهِ ۚ

Terjemahan: *(Menetapkan) hukum itu hanya hak Allah*
(Surah Yusuf 12: 40)

Tetapi Saidina Ali mengecam mereka kerana niat dan tujuan mereka di sebalik ucapan itu adalah batil.

Kuasa hukum yang dimiliki Allah terhadap makhluk-Nya adalah tetap dan tidak ada keraguan dalam hal tersebut. Kuasa tersebut dibahagi kepada dua bahagian:

1. Kekuasaan hukum terhadap alam semesta.

Maksudnya, hanya Allah sahajalah yang berhak dan berkuasa mengatur alam semesta. Sunnah dan hukum Allah sahaja yang berlaku pada alam semesta dan semua yang terdapat di dalamnya berjalan atas kehendak dan takdir-Nya jua. Firman Allah:

أَوَلَمْ يَرَوْا۟ أَنَّا نَأْتِى ٱلْأَرْضَ نَنقُصُهَا مِنْ أَطْرَافِهَا ۚ وَٱللَّهُ يَحْكُمُ
لَا مُعَقِّبَ لِحُكْمِهِۦ ۚ وَهُوَ سَرِيعُ ٱلْحِسَابِ ﴿٤١﴾

Terjemahan: *Dan apakah mereka tidak melihat bahawa sesungguhnya Kami mendatangi daerah-daerah (orang-orang kafir), lalu Kami kurangi daerah-daerah itu (sedikit demi sedikit) dari tepi-tepinya? Dan Allah menetapkan hukum (menurut*

kehendak-Nya), tidak ada yang dapat menolak ketetapan-Nya, dan Dialah yang Maha Cepat perhitungan-Nya.

(Surah ar-Ra'ad 13: 41)

Dalam keterangan di atas boleh difahami bahawa kuasa hukum yang dimiliki Allah ialah kekuasaan yang meliputi alam semesta.

2. Kekuasaan menetapkan hukum.

Maksudnya, kekuasaan Allah untuk membebankan tanggung jawab, mencegah, memerintah, memutuskan dan memberi hak untuk memilih. Kekuasaan ini ditegaskan oleh Allah dengan mengutus para Rasul-Nya dan menurunkan Kitab-Kitab suci-Nya. Menerusi ajaran-ajaran yang disampaikan oleh para rasul serta tertera dalam Kitab-Kitab suci-Nya inilah Allah menetapkan pelbagai kewajipan serta membezakan yang halal dari yang haram.

Seorang Muslim yang rela menyembah Allah sebagai Tuhannya, memeluk Islam sebagai agamanya dan bersaksi bahawa Muhammad ialah Rasul-Nya tidak akan membantah dua kekuasaan hukum yang merupakan hak mutlak Allah, seperti yang dijelaskan di atas.

Seorang Muslim menyeru kepada sistem demokrasi kerana menganggap ia merupakan satu sistem pemerintahan yang boleh merealisasikan prinsip-prinsip politik Islam dalam memilih seorang pemimpin, menetapkan syura, menyeru kepada yang ma'ruf, mencegah dari yang mungkar, menentang kebatilan serta menolak kemaksiatan. Terutama kebatilan dan kemaksiatan yang telah sampai kepada peringkat 'kufur' menurut dalil al-Quran.

Meskipun demokrasi diamalkan, undang-undang Islam tetap menyatakan bahawa agama rasmi negara ialah Islam dan syariat Islam merupakan satu-satunya sumber hukum. Inilah penegasan terhadap konsep 'hak menentukan hukum hanya milik Allah'. Shariah Allah tetap merupakan sumber rujukan tertinggi. Bahkan untuk lebih menegaskan lagi, boleh ditambahkan bahawa setiap undang-undang atau sistem dianggap tidak sah selagi ia bercanggah dengan hukum-hukum shariah yang mutlak.

Oleh itu, seruan kepada demokrasi sama sekali tidak bermaksud mengalihkan kuasa hukum yang dimiliki Allah kepada rakyat. Tidak ada percanggahan antara kedua unsur tersebut. Seandainya sistem demokrasi menuntut dilaksanakannya pengalihan kuasa hukum seperti itu, maka manusia tidak perlu

mengambil aliran pemikiran yang akan menjadikan mereka kafir atau fasik. Mereka mesti meninggalkannya dengan serta merta dan tidak boleh memikirkannya lagi.

ADAKAH MENETAPKAN KEPUTUSAN BERDASARKAN SUARA MAJORITI BERCANGGAH DENGAN ISLAM?

Sebahagian kaum Muslimin berpendapat bahawa demokrasi merupakan satu prinsip yang diimpot dari luar dan tidak ada kaitannya dengan Islam. Hujah mereka dalam hal itu ialah: demokrasi menetapkan keputusan berdasarkan suara majoriti dan demokrasi menganggap suara majoriti merupakan penentu dalam memilih pemimpin, menyelesaikan masalah dan menentukan satu pendapat bila terjadi perselisihan di antara anggota. Undian berdasarkan suara majoriti merupakan asas dan rujukan hukum sistem demokrasi. Sebarang pendapat yang berjaya memenangkan suara terbanyak itulah pendapat yang mesti diterapkan, tanpa mengira sama ada pendapat itu salah ataupun betul.

Ajaran Islam, menurut golongan ini, bercanggah dengan sistem seperti ini. Islam tidak melihat kepada satu masalah berdasarkan faktor luaran. Sebaliknya Islam mengajak kita untuk mengkaji inti masalah itu sendiri, sama ada betul atau salah. Jika betul maka ia mesti diterapkan, meskipun ia hanya disokong oleh satu suara atau tidak disokong oleh sebarang suara. Jika salah ia mesti ditolak, meskipun ia disokong oleh 99 dari 100 suara.

Al-Quran sendiri menyebutkan bahawa golongan majoriti biasanya merupakan golongan yang batil dan berdiri bersama taghut. Firman Allah:

وَإِن تُطِعْ أَكْثَرَ مَن فِي ٱلْأَرْضِ يُضِلُّوكَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ

Terjemahan: *Dan jika kamu mengikuti kebanyakan orang-orang yang di muka bumi ini, nescaya mereka akan menyesatkan kamu dari jalan Allah.*

(Surah al-An'am 6: 116)

وَمَآ أَكْثَرُ ٱلنَّاسِ وَلَوْ حَرَصْتَ بِمُؤْمِنِينَ

Terjemahan: *Dan sebahagian besar manusia tidak akan beriman, meskipun kamu sangat menginginkannya.*

(Surah Yusuf 12: 103)

Malah al-Quran juga sering mengulang-ulang ayat-ayat seperti berikut:

وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ

Terjemahan: *Tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.*
(Surah al-A'araf 7: 187)

بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْقِلُونَ

Terjemahan: *Tetapi kebanyakan manusia tidak berfikir.*
(Surah al-Ankabut 29: 63)

وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يُؤْمِنُونَ

Terjemahan: *Tetapi kebanyakan manusia tidak beriman.*
(Surah Hud 11: 17)

وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَشْكُرُونَ

Terjemahan: *Tetapi kebanyakan manusia tidak bersyukur.*
(Surah al-Baqarah 2: 243)

Al-Quran juga banyak menyebutkan bahawa golongan yang sentiasa melakukan kebajikan ialah golongan yang paling sedikit bilangannya. Firman Allah:

وَقَلِيلٌ مِّنْ عِبَادِيَ ٱلشَّكُورُ

Terjemahan: *Dan sedikit sekali di antara hamba-hamba-Ku yang bersyukur.*
(Surah Saba' 34: 13)

إِلَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَقَلِيلٌ مَّا هُمْ

Terjemahan: *Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal salih, dan amat sedikitlah mereka ini.*
(Surah Sad 38: 24)

Pendapat seperti di atas ditolak berdasarkan dalil-dalil mereka sendiri, sebab pendapat itu diasaskan di atas kesilapan memahami permasalahan. Sepatutnya mereka tahu bahawa kita sedang membincangkan penerapan demokrasi di kalangan masyarakat

Muslim yang sebahagian besarnya tergolong dalam orang-orang yang mengerti, berfikir dan bersyukur. Kita bukan sedang membincangkan demokrasi yang diterapkan di tengah-tengah masyarakat yang ingkar serta tersesat jauh daripada jalan Allah.

Kemudian, terdapat beberapa perkara yang pasti kebenarannya dan tidak boleh dipertikaikan lagi, sama ada dengan undian suara ataupun dengan cara yang lain. Ia merupakan perkara-perkara yang tetap dan tidak menerima sebarang penggubalan dan perubahan. Sebab, sebarang perubahan yang berlaku terhadap perkara tersebut akan merubah corak masyarakat itu sendiri, daripada corak Islam kepada corak masyarakat yang lain.

Islam tidak memberi kita peluang untuk memberikan undian suara terhadap hukum-hukum syariat dan dasar-dasar agama yang jelas dan tegas. Undian suara hanya diterapkan terhadap perkara-perkara yang bersifat 'ijtihadiah' (diperlukan ijtihad untuk menentukan hukumnya) dan menjadi perselisihan pendapat di antara orang ramai. Contohnya, menentukan satu daripada dua calon terpilih untuk satu jawatan, termasuk jawatan ketua negara, atau menetapkan undang-undang dan peraturan jalan raya, mengatur lokasi kawasan perumahan, perniagaan dan perkilangan serta perkara-perkara lain yang digolongkan oleh para ulama dalam bidang *al-Masalih al-Mursalah* (kemaslahatan awam). Ini termasuk mengambil keputusan sama ada hendak mengumumkan peperangan atau perdamaian, menetapkan cukai terhadap perkara-perkara tertentu atau memansuhkannya, mengumumkan keadaan darurat atau sebaliknya, menghadkan masa kepimpinan seorang ketua negara dan memutuskan sama ada seorang ketua negara boleh dipilih semula atau tidak dan lain-lain.

Jika terdapat perselisihan pendapat dalam perkara-perkara tersebut, adakah kita akan membiarkannya tergantung tanpa sebarang keputusan? Bolehkah kita mengutamakan satu pendapat tanpa sebarang asas?

PENDAPAT MAJORITI BOLEH DIUTAMAKAN

Dasar pemikiran, syariat dan fakta sepakat mengatakan bahawa untuk menentukan satu perkara kita tidak boleh mengelakkan diri daripada mengambil keputusan. Jika berlaku perselisihan pendapat dalam menentukan satu perkara, pendapat yang lebih diutamakan ialah pendapat majoriti. Bahkan satu hadith menyatakan bahawa pendapat dua orang lebih kuat berbanding pendapat satu orang.

Maksudnya: *Sesungguhnya syaitan itu berada bersama satu orang dan ia (berada) lebih jauh daripada dua orang.*

(Riwayat at-Tirmizi)

Diriwayatkan bahawa nabi s.a.w. pernah bersabda kepada Abu Bakar dan Umar r.a.:

«لو اجتمعتما على مشورة ما خالفتكما»

رواه أحمد

Maksudnya: *Jika kamu berdua bersepakat dalam satu perkara, tentu (pendapat) saya tidak akan berbeza daripada pendapat kamu berdua.*

(Riwayat Ahmad)

Kedua-dua hadith di atas menjelaskan bahawa suara dua orang lebih utama daripada suara satu orang meskipun ia adalah Rasulullah s.a.w. sendiri. Dengan syarat perkara yang diperselisihkan tidak berkaitan dengan hukum atau syariat yang Allah turunkan.

Kita sendiri menyaksikan bahawa Rasulullah s.a.w. telah menerima pendapat majoriti dalam perang Uhud dan memutuskan untuk keluar menghadapi musuh di luar bandar Madinah. Padahal pada mulanya baginda s.a.w. dan sebahagian para sahabat berpendapat untuk bertahan dalam bandar Madinah dan berperang di jalan-jalan bandar itu.

Contoh yang lebih jelas lagi ialah sikap Saidina Umar r.a. Sebelum meninggal dunia beliau telah memilih enam orang calon khalifah. Beliau meminta agar enam orang calon tersebut memilih salah seorang di antara mereka dengan perkiraan suara terbanyak. Jika berlaku persamaan jumlah suara, iaitu tiga berbalas tiga, maka Abdullah bin Umar, seorang sahabat di luar daripada kelompok enam sahabat itu, mesti menentukan keputusan. Jika mereka tidak rela dengan keputusan Abdullah bin Umar mereka mesti memilih pendapat tiga suara yang terdapat di dalamnya Abdur Rahman bin 'Auf.

Dalam satu hadith disebutkan bahawa Rasulullah s.a.w. telah memuji as-Sawad al-A'azam (golongan terbesar) dan memerintahkan orang ramai untuk mengikutinya. Maksud daripada as-Sawad al-A'azam ialah masyarakat awam, rakyat kebanyakan atau golongan majoriti. Hadith tersebut diriwayatkan daripada berbagai-bagai sanad dan sebahagian daripadanya tergolong kuat. Pendapat ini turut disokong oleh kebiasaan para ulama yang lebih

mengutamakan pendapat majoriti dalam masalah-masalah khilafiyah, selagi tidak terdapat pendapat lebih kuat yang menentangnya.

Imam Abu Hamid al-Ghazali dalam beberapa tulisannya banyak memihak kepada pendapat majoriti. Terutama apabila berlaku perselisihan antara dua pendapat yang sama-sama memiliki hujah, dalil dan pandangan yang kuat.[2]

Adapun pandangan yang mengatakan bahawa pendapat yang mesti diutamakan ialah pendapat yang benar meskipun tidak ada orang yang menyokong, dan pendapat yang salah mesti ditolak meski disokong oleh 99 daripada 100 suara. Pandangan seperti ini hanya boleh kita terapkan terhadap perkara-perkara yang telah ditetapkan kepastian hukumnya oleh al-Quran dan al-Hadith yang kesahihannya tidak diragukan dan jelas maknanya sehingga tidak boleh diperdebatkan atau diperselisihkan lagi. Perkara seperti ini sedikit sekali jumlahnya. Inilah perkara yang disebutkan oleh para ulama dalam ucapan mereka, "Jika kamu mengikuti pendapat yang benar maka kamu telah mengikuti jamaah, meskipun kamu bersendirian dalam pendapat itu."

Adapun perkara-perkara ijtihadiah yang biasanya tidak terdapat nas yang membincangkannya, atau terdapat nas yang membincangkannya tetapi nas tersebut mengandungi beberapa penafsiran, maka dalam keadaan seperti itu tidak ada salahnya jika kita merujuk kepada satu cara yang dapat menyelesaikan perselisihan pendapat. Mengundi suara terbanyak merupakan salah satu cara yang baik dan biasa dikenali oleh manusia. Ia juga merupakan cara yang dapat diterima pakai oleh orang-orang yang berakal, terutama kaum Muslimin. Lagi pula, tidak ada satu nas pun dalam syariah yang mengharamkan cara tersebut, malah sebaliknya, terdapat pelbagai nas yang menyokongnya.

PENINDASAN POLITIK MERUPAKAN MUSIBAH BAGI BANGSA

Musibah umat Islam dalam sejarahnya diawali dengan kelengahan mereka dalam menerapkan sistem syura, serta beralihnya sistem pemerintahan daripada sistem kekhalifahan berasaskan petunjuk al-Quran kepada sistem kerajaan monarki mutlak yang biasa disebut oleh para sahabat r.a. dengan istilah 'kekaisaran'. Dengan demikian, penyakit *emperor autocracy* (autokrasi kemaharajaan) telah berjangkit di kalangan kaum Muslimin ditularkan oleh kerajaan-kerajaan yang telah diwariskan Allah kepada mereka.

Sepatutnya kaum Muslimin mengambil pelajaran daripada runtuhnya kerajaan-kerajaan tersebut dan menjauhkan diri daripada kemaksiatan dan kehinaan yang menjadi punca utama lenyapnya kekuasaan para raja di negara-negara itu. Tetapi sayang sekali, mereka malah mengambil pelajaran terburuk daripada kehidupan politik para kaisar yang telah jatuh itu. Mereka mengamalkan aspek penindasan politik serta sikap kesombongan dalam mentadbir kerajaan. Sedangkan kerajaan Islam hanya boleh dipimpin oleh orang-orang yang membenci berlakunya kerosakan di atas muka bumi serta tidak bersikap sombong.

Seluruh musibah yang menimpa umat Islam pada masa sekarang berpunca daripada penindasan kuasa politik yang bersenjatakan pedang. Usaha para penguasa dalam membekukan hukum syariah, menjayakan sekularisme serta memaksa masyarakat untuk mengikuti cara barat sentiasa diiringi dengan penyiksaan yang menggunakan besi dan api. Mereka menghancurkan gerakan dakwah dan pertubuhan Islam serta menyeksa para juru dakwah dan para pemuda Muslim dengan berlindung di sebalik slogan demokrasi palsu. Tindakan-tindakan keji tersebut mereka lakukan kerana ingin mematuhi perintah kekuatan besar yang memusuhi Islam secara terang-terangan atau tersembunyi.

Islam tidak akan terus hidup untuk mengembangkan dakwah, menegaskan kebangkitan dan meninggikan seruannya kecuali jika ia memperolehi sedikit angin kebebasan yang membenarkannya berinteraksi dengan fikiran manusia, melaungkan azan yang dirindui oleh fitrah manusia serta memberi kepuasan mental kepada manusia.

Prioriti pertama dalam dakwah Islam, kebangkitan Islam serta pergerakan Islam pada masa sekarang mesti ditumpukan kepada perjuangan untuk memperolehi kebebasan. Oleh itu, setiap Muslim yang masih memiliki rasa ghirah terhadap Islam dalam hatinya mesti bersatu dalam satu saf dan berganding bahu membangkitkan kesedaran orang ramai ke arah memperolehi nilai kebebasan dan menjaga keutuhannya. Sebab kita tidak boleh hidup tanpanya dan tidak terdapat alternatif lain yang boleh menggantikannya.

Perlu saya tegaskan di sini bahawa saya tidak pernah berbangga menggunakan perkataan asing seperti 'demokrasi' dan sebagainya untuk menjelaskan salah satu konsep daripada ajaran Islam. Bahkan sebaliknya saya lebih mengutamakan penggunaan istilah-istilah Islam untuk menerangkan nilai-nilai dan pemahaman Islam itu sendiri. Istilah-Istilah itu lebih patut kita gunakan untuk menjelaskan identiti dan keistimewaan agama kita.

Tetapi jika satu istilah telah tersebar penggunaannya kepada seluruh manusia tentu kita tidak boleh terus menutup telinga dan mengabaikannya. Sebaliknya kita patut mengetahui maksudnya supaya kita tidak silap dalam memahami kandungan maknanya dan tidak pula menggunakannya di luar definisi orang-orang yang biasa menggunakannya. Hanya itu sahajalah caranya untuk meluruskan pandangan kita. Lagi pula, penilaian kita terhadap sesuatu bukan didasarkan atas nama dan istilahnya tetapi didasarkan atas isi dan kandungannya.

Ramai di antara para pendakwah dan penulis yang menggunakan istilah 'demokrasi' dalam tulisan mereka dan mereka tidak melihat wujudnya sebarang percanggahan dalam menggunakan perkataan tersebut. Al-Ustaz Abbas Mahmud Al-'Aqqad menamakan salah satu bukunya dengan "Demokrasi Islam", manakala al-Ustaz Khalid Muhammad Khalid pula menganggap demokrasi itu sebagai inti ajaran Islam. Saya pernah menurunkan satu tulisan yang membincangkan perkara ini dalam buku saya "Kebangkitan Islam dan Kerunsingan Penduduk Islam Arab". Sesiapa yang memerlukan keterangan lebih lanjut saya pelawa untuk merujuk buku tersebut.

Ramai di antara kaum Muslimin yang menginginkan demokrasi dalam sistem pemerintahan, agar kebebasan mereka terjamin dan keamanan mereka terlindung daripada dicerobohi oleh para penguasa taghut. Tentunya demokrasi yang mereka maksudkan ialah demokrasi yang hakiki dan mampu mengungkapkan kehendak masyarakat, bukan kehendak para penguasa yang menindas dan berlindung di belakang nama demokrasi. Tidak ada gunanya sebahagian orang menyebarkan slogan demokrasi jika pintu penjara sentiasa terbuka lebar bagi orang-orang yang tidak bersalah, para pejuang yang tulus ikhlas diseksa dengan cemeti, kekuatan tentera digunakan untuk mencekik leher golongan lemah serta memutuskan sumber rezeki mereka dan undang-undang baru diciptakan untuk menjatuhkan hukuman bunuh terhadap orang-orang yang berani menyuarakan kebebasan di hadapan para penguasa.

Saya termasuk salah seorang yang mendambakan demokrasi dalam sifatnya sebagai sarana yang mudah dan mapan untuk merealisasikan matlamat kita dalam kehidupan yang mulia dan membolehkan kita untuk menyeru manusia kepada Islam sebagaimana yang kita imani. Demokrasi yang hakiki membolehkan kita melakukan semua itu tanpa ditakuti oleh bayang-bayang penjara atau tiang gantungan. Ia juga memberikan kehidupan yang bebas dan terhormat kepada bangsa kita dan memungkinkan mereka untuk memilih pemimpin, memperhitungkan langkah-

langkahnya atau menurunkannya apabila terbukti melakukan penyelewengan. Sistem inilah yang membolehkan rakyat melakukan semua itu tanpa perlu mengadakan sebarang revolusi berdarah.

KONSEP SYURA MERUPAKAN SATU KEMESTIAN

Sampai saat ini masih terdapat sebahagian ulama yang berpendapat bahawa konsep syura hanyalah salah satu alternatif dan bukan satu sistem baku yang wajib diamalkan. Seorang ketua negara boleh meminta pendapat daripada majlis syura, tetapi ia tidak terikat sepenuhnya dengan keputusan majlis ahli al-hilli wa al-'Iqdi itu.

Perkara ini pernah saya jelaskan dalam tulisan lain. Kami terangkan bahawa konsep syura tidak akan membawa sebarang makna jika ketua negara meminta pendapat ahli syura dalam sesetengah perkara tetapi setelah itu dia menyingkirkan pendapat mereka dan melaksanakan perkara tersebut mengikut kehendak hatinya sendiri. Bagaimana kita menggelari majlis syura sebagai Ahli al-Hilli wa al-'Iqdi (yang bertugas menyelesaikan masalah dan mengambil keputusan) tetapi pada hakikatnya mereka tidak pernah diberi peluang untuk menyelesaikan sebarang masalah atau menentukan sebarang keputusan.

Ibn Kathir dalam tafsirnya meriwayatkan daripada Ibn Mardawaih bahawa semasa Saidina Ali r.a. disoal tentang apakah maksud perkataan 'azam' dalam firman Allah berikut:

وَٱسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِى ٱلْأَمْرِ ۖ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ ۚ

Terjemahan: *Dan bermusyawarahlah dengan mereka dalam urusan itu. Kemudian apabila kamu telah berazam maka bertawakallah kepada Allah.*

(Surah Ali Imran 3: 159)

Saidina Ali r.a. berkata, "Maksud daripada perkataan 'azam' dalam ayat itu ialah meminta pendapat ahli syura dan melaksanakannya.

Betapa pun besarnya perselisihan yang berlaku, jika umat berdisiplin dengan konsep syura nescaya mereka mampu mengatasinya. Sebab syariat Islam mewajibkan setiap kaum Muslimin untuk mematuhi setiap keputusan majlis syura.

Umat Islam juga dibenarkan untuk meletakkan syarat-syarat mereka dalam memutuskan satu perkara. Contohnya, mereka boleh meletakkan syarat dan kriteria tertentu untuk memilih seorang presiden atau amir. Jika seseorang telah dipilih oleh majlis syura untuk menjadi presiden atau pemimpin, dan dia memiliki persyaratan yang dikehendaki serta kriteria yang dicari, maka umat Islam tidak boleh mengabaikan keputusan syura tersebut, apa lagi mencari alternatif pengganti. Sebaliknya mereka mesti memperkotakan janji mereka terhadap pemimpin yang terpilih itu. Firman Allah:

وَأَوْفُوا۟ بِعَهْدِ ٱللَّهِ إِذَا عَٰهَدتُّمْ وَلَا تَنقُضُوا۟ ٱلْأَيْمَٰنَ
بَعْدَ تَوْكِيدِهَا وَقَدْ جَعَلْتُمُ ٱللَّهَ عَلَيْكُمْ كَفِيلًا

Terjemahan: *Dan tepatilah perjanjian dengan Allah apabila kalian berjanji dan janganlah kalian membatalkan sumpah-sumpah (kalian) itu sesudah meneguhkannya, sedangkan kalian telah menjadikan Allah sebagai saksimu (terhadap sumpah-sumpah itu).*

(Surah an-Nahl 16: 91)

Abdur Rahman bin 'Auf r.a. pernah menunda pembaiatan-nya kepada Saidina Ali r.a. yang menyuruh beliau untuk melafazkan baiat atas nama al-Kitab, as-Sunnah dan mengikuti kebijaksanaan dua khalifah Abu Bakar dan Umar bin Khattab. Beliau menerima baiat untuk berdisiplin dengan al-Quran dan as-Sunnah, tetapi menolak baiat berdisiplin dengan dua khalifah tersebut. Beliau berpendapat bahawa Saidina Ali r.a. tentunya memiliki pandangan-pandangan serta wawasannya sendiri yang berbeza daripada Abu Bakar dan Umar. Lagi pula zaman dan keadaan telah banyak berubah.

Hal-hal seperti inilah yang membuktikan bahawa sistem syura sangat dekat hubungannya dengan semangat demokrasi, atau dalam istilah lain, demokrasi dalam bentuk yang hakiki selaras dengan semangat konsep syura dalam Islam.

KEMAJMUKAN PARTI DI BAWAH NAUNGAN NEGARA ISLAM

Seorang rakan berkata kepada saya, "telah berlangsung berbagai-bagai diskusi dan perbincangan pada pertemuan khas atau seminar am antara sesama pemikir Islam atau antara mereka dengan golongan lain, yang membahas tentang persatuan umat.

"Islam mewajibkan umatnya untuk bersatu dan melarang mereka dari berpecah belah. Sedangkan konsep kemajmukan parti mengakibatkan timbulnya perpecahan dan perselisihan di antara umat. Imam Hasan al-Banna sendiri pernah menyatakan, "Tidak ada parti dalam Islam". Kenyataan beliau ini telah dijadikan hujah oleh sebahagian orang untuk menolak konsep kemajmukan parti (pluralisme parti). Mereka juga memiliki dalil-dalil serta alasan-alasan lain yang memperkuat penolakan mereka.

"Apakah pendapat anda terhadap perkara yang sedang merunsingkan pemikiran umat di hampir seluruh negara-negara Islam ini, khasnya negara-negara yang mengamalkan konsep kemajmukan parti dan menyeru kepada perlaksanaan demokrasi? Keyakinan mereka kepada konsep demokrasi menjadikan mereka membatalkan seluruh konsep lain sejurus setelah memegang tampuk kekuasaan. Mereka juga menganggap diri merekalah yang paling benar dan tidak ada salah sedikitpun. Manakala orang lain mereka anggap salah dan tidak benar sama sekali.

"Jelaskanlah kepada kami kedudukan syariat Islam berkenaan perkara tersebut disertai dengan dalil-dalil yang sahih. Jazakumullah khayran, semoga Allah mengkurniakan kebaikan kepada anda."

Berikut ialah jawapan saya terhadap soalan itu:

Pendapat saya berkenaan perkara tersebut telah saya nyatakan pada syarahan-syarahan saya, sama ada yang bersifat umum atau khas, iaitu syariat Islam tidak pernah menghalangi kewujudan lebih dari satu parti dalam negara Islam. Dalam syariat setiap larangan mesti ditetapkan oleh nas (al-Quran atau hadith), dan tidak ada satu nas pun yang melarangnya.

Bahkan pada zaman sekarang ini, kemajmukan parti menjadi keperluan politik yang utama bagi masyarakat. Sebab konsep ini boleh melindungi masyarakat daripada dominasi mutlak seorang pemimpin atau satu parti yang zalim. Fakta sejarah serta realiti kehidupan semasa membuktikan bahawa masyarakat yang didominasi oleh satu kekuasaan akan kehilangan keberaniannya untuk mengatakan 'tidak!' atau 'mengapa?'

Tetapi syariat Islam meletakkan dua syarat asas bagi negara Islam yang ingin mengamalkan konsep kemajmukan parti:

1. Setiap parti mesti mengiktiraf akidah dan syariah Islam dan tidak memusuhi atau mengingkarinya. Tidak mengapa jika mereka memiliki pendapat-pendapat 'ijtihadiah' yang khas, selagi pendapat tersebut selaras dengan kaedah dan asas ilmu yang disahkan oleh Islam.

2. Tidak boleh ada satu parti pun yang berjuang atas nama pihak yang memusuhi Islam, apa pun nama dan statusnya. Maka tidak boleh menubuhkan parti yang bertujuan mengembangkan kemusyrikan dan ateisme. Terlebih lagi parti yang sengaja ditubuhkan untuk mengecam agama-agama Ahli Kitab dan merendahkan kemuliaan ajaran Islam serta mempersendakan akidah, syariah, al-Quran dan nabi Muhammad s.a.w.

KEWAJIPAN UNTUK MEMBERI NASIHAT KEPADA PEMIMPIN

Memberi nasihat kepada seorang pemimpin merupakan hak dan kewajipan setiap individu Muslim dalam negara Islam. Malah setiap individu juga berkewajipan untuk meluruskan langkahnya, menyuruhnya untuk mengerjakan kebajikan atau mencegahnya dari melakukan sebarang kemungkaran. Sebab,dalam pandangan Islam, seorang pemimpin hanyalah seorang anggota masyarakat biasa. Dia bukan seorang yang terlalu agung sehingga tidak boleh dinasihati dan orang lain pula tidaklah terlalu hina sehingga tidak boleh menasihatinya.

Umat ini akan kehilangan keistimewaan dan kelebihannya jika mereka meninggalkan amalan amar makruf nahi mungkar, malah mereka akan ditimpa musibah dan dilaknat sebagaimana yang pernah berlaku terhadap umat-umat sebelumnya. Firman Allah:

لُعِنَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِنۢ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ عَلَىٰ لِسَانِ
دَاوُۥدَ وَعِيسَى ٱبْنِ مَرْيَمَ ۚ ذَٰلِكَ بِمَا عَصَوا۟ وَّكَانُوا۟
يَعْتَدُونَ ﴿٧٨﴾ كَانُوا۟ لَا يَتَنَاهَوْنَ عَن مُّنكَرٍ
فَعَلُوهُ ۚ لَبِئْسَ مَا كَانُوا۟ يَفْعَلُونَ ﴿٧٩﴾

Terjemahan: *Telah dilaknat orang-orang kafir dari Bani Israil dengan lisan Daud dan Isa bin Maryam. Hal itu disebabkan mereka derhaka dan sentiasa bersikap melampaui batas. Mereka satu sama lain tidak melarang tindakan mungkar yang mereka perbuat. Sesungguhnya amat buruklah apa yang selalu mereka perbuat itu.*

(Surah al-Maidah 5: 78-79)

Rasulullah s.a.w. bersabda dalam satu hadith:

«إذا رأيت أمتي تهاب أن تقول للظالم: يا ظالم! فقد تُودِّع منهم» رواه أحمد

Maksudnya: *Jika engkau melihat umatku merasa takut untuk mengatakan kepada seorang yang zalim, "Hai zalim!", maka mereka telah ditinggalkan (Allah).*

(Riwayat Ahmad Ibn Hanbal)

Dalam hadith yang lain pula Rasulullah s.a.w. bersabda:

«إن الناس إذا رأوا الظالم فلم يأخذوا على يديه أوشك أن يعمهم الله بعقاب من عنده»

Maksudnya: *Jika orang ramai melihat (perbuatan) orang yang zalim dan tidak seorangpun (berinisiatif) untuk mencegahnya, maka dikhuatiri hukuman Allah akan ditimpakan ke atas mereka semua.*

(Riwayat Abu Daud)

Semasa Abu Bakar dilantik menjadi khalifah beliau menyampaikan ucapan berikut:

"Wahai manusia, tolonglah saya jika saya melakukan kebajikan dan luruskanlah saya jika berbuat kesalahan. Patuhlah kepada saya selagi saya taat kepada Allah. Apabila saya telah derhaka kepada Allah kamu semua tidak perlu mematuhi saya lagi."

Umar bin Khattab r.a. berkata:

"Wahai manusia, sesiapa yang berpendapat bahawa saya telah melakukan penyelewengan maka luruskanlah." Mendengar kenyataan beliau ini seorang lelaki berkata, "Demi Allah, jika kami melihat sebarang penyelewengan yang kamu lakukan, nescaya kami akan meluruskannya dengan pedang kami." Umar menjawab, "Segala puji bagi Allah yang telah menjadikan di antara kaum Muslimin orang-orang yang sanggup meluruskan Umar dengan ketajaman pedang mereka."

Sayangnya, fakta sejarah, pengalaman pelbagai bangsa serta realiti kehidupan kaum Muslimin sendiri menyatakan bahawa proses meluruskan penyelewengan yang dilakukan oleh seorang pemimpin bukanlah merupakan perkara yang mudah. Manusia kini tidak lagi memiliki sebatang pedang pun untuk meluruskan sebarang penyelewengan, sebab seluruh pedang telah dikuasai oleh para pemimpin.

Tetapi sebelum itu kita mesti merancang satu cara yang berkesan untuk meluruskan penyelewengan para pemimpin tanpa perlu menghunus pedang. Manusia pada masa sekarang telah berjaya menciptakan sarana yang efektif untuk melaksanakan amar makruf nahi mungkar serta menegur pemimpin yang menyelewengkan kekuasaannya tanpa harus mengalirkan darah. Mereka menubuhkan pelbagai kekuatan politik sehingga tidak mudah bagi penguasa untuk menundukkannya. Kemajmukan parti politik inilah yang berkesan mengawal langkah-langkah seorang pemimpin atau parti tertentu dari menyelewengkan kekuasaan yang sedang dipegangnya.

Satu kekuasaan boleh menundukkan seseorang atau sekelompok kecil manusia, sama ada dengan cara paksa atau dengan tipu daya. Tetapi amat sukar baginya menundukkan sekelompok besar manusia yang memiliki perancangan jitu, mempunyai hubungan yang rapat dengan rakyat dan memiliki media massa yang berkesan dalam menyebarluaskan pendapat dan pengaruhya.

Jika kita ingin agar amar makruf nahi mungkar memiliki nafas, kekuatan dan pengaruh baru pada masa sekarang, maka kita tidak boleh melakukannya secara individu. Tindakan individu untuk menegakkan amar makruf nahi mungkar tentu tidak memadai dan tidak berkesan. Kita mesti menghimpun kekuatan besar yang dianggotai oleh orang ramai. Kekuatan seperti itu sahajalah yang mampu menegakkan amar makruf nahi mungkar. Dengan kekuatan itu pula kita berkuasa berkata kepada para penguasa, "kami tidak mahu mendengar dan mematuhi" apabila mereka memerintahkan kita untuk mengerjakan perbuatan maksiat. Malah kekuatan besar itu jugalah yang sanggup menjatuhkan seorang pemimpin jika terbukti bertindak sewenang-wenang, tanpa kekerasan dan tanpa harus menumpahkan darah.

Pada masa sekarang, penubuhan parti-parti dan organisasi-organisasi politik seperti di atas mesti diwujudkan. Sebab ia merupakan satu sarana yang berkesan bagi menentang dan memperhitungkan kekuasan para penguasa taghut yang bertindak

sewenang-wenang. Parti-parti politiklah yang mampu mengembalikan para pemimpin itu ke jalan yang lurus atau menggantinya dengan orang lain yang lebih layak. Parti-parti itu pulalah yang boleh mempersoalkan kebijaksanaan pemerintah, menasihatinya dan melaksanakan amar makruf nahi mungkar ke atasnya. Kaedah Usul Fiqh mengatakan, jika satu kewajipan hanya boleh disempurnakan dengan melakukan perkara lain, maka hukum melakukan perkara lain itu adalah wajib (*Kullu Ma Laa Yatimm al-Wajib Illa Bihi Fa Huwa Wajib*).

Kemungkinan sebahagian orang ada yang berpendapat bahawa satu negara yang melaksanakan syariat Allah dan sentiasa merujukkan setiap perkara kepada hukum Allah tentu tidak memerlukan wujudnya kemajmukan parti seperti di atas. Sebab ia sememangnya merupakan negara yang berdisiplin dalam setiap aspek kepada perintah dan larangan Allah s.w.t.

Ingin saya katakan kepada mereka yang berpendapat seperti itu bahawa negara Islam bukanlah merupakan satu negara agama sebagaimana yang dipraktikkan pada sesetengah masyarakat. Sebaliknya negara Islam ialah negara sivil yang mengambil syariat Islam sebagai dasar hukum. Pemimpin dalam negara Islam bukan seorang 'imam' yang maksum dan anggota pemerintahannya pula tidak terdiri daripada para pemuka agama yang dianggap suci. Sebaliknya, mereka semua hanyalah manusia biasa yang biasa melakukan kebenaran dan juga kesilapan. Mereka memiliki potensi untuk bersikap adil dan boleh pula berlaku tidak adil. Mereka adalah hamba-hamba Allah yang taat tetapi sebagai manusia biasa sekali sekala tentu ada juga melakukan kemaksiatan. Jika seorang pemimpin melakukan kebajikan orang ramai mesti memberikan kerjasama, tetapi jika dia berlaku tidak adil mereka mesti menentangnya dan menolak perintahnya. Demikianlah yang diucapan oleh Abu Bakar as-Siddiq dalam ucapan perdananya. Bahkan Rasulullah s.a.w. juga bersabda:

« السمع والطاعة حق على المرء المسلم فيما
أحب وكره، مالم يؤمر بمعصية، فإذا أمر
بمعصية فلا سمع ولا طاعة » متفق عليه

Maksudnya: *Seorang Muslim wajib mendengar dan mentaati (perintah) sama ada dia suka atau tidak, selagi dia tidak diperintahkan untuk melakukan kemaksiatan. Jika dia*

diperintahkan melakukan kemaksiatan maka tidak boleh dia mendengar atau pun mentaati (perintah).

(Muttafaqun 'alaihi)

Di luar daripada garis kemaksuman, setiap individu adalah manusia biasa. Tidak ada sebarang jaminan bahawa dia tidak akan terpengaruh dengan kehidupan dunia atau terpesong daripada jalan Allah, sehingga kekuasaan yang berada di tangannya dijadikannya sarana untuk menindas dan melakukan kezaliman atas nama agama. Di sinilah perlunya ditubuhkan undang-undang dan sistem yang dapat mencegah seorang pemimpin daripada terjatuh ke dalam kezaliman dan memecatnya jika terbukti melakukannya. Jika dia dibiarkan untuk bertindak semahunya, bahaya dan kejahatan besar akan menimpa bangsa dan agama.

Oleh itu, syariat Islam sangat mengalu-alukan dan menyokong setiap usaha bagi menubuhkan pelbagai kekuatan yang teratur dan berkemampuan untuk melantik seorang pemimpin yang baik atau menurunkan pemimpin yang bertindak sewenang-wenang. Hanya usaha seperti itu sahaja yang boleh mendatangkan kemaslahatan kepada rakyat dan menghindarkan berlakunya kerosakan terhadap mereka.

Memang merupakan kesilapan besar jika para pemimpin dalam satu pemerintahan merasa bahawa mereka sahajalah yang benar, dan setiap suara yang bercanggah dengan pendapat mereka adalah salah dan batil.

Kita telah menyaksikan bagaimana kelakuan puak Muktazilah ketika memegang kekuasaan pada zaman khalifah al-Ma'mun, al-Wathiq dan al-Mu'tasim. Mereka memaksa seluruh rakyat untuk menerima pendapat mereka dan berusaha untuk menghapuskan pendapat lain daripada peta pemikiran. Pemaksaan tersebut mereka kuatkuasakan dengan menghayunkan cemeti dan pedang ke atas setiap ulama yang berbeza pendapat dengan mereka. Terutama dalam satu isu besar yang terkenal dalam sejarah ideologi dan pemikiran Islam dengan nama kes 'Khalqu al-Quran'.

Pelbagai macam azab dan seksaan telah mereka kenakan ke atas beberapa ulama besar yang berbeza pendapat dengan mereka dalam isu tersebut. Di antaranya ialah seorang imam yang bertakwa lagi warak, Ahmad bin Hanbal r.a.

Sejarah telah mencatatkan bahawa kaum Muktazilah yang mengaku menjunjung tinggi akal pemikiran dan kebebasan berpendapat ternyata sanggup melakukan penyeksaan terhadap sekelompok ulama yang berbeza pendapat dengannya. Malah

mereka juga sanggup menyeksa Imam Ahmad bin Hanbal tanpa mempedulikan kedudukan beliau sebagai pemimpin para ulama pada masa itu dan salah seorang imam mazhab yang besar dalam Islam.

KEMAJMUKAN PARTI DALAM POLITIK SERUPA DENGAN KEMAJMUKAN MAZHAB DALAM FIQH

Jika saya berpendapat bahawa kemajmukan parti adalah sah di sisi undang-undang negara Islam, tidak bermakna bahawa kita harus mewujudkan beberapa parti secara suka-suka tanpa didasari dengan asas dan alasan yang kukuh. Terlebih lagi jika kemajmukan parti itu diasaskan atas dasar kesukuan, rasialisme, perbezaan taraf sosial dan aspek-aspek kefanatikan lainnya yang ditentang oleh Islam.

Kemajmukan parti yang disokong oleh Islam ialah kepelbagaian yang didasari atas perbezaan dalam pemikiran, metode dan kebijaksanaan politik. Untuk itu setiap parti harus mengemukakan hujah-hujah yang menyokong pemikirannya. Sesiapa yang percaya kepada pemikiran tersebut dan berpendapat bahawa kemaslahatan dapat dicapai dengannya boleh memberikan sokongan untuknya. Manakala mereka yang melihat bahawa kemaslahatan terdapat pada yang lain boleh menolaknya.

Kemajmukan parti dalam bidang politik serupa dengan kemajmukan mazhab dalam ilmu fiqh. Mazhab fiqh merupakan satu aliran pemikiran yang memiliki prinsip-prinsip khas dalam memahami syariah dan menarik kesimpulan hukum daripadanya. Para pengikut mazhab pula merupakan murid-murid dalam aliran tersebut yang meyakini bahawa mazhab yang mereka ikuti lebih hampir kepada kebenaran dan lebih lurus berbanding mazhab-mazhab yang lain. Oleh itu mereka menjadi penyokong kepada mazhab tersebut. Sokongan mereka kepada satu mazhab tidak membuat mereka berpendapat bahwa mazhab yang lain adalah batil.

Demikian pulalah parti. Ia merupakan satu mazhab dalam politik yang memiliki falsafah, prinsip dan manhaj tersendiri berdasarkan pemahaman mereka terhadap Islam. Anggota dalam satu parti serupa dengan para pengikut dalam satu mazhab fiqh. Mereka sama-sama memberi sokongan kepada golongan yang lebih benar dan lebih layak dipilih menurut penilaian mereka.

Sebahagian manusia ada yang berpendapat bahawa konsep syura merupakan satu kemestian dalam pemerintahan Islam. Oleh itu, khalifah harus dipilih menerusi pilihan raya dan masa pemerintahannya terhad kepada beberapa tahun. Setelah itu dilaksanakan pilihan raya lain untuk menentukan pemimpin baru. Golongan ini juga berpendapat bahawa ahli syura mesti terdiri daripada orang-orang yang dipilih oleh rakyat secara suka rela, kaum wanita berhak untuk memilih ataupun dipilih menganggotai majlis perwakilan negara, boleh ikut campur dalam menentukan harga, menyewakan tanah dan membayar upah kaum buruh. Golongan ini memandang bahawa pada harta orang kaya terdapat kewajipan lain selain zakat, asas kepada hubungan luar negeri ialah perdamaian, ahli zimmah sama tarafnya dengan penduduk yang lain dan dibebaskan daripada membayar jizyah jika mereka sanggup memberikan perkhidmatan ketenteraan. Bahkan mereka boleh dipilih menjadi salah seorang anggota majlis perwakilan.

Golongan yang lain pula menentang pendapat di atas dan berpendapat bahawa konsep syura hanyalah satu pengajaran dan bukan satu kemestian, ketua negara mesti dipilih oleh ahli *al-Hilli wa al-'Iqdi* untuk seumur hidup, dan ketua negara berhak pula untuk memilih anggota ahli *al-Hilli wa al-'Iqdi*, pilihan raya bukan merupakan cara yang disahkan oleh syariah, kaum wanita tidak berhak untuk memilih atau dipilih, ekonomi harus dibebaskan daripada sebarang ikatan, hak pemilikan manusia terhadap harta adalah mutlak, asas kepada hubungan luar negeri ialah perang dan khalifah atau ketua negara berhak untuk mengumumkan perang atau menerima perdamaian.

Di antara kedua-dua golongan di atas terdapat pula segolongan manusia yang mengambil sebahagian pendapat daripada kedua golongan di atas dan menolak sebahagian yang lain.

Jika salah satu daripada golongan-golongan di atas berjaya menguasai tampuk kekuasaan, adakah ia berhak menghapuskan golongan-golongan yang lain dan menguburkan pendapat dan fikiran mereka di dalam tanah? Adakah kekuasaan menjamin kekalnya prinsip, manhaj serta pemikiran satu golongan? Dan adakah hilangnya kekuasaan bermakna hilang pula prinsip, manhaj serta pemikirannya?

Jawapan yang betul terhadap soalan di atas tentulah, tidak! Setiap golongan berhak untuk mengutarakan pandangan dan pendapatnya selagi disokong dengan hujah-hujah yang benar.

Mengikuti sesuatu secara membuta tuli atau menganggap seorang pemimpin sebagai suci dan menyamai taraf para nabi

merupakan sikap yang diingkari sama ada dalam bidang politik ataupun fiqh. Sikap seperti itulah yang menjadi punca datangnya musibah dan malapetaka.

Kesamaan ciri dan kriteria antara kemajmukan parti dalam politik serta kemajmukan mazhab fiqh membuat saya menyimpulkan dalam beberapa tulisan bahawa parti merupakan mazhab dalam politik, manakala mazhab merupakan parti dalam fiqh.

BENARKAH KEMAJMUKAN PARTI MERUPAKAN ASAS KEPADA PERPECAHAN?

Di antara keraguan yang ditimbulkan oleh sesetengah pihak dalam isu ini ialah bahawa prinsip kemajmukan parti bercanggah dengan konsep persatuan yang diwajibkan oleh Islam. Mereka juga mengatakan bahawa perselisihan dan perpecahan merupakan saudara kepada kekufuran dan kejahilan. Allah s.w.t. berfirman:

وَٱعْتَصِمُوا۟ بِحَبْلِ ٱللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا۟

Terjemahan: *Dan berpegang teguhlah kamu semua kepada tali (agama) A"ah dan janganlah kamu bercerai berai.*

(Surah Ali Imran 3: 103)

Allah juga berfirman:

وَلَا تَكُونُوا۟ كَٱلَّذِينَ تَفَرَّقُوا۟ وَٱخْتَلَفُوا۟ مِنۢ بَعْدِ مَا جَآءَهُمُ ٱلْبَيِّنَٰتُ ۚ وَأُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٠٥﴾

Terjemahan: *Dan janganlah menyerupai orang-orang yang bercerai berai dan berselisih pendapat sesudah datang keterangan yang jelas kepada mereka. Mereka itulah orang-orang yang mendapat seksa yang berat.*

(Surah Ali Imran 3: 105)

Rasulullah juga menentang perpecahan dalam sabda baginda:

« لا تختلفوا، فإن من كان قبلكم اختلفوا فهلكوا » متفق عليه

Maksudnya: *Janganlah berpecah belah, sebab umat sebelum kamu berpecah belah dan mengalami kehancuran.*

(Muttafaqun 'alaihi)

Ingin saya tegaskan di sini bahawa kemajmukan parti tidak sentiasa bermakna perpecahan dan perbezaan pendapat juga bukan merupakan perkara yang mesti dibenci. Para sahabat sendiri sering berbeza pendapat dalam pelbagai masalah furu'iyah, namun tidak ada sebarang kesan negatif yang berlaku ke atas mereka ekoran perbezaan tersebut. Bahkan mereka juga pernah berselisih pendapat pada zaman nabi s.a.w. seperti perselisihan pendapat mengenai solat Asar dalam perjalanan mereka ke kampung Bani Quraizah. Rasulullah tidak pernah mengecam salah satu daripada pendapat kedua-dua kelompok tersebut.

Sebahagian sahabat menganggap perbezaan pendapat seperti itu sebagai rahmat, sebab ia memberikan peluang bagi umat untuk melaksanakan satu perkara sesuai dengan keadaaan dan situasi persekitaran. Satu athar daripada sahabat mengatakan "perbezaan pendapat di kalangan umat nabi Muhammad adalah rahmat." Berdasarkan ini pula seorang ulama mengarang sebuah buku bertajuk, *Rahmat al-Ummah Bikhtilaf al-Aimmah* (Rahmat Umat Berdasarkan Perbezaan Para Imam).

Diriwayatkan bahawa khalifah Umar bin Abdul Aziz tidak suka jika para sahabat tidak pernah berbeza pendapat. Sebab perbezaan pendapat di kalangan mereka telah membuka peluang kepada perluasan dan pelenturan pemahaman agama.

Sebahagian ulama berpendapat bahawa perbezaan yang mendatangkan rahmat itu ialah perbezaan dalam ilmu pengetahuan dan kemahiran. Berbagai-bagai macam jenis kemahiran dan ilmu pengetahuan yang dikuasai manusia boleh mengisi kekosongan dan memenuhi pelbagai keperluan masyarakat.

Al-Quran sendiri menganggap perbezaan bahasa dan warna kulit sebagai salah satu daripada tanda kebesaran Allah dalam ciptaan-Nya. Firman Allah:

وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦ خَلْقُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَٱخْتِلَٰفُ أَلْسِنَتِكُمْ
وَأَلْوَٰنِكُمْ ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّلْعَٰلِمِينَ ﴿٢٢﴾

Terjemahan: *Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah menciptakan langit dan bumi dan perbezaan di antara bahasa-bahasa serta warna kulit kamu semua. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda bagi orang yang mengetahui.*

(Surah ar-Ruum 30: 22)

Oleh itu, setiap perbezaan tidak sentiasa bermakna kejahatan. Tetapi kita mesti memisahkan antara dua bentuk perbezaan: perbezaan yang bersifat keragaman dan perbezaan yang menimbulkan pertentangan. Jenis perbezaan yang pertama terpuji dan yang kedua pula tercela.[3]

Sentiasa saya sebutkan dalam pelbagai tulisan dan ceraman saya bahawa tumbuhnya berbagai-bagai jamaah yang bekerja untuk Islam merupakan satu perkara yang biasa dan wajar. Sebab manusia sememangnya memiliki tujuan, kaedah, pemahaman serta darjat kepercayaan antara satu sama lain yang berbeza-beza. Tetapi perbezaan itu hendaklah merupakan perbezaan dalam keseragaman bukan perbezaan yang bersifat pertentangan dan perbalahan. Semua jamaah mesti bersatu padu dalam satu saf bagi menghadapi masalah-masalah semasa yang mengancam kewujudan Islam, akidah Islam, syariah Islam dan umat Islam.

Walau bagaimanapun setiap jamaah hendaklah sentiasa berbaik sangka terhadap jamaah yang lain dan membiasakan diri untuk memberi maaf. Kecaman-kecaman seperti fasik, sesat dan kafir harus segera dihilangkan untuk digantikan dengan sikap saling memberi nasihat dalam kebenaran dengan penuh kesabaran, mengambil cara yang paling hikmah, memberi teladan yang baik serta mendiskusikan segala permasalahan dengan cara terbaik.

Perbezaan seperti ini tentunya tidak akan menghala kepada perpecahan dan permusuhan. Tetapi ia adalah perbezaan di bawah naungan panji Islam yang memiliki akidah yang kuat dan utuh. Ia merupakan satu gejala yang sihat dan tidak ada yang perlu dikhuatirkan atas timbulnya fenomena seperti itu.

Pendapat seperti ini akan terus kita pegang teguh, sama ada sebelum munculnya negara Islam atau selepas kemunculan negara Islam. Sebab pemerintahan Islam bukanlah satu pemerintahan

yang tidak boleh menampung perbezaan pendapat. Ia juga tidak berniat untuk memusnahkan pemikiran yang telah diperjuangkan oleh sebahagian jamaah pada masa dahulu. Pemerintahan Islam menyedari bahawa satu pemikiran tidak akan mati atau ditinggalkan kecuali jika kita berjaya mengemukakan satu pemikiran lain yang lebih kuat daripadanya.

ADAKAH KEMAJMUKAN PARTI MERUPAKAN KONSEP YANG DIIMPOT DARI BARAT?

Di antara keraguan yang disebarkan berkenaan dengan kemajmukan parti adalah ia merupakan konsep yang diimpot daripada demokrasi barat. Ia bukan konsep yang berasal daripada sumber Islam yang murni. Sebagai Muslim kita dilarang untuk meniru-niru konsep orang lain, sebab hal itu boleh menghilangkan identiti kita sendiri. Rasulullah s.a.w. bersabda:

« ومن تشبه بقوم فهو منهم »

Maksudnya: *Sesiapa yang meniru-niru satu kaum maka dia tergolong di dalamnya.*

Kita wajib memiliki kemerdekaan pemikiran dan politik yang tersendiri. Tidak patut kita mengikuti seluruh gaya dan tradisi orang lain dalam setiap segi kehidupan.

Jawapan saya terhadap kenyataan di atas ialah, kita hanya dilarang untuk tidak mengikuti orang lain secara membuta tuli dan berjalan mengekori mereka dari belakang dalam segala segi, meskipun mereka masuk ke dalam lubang biawak, sepertimana yang digambarkan oleh sebuah hadith sahih.

Larangan menyerupai golongan non Muslim bermaksud larangan untuk meniru-niru sesuatu yang mempunyai ciri-ciri keagamaan, seperti memakai kalung salib bagi orang Kristian, tali pinggang Zunnar bagi orang Majusi dan lain-lain. Ciri-ciri khas seperti inilah yang boleh menyebabkan seorang Muslim digolongkan ke dalam satu agama tertentu kerana dia menyerupai salah seorang daripada penganutnya.

Adapun mengambil secebis ajaran, di luar daripada ciri-ciri khas tersebut, yang berguna bagi mengembangkan kesejahteraan kehidupan adalah sesuatu yang wajar dan tidak mendatangkan dosa ke atas orang-orang yang melakukannya. Setiap hikmah

merupakan harta orang Muslim yang hilang. Di manapun ia ditemukan orang Muslimlah yang paling berhak untuk menggunakannya.

Rasulullah s.a.w. pernah menggali parit (khandaq) di sekeliling kota Madinah. Ia merupakan taktik perang bangsa Parsi yang disyorkan oleh Salman al-Farisi. Orang Arab tidak pernah mengenalinya sebelum itu.

Demikian pula, Rasulullah s.a.w. menggunakan cincin sebagai mohor untuk mencop surat-surat baginda kepada para raja. Sebab para sahabat berkata kepada baginda bahawa para raja biasanya tidak sudi menerima surat rasmi yang tidak dicop dengan mohor kehormatan.

Umar bin Khattab r.a. pula memanfaatkan sistem percukaian dan pendaftaran yang diambilnya daripada peradaban non Muslim. Manakala Muawiyah r.a. menubuhkan sistem penghantaran surat yang ditirunya daripada budaya negara lain. Dan para khalifah setelah beliau mengambil pelbagai sistem bangsa lain yang disahkan boleh memudahkan dan mensejahterakan kehidupan.

Atas dasar ini, disimpulkan bahawa kaum Muslimin boleh mengambil konsep kemajmukan parti daripada demokrasi Barat selagi mereka memenuhi dua persyaratan berikut:

1. Konsep tersebut benar-benar berguna bagi kemaslahatan kita dan tidak membahayakan atau pun mendatangkan kerosakan ke atas kita. Kalaupun terdapat sedikit kekurangan dalam konsep tersebut maka kita harus memastikan bahawa manfaat yang terkandung di dalamnya lebih besar berbanding kerosakannya. Polisi syariat Islam dalam hal ini ialah mengambil perkara yang mendatangkan lebih banyak manfaatnya serta meninggalkan perkara yang lebih besar kerosakannya. Allah s.w.t. menegaskan polisi ini dalam penjelasan-Nya tentang arak dan judi. Terdapat sedikit manfaat pada kedua-duanya, tetapi kemudaratan yang terkandung di dalamnya jauh lebih besar.

قُلْ فِيهِمَآ إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنَٰفِعُ لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَآ أَكْبَرُ مِن نَّفْعِهِمَا

Terjemahan: *Katakanlah: pada kedua-duanya terdapat dosa besar dan beberapa manfaat bagi manusia. Tetapi dosa kedua-duanya lebih besar daripada manfaatnya.*

(Surah al-Baqarah 2: 219)

2. Konsep yang kita ambil dari luar Islam itu harus kita luruskan terlebih dahulu sehingga selaras dengan nilai-nilai agama, hukum syariah serta adat dan tradisi kita. Tidak ada siapapun yang boleh memaksa kita untuk mengambil konsep tersebut secara keseluruhan.

Kita dilarang untuk bersikap fanatik terhadap satu parti. Terlebih lagi berkorban mati-matian membela setiap prinsipnya yang hak mahupun yang batil serta menolongnya apabila ia berlaku zalim atau dizalimi pihak lain. Sikap seperti itu sama sahaja dengan prinsip kehidupan orang-orang Jahiliah: Tolonglah saudaramu sama ada dia berbuat kezaliman atau dizalimi orang lain. Prinsip tersebut diubah suai oleh Rasulullah s.a.w. dengan memberikan makna yang berlainan. Menolong saudara yang sedang melakukan satu kezaliman diertikan oleh Rasulullah sebagai menghentikan dan mencegahnya daripada melakukan perkara tersebut. Dengan demikian kita telah menolongnya untuk menundukkan hawa nafsunya serta menghalau syaitan yang memanas-manaskan hatinya.

KEPADA SIAPAKAH KEPATUHAN (WALA') MESTI DIBERIKAN?

Di antara keraguan yang ditimbulkan berkenaan konsep kemajmukan parti ialah kewujudan berbagai-bagai parti di dalam negara Islam boleh menyebabkan berbelah baginya kepatuhan rakyat. Rakyat terpaksa memisahkan antara kepatuhannya kepada negara dan kepatuhannya kepada parti, sedangkan dia sudah mengangkat baiat untuk sentiasa taat dan setia kepada negara.

Saya jawab, perkara ini hanya berlaku ke atas seseorang yang tidak simpati kepada negara dan sentiasa menentangnya dalam setiap langkah dan kebijaksanaan. Perkara seperti ini tidak termasuk dalam konteks perbahasan kita.

Kepatuhan seorang Muslim hanyalah untuk Allah, Rasul-Nya dan orang-orang yang beriman. Firman Allah s.w.t.:

إِنَّمَا وَلِيُّكُمُ ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱلَّذِينَ يُقِيمُونَ ٱلصَّلَوٰةَ
وَيُؤْتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ وَهُمْ رَٰكِعُونَ ﴿٥٥﴾ وَمَن يَتَوَلَّ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ
وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ فَإِنَّ حِزْبَ ٱللَّهِ هُمُ ٱلْغَٰلِبُونَ ﴿٥٦﴾

Terjemahan: *Sesungguhnya penolong kalian hanyalah Allah, Rasul-Nya dan orang-orang yang beriman. Iaitu yang mendirikan solat, menunaikan zakat serta tunduk (kepada Allah). Dan sesiapa yang mengambil Allah, Rasulullah serta orang-orang yang beriman sebagai penolongnya, maka sesungguhnya pengikut (agama) Allah itulah yang pasti menang.*

(Surah al-Maidah 5: 55-56)

Kepatuhan seorang Muslim kepada kabilah, kawasan, pertubuhan, persatuan atau parti tidak boleh menghilangkan kepatuhannya kepada negara. Sebab setiap kepatuhan dan ketaatan ini pada akhirnya harus berlabuh kepada satu asas kepatuhan yang paling utama, iaitu kepatuhan terhadap Allah, Rasulullah serta orang-orang yang beriman. Adalah terlarang kita memberikan ketaatan dan kepatuhan terhadap orang-orang kafir atau pun orang-orang non Muslim.

أَيَبْتَغُونَ عِندَهُمُ ٱلْعِزَّةَ فَإِنَّ ٱلْعِزَّةَ لِلَّهِ جَمِيعًا

Terjemahan: *Adakah mereka mencari kekuatan di sisi orang kafir itu? Maka sesungguhnya semua kekuatan itu adalah kepunyaan Allah.*

(Surah An-Nisaa' 4: 139)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَتَّخِذُوا۟ عَدُوِّى وَعَدُوَّكُمْ أَوْلِيَآءَ

Terjemahan: *Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu semua mengambil musuh-Ku dan musuh kamu semua menjadi teman-teman setia.*

(Surah al-Mumtahanah 60: 1)

Satu parti kadang-kadang memaksa para anggotanya untuk sentiasa mematuhinya meskipun dalam perkara-perkara yang batil. Ia juga menggesa para anggota untuk menentang kerajaan meskipun mereka yakin bahawa kerajaan berada pada sisi yang benar. Sikap seperti ini berada di luar perbahasan dan perbincangan kami. Tetapi kita mesti melakukan pelbagai usaha sedapat mungkin untuk mengembalikan parti itu kepada jalan yang lurus sehinga prinsip-prinsip mereka bersesuaian dengan nial-nilai Islam, hukum-hakam dan tradisinya.

Saidina Ali r.a. Mengesahkan Wujudnya Parti Lain Dalam Pemerintahannya

Jika kita kembali membuka warisan pemikiran Islam yang luas serta sunnah para khulafa' ar-Rashidin yang wajib kita turuti, nescaya akan kita temukan bahawa Amirul Mukminin Ali bin Abi Talib r.a. pernah membenarkan kewujudan satu parti dalam pemerintahannya. Padahal parti itu merupakan parti politik yang menentang segala langkah dan kebijaksanaannya serta melemparkan tuduhan kafir ke atasnya. Merasa tidak cukup dengan tuduhan itu mereka malah menghunus pedang dan mengisytiharkan peperangan ke atas beliau dan para penyokongnya. Mereka menuduh Saidina Ali telah mengambil pendapat manusia sebagai sumber hukum, sedangkan hak untuk menetapkan hukum itu hanyalah milik Allah. Mereka memperkuat tuduhan tersebut dengan ayat berikut:

إِنِ ٱلْحُكْمُ إِلَّا لِلَّهِ ۚ

Terjemahan: *(Menetapkan) hukum itu hanya hak Allah.*
(Surah Yusuf 12: 40)

Mendengar hujah mereka itu, saidina Ali r.a. menjawabnya seraya berkata, "Perkataan yang benar, tetapi diucapkan dengan tujuan batil."

Betapapun kuatnya rasa permusuhan yang mereka lancarkan, Saidina Ali tidak pernah menafikan kewujudan mereka atau memerintahkan tentera Islam untuk memerangi mereka. Sebaliknya Saidina Ali r.a. menawarkan tiga kebajikan untuk mereka seraya berkata, "Kamu semua memiliki hak terhadap kami. Kami tidak akan menghalangi kamu dari memasuki masjid-masjid Allah, kami tidak akan menahan sebarang harta rampasan yang telah diperuntukkan untuk kamu, dan kami tidak akan memulakan peperangan dengan kamu."

Para pelampau itulah yang dikenal dalam sejarah dengan nama kaum Khawarij. Mereka telah melakukan penentangan bersenjata dan berjaya menghimpunkan satu kekuatan yang besar.

HASAN AL-BANNA DAN KEMAJMUKAN PARTI

Saya tahu bahawa as-Syahid Hasan al-Banna mengingkari konsep kemajmukan parti dalam Islam. Pendapat seperti itu merupakan hasil ijtihad beliau yang didorong oleh keadaan umat Islam pada zamannya. Kemajmukan parti pada zaman itu malah menimbulkan perpecahan di kalangan umat Islam. Padahal persatuan di kalangan umat Islam sangat diperlukan untuk menentang musuh. Kemudian, parti-parti pada zaman itu ditubuhkan untuk menyokong tokoh-tokoh politik, bukan untuk merealisasikan matlamat dan tujuan. Hassan al-Banna sendiri berkata mengenai para pemimpin politik pada masa itu, "Penjajah berjaya menimbulkan perpecahan di antara para pemimpin. Tetapi penjajah berjaya pula menyatukan mereka untuk menyokongnya polisinya. Para pemimpin pada masa itu sentiasa mengunjungi rumah penjajah dan berkumpul bersamanya."

Tidak ada salahnya jika ijtihad saya tidak selaras dengan ijtihad imam Hasan al-Banna. Beliau tidak pernah menutup pintu ijtihad kepada generasi setelahnya, terutama jika keadaan, situasi dan pemikiran telah jauh berkembang dan banyak mengalami perubahan. Bahkan jika beliau hidup pada zaman kita ini, mungkin beliau akan sependapat dengan kita. Sebab fatwa memang sentiasa berubah dengan berubahnya tempat, masa dan keadaan. Apa lagi fatwa-fatwa berkenaan dengan urusan-urusan politik.

Orang-orang yang mengenal Hasan al-Banna mengetahui bahawa beliau bukan jenis orang yang berfikiran tertutup. Hasan al-Banna merupakan seorang tokoh yang berfikiran terbuka dan menerima perubahan. Pemikiran dan polisinya sentiasa boleh diselaraskan dengan keadaan, bukti-bukti serta pertimbangan-pertimbangan yang rasional.

Tuduhan kaum sekularis bahawa negara Islam merupakan satu negara yang tidak membenarkan wujudnya sebarang kritikan atau percanggahan pendapat merupakan satu tuduhan yang tidak berasas sama sekali. Realiti menyatakan bahawa terdapat pelbagai parti dan jamaah yang bergerak di bawah syiar Islam. Perbezaan di antara parti dan jamaah ini hanya dalam konteks pemahaman, kaedah dan perancangan. Jika salah satu daripada parti-parti itu berjaya memegang tampuk kekuasaan, adakah ia akan membenarkan jamaah dan parti lain berkekalan, ataukah ia akan menghilangkannya daripada peta politik? Jawapan yang sesuai ialah; parti yang berjaya itu sepatutnya mengekalkan kewujudan

parti-parti lain agar mereka boleh meneruskan usaha dakwah, menyeru kepada yang makruf, mencegah kemungkaran serta menasihati para pemimpin dan orang awam.

Jika syariah membenarkan berkembangnya konsep kemajmukan parti dalam naungan negara Islam, tentulah konsep tersebut juga dibenarkan untuk tumbuh pada fasa sebelum berdirinya negara Islam. Adalah wajar jika para aktivis Islam memiliki lebih daripada satu jamaah untuk membangunkan masyarakat dan negara Islam serta berjihad di jalan Allah dengan sarana-sarana yang dibenarkan.

Terdapat beberapa pemikiran berkenaan perkara ini yang cuba disebarkan oleh sebahagian golongan yang mengaku berjuang untuk Islam. Saya rasa tidak bagus jika saya berdiam diri dan tidak menjawab hujah-hujah mereka itu. Mereka berfatwa bahawa menubuhkan satu jamaah atau menyertai mana-mana pertubuhan hukumnya haram. Ia merupakan perkara bid'ah yang tidak dibenarkan oleh Allah s.w.t. dan Rasulullah s.a.w. tanpa mengira sama ada pertubuhan itu bersifat sebagai jamaah, organisasi, parti dan lain-lain.

Fatwa seperti di atas merupakan fatwa yang terlampau berani menyerang agama dan syariat Allah tanpa sebarang bukti yang kukuh. Ia mencuba untuk mengharamkan apa yang telah dihalalkan Allah. Tidak tahukah mereka bahawa secara hukum semua perkara yang berkenaan dengan hubungan antara sesama manusia adalah harus (boleh). Membentuk jamaah merupakan salah satu bentuk daripada hubungan di antara manusia. Oleh itu, hukumnya adalah harus (boleh).

Malah kalau dikaji secara lebih mendalam lagi akan kita temukan dalam nas-nas al-Quran ayat-ayat yang menganjur-kan kita untuk membentuk jamaah. Di antaranya ialah firman Allah yang menyuruh kita untuk saling tolong menolong dalam kebajikan dan ketakwaan:

وَتَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْبِرِّ وَٱلتَّقْوَىٰ

Terjemahan: *Dan tolong menolonglah kamu semua dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa.*

(Surah al-Maidah 5: 2)

Firman Allah pula:

وَٱعْتَصِمُوا۟ بِحَبْلِ ٱللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا۟

Terjemahan: *Dan berpeganglah kamu semua kepada tali (agama) Allah dan janganlah kamu bercerai-berai.*

(Surah Ali Imran 3: 103)

Rasulullah s.a.w. pula bersabda:

« المؤمن للمؤمن كالبنيان يشد بعضه بعضا »

متفق عليه

Maksudnya: *Orang yang beriman antara satu dengan yang lain seperti satu binaan yang (bahagian-bahagiannya) saling memperkuat antara satu dengan yang lain.*

(Muttafaqun 'alaihi)

Nabi s.a.w. juga bersabda:

« يد الله مع الجماعة ومن شذ شذ في النار » رواه الترمذي

Maksudnya: *Tangan Allah itu bersama jamaah. Sesiapa yang menyeleweng (daripada jamaah) akan menyeleweng ke dalam neraka.*

(Riwayat at-Tirmizi)

Kaedah syariah pula menetapkan bahawa setiap perkara wajib yang tidak boleh disempurnakan kecuali dengan melakukan perkara lain, maka hukum melakukan perkara lain itu pun wajib. (*Ma la yatimm al-wajib illa bihi fahuwa wajib*). Sedangkan pada zaman ini kita tidak boleh berkhidmat untuk Islam, mengukuhkan eksistensi umat atau mendirikan negara Islam dengan bertumpu kepada usaha-usaha individu yang bertebaran di merata tempat. Kita memerlukan tindakan bersama yang boleh dihimpunkan dalam jamaah. Kewujudan pertubuhan-pertubuhan dan jamaah-jamaah boleh memastikan terhimpunnya potensi-potensi individu dalam satu barisan yang rapi untuk mencapai tujuan yang dicita-citakan. Sesuai dengan firman Allah s.w.t.:

إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلَّذِينَ يُقَٰتِلُونَ فِى سَبِيلِهِۦ صَفًّا كَأَنَّهُم
بُنْيَٰنٌ مَّرْصُوصٌ ﴿٤﴾

Terjemahan: *Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berperang di jalan-Nya dalam barisan yang teratur, seakan-akan mereka seperti suatu bangunan yang kukuh.*

(Surah as-Saf 61: 4)

Menghimpun kekuatan bersama untuk membela agama Islam, membebaskan tanah-tanahnya yang masih dijajah, menyatupadukan umatnya serta meninggikan kalimah Allah merupakan satu kewajipan agama serta keperluan realiti semasa. Tindakan secara bersama yang diaplikasikan dalam penubuhan jamaah-jamaah dan parti-parti boleh merealisasikan cita-cita Islam tersebut.

Timbul pemikiran lain yang bercanggah dengan pemikiran di atas. Para penyokong pemikiran ini sependapat mengatakan bahawa menghimpun potensi umat dalam bentuk tindakan bersama (jamaah) merupakan satu kewajipan agama. Tetapi mereka mewajibkan orang ramai untuk ikut serta dalam satu jamaah tertentu sahaja dan mengiktirafnya sebagai satu-satunya jamaah yang membawa kebenaran, manakala jamaah-jamaah yang lain semuanya salah dan batil. Mereka berhujah dengan menggunakan ayat al-Quran berikut:

فَمَاذَا بَعْدَ ٱلْحَقِّ إِلَّا ٱلضَّلَٰلُ

Terjemahan: *Maka tidak ada sesudah kebenaran itu kecuali kesesatan.*

(Surah Yunus 10: 32)

Dengan hujah itu mereka mengaku hanya jamaah mereka sahaja yang merupakan jamaah Islam dan bukan salah satu jamaah dalam Islam. Sesiapa yang memisahkan diri daripada mereka dianggap telah memisahkan diri daripada Islam dan sesiapa yang tidak bergabung bersama mereka bermakna belum menggabungkan diri ke dalam jamaah Islam. Pemikiran seperti inilah yang telah menyelewengkan pemahaman nas-nas di luar daripada maksudnya yang sebenar. Akibatnya ia malah membuka pintu fitnah ke atas seluruh umat.

Di antara mereka ada yang mengaku bahawa kebenaran hanya pada jamaah mereka sahaja. Malah ada pula yang memberikan gambaran pemikiran, akidah dan akhlak yang menjadi ciri jamaah atau parti Islam sejati, kemudian berkata bahawa kriteria tersebut hanya wujud dalam jamaahnya sahaja. Hal seperti itu tentunya merupakan perkara yang dibuat-buat dan tidak dapat diterima oleh pemikiran yang sihat.

Ada pula yang beranggapan bahawa benar atau batilnya satu jamaah diukur daripada lebih awalnya jamaah itu ditubuhkan berbanding parti-parti lain. Atas dasar inilah beberapa jamaah atau parti di pelbagai negara Islam mengaku sebagai jamaah yang paling benar kerana lebih awal ditubuhkan. Jamaah itu menganggap bahawa jamaah-jamaah lain yang ditubuhkan setelah itu tidak berhak untuk berkembang dan harus segera dibubarkan. Sebab penerimaan masyarakat terhadap jamaah itu telah dikukuhkan berdasarkan baiat. Oleh itu, selama jamaah itu masih berdiri masyarakat tidak boleh membaiat parti atau jamaah yang lain. Mereka memperkuat pendapat tersebut dengan sabda nabi s.a.w.:

> Maksudnya: *Bila dua khalifah dibaiat, maka perangilah salah satu di antaranya.*
>
> (Riwayat Muslim dan Ahmad)

Inilah fatwa yang berasal daripada manusia yang jahil dan tidak memahami ajaran syariah secara mendalam. Merekalah yang membawa umat ini kepada kerosakan dan kemusnahan. Pada zaman dahulu, apabila para ulama dan fuqahak melihat orang-orang yang jahil seperti ini mengeluarkan fatwa mereka berkata: "Terdapat sebahagian orang yang memandai-mandai mengeluarkan fatwa. Mereka lebih layak masuk penjara berbanding pencuri. Sebab pencuri hanya memusnahkan harta benda manusia, tetapi mereka telah memusnahkan akhirat manusia."

Bagaimana pula jika para ulama dan fuqahak itu mendengar fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh manusia-manusia jahil pada zaman sekarang? *La hawla wala quwwata Illa billaah!*

ISU PENCALONAN KAUM WANITA UNTUK MENGANGGOTAI MAJLIS PERWAKILAN

Kaum wanita diberi tugas dan beban oleh syariah serupa dengan kaum lelaki. Mereka ditugaskan untuk beribadah kepada Allah, menegakkan syiar agama Allah, melaksanakan kewajipan-kewajipan yang ditentukan Allah, menjauhkan diri daripada larangan-larangan Allah, tidak melampaui batas peraturan yang telah ditetapkan Allah dan menyeru manusia untuk mematuhi perintah Allah.

Setiap seruan Allah dalam al-Quran ditujukan kepada kaum wanita dan lelaki. Kecuali jika terdapat dalil lain yang menyatakan bahawa seruan tersebut khas untuk lelaki. Tidak ada sebarang perselisihan pendapat bahawa seruan Allah seperti "Hai manusia" atau "Hai orang-orang yang beriman" ditujukan kepada kaum lelaki dan juga kaum wanita secara sama. Itu sebabnya ketika Ummu Salmah mendengar Rasulullah s.a.w. berseru, "Hai manusia", beliau tergesa-gesa menyahut seruan tersebut dan berlari menjumpai Rasulullah s.a.w., padahal ketika itu beliau sedang sibuk dengan satu pekerjaan. Apabila para sahabat yang lain memandang beliau dengan penuh kehairanan beliau berkata kepada mereka, "Saya juga manusia!"

Dasar hukum secara am menetapkan bahawa kaum wanita dibebani tugas dan tanggung jawab yang serupa dengan kaum lelaki, kecuali pada keadaan dan kondisi tertentu. Dalilnya ialah firman Allah s.w.t.:

بَعْضُكُم مِّنۢ بَعْضٍ

Terjemahan: *Sesungguhnya Aku tidak mensia-siakan amalan orang-orang yang beramal di antara kamu, sama ada lelaki atau perempuan. (Sebab) sebahagian kamu ialah keturunan daripada sebahagian yang lain.*

(Surah Ali Imran 3: 195)

Rasulullah s.a.w. bersabda:

«إنما النساء شقائق الرجال» رواه أحمد والترمذي وأبو داود والدارمي

Maksudnya: *Sesungguhnya kaum wanita itu saudara kandung kaum lelaki.*

(Riwayat Ahmad, at-Tirmizi, Abu Daud dan ad-Darimi)

Al-Quran al-Karim membebankan tanggung jawab pembentukan dan pengaturan masyarakat kepada kaum lelaki dan kaum wanita. Dalam istilah Islam tugas itu dinamakan *Amar Makruf Nahi Mungkar*. Allah berfirman:

وَٱلْمُؤْمِنُونَ وَٱلْمُؤْمِنَٰتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَآءُ بَعْضٍ ۚ يَأْمُرُونَ
بِٱلْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ

Terjemahan: *Dan orang-orang yang beriman lelaki dan wanita, sebahagian mereka menjadi penolong kepada sebahagian yang lain. Mereka menyuruh (mengerjakan) yang makruf, mencegah dari yang mungkar, mendirikan solat, menunaikan zakat dan mematuhi Allah dan Rasul-Nya. Mereka itulah yang akan diberi rahmat oleh Allah.*

(Surah at-Taubah 9: 71)

Dalam ayat di atas Allah menyebutkan ciri-ciri orang-orang yang beriman lelaki dan wanita, iaitu melakukan *Amar Makruf Nahi Mungkar*. Manakala pada ayat yang lain pula Allah menjelaskan sifat-sifat orang-orang munafik, lelaki dan wanita sebagai berikut:

ٱلْمُنَٰفِقُونَ وَٱلْمُنَٰفِقَٰتُ بَعْضُهُم مِّنۢ بَعْضٍ ۘ
يَأْمُرُونَ بِٱلْمُنكَرِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمَعْرُوفِ

Terjemahan: *Orang-orang munafik, lelaki dan wanita, antara satu dengan yang lain adalah sama. Mereka menyeru (manusia) kepada perbuatan mungkar dan melarang (nya) dari melakukan yang makruf.*

(Surah at-Taubah 9: 67)

Jika wanita-wanita munafik sanggup bekerjasama dengan lelaki-lelaki munafik untuk menyebarkan kerosakan dalam masyarakat, maka wanita-wanita mukmin wajib bekerjasama dengan lelaki-lelaki mukmin dalam membina dan memperbaiki keadaan masyarakat.

Sejak zaman nabi s.a.w. kaum wanita telah menunjukkan peranan mereka. Malah orang pertama yang menyatakan keimanannya kepada Nabi s.a.w. dan bertekad untuk menyokong perjuangannya ialah seorang wanita bernama Khadijah r.h.a. Dan orang pertama yang mati syahid dalam sejarah perjuangan Islam ialah seorang wanita bernama Sumayyah Ummu 'Amınar r.h.a.

Kaum wanita juga turut serta dalam peperangan bersama Nabi s.a.w. dalam Perang Uhud, Hunain dan lain-lain. Kemasyhuran perjuangan mereka dalam peperangan itu diabadikan oleh Imam Bukhari dalam salah satu bab daripada kitab beliau bertajuk "Bab Tentang Peperangan Kaum Wanita".

Jika kita mendalami dalil-dalil dalam al-Quran dan al-Hadith nescaya akan kita dapati bahawa seluruh hukum hakam yang terkandung di dalam kedua-duanya bersifat am untuk lelaki dan wanita, kecuali beberapa hukum yang terpaksa harus dipisahkan kerana perbezaan semula jadi. Kaum wanita memiliki hukum yang khas berkenaan dengan haid, nifas, hamil, melahirkan menyusukan, mengasuh anak dan lain-lain. Manakala kaum lelaki pula memainkan peranan sebagai tulang belakang keluarga yang bertanggung jawab terhadap kemaslahatan dan kesejahteraannya. Mereka juga dibebani tugas untuk mencari nafkah keluarga dan memelihara keselamatannya.

Di sana terdapat pula hukum harta pusaka yang memberikan keutamaan kepada lelaki dua kali lebih besar berbanding wanita. Akan tetapi hikmah di sebalik ketetapan Allah itu sangat jelas. Iaitu, lelaki lebih banyak menanggung keperluan material dalam keluarga berbanding wanita.

Ada pula hukum memberi kesaksian dalam muamalah berkenaan dengan harta benda atau urusan-urusan sivil yang lain. Islam menjadikan kesaksian dua orang wanita setaraf nilainya dengan kesaksian seorang lelaki. Hal ini didasarkan atas pertimbangan-pertimbangan praktikal untuk mendapatkan bukti yang akurat. Juga sebagai langkah berhati-hati untuk memelihara kehormatan dan hak-hak manusia. Oleh itu, dalam syariah kita temukan pula sebahagian hukum yang boleh menerima kesaksian seorang wanita sahaja, seperti dalam kes kelahiran ataupun penyusuan anak.

BEBERAPA PERINGATAN PENTING

Di sini saya ingin memperingatkan semua pihak terhadap beberapa perkara penting.

Pertama: Kita hanya diwajibkan untuk mengikuti nas-nas yang jelas dan tegas sahaja. Ada pun nas-nas yang tidak jelas dan tidak tegas seperti hadith-hadith dhaif atau hadith-hadith yang mengandungi lebih dari satu pengertian dan penafsiran, tidak

seorang pun berhak memaksa orang lain untuk mengikuti salah satu makna yang terkandung di dalamnya. Terutama dalam urusan-urusan yang berhubungan dengan keadaan masyarakat dan orang awam.

Kedua: Di sana terdapat hukum dan fatwa yang hanya sesuai untuk zaman dan lingkungan tertentu sahaja. Oleh itu para ulama sepakat mengatakan bahawa setiap fatwa sentiasa berubah mengikuti perubahan zaman, tempat, keadaan dan kebiasaan masyakarat.

Perkara-perkara seumpama inilah yang banyak berhubungan dengan kaum wanita. Para ulama kadang-kadang terpaksa mengeluarkan fatwa yang keras dan tegas terhadap kaum wanita, seperti melarang mereka pergi ke masjid. Padahal larangan itu bercanggah dengan nas-nas yang sahih dan jelas. Para ulama mengeluarkan fatwa yang kontroversial itu kerana berhati-hati dan ingin mencegah timbulnya kerosakan yang diakibatkan oleh perkembangan zaman.

Ketiga: Kaum sekular pada masa ini sangat pandai memainkan isu wanita. Mereka berusaha menuduh Islam dengan tuduhan-tuduhan yang tidak benar berkenaan dengan isu tersebut. Di antara tuduhan itu ialah Islam telah memenjarakan wanita dan membantutkan perkembangan potensi dan bakat mereka. Hujah mereka dalam tuduhan itu ialah peristiwa-peristiwa yang berlaku ke atas wanita pada zaman-zaman terakhir ini serta ucapan-ucapan keras daripada sebahagian orang Islam berkenaan isu tersebut.

Di atas kesedaran dan kefahaman inilah sepatutnya kita mengutarakan pendapat berkenaan isu perlantikan wanita untuk menganggotai majlis perwakilan ataupun majlis permesyuaratan. Di atas asas-asas ini pula sepatutnya kita meninjau isu pemilihan wanita untuk memegang sebarang jawatan.

Terdapat di antara manusia orang-orang yang mengharamkan pencalonan wanita seperti di atas dan menganggapnya sebagai salah satu dosa besar. Tetapi sebarang pengharaman tentu tidak dapat disahkan tanpa adanya sebarang dalil yang tegas dan jelas. Dasar hukum untuk seluruh permaslahan dunia ialah harus (boleh), kecuali beberapa perkara yang dilarang berdasarkan dalil-dalil yang jelas. Apakah dalil yang mereka pakai dalam mengharamkan wanita untuk berperan dalam politik?

Di antara mereka ada yang menggunakan ayat berikut sebagai dalil:

وَقَرْنَ فِي بُيُوتِكُنَّ

Terjemahan: *Dan hendaklah kamu (kaum wanita) berdiam di rumah kamu.*

(Surah al-Ahzab 33: 33)

Berdasarkan firman Allah di atas mereka menyimpulkan bahawa kaum wanita tidak boleh meninggalkan rumah mereka kecuali untuk hajat dan keperluan yang mendesak. Dalil seperti ini tidak cukup masak berdasarkan pertimbangan-pertimbangan berikut:

1. Dari pemahaman ayat secara am dapat difahami bahawa ayat di atas diturunkan ke atas para isteri nabi s.a.w. Para isteri nabi s.a.w. memiliki kehormatan, peraturan dan ketegasan hukum yang lebih berat berbanding wanita biasa. Oleh itu, Allah memberikan ganjaran berlipat ganda kepada mereka atas setiap kebajikan. Manakala jika mereka melakukan satu kesalahan hukumannya pun akan dilipat gandakan.

2. Meskipun ayat di atas menganjurkan para isteri nabi untuk berdiam di rumah, kita menyaksikan bahawa ummul mukminin Aishah r.h.a sering melakukan pelbagai aktiviti kebajikan di luar rumah. Bahkan beliau pernah mengikuti peperangan 'al-Jamal' untuk menuntut kematian Uthman bin Affan. Beliau memandang perkara tersebut sebagai salah satu kewajipan agama yang harus dipenuhi. Tetapi pada akhirnya beliau sedar bahawa beliau telah silap memahami keadaan.

3. Pada masa ini, ramai di antara wanita yang melakukan aktiviti di luar rumah. Ada yang pergi ke sekolah atau ke universiti dan ada pula yang bekerja pada pelbagai sektor perkhidmatan, sama ada sebagai doktor, guru, penyelia, pengurus dan lain-lain. Orang-orang yang sudah terbiasa dengan keadaan ini tidak mengingkari berlakunya fenomena tersebut. Bahkan sebahagian besar kaum Muslimin berpendapat bahwa syariat Islam mengesahkan bekerjanya kaum wanita di luar rumah selagi mereka memenuhi beberapa persyaratan.

4. Keadaan menuntut para wanita Muslimah untuk turut bertanding dalam pilihan raya melawan pesaing mereka

daripada golongan wanita sekular yang berhasrat untuk menguasai kepimpinan wanita secara am. Keperluan sosial dan politik ini tentunya lebih penting berbanding keperluan peribadi yang membolehkan wanita untuk keluar dari rumah.

5. Isu menahan wanita di rumah hanya berlaku satu masa dahulu sebelum terbentuknya ketetapan dalam perundangan syariah. Itu pun hanya dikenakan ke atas para wanita yang terbukti melakukan perkara-perkara yang keji dan mungkar. Firman Allah:

فَأَمْسِكُوهُنَّ فِي ٱلْبُيُوتِ حَتَّىٰ يَتَوَفَّىٰهُنَّ ٱلْمَوْتُ
أَوْ يَجْعَلَ ٱللَّهُ لَهُنَّ سَبِيلًا

Terjemahan: *Maka kurunglah mereka (wanita-wanita itu) di dalam rumah sampai mereka menemui ajalnya atau sampai Allah memberi jalan yang lain kepada mereka.*

(Surah an-Nisa' 4: 15)

BAGAIMANA MUNGKIN KITA BOLEH MENERAPKAN HUKUMAN YANG SERUPA KE ATAS WANITA LAIN YANG TIDAK BERDOSA?

Sebahagian umat Islam menyokong pendapat yang melarang sebarang pembabitan kaum wanita dalam majlis perwakilan demi mencegah timbulnya kerosakan. Seorang wanita yang terpilih untuk menjadi anggota parlimen tentu terpaksa melakukan aktiviti bersama dengan kaum lelaki. Bahkan mungkin juga berlaku khalwat di antara mereka. Segala sesuatu menjadi haram bila ia menjadi punca berlakunya perkara yang diharamkan.

Mencegah terjadinya kerosakan memang merupakan perkara yang sangat diperlukan. Tetapi para ulama juga berpendapat bahawa sikap berlebih-lebihan dalam mencegah berlakunya kerosakan malah boleh menimbulkan kerosakan yang lain. Kita harus mempertimbangkan antara kemaslahatan dan kemudaratan. Berlebih-lebihan dalam melarang isu di atas boleh menyebabkan hilangnya kemaslahatan yang lebih besar daripada kerosakan yang dikhuatiri akan berlaku.

Logika seperti ini dapat pula kita kiaskan kepada larangan mengundi terhadap wanita kerana khuatir akan timbulnya fitnah. Padahal kaum Muslimin akan kehilangan sokongan suara yang

sangat besar jika kaum wanita tidak dibenarkan untuk keluar mengundi. Sokongan suara para wanita Muslimah tentunya sangat berguna bagi mengatasi sokongan suara para wanita sekularis terhadap parti pilihannya.

Pada satu masa dahulu, sebahagian ulama ada yang melarang perginya kaum wanita ke sekolah-sekolah atau universiti. Mereka berkata bahawa perkara itu hanya menyebabkan berlakunya kerosakan. Bahkan sebahagian daripada mereka ada yang berkata, "Wanita hanya boleh belajar membaca, bukan menulis! Sebab jika mereka pandai menulis dikhuatirkan mereka akan menggunakan pen untuk menulis surat-surat cinta dan yang sejenis dengannya." Pemahaman seperti ini dengan mudah dapat dikalahkan oleh pemahaman lain yang berpendapat bahawa pada dasarnya belajar itu bukanlah merupakan sesuatu yang buruk. Bahkan ia boleh memberikan manfaat dan kebaikan kepada manusia.

Berdasarkan perkara-perkara di atas saya menarik kesimpulan bahawa kaum wanita boleh dipilih untuk menjadi anggota dalam majlis perwakilan. Tetapi mereka mesti menjaga diri dari segala perkara yang bertentangan dengan Islam, khasnya semasa berjumpa dengan kaum lelaki. Mereka dilarang untuk melembut-lembutkan suara, berpakaian menjolok mata, bersekedudukan dalam pejabat dengan lelaki yang bukan muhrim, atau bergaul dengan kaum lelaki tanpa mempedulikan batasan-batasan agama. Perkara-perkara seperti ini sememangnya harus sentiasa dihindari oleh setiap wanita Muslimah dalam apa juga keadaan.

Ada pula segolongan orang yang melarang kaum wanita menjadi anggota majlis perwakilan kerana jawatan tersebut menjadikan mereka berkuasa ke atas kaum lelaki. Sedangkan Islam telah melarang kepimpinan seorang wanita ke atas lelaki. Bahkan al-Quran al-Karim sendiri menegaskan bahawa kaum lelaki ialah pemimpin ke atas kaum wanita. Bagaimana pula kita membiarkan berlakunya pemutar belitan status yang menjadikan wanita berkuasa ke atas lelaki?

Saya merasa perlu menjelaskan dua perkara berkenaan dengan isu di atas.

Pertama: Jumlah wanita yang terpilih dalam majlis perwakilan sangat sedikit. Suara majoriti sampai bila-bilapun tetap akan dikuasai oleh kaum lelaki. Bukankah sistem yang dipakai dalam majlis perwakilan menetapkan keputusan berdasarkan suara terbanyak? Suara terbanyak itulah yang akan mengkaji permasalahan dan menetapkan keputusan. Tidak wujud sebarang

kemungkinan bahawa keikutsertaan seorang wanita dalam majlis perwakilan akan menimbulkan isu dominasi kekuasaan kaum wanita terhadap kaum lelaki.

Kedua: Ayat al-Quran yang menetapkan kepimpinan lelaki terhadap wanita hanyalah berkaitan dengan kehidupan suami isteri. Disebutkan dalam ayat itu bahawa kaum lelaki merupakan seorang pemimpin yang bertanggung jawab terhadap rumah tangganya. Firman Allah:

اَلرِّجَالُ قَوَّٰمُونَ عَلَى ٱلنِّسَآءِ بِمَا فَضَّلَ ٱللَّهُ بَعْضَهُمْ
عَلَىٰ بَعْضٍ وَبِمَآ أَنفَقُوا۟ مِنْ أَمْوَٰلِهِمْ

Terjemahan: *Kaum lelaki ialah pemimpin bagi kaum wanita. Oleh kerana itu Allah melebihkan sebahagian mereka (lelaki) atas sebahagian yang lain (wanita), dan (juga) kerana lelaki telah menafkahkan sebahagian daripada harta mereka.*

(Surah an-Nisa' 4: 34)

Daripada firman Allah, "dan (juga) kerana lelaki telah menafkahkan sebahagian daripada harta mereka" dapat difahami bahawa maksud kepimpinan dalam ayat di atas ialah kepimpinan rumah tangga. Darjat inilah yang diberikan kepada kaum lelaki dalam firman Allah pada ayat surah al-Baqarah berikut:

وَلَهُنَّ مِثْلُ ٱلَّذِى عَلَيْهِنَّ بِٱلْمَعْرُوفِ ۚ وَلِلرِّجَالِ عَلَيْهِنَّ دَرَجَةٌ

Terjemahan: *Dan para wanita mempunyai hak yang seimbang dengan kewajipan menurut cara yang makruf. Tetapi para suami mempunyai satu tingkatan kelebihan daripada isterinya.*

(Surah al-Baqarah 2: 228)

Meskipun pada dasarnya kaum lelaki yang memimpin rumah tangga, kaum wanita juga dituntut untuk memainkan peranan dalam mentadbir urusan seharian. Syariat Islam menggesa seorang suami untuk meminta pendapat dan pemikirannya berkenaan dengan urusan rumah tangga. Hal ini ditetapkan oleh al-Quran semasa membahas masalah penyapihan bayi dari susuan ibunya. Firman Allah:

فَإِنْ أَرَادَا فِصَالًا عَن تَرَاضٍ مِّنْهُمَا وَتَشَاوُرٍ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا

Terjemahan: *Apabila kedua-duanya ingin menyapih (sebelum dua tahun) dengan kerelaan keduanya dan permesyuaratan, maka tidak ada dosa atas keduanya.*

(Surah al-Baqarah 2: 233)

Satu hadith yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad menyebutkan:

«آمروا النساء في بناتهن» رواه أحمد

Maksudnya: *Mintalah pendapat para wanita tentang anak-anak perempuan mereka.*

(Riwayat Ahmad)

Manakala tentang kepimpinan kaum wanita terhadap kaum lelaki di luar konteks rumah tangga, kita tidak menemukan sebarang nas yang melarangnya. Yang dilarang oleh agama ialah penguasaan am kaum wanita ke atas kaum lelaki. Demikianlah kandungan hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari daripada Abi Bakrah secara marfuk, iaitu:

«لن يفلحَ قومٌ ولَّوا أمرَهم امرأةً» رواه البخاري

Maksudnya: *Tidak berjaya satu kaum yang menyerahkan urusan mereka kepada seorang wanita.*

(Riwayat al-Bukhari)

Perkataan 'urusan mereka' dalam hadith itu mengandungi makna kepimpinan yang bersifat am terhadap seluruh urusan bangsa dan negara. Adapun pada kepimpinan lain yang bukan bersifat umum kami merasa wajar jika kaum wanita diberi peluang untuk menerajuinya.s.eperti memberi fatwa dan pendapat ijtihad, meriwayatkan hadith, mengajar, mentadbir dan lain-lain. Ijma' ulama mengatakan bahawa kaum wanita boleh melakukan perkara-perkara tersebut.

Imam Abu Hanifah menerima kesaksian seorang wanita dalam kes-kes di mahkamah, selagi tidak berkaitan dengan kes yang melibatkan hukum qisas atau hudud. Malah para ulama salaf yang

lain menerima kesaksian seorang wanita dalam kes hudud dan qisas. Demikian pendapat Ibn al-Qayyim dalam kitab *at-Turuq al-Hukmiyah*. Imam at-Tabari pula menerima kesaksian wanita dalam seluruh permasalahan. Pendapat beliau turut disokong oleh imam Ibn Hazm meskipun beliau menganut mazhab az-Zahiriah. Ini menunjukkan tidak adanya dalil syarak yang jelas melarang pembabitan wanita dalam perkara itu. Jika ada tentunya Ibn Hazm akan mempertahankan dalil tersebut dan menyerang sesiapa yang melanggarnya, sebagaimana yang biasa beliau lakukan.

Asbabul Wurud daripada hadith yang kita sebutkan di atas menegaskan bahawa larangan memimpin bagi wanita hanyalah apabila kepimpinan itu bersifat umum (ketua negara). Pada masa itu nabi s.a.w. mendengar bahawa raja negeri Parsi telah meninggal dunia dan kekuasaannya diwarisi oleh anak perempuannya Buran binti Kisra. Mendengar berita ini Rasulullah s.a.w. bersabda:

> Maksudnya: *Tidak berjaya satu kaum yang menyerahkan urusan mereka kepada seorang wanita.*
>
> (Riwayat al-Bukhari)

Di antara keraguan yang ditimbulkan oleh orang-orang yang menentang pencalonan wanita dalam majlis perwakilan ialah bahawa taraf seorang anggota majlis perwakilan lebih tinggi daripada kerajaan ataupun ketua negara sendiri. Sebab dengan menduduki jawatan sebagai anggota majlis perwakilan dia berhak untuk mempersoalkan dan mengawasi kebijaksanaan ketua negara. Kita melarang wanita untuk menjadi ketua negara, tetapi pada masa yang sama mengapa kita membolehkan mereka untuk memegang kekuasaan yang lebih tinggi melalui cara yang lain.

Untuk menjawab keraguan seperti ini saya rasa perlu dijelaskan serba sedikit tentang pengertian keanggotaan dalam majlis permesyuaratan ataupun majlis perwakilan.

Kita sudah sedia maklum bahawa tugas majlis perwakilan dalam sistem demokrasi moden dibahagikan kepada dua jenis, pengawasan dan penetapan undang-undang. Pengawasan atau perhitungan dalam bentuk praktikalnya merujuk kepada satu konsep Islam, iaitu *Amar Makruf Nahi Mungkar* atau nasihat atas nama agama yang merupakan kewajipan para pemimpin dan rakyat.

Amar Makruf dan *Nahi Mungkar* merupakan perkara yang diwajibkan ke atas seluruh umat Islam, sama ada lelaki mahupun perempuan. Ini dijelaskan Allah s.w.t. dalam firman-Nya:

وَٱلْمُؤْمِنُونَ وَٱلْمُؤْمِنَٰتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَآءُ بَعْضٍ ۚ يَأْمُرُونَ
بِٱلْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ

Terjemahan: *Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan wanita, sebahagian mereka (ialah) menjadi penolong kepada sebahagian yang lain. Mereka menyuruh mengerjakan yang makruf dan mencegah dari yang mungkar.*

(Surah at-Taubah 9: 71)

Rasulullah s.a.w. bersabda bahawa agama itu ialah nasihat untuk Allah, Rasul-Nya, para pemimpin kaum Muslimin dan orang awam. Sabda baginda s.a.w. itu menegaskan bahawa tugas memberi nasihat ialah tugas seluruh kaum Muslimin dan Muslimat, dan bukan kewajipan kaum lelaki sahaja.

Seorang wanita pernah menyanggah pendapat Umar bin Khattab dalam masjid. Beliau melihat bahawa pendapat perempuan itu benar,maka beliau meninggalkan pendapatnya sendiri dan mengambil pendapat perempuan itu. Malah beliau juga berkata, "Benar perempuan itu dan telah silap Umar". Demikian seperti yang diriwayatkan oleh Ibn Kathir dengan isnad yang baik.

Nabi s.a.w. pernah meminta pendapat Ummu Salamah dalam peperangan Hudaybiyah dan beliau memberikan pendapat yang bernas. Pendapat beliau dilaksanakan sepenuhnya oleh Rasulullah dan ternyata mendatangkan kebaikan kepada umat Islam.

Sehingga hari ini Islam tetap membuka peluang kepada kaum wanita untuk memberi nasihat, mengemukakan pendapat atau mengatakan ini betul dan itu salah secara subjektif. Tidak ada satu dalil pun yang melarang kaum wanita memainkan peranan sebagai penasihat dalam majlis perwakilan. Hukum am untuk seluruh urusan keduniaan ialah boleh (harus) kecuali jika terdapat sebarang nas yang melarangnya secara jelas dan tegas.

Dakwaan bahawa kerajaan Islam sepanjang sejarahnya tidak pernah mengenal adanya wanita yang menjadi anggota majlis perwakilan tidak boleh dianggap sebagai dalil syariat. Sebaliknya kita harus meletakkannya dalam fakta bahawa fatwa sentiasa berubah mengikut perubahan zaman, kawasan dan keadaan. Lagi pula pada masa itu peraturan majlis syura belum disusun secara terperinci sama ada untuk lelaki atau perempuan. Syura merupakan prinsip yang ajarannya disebutkan dalam nas secara am. Ada pun

perincian dan susunannya terpulang kepada kebijaksanaan dan ijtihad kaum Muslimin, sesuai dengan keadaan zaman, kawasan, dan situasi sosial mereka.

Kita sekarang hidup di zaman di mana masyarakat membenarkan kaum wanita untuk melakukan aktiviti yang tidak pernah dilakukan oleh kaum wanita sebelum zaman ini. Kita dirikan untuk mereka sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi yang menampung pembelajaran berjuta-juta pelajar wanita. Pusat-pusat pengajian tinggi yang kita dirikan pula telah mengeluarkan para doktor, akauntan dan pengurus wanita. Sebahagian wanita pula ada yang menjadi pengurus syarikat atau institusi yang sebahagian besar pekerjanya terdiri dari kaum lelaki. Kita juga melihat kaum wanita menjadi guru besar dalam sekolah-sekolah yang sebahagian gurunya lelaki. Para profesor di fakulti pula terkadang dipimpin oleh seorang dekan wanita. Bahkan kadang-kadang para suami sendiri menjadi pegawai kepada isterinya yang bekerja sebagai guru besar di sekolah, dekan di fakulti atau pengurus besar sebuah hospital. Tetapi apabila kembali ke rumah isteri mesti bersedia kembali menjadi anggota keluarga yang dipimpin oleh suami.

Pendapat yang mengatakan bahawa anggota majlis perwakilan lebih tinggi kedudukannya daripada presiden, kerana dia berhak untuk mengawasi dan mempersoalkan kebijaksanaan presiden, adalah pendapat yang tidak dapat diterima sama sekali. Sebab bukan semua orang yang berhak mengawasi bermakna lebih tinggi pangkatnya daripada orang yang diawasi. Ia hanya memiliki hak mengawas dan menyelia, tetapi kedudukan dan pangkatnya jelas lebih rendah daripada ketua negara.

Dalam sistem demokrasi, ketua negara atau presiden sememangnya lebih tinggi pangkat dan darjatnya daripada yang lain. Tetapi orang lain yang lebih rendah kedudukannya berhak untuk menasihati, mengawasi, menyuruhnya untuk berbuat kebajikan ataupun mencegahnya daripada melakukan kemungkaran. Ini sesuai dengan ucapan khalifah pertama Abu Bakar as-Siddiq: "Jika kamu semua melihat saya berada pada kebenaran maka bantulah saya, tetapi jika kamu semua melihat saya dalam kebatilan maka luruskanlah saya." Juga sesuai dengan ucapan khalifah kedua Umar Ibn al-Khattab, "Sesiapa yang melihat diriku telah menyeleweng hendaklah dia meluruskanku."

Tidak ada seorang pun yang mengingkari bahawa di antara tugas seorang isteri ialah memberi nasihat kepada suaminya mengenai urusan dan nafkah rumah tangga. Dia juga berhak untuk

bertanya, "Mengapa abang beli barang ini? Mengapa banyak sangat membeli barang itu? Mengapa abang tidak mahu mengasuh anak? Mengapa abang tidak pergi bersilaturahim dengan jiran-jiran? Dan soalan-soalan lain yang bersifat Amar Makruf Nahi Mungkar.

Kalaupun kita terpaksa mengatakan bahawa kedudukan majlis syura atau majlis perwakilan lebih tinggi daripada presiden, kita harus sentiasa ingat bahawa hal itu hanya berlaku dengan mengambil kira lembaga majlis perwakilan secara keseluruhan, bukan dengan individu-individu tertentu yang menjadi anggota di dalamnya.

Peranan kedua daripada majlis perwakilan ialah menetapkan undang-undang. Sebahagian orang menafsirkan peranan ini dengan penafsiran yang berlebih-lebihan sehingga mereka menganggap kedudukan majlis perwakilan lebih penting daripada pemerintahan itu sendiri. Mereka menerangkan bahawa majlislah yang menjana konsep perundangan negara dan menetapkannya. Oleh itu, jawatan yang sangat penting ini tidak boleh dianggotai oleh kaum wanita.

Perkara ini sesungguhnya tidak seserius apa yang dibayangkan, sebab yang menentukan undang-undang dan asas-asas perundangan pada dasarnya ialah Allah s.w.t. Manusia hanya menarik kesimpulan hukum terhadap perkara-perkara yang tidak ditetapkan oleh nas atau merincikan konsep am yang disebutkan oleh nas. Dengan perkataan lain tugas kita sebagai manusia hanya melakukan ijtihad untuk menarik kesimpulan hukum, merincikan permasalahan dan menyesuaikannya dengan kehidupan.

Syariat Islam membuka peluang kepada lelaki dan wanita untuk sama-sama berijtihad. Tidak terdapat dalam syarat Ijtihad yang diletakkan oleh ulama bahawa seorang mujtahid mesti berjantina lelaki dan wanita tidak boleh berijtihad.

Ummul Mukminin Aishah merupakan seorang mujtahid dan mufti di kalangan para sahabat. Beliau sering berbincang dan berkonsultasi dengan para sahabat mengenai berbagai-bagai perkara. Sebahagian daripada perbahasan dan perbincangan tersebut dikumpulkan dalam buku-buku yang terkenal.[4]

Memang betul hasil ijtihad kaum wanita dalam sejarah Islam tidak sebanyak hasil ijtihad kaum lelaki. Ini disebabkan kerana kurang tersebarnya budaya ilmu di kalangan para wanita pada masa itu ekoran keadaan dan situasi yang tidak mengizinkan. Tetapi pada hari ini keadaan sudah jauh berubah. Bilangan wanita yang berpendidikan tinggi telah menyamai atau mendekati bilangan kaum lelaki berpelajaran. Bahkan di antara kaum wanita yang berpelajaran itu terdapat beberapa orang yang memiliki prestasi cemerlang mengatasi kaum lelaki. Ini membuktikan bahawa

kecemerlangan dan kecerdasan bukan kriteria yang didominasi oleh kaum lelaki sahaja. Di antara kaum wanita ada juga yang dianugerahi Allah dengan kecerdasan dan bakat yang tidak dimiliki oleh sesetengah kaum lelaki.

Al-Quran telah menceritakan kepada kita kisah Ratu Sabak yang memiliki kebijaksanaan serta pertimbangan yang jitu dalam interaksinya dengan nabi Sulaiman a.s. Kita boleh melihat ketajaman analisanya sejak pertama kali beliau menerima surat yang dihantarkan oleh burung Hud Hud. Beliau telah memanggil para pemuka kaum untuk meminta pandangan mereka tentang surat tersebut. Beliau menyatakan sikapnya dalam memutuskan satu perkara dalam ucapan berikut:

قَالَتْ يَٰٓأَيُّهَا ٱلْمَلَؤُا۟ أَفْتُونِى فِىٓ أَمْرِى مَا كُنتُ قَاطِعَةً أَمْرًا حَتَّىٰ تَشْهَدُونِ ﴿٣٢﴾

Terjemahan: *Aku tidak memutuskan satu perkara sebelum kamu semua menyaksikan sendiri (duduk perkara yang sebenar).*

(Surah an-Naml 27: 32)

Cara yang bijak itu telah menjadikan rakyatnya yang gagah perkasa menerima segala keputusan yang ditetapkannya.

قَالُوا۟ نَحْنُ أُو۟لُوا۟ قُوَّةٍ وَأُو۟لُوا۟ بَأْسٍ شَدِيدٍ وَٱلْأَمْرُ إِلَيْكِ فَٱنظُرِى مَاذَا تَأْمُرِينَ ﴿٣٣﴾

Terjemahan: *Mereka menjawab, "Kita adalah segolongan orang yang memiliki kekuatan dan (juga) keberanian yang tinggi (dalam peperangan), (walau bagaimanapun) keputusan (tetap) berada di tanganmu.*

(Surah an-Naml 27: 33)

Setelah itu al-Quran menceritakan kecerdasan beliau dalam berinteraksi dengan nabi Sulaiman a.s. sehinggalah beliau memeluk agama Islam.

Al-Quran menceritakan kisah ini bukan sebagai satu hiburan, tetapi al-Quran ingin menyampaikan kepada kita bahawa di antara kaum wanita terdapat sebilangan personaliti yang memiliki kecerdasan dan kejituan pandangan dalam mentadbir urusan politik dan pemerintahan. Bahkan ada pula yang lebih berbakat

dibanding sesetengah kaum lelaki. Juga tidak dapat dipertikaikan lagi bahawa dalam syariat terdapat hukum-hakam yang berkaitan secara khas dengan diri kaum wanita dan rumah tangganya. Kita tidak boleh menetapkan sebarang perkara dalam hal itu kecuali dengan mengambil kira pendapat wanita. Sebab dalam sesetengah perkara pandangan kaum wanita tampak lebih jitu dan tepat berbanding pendapat kaum lelaki.

Seorang wanita pernah menyanggah pendapat Saidina Umar bin Khattab di masjid dalam satu perkara yang berkaitan dengan urusan rumah tangga. Beliau tidak bersetuju dengan pendapat Umar r.a. yang ingin menetapkan kadar minimum untuk mahar. Hujah-hujah yang dikemukakan oleh wanita itu telah berjaya meluruskan pandangan Saidina Umar dan membuat beliau menarik balik ketetapannya berkenaan mas kahwin.

Umar bin Khattab sememangnya banyak mengambil pandangan kaum wanita dalam menetapkan keputusan-keputusan yang berkaitan dengan kehidupan rumah tangga. Contohnya ialah semasa beliau menetapkan had masa yang dibenarkan bagi seorang suami meninggalkan isterinya untuk berjuang di medan perang. Beliau bertanya kepada anaknya Hafsah, "Berapa lamakah wanita boleh bersabar berpisah dengan suaminya?" Hafsah r.h.a. menjawab, "empat atau enam bulan."

Umar mengkaji semula had masa itu selepas beliau terperanjat mendengar sajak yang disenandungkan oleh seorang isteri yang sangat merindukan suaminya:

> Dinding malam sangat panjang dan gelap
> Hatiku gundah sebab tiada kekasih yang dapat kucanda
> Demi Allah, jika bukan kerana takutkan seksaan Allah
> nescaya akan bergerak seluruh sudut ranjang ini.

Umar bin Khattab juga telah menetapkan undang-undang pengagihan harta kepada setiap anak yang baru lahir. Sebelum itu harta hanya diagihkan kepada bayi yang telah disapih daripada penyusuan ibunya. Hal ini membuat sebahagian kaum ibu bersegera menyapih bayi mereka daripada penyusuan untuk memperolehi harta yang diagihkan kepada anak.

Pada satu hari Umar r.a. mendengar seorang bayi telah menangis dengan kuat dan berterusan. Beliau bertanya kepada ibu bayi itu apakah gerangan yang membuatnya menangis seperti itu. Ibu bayi itu berkata, "Amirul Mukminin tidak bersedia memberikan agihan harta kepada bayi kecuali selepas dia disapih daripada

penyusuan. Oleh itu, anakku ini segera kusapih daripada penyusuan meskipun dia menangis dengan kuat."

Mendengar keterangan ibu bayi itu Umar r.a. berkata, "Celaka engkau wahai Umar, berapa ramai kanak-kanak kaum Muslimin yang telah engkau bunuh!" Setelah itu beliau segera menetapkan pengagihan harta kepada seluruh kanak-kanak Muslim sejurus selepas kelahiran.

Meskipun kita membolehkan kaum wanita memasuki majlis perwakilan tidak bermakna bahawa kita membenarkan berlakunya percampuran antara wanita dengan lelaki yang bukan muhrim tanpa sebarang batasan dan peraturan. Juga tidak bermakna bahawa kaum wanita boleh melepaskan diri daripada tanggung jawab terhadap suami dan anak-anaknya. Apa lagi apabila mereka tidak pandai menjaga adab dalam berpakaian, bergerak, berjalan dan berbicara. Seluruh perkara ini wajib diperhatikan dan diambil berat oleh semua wanita sama ada di majlis perwakilan, di institut pengajian tinggi, di kolej atau di tempat-tempat kerja di luar rumah.

Negara yang mementingkan adab dan sopan santun Islam mesti menyediakan tempat yang khas untuk kaum wanita di parlimen. Kaum wanita mesti memiliki barisan kerusi yang khas dan terpisah serta suasana yang membuat mereka merasa tenteram dan terhindar daripada sebarang fitnah.

MEMBINCANGKAN FATWA YANG MENGHARAMKAN HAK BERPOLITIK BAGI WANITA

Tidak lama setelah saya menulis perenggan-perenggan di atas yang menyokong pencalonan wanita untuk menjadi anggota majlis perwakilan, beberapa orang rakan memaparkan di hadapan saya fatwa lama daripada sebahagian ulama al-Azhar yang intinya mengharamkan seluruh hak-hak berpolitik bagi kaum wanita. Fatwa tersebut dimulakan dengan pengharaman hak mengundi dalam pilihan raya dan seterusnya mengharamkan pencalonan atau pemilihan wanita menjadi anggota majlis perwakilan.

Mereka yang mencadangkan dihapuskan hak-hak berpolitik kaum wanita berhujah dengan mengatakan bahawa dari segi penciptaan dan bentuk semula jadinya kita mengetahui bahawa kaum wanita memiliki naluri semula jadi yang hanya sesuai untuk tujuan penciptaannya, iaitu untuk melaksanakan tugas-tugas

sebagai ibu, mengasuh, membesarkan dan mendidik anak. Perkara ini menjadikan kaum wanita memiliki naluri yang halus dan bersifat sentimental.

Realiti dan fakta kehidupan sentiasa memberitahu kepada kita bahawa sifat terlalu emosional dan kecenderungan mengikuti perasaan sememangnya merupakan sifat semula jadi kaum wanita. Bahkan wanita yang memiliki taraf keimanan yang tinggi pun sering dikalahkan pertimbangan akalnya oleh naluri kewanitaannya.

Ayat-ayat dalam surah al-Ahzab pula telah menjelaskan kepada kita bagaimana para isteri nabi s.a.w. telah tergoda untuk memperolehi perhiasan dan kenikmatan dunia. Mereka telah meminta agar nabi s.a.w. mencurahkan harta rampasan perang kepada mereka agar mereka boleh hidup senang lenang sebagaimana layaknya isteri-isteri para raja. Namun al-Quran telah menolak permintaan mereka dan meminta mereka agar kembali kepada pertimbangan yang rasional dan bijaksana. Firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ قُل لِّأَزْوَٰجِكَ إِن كُنتُنَّ تُرِدْنَ ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَا
وَزِينَتَهَا فَتَعَالَيْنَ أُمَتِّعْكُنَّ وَأُسَرِّحْكُنَّ سَرَاحًا جَمِيلًا ﴿٢٨﴾
وَإِن كُنتُنَّ تُرِدْنَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَٱلدَّارَ ٱلْءَاخِرَةَ فَإِنَّ ٱللَّهَ
أَعَدَّ لِلْمُحْسِنَٰتِ مِنكُنَّ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿٢٩﴾

Terjemahan: *Wahai nabi, katakanlah kepada para isterimu, "Jika kamu semua menginginkan kehidupan dunia dan perhiasannya, maka marilah supaya kuberikan kepada kamu mut'ah (harta) dan aku ceraikan kamu semua dengan cara yang baik. Dan jika kamu semua menghendaki (keredhaan) Allah dan Rasul-Nya serta (kesenangan) di negeri akhirat, maka sesungguhnya Allah menyediakan bagi sesiapa yang berbuat baik di antara kamu pahala yang besar.*

(Surah al-Ahzab 33: 28-29)

Surah at-Tahrim pula menceritakan kepada kita bagaimana sebahagian isteri nabi s.a.w. telah dihinggapi perasaan cemburu terhadap yang lain. Perasaan cemburu itu telah mengalahkan akal dan pertimbangan mereka sehingga mereka melakukan tunjuk perasaan terhadap nabi s.a.w. Al-Quran memberi peringatan kepada mereka dan meminta mereka untuk bersikap baik.

إِن تَتُوبَآ إِلَى ٱللَّهِ فَقَدْ صَغَتْ قُلُوبُكُمَا ۖ وَإِن تَظَٰهَرَا عَلَيْهِ
فَإِنَّ ٱللَّهَ هُوَ مَوْلَىٰهُ وَجِبْرِيلُ وَصَٰلِحُ ٱلْمُؤْمِنِينَ ۖ وَٱلْمَلَٰٓئِكَةُ
بَعْدَ ذَٰلِكَ ظَهِيرٌ ﴿٤﴾

Terjemahan: *Jika kamu berdua telah bertaubat kepada Allah, maka sesungguhnya hati kamu berdua telah condong (untuk menerima kebaikan). (Tetapi) jika kamu berdua bantu-membantu dalam menyusahkan nabi, maka sesungguhnya Allah adalah Pelindungnya dan (begitu pula) Jibril dan orang-orang Mukmin yang baik. Selain daripada itu, para malaikat merupakan penolong pula (baginya).*

(Surah at-Tahrim 66: 4)

Demikianlah, isteri-isteri nabi s.a.w. yang hidup dalam lingkungan yang paling mulia dan luhur ternyata tidak dapat melepaskan diri daripada tekanan naluri. Kekuatan spiritual mereka tidak mampu mengatasi perasaan cemburu meskipun mereka memiliki keimanan yang sempurna dan hidup dalam bimbingan wahyu serta petunjuk nabi s.a.w. Lalu, bagaimana pula dengan wanita lain yang imannya tidak setaraf dengan isteri-isteri nabi dan tidak pula dibesarkan dalam suasana agama yang serupa dengan mereka?

Inilah di antara hujah yang disebutkan berkenaan dengan isteri-isteri nabi s.aw. Tetapi agaknya mereka lupa untuk menyempurnakan cerita tersebut. Terutama penghujung cerita yang menegaskan bahawa para isteri nabi s.a.w. telah memilih Allah, Rasul-Nya dan kebahagiaan negeri akhirat berbanding harta dan kenikmatan sementara di dunia.

Kecenderungan mereka kepada perhiasan dan kenikmatan dunia bukanlah bermakna bahawa akal mereka tidak sempurna dan tidak layak memikirkan perkara-perkara yang lebih besar dan global. Kecenderungan tersebut timbul akibat dorongan naluri kewanitaan yang biasa dan segera hilang sejurus setelah turunnya ayat al-Quran yang memperingati mereka. Adakah kaum lelaki terlepas sepenuhnya daripada kecenderungan yang serupa? Tidak pernahkah terjadi bahawa kaum lelaki terdorong mencintai kenikmatan dunia dan kemudian kembali sedar setelah ditegur oleh wahyu? Bukankah al-Quran pernah mengingatkan para sahabat dalam ayat berikut:

وَإِذَا رَأَوْا تِجَٰرَةً أَوْ لَهْوًا ٱنفَضُّوٓا۟ إِلَيْهَا وَتَرَكُوكَ قَآئِمًا ۚ قُلْ
مَا عِندَ ٱللَّهِ خَيْرٌ مِّنَ ٱللَّهْوِ وَمِنَ ٱلتِّجَٰرَةِ ۚ وَٱللَّهُ خَيْرُ ٱلرَّٰزِقِينَ

Terjemahan: *Dan apabila mereka melihat perniagaan atau permainan mereka bersurai (dari khutbah) untuk menuju kepadanya dan mereka meninggalkan kamu dalam keadaan berdiri (berkhutbah). Katakanlah, "Apa yang ada di sisi Allah adalah lebih baik daripada permainan dan perniagaan dan Allah sebaik-baik Pemberi rezeki."*

(Surah al-Jumu'ah 62: 11)

Bukankah setelah Perang Uhud Allah telah menurunkan beberapa ayat yang mengecam tindakan sebahagian para sahabat kerana telah menderhakai perintah Rasulullah s.a.w. dengan meninggalkan kedudukan masing-masing untuk berlumba-lumba mengumpulkan harta rampasan perang. Padahal merekalah generasi yang paling baik.

Firman Allah:

وَلَقَدْ صَدَقَكُمُ ٱللَّهُ وَعْدَهُۥٓ إِذْ تَحُسُّونَهُم
بِإِذْنِهِۦ ۖ حَتَّىٰٓ إِذَا فَشِلْتُمْ وَتَنَٰزَعْتُمْ فِى ٱلْأَمْرِ
وَعَصَيْتُم مِّنۢ بَعْدِ مَآ أَرَىٰكُم مَّا تُحِبُّونَ ۚ مِنكُم
مَّن يُرِيدُ ٱلدُّنْيَا وَمِنكُم
مَّن يُرِيدُ ٱلْءَاخِرَةَ ۚ

Terjemahan: *Dan sesungguhnya Allah telah memenuhi janji-Nya kepada kamu semua, ketika kamu membunuh mereka dengan izin-Nya. Sehinggalah pada masa kamu lemah dan berselisih dalam urusan itu dan menderhakai perintah (rasul). Sesudah itu Allah memperlihatkan kepada kamu apa yang kamu sukai. Di antara kamu terdapat orang yang menghendaki dunia dan di antara kamu terdapat orang yang menghendaki akhirat.*

(Surah Ali Imran 3: 152)

Ibn Mas'ud berkata, "Saya tidak pernah mengetahui bahawa di antara kita terdapat orang-orang yang menghendaki dunia, sehingga turunnya ayat ini."

Peristiwa-peristiwa di atas menegaskan kepada kita bahawa sebahagian kaum lelaki daripada generasi terbaik pun ada yang akal dan fikirannya boleh dikalahkan oleh perasaan dan nafsu. Tetapi bolehkah kita menarik kesimpulan bahawa seluruh kaum lelaki tidak layak untuk memikul tugas dan tanggung jawab yang besar? Tentu tidak!

Al-Quran juga menceritakan keadaan serupa yang berlaku pada masa sebelum dan setelah perang Badar. Keadaan mereka ketika diperintahkan untuk berperang digambarkan Allah dalam ayat berikut:

كَمَآ أَخْرَجَكَ رَبُّكَ مِنۢ بَيْتِكَ بِٱلْحَقِّ وَإِنَّ فَرِيقًا
مِّنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ لَكَٰرِهُونَ ۝٥ يُجَٰدِلُونَكَ فِى ٱلْحَقِّ
بَعْدَمَا تَبَيَّنَ كَأَنَّمَا يُسَاقُونَ إِلَى ٱلْمَوْتِ وَهُمْ يَنظُرُونَ
۝٦ وَإِذْ يَعِدُكُمُ ٱللَّهُ إِحْدَى ٱلطَّآئِفَتَيْنِ أَنَّهَا لَكُمْ
وَتَوَدُّونَ أَنَّ غَيْرَ ذَاتِ ٱلشَّوْكَةِ تَكُونُ لَكُمْ

Terjemahan: *Tuhanmu telah menyuruhmu untuk keluar dari rumahmu dengan kebenaran, (sedangkan) sesungguhnya sebahagian daripada orang-orang yang beriman tidak menyukainya. Mereka membantahmu tentang kebenaran sesudah nyata (bahawa mereka pasti menang). Seolah-olah mereka digiring menuju kematian sedangkan mereka melihat (sebab-sebab kematian itu). Dan (ingatlah) ketika Allah menjanjikan kepada kalian bahawa salah satu daripada dua golongan (yang kalian hadapi) ialah untuk kalian, tetapi kalian menghendaki (golongan) yang tidak mempunyai kekuatan senjata untuk kalian.*

(Surah al-Anfal 8: 5-7)

Manakala setelah selesai berperang pula al-Quran menceritakan sikap mereka terhadap para tawanan perang.

تُرِيدُونَ عَرَضَ ٱلدُّنْيَا وَٱللَّهُ يُرِيدُ ٱلْآخِرَةَ ۗ
وَٱللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٦٧﴾ لَّوْلَا كِتَٰبٌ مِّنَ ٱللَّهِ
سَبَقَ لَمَسَّكُمْ فِيمَآ أَخَذْتُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٦٨﴾

Terjemahan: *Kamu semua menghendaki harta benda dunia sedangkan Allah menghendaki (pahala) akhirat (untuk kamu). Dan Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana. Seandainya tidak ada ketetapan yang telah terdahulu daripada Allah, nescaya kamu ditimpa seksaan yang besar kerana (wang) tebusan yang kamu ambil.*

(Surah al-Anfal 8: 67-68)

Kelemahan dan kekurangan merupakan sifat semula jadi yang wujud dalam diri setiap manusia, sama ada lelaki atau pun wanita. Kita tidak boleh mengingkari hakikat tersebut, malah seharusnya kita mesti mengkaji bagaimanakah cara agar seseorang boleh mengatasi kelemahannya dan menyempurnakan kekurangannya?

Mereka yang berpendapat bahawa kaum wanita tidak berhak berpolitik sepatutnya meninjau kembali pendapat dan pandangan Ummu Salamah dalam perjanjian Hudaybiah. Pandangan beliaulah yang telah mendatangkan kebaikan kepada umat Islam. Mereka juga tidak boleh menafikan cerita al-Quran tentang seorang wanita yang berjaya memerintah kaumnya dengan kepintaran dan kecerdasannya. Kebijaksanaan politiknya pada masa kritikal telah mendatangkan kebaikan dunia dan akhirat kepada bangsanya. Dialah Ratu Saba' yang telah menjelaskan kepada kaumnya tentang tabiat para penguasa apabila mereka memasuki satu negeri. Penjelasan itu diutarakannya dengan bahasa yang ringkas dan tegas:

قَالَتْ إِنَّ ٱلْمُلُوكَ إِذَا دَخَلُوا۟ قَرْيَةً
أَفْسَدُوهَا وَجَعَلُوٓا۟ أَعِزَّةَ أَهْلِهَآ أَذِلَّةً

Terjemahan: *Sesungguhnya para raja jika memasuki satu negeri, nescaya mereka membinasakannya dan menjadikan para pemimpinnya hina.*

(Surah an-Naml 27: 34)

HALANGAN-HALANGAN SEMULA JADI KAUM WANITA

Mereka yang melarang dicalonkannya wanita dalam majlis perwakilan juga mengemukakan alasan yang lain. Di antaranya ialah wanita memiliki halangan-halangan semula jadi seperti haid setiap bulan, hamil, melahirkan anak, menyusukan bayi serta mengasuh anak. Ini semua menjadikan kaum wanita tidak mampu secara fizikal, mental dan pemikiran untuk menanggung tugas sebagai salah seorang anggota majlis perwakilan yang menetapkan hukum dan mengawasi jalannya pemerintahan.

Realiti di atas sememangnya benar. Kami pun tidak menafikan bahawa bukan seluruh wanita layak menjalankan tugas sebagai anggota majlis perwakilan. Seorang wanita yang sentiasa sibuk mengasuh anak tentunya tidak akan berani turun bertanding menjadi wakil rakyat. Jika dia tetap memberanikan diri untuk bertanding orang ramai tentunya akan berkata kepadanya, "Jangan ikut, anak-anakmu lebih memerlukanmu!"

Tetapi di sana terdapat wanita-wanita yang tidak dikurniakan anak dan memiliki keutamaan, potensi, masa, ilmu dan kepintaran. Juga terdapat wanita-wanita yang menjangkau umur lima puluhan dan tidak lagi mengalami halangan-halangan semula jadi yang disebutkan di atas. Manakala anak-anaknya pula telah menikah dan mendirikan rumah tangga masing-masing. Lama merasai pengalaman hidup menjadikannya matang dalam berfikir dan menganalisa. Dia juga memiliki masa luang yang cukup untuk melibatkan diri dalam mengurus masalah-masalah yang besar dan global. Mengapakah kita mesti menghalang dicalonkannya wanita-wanita seperti ini dalam majlis perwakilan jika dia memenuhi syarat-syarat sebagai seorang anggota majlis?

Di antara hujah lain yang digunakan oleh sesetengah pihak yang memfatwakan haramnya penglibatan wanita dalam pilihan raya ialah ayat al-Quran berikut:

وَقَرْنَ فِي بُيُوتِكُنَّ

Terjemahan: *Dan hendaklah kamu menetap di rumah kamu..*
(Surah al-Ahzab 33: 33)

Kami telah membincangkan isu ini dalam perbahasan yang lalu, tetapi ingin kami tambahkan dengan beberapa penjelasan berikut:

Telah sama-sama kita maklumi bahawa ayat di atas ditujukan kepada para isteri nabi s.a.w. Hal itu juga dapat difahami melalui konteks ayat secara keseluruhan. Para isteri nabi s.a.w. memiliki hukum dan peraturan yang khas untuk mereka. Azab dan seksaan Allah akan dilipat gandakan ke atas para isteri nabi yang berbuat kemungkaran, manakala pahala pula dilipat gandakan bagi mereka yang mengerjakan amal kebajikan. Mereka juga tidak boleh dinikahi oleh sesiapa pun setelah wafatnya Rasulullah s.a.w. Al-Quran menyimpulkan keutamaan para isteri nabi ini dalam ayat berikut:

يَٰنِسَآءَ ٱلنَّبِيِّ لَسْتُنَّ كَأَحَدٍ مِّنَ ٱلنِّسَآءِ

Terjemahan: *Hai isteri-isteri nabi, kamu semua tidak serupa dengan wanita yang lain.*

(Surah al-Ahzab 33: 32)

Oleh itu, ayat yang memerintahkan untuk mengurung diri dalam rumah itu tidak boleh diterapkan ke atas para wanita Muslimah selain isteri-isteri nabi s.a.w. Pada zaman sekarang, kita sendiri menyaksikan kaum Muslimin membenarkan anak-anak perempuan mereka keluar rumah untuk tujuan belajar di sekolah atau di universiti. Mereka juga dibenarkan untuk pergi berbelanja di pasar, bekerja di luar rumah sebagai guru, doktor, jururawat dan pekerjaan-pekerjaan sah yang lain selagi tidak bercanggah dengan hukum dan undang-undang syariah.

Walau bagaimanapun, ayat surah al-Ahzab "Dan hendaklah kalian tetap di rumah kalian." tidak mencegah Ummul Mukminin Aisyah r.h.a daripada keluar rumah. Bahkan beliau pernah keluar daripada bandar Madinah Munawwarah menuju bandar Basrah bersama sekumpulan tentera yang sebahagian besarnya terdiri daripada para sahabat. Di antara mereka terdapat dua orang sahabat yang pernah diberitakan oleh nabi s.a.w. sebagai penduduk syurga dan pernah pula dicalonkan oleh Umar bin Khattab untuk menjadi khalifah. Mereka ialah Talhah dan Zubair r.a. Sekumpulan kaum Mukminin itu menuntut sesuatu yang mereka yakini sebagai benar, iaitu disegerakannya pelaksanaan hukuman qisas ke atas orang-orang yang telah membunuh Saidina Usman r.a.

Meskipun Aishah r.h.a akhirnya menyesal atas keikut sertaan beliau dalam kumpulan itu, tidak bermakna bahawa keluarnya beliau daripada bandar Madinah merupakan satu tindakan yang tidak sah di sisi syariah. Sebaliknya beliau menyesal kerana pendapat politik beliau berkenaan isu qisas ternyata tidak benar.

Sayangnya, sebahagian umat Islam masih lagi menganggap ayat "Dan hendaklah kalian menetap di rumah kalian." sebagai hujah am yang melarang kaum wanita keluar dari rumah kecuali untuk keperluan kecemasan. Bahkan di antara mereka ada pula yang melarang kaum wanita daripada memperolehi pendidikan di sekolah atau di institut pengajian tinggi. Tidak hairanlah jika mereka yang berpandangan demikian sanggup melarang kaum wanita daripada mengundi pada pilihan raya. Mereka tidak sedar bahawa jika seluruh wanita dilarang untuk mengundi pada pilihan raya, maka umat ini tentu kehilangan sebahagian besar potensinya pada segi yang sangat penting. Akhirnya kaum wanita yang salihah tidak dapat memberikan suaranya untuk menyokong parti Islam, manakala wanita-wanita lain berleluasa memberikan suara dan sokongan mereka untuk parti sekular yang menentang syariat Islam.

Mereka lupa bahawa lanjutan daripada ayat tersebut menunjukkan disahkannya kaum wanita keluar dari rumah selagi mereka menjaga kehormatan diri dan budi pekerti serta tidak berhias diri dan bertingkah laku seperti orang-orang jahiliah. Larangan untuk tidak berhias diri atau berkelakuan buruk hanya dikenakan ke atas wanita yang berada di luar rumah. Sebab syariah tidak pernah melarang kaum wanita untuk bersolek dan menghiasi diri untuk suaminya di dalam rumah.

HADITH "TIDAK BERJAYA SATU KAUM YANG MENYERAHKAN URUSAN MEREKA KEPADA SEORANG WANITA"

Di antara dalil yang dijadikan sandaran oleh para ulama yang melarang wanita mengundi atau menjadi anggota majlis perwakilan ialah satu hadith yang diriwayatkan oleh Abu Bakrah. Hadith tersebut adalah demikian: Semasa dikhabarkan kepada Rasulullah s.a.w. bahawa bangsa Parsi telah melantik puteri kaisar untuk menjadi raja setelah ayahnya meninggal, Rasulullah s.a.w. mengulas perlantikan itu seraya bersabda:

« لن يفلحَ قــومٌ ولّوا أمــرَهم امــرأةً » رواه البخاري

Maksudnya: *Tidak berjaya satu kaum yang menyerahkan urusan mereka kepada seorang wanita.*

(Riwayat Bukhari)

Ada beberapa perkara yang harus kita huraikan lebih terperinci lagi berkenaan dengan digunakannya hadith ini sebagai dalil yang mencegah wanita daripada berpolitik.

Pertama: Adakah hadith ini mesti difahami dari segi kandungan maknanya yang am atau dari segi *asbabul wurud*nya (sebab-sebab yang mendorong Rasulullah bersabda)? Jika kita melihat hadith ini dari segi asbabul wurudnya, maka jelaslah bahawa Rasulullah hanya ingin mengkhabarkan kepada kita tentang kegagalan bangsa Parsi yang telah melantik puteri raja dan menjadikan kekuasaan sebagai harta pusaka yang diwarisi secara turun temurun. Sedangkan di sana mungkin terdapat personaliti lain yang lebih mampu dan jauh lebih baik daripada dia.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa majoriti ulama usul sependapat mengatakan bahawa dasar pertimbangan dalam menyimpulkan satu hukum ialah makna am daripada ayat (al-Quran atau hadith) dan bukan sebab-sebab turunnya ayat atau hadith tersebut. Tetapi kaedah itu bukan merupakan ijma' para ulama. Ibn Abbas, Ibn Umar dan ulama-ulama yang lain sering mengingatkan agar kita jangan melupakan Asbabun Nuzul. Jika kita mengabaikannya kita akan sukar memahami ayat al-Quran ataupun hadith.

Demikianlah kesilapan yang terlanjur dilakukan oleh orang-orang Khawarij. Mereka menyandarkan tindakan mereka kepada sebahagian ayat-ayat al-Quran dan menerapkan kandungan maknanya secara am ke atas seluruh kaum Muslimin. Padahal di dalamnya terdapat ayat-ayat yang ditujukan secara khas kepada orang-orang musyrikin.[5]

Keterangan di atas membuktikan bahawa *Asbabun Nuzul* bagi al-Quran atau *Asbabul Wurud* bagi hadith merupakan faktor yang tidak boleh diabaikan dalam memahami kedua-dua sumber hukum agama itu. Kemudian konsep mengambil kesimpulan hukum berdasarkan makna am daripada lafaz hadith atau al-Quran bukanlah satu kaedah yang boleh diterima sepenuhnya.

Dalam isu perlantikan wanita yang disebutkan dalam hadith yang diriwayatkan oleh Abu Bakrah di atas kita dapati bahawa penafsiran makna hadith secara am akan bercanggah dengan konteks al-Quran secara zahirnya. Sebab al-Quran sendiri telah menceritakan kepada kita tentang seorang wanita yang berjaya memimpin bangsanya dengan gemilang. Pemerintahannya merupakan satu pemerintahan yang paling adil. Kejituan pandangannya telah menyelamatkan bangsanya daripada peperangan besar yang boleh mengorbankan ribuan nyawa dan

menghabiskan harta benda tanpa sebarang keuntungan di sebalik itu. Dalam pemerintahannya setiap keputusan diambil berdasarkan mesyuarat. Beliau sentiasa meminta pendapat kepada para pembesar negeri. Mereka memberikan pandangan masing-masing tetapi menyetujui setiap keputusan wanita itu, sebab mereka sangat menghormatinya dan mengiktiraf keutamaan dan keunggulannya.

Itulah Balqis ratu negeri Saba'. Allah menceritakan kisah beliau dengan nabi Sulaiman a.s. dalam surah an-Naml. Nabi Sulaiman a.s. akhirnya berjaya menyedarkan ratu Balqis dan beliau berserah diri kepada Allah dalam pernyataan berikut:

رَبِّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي وَأَسْلَمْتُ مَعَ سُلَيْمَانَ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Terjemahan: *Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku telah berbuat zalim terhadap diriku dan aku berserah diri bersama Sulaiman kepada Allah Tuhan semesta alam.*

(Surah an-Naml 27: 44)

Jika sebelumnya beliau berjaya membawa bangsanya kepada kejayaan dunia sahaja, maka setelah pernyataan di atas beliau telah berjaya membawa bangsanya kepada kejayaan dunia dan akhirat.

Dalam kisah di atas kita menyaksikan bahawa di kalangan wanita terdapat personaliti-personaliti yang lebih banyak memberikan manfaat kepada negerinya dibandingkan sesetengah kaum lelaki. Berapa ramai di antara kaum wanita memiliki potensi yang lebih besar dalam bidang politik dan pentadbiran berbanding sesetengah kaum lelaki.

Kedua: Ulama umat Islam telah sepakat melarang kaum wanita daripada menerajui kepimpinan tertinggi (*al-Wilayat al-Kubra*). Perkara inilah yang disebutkan dalam hadith Abu Bakrah dan merupakan Asbabul Wurud daripada hadith tersebut. Hadith itu bermaksud melarang wanita daripada menjadi khalifah bagi seluruh umat Islam secara am. Tentu sahaja perkara sedemikian tidak wujud lagi pada zaman ini, setelah kekhalifahan umat Islam diruntuhkan oleh Mustafa Kamal At-Taturk pada tahun 1924M.

Sebahagian ulama ada yang mengkiaskan hadith di atas kepada kepimpinan dalam satu negara. Sebab kekuasaan seseorang wanita dalam satu negara membolehkannya untuk melaksanakan kehendaknya tanpa sebarang bantahan dan sanggahan. Dengan demikian bangsanya benar-benar telah menyerahkan urusan mereka sepenuhnya kepada seorang wanita.

Sebahagian ulama yang lain pula tidak bersetuju dengan pendapat di atas. Mereka mengertikan kepimpinan terhadap satu negara pada zaman ini seperti kepimpinan terhadap satu wilayah pada zaman kekhalifahan umat Islam dahulu, di mana wilayah-wilayah Islam seperti Mesir, Syam, Hijaz, Yaman dan lain-lain diterajui kepimpinannya oleh seorang gabenor wilayah.

Dengan demikian, selain menjadi khalifah bagi seluruh umat Islam, isu kepimpinan seorang wanita masih lagi merupakan perkara yang diperselisihkan oleh para ulama. Pintu ijtihad berkenaan perkara ini masih lagi terbuka lebar. Maka tidak ada salahnya jika saya berpendapat bahawa kaum wanita boleh menjadi menteri, hakim atau menjadi salah seorang anggota majlis perwakilan yang mengawasi pemerintahan secara am. Umar bin Khattab sendiri pernah melantik as-Syifa' binti Abdullah al-'Adawiyyah untuk mengawasi dan menyelia sebuah pasar.

Walau bagaimanapun, perkara tersebut mestilah dilaksanakan secara perlahan-lahan dengan mengambil kira perkembangan masyarakat. Wanita boleh diberi kedudukan yang sesuai dengan urusan-urusan kewanitaan, seperti urusan rumah tangga. Setelah negara semakin berkembang dan maju wanita boleh pula diberi jawatan yang berkaitan dengan urusan sivil atau jawatan-jawatan yang lain.

Ketiga: Jika satu masyarakat moden yang mengamalkan sistem demokrasi melantik seorang wanita untuk memegang satu jawatan seperti menteri, pengurus am atau wakil rakyat, tidak bermaksud bahawa wanita tersebut memiliki kuasa mutlak dan bertanggung jawab sepenuhnya terhadap segala perkara dalam jawatan tersebut. Kita sendiri menyaksikan bahawa tanggung jawab dalam jawatan tersebut ditanggung secara bersama-sama oleh seluruh pegawai. Jadi wanita hanya menanggung sebahagian tugas sahaja dengan di bantu oleh orang lain.

Dengan demikian kita mengetahui bahawa kekuasaan Margaret Thatcher di Britain, Indira Gandhi di India, atau Golda Meir di Israil satu masa dahulu bukan merupakan penguasaan seorang wanita terhadap bangsanya secara am. Sebaliknya ia merupakan kekuasaan satu sistem pemerintahan yang jawatan tertingginya diterajui oleh seorang wanita. Kuasa pemerintahan masih tetap berada pada majlis menteri dan bukan terletak di tangan perdana menteri seorang.

Meskipun wanita menjadi pemimpin tertinggi dalam majlis tersebut tidak bermakna bahawa ia merupakan seorang penguasa yang tidak boleh disanggah pendapatnya atau ditentang perintahnya.

Pendapatnya mungkin disokong oleh partinya tetapi parti lain bebas mengkritiknya. Satu masa ia boleh kalah dalam pilihan raya dan tersingkir daripada bangku kekuasaan seperti yang pernah berlaku terhadap Indira Gandhi di India. Bahkan dalam parti yang dipimpinnya sendiri ia hanya memiliki satu suara sahaja. Jika majoriti suara dalam parti itu menentangnya maka pendapatnya itu tidak berbeza dengan pendapat orang awam di jalan-jalan.

MENGGABUNGKAN DIRI KE DALAM PEMERINTAHAN BUKAN ISLAM

Satu soalan telah diajukan kepada saya:

"Bolehkah seorang Muslim yang taat atau satu jamaah Islam ikut serta dalam pemerintahan bukan Islam, sama ada pemerintahan itu berbentuk sivil atau ketenteraan, kerajaan atau republik, demokratik atau diktator, liberal atau sosialis, sekular secara terang-terangan atau sekular dengan berwajah agama? Kami maksudkan dengan menggabungkan diri dalam pemerintahan tersebut ialah ikut serta melaksanakan sebahagian tanggung jawab politik seperti memegang jawatan sebagai menteri atau jawatan lain yang bersifat politik.

"Kami sangat mengharapkan jawapan yang jelas. Sebab kami dapati sebahagian umat Islam sendiri masih lagi berselisih pendapat dalam perkara ini. Sebahagian mereka ada yang membolehkan, tetapi sebahagian yang lain pula melarang. Bahkan fatwa-fatwa para ulama sendiri berbeza. Ada fatwa yang membolehkan tetapi ada pula yang mengharamkan.

"Perkara ini mesti segera dijelaskan agar dapat memberi petunjuk kepada umat Islam yang dalam keadaan ragu-ragu dan kebingungan. Terlebih lagi sebahagian umat Islam dewasa ini sudah terlanjur ikut serta dalam sistem pemerintahan di negara masing-masing, seperti di Jordan, di Yaman, di Turki dan lain-lain. Sebahagian daripada negara itu, seperti Turki, melaksanakan sistem sekular secara murni. Sebahagian yang lain pula mengamalkan sistem sekular secara sembunyi-sembunyi. Tetapi ada pula yang sistem pemerintahannya sangat dekat dengan Islam seperti negara Yaman.

"Adakah mereka yang menggabungkan diri dalam pemerintahan bukan Islam itu dianggap telah sesat, ataukah mereka telah berijtihad dan ijtihad mereka itu boleh dianggap salah atau benar? Maksud kami, adakah perkara ini termasuk dalam perkara

yang dibenarkan untuk berijtihad ataukah ia merupakan satu perkara yang jelas dan pasti hukum-hakamnya sehingga tidak terdapat sebarang peluang untuk berijtihad? Demikianlah pendapat sebahagian orang Islam yang terlalu bersemangat. Semangat itu mereka kobarkan kepada kaum belia sehingga lama kelamaan kaum beliau bertindak keras tanpa perhitungan terhadap setiap perkara yang berlaku di sekitar mereka.

"Kami sangat mengharapkan agar al-Ustaz bermurah hati menerangkan perkara ini sejelas-jelasnya, dengan bersandarkan kepada dalil syariah. Semoga Allah menganugerahkan al-Ustaz kurnia yang dianugerahkan-Nya kepada para ulama yang salih."

(Jamaah Belia Islam di Jordan)

Saya paparkan jawapan saya terhadap soalan di atas dalam perenggan-perenggan berikut:

Hukum Asal Melarang Kita Untuk Ikut Serta

Tidak diragukan lagi bahawa hukum yang asal dalam Islam berkenaan isu ini ialah: seorang Muslim tidak dibenarkan untuk ikut serta dalam satu pemerintahan kecuali jika ia mampu melaksanakan syariat Allah yang telah dibebankan kepadanya sesuai dengan bidang kuasa jawatannya sebagai pemimpin atau menteri. Tugasnya dalam pemerintahan tidak boleh membuatnya melanggar perintah Allah dan Rasul-Nya. Firman Allah:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥٓ أَمْرًا أَن يَكُونَ لَهُمُ ٱلْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ ۗ وَمَن يَعْصِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَٰلًا مُّبِينًا ﴿٣٦﴾

Terjemahan: *Dan tidaklah patut bagi lelaki Mukmin dan tidak pula bagi perempuan Mukminah, apabila Allah dan Rasul-Nya telah menetapkan satu ketetapan mereka mencari pilihan (ketetapan yang lain) berkenaan urusan mereka. Dan sesiapa yang derhaka terhadap Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya dia telah sesat (dalam) kesesatan yang nyata.*

(Surah al-Ahzab 33: 36)

Kita tidak boleh menggabungkan diri dalam pemerintahan bukan Islam yang tidak melaksanakan syariat dan hukum Islam dari segi perundangan, pendidikan, kebudayaan, informasi, ekonomi, politik, pentadbiran negara dan segi-segi kehidupan yang lain. Bahkan kita juga tidak boleh ikut serta dalam pemerintahan yang sebahagian sistemnya bersumber daripada Islam, tetapi sebahagian yang lainnya bersumber daripada falsafah dan teori di luar Islam. Bahkan pada praktiknya seringkali falsafah dan hukum luar itu diutamakan daripada hukum Islam yang jelas dan tegas.

Islam menolak seluruh bentuk pemerintahan seperti yang digambarkan di atas. Islam mewajibkan setiap Muslim untuk menetapkan segala sesuatu dengan hukum yang telah diturunkan Allah. Kita tidak boleh mengambil sebahagian hukum Allah itu dan meninggalkan sebahagian yang lain. Demikianlah yang difirmankan Allah s.w.t. kepada Rasulullah s.a.w.:

وَأَنِ ٱحْكُم بَيْنَهُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَآءَهُمْ وَٱحْذَرْهُمْ
أَن يَفْتِنُوكَ عَنۢ بَعْضِ مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ إِلَيْكَ ۖ فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَٱعْلَمْ
أَنَّمَا يُرِيدُ ٱللَّهُ أَن يُصِيبَهُم بِبَعْضِ ذُنُوبِهِمْ ۗ وَإِنَّ كَثِيرًا مِّنَ ٱلنَّاسِ
لَفَٰسِقُونَ

Terjemahan: *Hendaklah kamu memutuskan perkara di antara mereka menurut apa yang diturunkan Allah. Janganlah kamu mengikuti hawa nafsu mereka dan berhati-hatilah terhadap mereka supaya mereka tidak memalingkan (perhatian) mu daripada sebahagian (hukum) yang telah diturunkan Allah kepadamu. Jika mereka berpaling (daripada hukum Allah yang telah diturunkan-Nya), maka ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah hendak menimpakan musibah ke atas mereka disebabkan sebahagian dosa-dosa mereka. Dan sesungguhnya kebanyakan manusia ialah orang-orang yang fasik.*

(Surah al-Maidah 5: 49)

Al-Quran al-Karim mengecam dengan keras sikap Bani Israel yang mengambil sebahagian kandungan al-Kitab yang diturunkan kepada mereka dan mengingkari sebahagian yang lain. Firman Allah:

أَفَتُؤْمِنُونَ بِبَعْضِ الْكِتَابِ وَتَكْفُرُونَ بِبَعْضٍ ۚ
فَمَا جَزَاءُ مَن يَفْعَلُ ذَٰلِكَ مِنكُمْ إِلَّا خِزْيٌ
فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا ۖ وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ يُرَدُّونَ إِلَىٰ أَشَدِّ الْعَذَابِ ۗ
وَمَا اللَّهُ بِغَافِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٨٥﴾ أُولَٰئِكَ الَّذِينَ اشْتَرَوُا
الْحَيَاةَ الدُّنْيَا بِالْآخِرَةِ ۖ فَلَا يُخَفَّفُ عَنْهُمُ الْعَذَابُ وَلَا هُمْ
يُنصَرُونَ ﴿٨٦﴾

Terjemahan: *Mengapakah kalian beriman kepada sebahagian al-Kitab (Taurat) dan mengingkari sebahagian yang lain? Tidaklah balasan bagi orang yang berbuat demikian di antara kalian melainkan kenistaan dalam kehidupan dunia dan pada hari kiamat mereka dikembalikan kepada seksa yang sangat berat. Allah tidak lalai dari (memperhatikan) apa yang mereka perbuat. Itulah orang-orang yang membeli kehidupan dunia dengan (kehidupan) akhirat. Maka tidak akan diringankan seksaan terhadap mereka dan tidak pula mereka akan ditolong.*
(Surah al-Baqarah 2: 85-86)

Orang pertama yang bertanggung jawab terhadap penyelewengan hukum dan syariat Allah ialah ketua negara, raja, presiden atau panglima tentera. Tetapi semua kaki tangan yang membantunya pun turut berkongsi sama dalam dosa sesuai dengan kadar bantuan yang diberikannya. Bahkan al-Quran menyertakan seluruh tentera Firaun dalam perkongsian dosa yang menyebabkan mereka semua layak menerima azab Allah di dunia dan di akhirat. Firman Allah:

إِنَّ فِرْعَوْنَ وَهَامَانَ وَجُنُودَهُمَا كَانُوا خَاطِئِينَ

Terjemahan: *Sesungguhnya Firaun dan Haman beserta bala tenteranya ialah orang-orang yang berdosa.*
(Surah al-Qasas 28: 8)

Firman Allah:

فَأَخَذْنَٰهُ وَجُنُودَهُۥ فَنَبَذْنَٰهُمْ فِى ٱلْيَمِّ ۖ
فَٱنظُرْ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٤٠﴾
وَجَعَلْنَٰهُمْ أَئِمَّةً يَدْعُونَ إِلَى ٱلنَّارِ ۖ وَيَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ
لَا يُنصَرُونَ ﴿٤١﴾ وَأَتْبَعْنَٰهُمْ فِى هَٰذِهِ ٱلدُّنْيَا لَعْنَةً ۖ
وَيَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ هُم مِّنَ ٱلْمَقْبُوحِينَ ﴿٤٢﴾

Terjemahan: Maka Kami hukumlah Firaun dan bala tenteranya, lalu Kami lemparkan mereka ke dalam laut. Maka lihatlah bagaimana nasib orang-orang yang zalim. Kami jadikan mereka pemimpin-pemimpin yang menyeru (manusia) ke neraka dan pada hari kiamat mereka tidak akan ditolong. Kami sertakan kutukan kepada mereka di dunia ini dan pada hari kiamat mereka termasuk dalam golongan orang-orang yang dijauhkan (daripada rahmat Allah).

(Surah al-Qasas 28: 40-42)

Bahkan rakyat jelata yang bersetuju dengan tindakan para taghut serta pemimpin yang zalim pun dikategorikan oleh al-Quran sebagai para penolong yang akan berkongsi azab dan seksa secara bersama. Dalam hal ini al-Quran mengecam keras kaum nabi Nuh a.s.:

قَالَ نُوحٌ رَّبِّ إِنَّهُمْ عَصَوْنِى وَٱتَّبَعُوا۟ مَن لَّمْ يَزِدْهُ
مَالُهُۥ وَوَلَدُهُۥٓ إِلَّا خَسَارًا ﴿٢١﴾

Terjemahan: *Nuh berkata, "Wahai Tuhanku, sesungguhnya mereka telah menderhakaiku dan telah mengikuti (para penguasa) yang harta dan anak-anaknya tidak menambahkan sesuatu kepadanya kecuali kerugian semata-mata.*

(Surah Nuh 71: 21)

Al-Quran juga mengecam kaum nabi Hud dalam ayat berikut:

وَتِلْكَ عَادٌ جَحَدُوا بِآيَاتِ رَبِّهِمْ وَعَصَوْا رُسُلَهُ وَاتَّبَعُوا
أَمْرَ كُلِّ جَبَّارٍ عَنِيدٍ

Terjemahan: *Dan itulah (kisah) kaum 'Aad yang mengingkari tanda-tanda kekuasaan Tuhan mereka. Mereka menderhakai para rasul Allah dan menuruti perintah para penguasa yang berlaku sewenang-wenang serta menentang (kebenaran).*

(Surah Hud 11: 59)

Al-Quran juga mengecam kaum Firaun.

... فَاتَّبَعُوا أَمْرَ فِرْعَوْنَ وَمَا أَمْرُ فِرْعَوْنَ بِرَشِيدٍ ﴿٩٧﴾
يَقْدُمُ قَوْمَهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَأَوْرَدَهُمُ النَّارَ وَبِئْسَ الْوِرْدُ
الْمَوْرُودُ ﴿٩٨﴾

Terjemahan: *Tetapi mereka mengikuti perintah Firaun, sedangkan perintah Firaun sekali-kali bukanlah (perintah) yang benar. Ia berjalan di hadapan kaumnya pada hari kiamat lalu memasukkan mereka ke dalam neraka. Neraka itulah seburuk-buruk tempat yang didatangi.*

(Surah Hud 11: 97-98)

Dalam surah yang lain pula.

فَاسْتَخَفَّ قَوْمَهُ فَأَطَاعُوهُ إِنَّهُمْ كَانُوا قَوْمًا فَاسِقِينَ

Terjemahan: *Maka Firaun mempengaruhi kaumnya lalu mereka patuh kepadanya. Kerana sesungguhnya mereka ialah kaum yang fasik.*

(Surah az-Zukhruf 43: 54)

Setiap usaha yang ditujukan untuk memberi perkhidmatan atau bantuan kepada para taghut dan penguasa yang zalim dianggap sebagai satu jenayah yang diharamkan oleh syariah. Sebab syariah menyuruh kita untuk saling bantu membantu dalam kebajikan dan ketakwaan dan melarang kita untuk bantu membantu dalam dosa dan permusuhan. Firman Allah:

وَتَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْبِرِّ وَٱلتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْإِثْمِ وَٱلْعُدْوَٰنِ ۚ

Terjemahan: *Dan tolong menolonglah kamu semua dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa dan janganlah saling tolong menolong dalam (melakukan) dosa dan permusuhan.*

(Surah al-Maidah 5: 2)

Tolong menolong dalam mengerjakan kebajikan dan ketakwaan memiliki peringkat-peringkat yang tidak serupa antara satu dengan yang lain, sebagaimana tolong menolong dalam melakukan dosa dan permusuhan pun juga memiliki peringkat-peringkat yang berbeza-beza pula. Allah s.w.t. berfirman:

وَلَا تَرْكَنُوٓا۟ إِلَى ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ فَتَمَسَّكُمُ ٱلنَّارُ وَمَا لَكُم
مِّن دُونِ ٱللَّهِ مِنْ أَوْلِيَآءَ ثُمَّ لَا تُنصَرُونَ

Terjemahan: *Dan janganlah kamu semua cenderung kepada orang-orang zalim yang menyebabkan kamu semua disentuh api neraka. Dan sekali-kali kamu tidak mempunyai seorang pelindung pun selain dariapada Allah, kemudian kamu tidak akan ditolong.*

(Surah Hud 11: 113)

Agar tidak disentuh api neraka dan tidak dijauhkan daripada perlindungan Allah, seorang Muslim mesti menjaga hatinya supaya tidak menuruti kecenderungan hawa nafsu sendiri atau mengikuti kecenderungan hawa nafsu orang-orang yang zalim. Jika ayat ini melarang hati kita untuk tidak cenderung kepada perilaku orang-orang yang zalim, bagaimana pula dengan memberi mereka bantuan yang bersifat material?

KELUAR DARIPADA HUKUM ASAL BERDASARKAN PERTIMBANGAN YANG SAH DI SISI SYARIAH

Larangan bekerja sama dan memberikan bantuan kepada orang-orang yang zalim merupakan hukum yang asal dalam Islam. Kami maksudkan dengan hukum asal ialah prinsip dasar daripada hukum yang bersifat am. Tetapi di sana terdapat beberapa keadaan yang membuat kita terpaksa keluar daripada hukum asal berdasarkan

pertimbangan-pertimbangan yang telah ditentukan oleh syariah. Di antara pertimbangan-pertimbangan itu ialah:

1. Berusaha Mengurangi Kadar Kejahatan dan Kezaliman Mengikut Kesanggupan

Sesiapa sahaja yang merasa sanggup untuk mengurangi kezaliman, kejahatan dan kesewenang-wenangan dengan apa jua cara hendaklah dia melakukannya untuk menolong orang-orang lemah yang sentiasa teraniaya.

Allah s.w.t. berfirman:

فَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ مَا ٱسْتَطَعْتُمْ

Terjemahan: *Maka bertakwalah kamu semua kepada Allah menurut kesanggupan kamu.*

(Surah at-Taghabun 64: 16)

Allah s.w.t. berfirman pula:

لَا يُكَلِّفُ ٱللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

Terjemahan: *Allah tidak membebankan seseorang melainkan mengikut kesanggupannya.*

(Surah al-Baqarah 2: 286)

Rasulullah s.a.w. bersabda:

« إذا أمرتكم بأمر فأتوا منه ما استطعتم » متفق عليه

Maksudnya: *Jika saya menyuruh kamu semua untuk melaksanakan satu perintah, maka lakukanlah semampu kamu.*

(Muttafaqun 'alaihi)

Dalam sejarah kita menyaksikan Najashi raja negeri Habsyah telah memeluk Islam pada zaman Rasulullah s.a.w. Tetapi beliau tidak mampu melaksanakan hukum Islam dalam pemerintahannya. Beliau khuatir kaumnya akan menggulingkan kekuasaannya jika dia memaksakan hal tersebut. Rasulullah mengetahui perkara ini dan baginda dapat memaklumi keadaan Raja Habsyah itu. Falsafah sesetengah orang: 'semua sekali atau tidak sama sekali' tidak boleh diterima pakai dalam realiti seperti ini.

2. Memilih Risiko yang Paling Rendah

Ketetapan syariah menuntut kita untuk memilih perbuatan yang paling rendah mudharat dan risikonya (*Ikhtiyar Akhaff ad-Dararain*). Dengan demikian kita dapat menolak bahaya dan risiko yang lebih tinggi. Atas sebab inilah para ulama membenarkan kita untuk berdiam diri di hadapan kemungkaran jika teguran terhadapnya boleh mendatangkan kemungkaran yang lebih besar. Dalil mereka ialah sabda nabi s.a.w. kepada Aishah:

«لولا أن قومك حديثو عهد بشرك لبنيت الكعبة على قواعد إبراهيم» متفق عليه

Maksudnya: *Jika bukan kerana kaummu baru (meninggalkan) kemusyrikannya, nescaya telah saya bina Ka'bah di atas tapak-tapak (binaan) Ibrahim a.s.*

(Muttafaqun 'alaihi)

Rasulullah telah meninggalkan perkara yang dianggapnya wajib kerana mengkhuatiri timbulnya fitnah ekoran merubah tapak Ka'bah. Terlebih lagi, akidah Islam belum tersemat kuat di dalam sanubari orang-orang Arab.

Terdapat dalil lain yang ingin saya kemukakan berkenaan perkara ini, iaitu pada kisah Musa a.s. di dalam al-Quran. Musa a.s. pergi bermunajat kepada Tuhannya selama tiga puluh hari dan beliau menyempurnakannya menjadi empat puluh hari. Selama pemergiannya kaumnya telah disesatkan oleh seseorang bernama Samiri. Samiri telah membuat satu patung anak lembu daripada emas dan berkata kepada Bani Israil, "Inilah tuhan kamu dan tuhan Musa." Kepandaian Samiri telah menjadikan Bani Israil percaya dan mengikutinya. Nabi Harun a.s. memperingati mereka agar tidak menyembah patung anak lembu itu.

يَٰقَوْمِ إِنَّمَا فُتِنتُم بِهِۦ ۖ وَإِنَّ رَبَّكُمُ ٱلرَّحْمَٰنُ فَٱتَّبِعُونِى وَأَطِيعُوٓا۟ أَمْرِى ﴿٩٠﴾ قَالُوا۟ لَن نَّبْرَحَ عَلَيْهِ عَٰكِفِينَ حَتَّىٰ يَرْجِعَ إِلَيْنَا مُوسَىٰ

Terjemahan: *"Wahai kaumku, sesungguhnya kalian hanya diberi cubaan dengan anak lembu itu dan sesungguhnya Tuhan kalian ialah Tuhan Yang Maha Pemurah. Maka ikutilah aku dan*

taatilah perintahku." Mereka menjawab, "Kami akan tetap menyembah patung anak lembu ini hingga Musa kembali kepada kami."

(Surah Taha 20: 90-91)

Ketika Musa a.s. kembali beliau merasa sangat marah apabila mendapati kaumnya dalam keadaan seperti itu. Beliau menyergah kaumnya dengan berkata, "Alangkah buruknya perbuatan kamu semua sepeninggalanku." Bahkan kerana terlampau marah Musa a.s. telah melemparkan al-Kitab yang berada di tangannya dan menarik kepala adiknya nabi Harun a.s. dengan kasar seraya berkata:

قَالَ يَٰهَٰرُونُ مَا مَنَعَكَ إِذْ رَأَيْتَهُمْ ضَلُّوٓا۟ ﴿٩٢﴾ أَلَّا تَتَّبِعَنِ ۖ
أَفَعَصَيْتَ أَمْرِى ﴿٩٣﴾ قَالَ يَبْنَؤُمَّ لَا تَأْخُذْ بِلِحْيَتِى وَلَا بِرَأْسِىٓ ۖ
إِنِّى خَشِيتُ أَن تَقُولَ فَرَّقْتَ بَيْنَ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ وَلَمْ تَرْقُبْ قَوْلِى

Terjemahan: *Musa berkata, "Hai Harun, apa yang menghalangi kamu ketika kamu melihat mereka telah sesat. Kamu tidak (lagi) mengikuti (perintah)ku. Adakah kamu telah mengingkari perintahku? Harun berkata, "Wahai putera ibuku, janganlah kamu pegang janggutku dan jangan (pula) kepalaku. Sesungguhnya aku khuatir bahawa kamu akan berkata (kepadaku), "Kamu telah memecah belah di antara Bani Israel dan kamu tidak memelihara amanahku."*

(Surah Taha 20: 92-94)

Ini bermakna nabi Harun a.s. telah berdiam diri sementara waktu terhadap kejahatan yang dilakukan oleh kaumnya. Padahal perbuatan mereka itu tergolong dalam perbuatan yang sangat keji, hina, dan merupakan seburuk-buruk kemungkaran. Namun, dengan niat hendak menyelamatkan persatuan yang sedang retak di kalangan Bani Israel, nabi Harun a.s. berdiam diri untuk sementara waktu sehingga kedatangan nabi Musa a.s. Setelah nabi Musa a.s. datang barulah nabi Harun berganding bahu bersamanya untuk mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi menyelesaikan masalah tersebut.

3. Turun Daripada Contoh yang Ideal Kepada Realiti Kehidupan

Syariat Islam telah memberikan berbagai-bagai contoh dan teladan yang ideal kepada kaum Muslimin dalam pelaksanaan amal ibadah. Tujuannya ialah agar mereka memperhatikannya dan berusaha untuk mencapainya dengan sepenuh hati dan sepenuh usaha. Tetapi sebagai manusia yang lemah kita sering gagal untuk mencapai peringkat amalan yang paling ideal dan sempurna. Setelah ditekan oleh keperluan-keperluan dalam kehidupan, kita menyedari bahawa peringkat tersebut terlalu tinggi untuk didaki. Akhirnya kita terpaksa memilih turun daripada peringkat yang paling tinggi kepada realiti kehidupan yang sebenar.

Dari sinilah timbulnya kaedah-kaedah syariah yang menetapkan:

- Keadaan darurat boleh menghalalkan yang dilarang (*ad-Dharurat Tubih al-Mahzurat*).

- Kesukaran mendatangkan kemudahan (*al-Mashaqqah Tajlib at-Taysir*).

- Jangan menimbulkan bahaya ke atas diri sendiri atau orang lain (*La Dharara Wa La Dhirara*)

- Menghindari kesukaran (*Raf'ul Haraj*).

Sesiapa yang mengkaji al-Quran dan menganalisa al-Hadith nescaya akan mendapati bahawa kedua-dua sumber Rabbani itu telah menjelaskan perkara ini sejelas-jelasnya. Al-Quran telah menjelaskan bahawa Allah s.w.t. mengasaskan hukum syariat-Nya di atas asas kemudahan bukan kesukaran, kelembutan bukan kekerasan serta keringanan bukan pembebanan. Syariat Islam juga memelihara kepentingan manusia yang berada dalam kesusahan, terdesak atau tertekan. Semaklah ayat-ayat al-Quran di bawah ini.

يُرِيدُ ٱللَّهُ بِكُمُ ٱلْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ ٱلْعُسْرَ

Terjemahan: *Allah menghendaki kemudahan bagi kamu semua dan bukan kesukaran.*

(Surah al-Baqarah 2: 185)

يُرِيدُ ٱللَّهُ أَن يُخَفِّفَ عَنكُمْ ۚ وَخُلِقَ ٱلْإِنسَٰنُ ضَعِيفًا

Terjemahan: *Allah hendak memberikan keringanan kepada kamu semua, dan manusia itu dijadikan bersifat lemah.*

(Surah an-Nisa' 4: 28)

ذَٰلِكَ تَخْفِيفٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَرَحْمَةٌ

Terjemahan: *Perkara sedemikian itu merupakan keringanan dan rahmat daripada Tuhanmu.*

(Surah al-Baqarah 2: 178)

هُوَ ٱجْتَبَىٰكُمْ وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِى ٱلدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

Terjemahan: *Dialah yang telah memilih kamu semua dan Dia sekali-kali tidak menjadikan dalam agama satu kesempitan untuk kamu semua.*

(Surah al-Hajj 22: 78)

فَمَنِ ٱضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَآ إِثْمَ عَلَيْهِ ۚ

Terjemahan: *Maka (bagi) sesiapa yang (dalam keadaan) terpaksa (memakannya) sedangkan ia tidak mengingin-kannya dan tidak pula melampaui batas maka tidak ada dosa baginya.*

(Surah al-Baqarah 2: 173)

مَن كَفَرَ بِٱللَّهِ مِنۢ بَعْدِ إِيمَٰنِهِۦٓ إِلَّا مَنْ أُكْرِهَ وَقَلْبُهُۥ مُطْمَئِنٌّۢ بِٱلْإِيمَٰنِ

Terjemahan: *Sesiapa yang kafir kepada Allah sesudah dia beriman (dia mendapatkan kemurkaan-Nya). Kecuali orang yang dipaksa (menjadi) kafir sedangkan hatinya tetap tenang dalam beriman (maka dia tidak berdosa).*

(Surah an-Nahl 16: 106)

Semak pulalah beberapa hadith sahih berikut:

« يسّروا ولا تُعسّروا، بشروا ولا تنفروا » متفق عليه

Maksudnya: *Permudahlah dan janganlah mempersukar. Sampaikanlah khabar gembira dan janganlah membuat mereka lari.*

(Muttafaqun 'alaihi)

Maksudnya: *Sesungguhnya kamu semua diutus untuk mempermudah (masalah) dan bukan untuk mempersukarkan(nya).*

(Riwayat al-Bukhari, at-Tirmizi dan an-Nasai)

« أحب الدين إلى الله الحنفية السمحة »

Maksudnya: *Agama yang paling disukai Allah ialah agama yang lurus dan bertolak ansur.*

Berdasarkan dalil-dalil di atas para ulama membenarkan seorang Muslim yang sedang terdesak atau terpaksa untuk turun daripada prinsip syariah yang ideal kepada realiti kehidupan yang sebenar. Tujuannya agar dia boleh meneruskan kehidupan dan memperolehi hak-haknya tanpa harus mengorbankan dunia dan agamanya. Contoh, salah satu syarat seorang saksi dalam hukum syariah ialah adil, tetapi jika tidak terdapat saksi yang adil para ulama membenarkan kita untuk menggunakan saksi yang fasik.

Salah satu syarat dibenarkannya seorang menjadi hakim atau ketua negara ialah mampu berijtihad. Tetapi jika tidak terdapat seorang pun yang mampu berijtihad maka para ulama membolehkan kita melantik seorang hakim atau ketua negara yang bertaklid atau jahil, selagi dia mahu meminta pertolongan para ulama.

Para ulama juga membenarkan kita untuk berjihad bersama para pejuang yang buruk mentalitinya jika tidak terdapat para pejuang yang jujur dan ikhlas. Bahkan seseorang pernah bertanya kepada Imam Ahmad Ibn Hanbal: "Terdapat dua pemimpin, seorang kuat kepimpinannya tetapi buruk perangainya, manakala yang lain pula salih tetapi lemah kepimpinannya. Pemimpin yang manakah yang harus saya ikuti dalam berjuang?"

Imam Ahmad menjawab, "Pemimpin yang pertama kuat tetapi buruk perangainya. Keburukannya itu akan ditanggungnya sendiri manakala kekuatan kepimpinannya akan bermanfaat kepada umat

Islam. Pemimpin yang kedua salih tetapi lemah kepimpinannya. Kesalihannya hanya bermanfaat kepada dirinya sendiri manakala kelemahannya akan membahayakan umat Islam." Mendengar jawapan imam Ahmad si penanya itu pun memutuskan untuk pergi berjuang bersama pemimpin yang kuat meskipun buruk perangainya. Begitulah pandangan yang berasaskan kepada realiti daripada Imam Ahmad bin Hanbal yang terkenal dengan kesalihan dan ketakwaannya.

Realiti kehidupan kaum Muslimin pada masa sekarang dipenuhi dengan kelemahan, perpecahan dan kemunduran. Manakala musuh-musuh Islam memiliki seluruh kekuatan dan keunggulan. Keadaan seperti ini menjadikan kita terpaksa menerima perkara-perkara yang sepatutnya kita tolak semasa kita dalam keadaan kuat dan bersatu. Allah s.w.t. berfirman:

الْآنَ خَفَّفَ اللَّهُ عَنكُمْ وَعَلِمَ أَنَّ فِيكُمْ ضَعْفًا

Terjemahan: *Sekarang Allah telah meringankan kepada kalian dan Dia telah mengetahui bahawa pada kalian terdapat kelemahan.*

(Surah al-Anfal 8: 66)

Dalam ayat di atas Allah mengisyaratkan kepada kita bahawa kelemahan merupakan salah satu sebab yang membolehkan memperolehi keringanan. Meskipun demikian, seorang Muslim dituntut untuk sentiasa berusaha mencari kekuatan. Sebab seorang Muslim yang kuat lebih dicintai Allah berbanding seorang Muslim yang lemah.

Di merata negara Islam dewasa ini, hukum dan pemerintahan Allah belum lagi ditegakkan. Umat Islam belum mampu lagi melaksanakan kehendak Allah kecuali dalam lingkungan jamaah-jamaah Islam sahaja. Dalam keadaan seperti ini kita dibenarkan untuk turun kepada realiti kehidupan yang praktikal dan rela bergabung bersama orang lain, selagi perbuatan itu membawa kebaikan kepada umat.

4. Perkembangan Bertahap Sebagai Salah Satu Sunnah Allah

Perkembangan bertahap merupakan salah satu sunnah Allah dalam penciptaan alam semesta. Segala sesuatu Allah mulakan penciptaannya dalam bentuk yang kecil dan lemah. Kemudian ia

berkembang sedikit demi sedikit sehingga menjadi besar dan kuat. Sunnah Allah ini dapat kita lihat pada tumbuh-tumbuhan, haiwan dan manusia.

Manusia tidak pernah dilahirkan dalam keadaan akil baligh. Tetapi ia dilahirkan sebagai bayi yang menyusu dan kemudian sebagai anak kecil. Tidak beberapa lama kemudian ia menjadi seorang remaja, seorang dewasa dan akhirnya menjadi tua. Sebelum itu, di dalam rahim ibu tahap perkembangan manusia dimulakan dengan setitis air mani (nutfah). Nutfah itu kemudian berkembang menjadi segumpal darah. Pada perkembangan selanjutnya ia berubah pula menjadi tulang yang dibalut oleh daging dan akhirnya berubahlah ia menjadi satu makhluk baru dalam bentuk yang lain.

Syariat agama Islam yang lurus juga sedar akan sunnah ini. Oleh itu, ia memberikan tugas dan tanggung jawab kepada manusia secara bertahap dan berperingkat, sebagai rahmat dan kemudahan kepada mereka.

Seringkali manusia tidak mampu mencapai matlamat-matlamat besar dalam kehidupannya secara serta merta meskipun dia bersemangat untuk mencapainya. Tetapi dia boleh mencapai matlamat-matlamat besar tersebut jika dia melakukannya sedikit demi sedikit dengan mengambil kira kekuatan diri serta kadar potensi yang dimilikinya. Usaha seperti ini sama sekali tidak bercanggah dengan syariah, tradisi atau akal sihat. Bukankah para cendekiawan telah berkata: jika sesuatu tidak dapat dicapai secara keseluruhan, tidak semestinya kita meninggalkannya secara keseluruhan.

Satu negara dengan sistem pemerintahan Islam yang sempurna sememangnya merupakan satu matlamat yang besar. Ia merupakan matlamat yang mesti diberi perhatian oleh setiap orang sepenuh jiwa dan raga. Tetapi tentunya sukar bagi kita untuk merealisasikan matlamat tersebut secara serta merta. Maka tidak ada salahnya jika segolongan manusia hanya mampu melaksanakan sebahagian daripada sistem Islam. Sebab kejayaannya dalam sistem tersebut akan menjadi contoh yang diteladani oleh orang lain. Terlebih lagi jika terbukti bahawa hanya sistem Islam sahajalah yang mampu menegakkan kebenaran serta menyebarkan kemakmuran dan keadilan. Kejayaan melaksanakan sebahagian daripada sistem Islam akan membuat manusia tergerak untuk melakukan perkara yang sama.

Sejarah Islam banyak memberikan teladan yang boleh kita tiru bagi mendapatkan petunjuk. Di antaranya ialah teladan yang terdapat pada khalifah kelima Umar bin Abdul Aziz r.a. Beliau telah

menghidupkan sunnah, menegakkan panji-panji keadilan serta menyebarkan kebajikan yang tidak boleh dilupakan oleh sesiapapun sepanjang sejarah.

Seluruh pekerjaannya dilakukannya secara bertahap, berhati-hati dan dengan penuh hikmah. Hal ini membuat anaknya Abdul Malik, seorang pemuda Islam yang taat dan memiliki ghirah agama yang tinggi, bertanya kepada ayahnya, "Mengapakah ayah terlalu lamban dalam menerapkan perintah-perintah Allah kepada masyarakat? Demi Allah, saya tidak peduli jika kita berdua ditakdirkan terkorban selagi kita berada di atas jalan Allah!"

Abdul Malik yang sedang bergelora semangat keagamaannya ingin agar ayahnya segera melaksanakan perbaikan terhadap masyarakat tanpa mempedulikan risiko apapun yang akan menimpa, asalkan tetap di atas jalan Allah. Tetapi ayahnya yang bijaksana itu berkata kepadanya, "Janganlah tergesa-gesa wahai anakku. Sesungguhnya Allah s.w.t. mengecam khamar dalam dua ayat al-Quran dan mengharamkannya pada ayat yang ketiga. Saya khuatir jika masyarakat saya bawa kepada kebenaran secara serta merta mereka akan menolaknya secara serta merta pula. Akibatnya tentu akan timbul fitnah!"[6]

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN DALAM PEMERINTAHAN BUKAN ISLAM

Di sana terdapat syarat-syarat tertentu bagi sesiapa sahaja yang ingin menyertai sistem pemerintahan bukan Islam. Jika syarat-syarat ini tidak dipenuhi maka perkara ini kembali kepada hukum asal syariat yang melarang kita untuk ikut serta dalam pemerintahan tersebut.

Pertama: Penyertaan tersebut mesti bersifat nyata dan jelas, bukan sekadar ucapan atau pengakuan sahaja. Peserta yang menyertai pemerintahan itu tidak boleh menempatkan dirinya sebagai alat dalam kekuasaan orang lain yang bebas melakukan seluruh kehendaknya. Terlebih lagi jika peserta tidak memiliki sebarang kepakaran khas atau kedudukan tertentu yang membolehkannya untuk menegakkan keadilan, menyingkirkan kezaliman, membela kebenaran dan menentang kebatilan dalam bidang kuasanya. Tanpa hal ini, penyertaannya dalam pemerintahan bukan Islam tidak akan membawa sebarang erti dan makna.

Kedua: Pemerintahan yang disertainya itu bukan pemerintahan yang sangat zalim dan melampaui batas, atau pemerintahan yang sentiasa melanggar hak-hak manusia. Seorang Muslim yang taat justeru dituntut untuk menentang pemerintahan seperti ini dengan tangannya. Jika dia tidak mampu maka dengan lisannya. Jika dia tidak mampu juga maka dia harus menentangnya dengan hatinya, meskipun itulah iman yang terlemah. Seorang Muslim yang patuh dituntut untuk menentang dan merubahnya, bukan ikut serta di dalamnya!

Seandainya raja yang meminta nabi Yusuf a.s. untuk menjadi pakar perunding dan orang yang dipercaya merupakan raja yang sombong, tentulah nabi Yusuf a.s. akan menolak permintaan tersebut. Dan tentulah nabi Yusuf a.s. tidak akan meminta agar dirinya dijadikan sebagai pemegang amanah kekayaan Mesir. Raja yang berkuasa pada zaman nabi Yusuf a.s. tidak sama dengan Firaun yang berkuasa pada zaman nabi Musa a.s.

Berdasarkan pemahaman ini, setiap Muslim sama ada secara individu atau berjamaah tidak boleh ikut serta dalam pemerintahan yang bersifat diktator dan menindas masyarakat yang lemah, sama ada pemerintahan itu dikuasai secara mutlak oleh seorang individu atau oleh kuasa ketenteraan. Seorang Muslim hanya dibenarkan menyertai pemerintahan yang demokratik dan menghormati harkat serta martabat manusia.

Ketiga: Penyertaannya dalam pemerintahan tersebut tidak menghalanginya menentang semua perkara yang jelas bercanggah dengan ajaran Islam, atau paling tidak dia mampu menjaga kepentingan Islam. Seorang menteri mungkin boleh menegakkan keadilan dalam kementeriannya. Tetapi sebagai seorang anggota dalam kabinet dia akan diminta untuk menyetujui pelbagai peraturan, ketetapan dan undang-undang yang bercanggah dengan ajaran-ajaran Islam yang jelas. Pada masa itulah dia mesti menentangnya atau paling tidak menjaga kemaslahatan Islam sedaya upaya.

Di sana terdapat konsep-konsep yang bercanggah dengan konsep Islam secara mendasar sehingga amat sukar bagi seseorang untuk merubahnya. Seorang Muslim yang terbabit dalam sistem pemerintahan yang mengamalkan konsep tersebut mesti meninggalkan pemerintahan tersebut secara serta merta. Jangan beri peluang kepada sejarah untuk mencatatkan bahawa kaum Muslimin atau jamaah Islam pada zaman itu telah bersetuju terhadap satu dosa yang nyata.

Contoh yang paling jelas untuk hal tersebut ialah pemerintahan Israel. Kita tidak boleh bergabung dalam sistem pemerintahan Israel. Sebab hal tersebut membuat kita mengiktiraf penjajahan mereka terhadap bumi Palestin. Lebih daripada itu, kita juga akan terpaksa membiarkan masjid al-Aqsa dan Baitul Maqdis terus dikuasai Israel sehingga mereka berani mengumumkan kepada dunia bahawa itulah bandar yang mempersatukan negara mereka sepanjang zaman. Dan yang lebih parah lagi, keterbabitan kita dalam sistem pemerintahan tersebut membuat kita turut mencegah usaha berjuta-juta pelarian Palestin untuk kembali ke negara mereka sendiri, sedangkan pada masa yang sama kita mempelawa orang-orang Yahudi yang tinggal di merata negara-negara Barat untuk duduk di Palestin.

Keempat: Orang-orang Islam yang menyertai sistem pemerintahan bukan Islam mesti mengkaji manfaat daripada penyertaannya dari semasa ke semasa dan menjadikannya sebagai satu pengalaman dan pengajaran. Adakah penyertaan mereka dalam sistem tersebut membuat mereka berjaya menegakkan keadilan? Adakah kemaslahatan dan kesejahteraan umat berjaya dipertingkakkan? Kajian dan evaluasi yang sentiasa diadakan dari semasa ke semasa inilah yang akan menentukan sama ada mereka boleh terus menyertai pemerintahan tersebut atau terpaksa meninggalkannya dengan serta merta.

FATWA BEBERAPA ULAMA

Beberapa ulama besar Islam serta fuqahak yang masyhur telah mengeluarkan fatwa-fatwa mereka berkenaan perkara di atas. Mereka membenarkan seorang Muslim untuk turut serta dalam tugas-tugas politik, perundangan dan kepimpinan pada pemerintahan para raja dan sultan yang zalim, selagi penyertaan tersebut boleh merealisasikan kemaslahatan umat atau mencegah terjadinya kerosakan yang lebih besar.

Fatwa-fatwa mereka ini diasaskan di atas *fiqh al-Muwazanah* yang berpaksi pada usaha menimbang antara dua perkara, manakah yang lebih banyak maslahatnya dan manakah yang harus ditinggalkan, manakah yang lebih utama untuk didahulukan dan manakah yang harus diakhirkan. Juga diasaskan di atas pertimbangan manakah di antara dua perkara yang lebih sedikit bahayanya daripada yang lain dan manakah yang lebih banyak mudharat atau maslahatnya dalam pandangan syariah.

Untuk menentukan satu ketetapan dalam pertimbangan-pertimbangan seperti ini, seseorang perlu menguasai dua jenis fiqh:

1. Fiqh hukum-hakam beserta dalil-dalilnya. Untuk menguasai fiqh ini dia dituntut untuk mampu memahami nas-nas agama secara khas dan memahami maksud-maksudnya yang am.

2. Fiqh realiti dan keadaan semasa, sama ada keadaan umat Islam ataupun keadaan orang-orang yang memusuhi Islam. Pemahaman terhadap realiti dan keadaan semasa itu hendaklah bersifat menyeluruh pada peringkat daerah, wilayah dan negara.

Berdasarkan pemahaman dan penguasaan fiqh-fiqh seperti inilah para ulama telah mengasaskan fatwa-fatwa mereka. Di antaranya ialah fatwa Imam Izzuddin bin Abdus Salam dalam kitabnya *Qawa'id al-Ahkam Fi Masalih al-Anam* ("Prinsip-Prinsip Hukum Dalam Kemaslahatan Manusia"). Beliau berkata:

> "Jika orang-orang kafir telah menguasai satu kawasan Islam yang besar dan mereka melantik beberapa orang Islam untuk menjaga kemaslahatan kaum Muslimin secara am, maka saya berpendapat bahawa hal tersebut boleh diterima. Sebab matlamat kita ialah menjaga kemaslahatan awam dan mencegah kerosakan yang besar. Kita tidak boleh menunda kepentingan orang awam atau menyebabkan berlakunya kerosakan hanya kerana kita masih ingin mencari orang-orang yang memiliki kriteria dan persyaratan sempurna. Syariah tidak bersetuju dengan sikap demikian, sebab syariah diasaskan untuk menyebarkan rahmat dan maslahat kepada manusia."[7]

Pendapat as-Syeikh ini merupakan pendapat yang logik, sesuai dengan cara yang hikmah serta berupaya untuk merealisasikan kemaslahatan dan menjauhkan kerosakan.

Syeikh Islam Ibn Taymiah r.a. juga pernah berfatwa tentang diperbolehkannya seorang Muslim yang taat untuk memegang jawatan tertentu di dalam satu negara yang zalim, selagi negara yang melantiknya itu berjanji akan mengurangkan kezalimannya atau mengecilkan statik kejahatan dan kerosakan. Fatwa as-Syeikh itu telah kami paparkan dalam kitab *Awlawiyat al-Harakah al-Islamiyah* pada muka pertama daripada bahagian lampiran. Fatwa itu ialah sebagai berikut:

Seseorang bertanya kepada as-Syeikh tentang seorang muslim yang memegang jawatan sebagai penguasa beberapa kawasan dalam satu pemerintahan yang zalim. Dia terpaksa melaksanakan tugas-tugas kerajaan sebagaimana biasa, tetapi dia juga bertekad untuk menghapuskan kezaliman dalam daerah kekuasaannya sedaya upaya. Sebab dia sedar, jika jawatan tersebut diberikan kepada orang lain kezaliman akan terus berkelanjutan di kawasan tersebut atau mungkin bertambah buruk. Oleh itu dia berusaha meluruskan sebahagian penyelewengan yang berlaku dalam kawasan yang dikuasainya. Adapun terhadap sebahagian kawasan lain yang bukan berada dalam bidang kuasanya tentu sahaja dia tidak mampu berbuat apa-apa.

Bolehkah dia terus mengekalkan diri dengan cara itu dalam jawatan yang dipegangnya? Sedangkan kita mengetahui ketulusan dan kesungguhannya untuk menyingkirkan kezaliman yang berlaku dalam kawasannya. Atau adakah dia mesti bersara daripada jawatan tersebut, sedangkan ketiadaannya akan membuat kezaliman berkekalan malah mungkin bertambah buruk? Adakah kedudukannya dalam sistem pemerintahan seperti itu membuat dirinya berdosa? Manakah yang lebih baik baginya: mengekalkan dirinya dalam jawatan itu dan berusaha untuk menghapuskan kezaliman, atau bersara dari jawatan dan membiarkan kezaliman bermaharajalela? Juga jika rakyat memintanya untuk terus mempertahankan jawatannya kerana mereka merasakan bahawa kedudukannya di sana boleh mengurangi kezaliman, adakah lebih baik baginya untuk mempertahankan jawatan tersebut?

Syeikhul Islam Ibn Taimiyah menjawab soalan di atas dengan berkata:

"Alhamdulillah. Ya, jika dia memang berusaha untuk menegakkan keadilan dan menyingkirkan kezaliman, serta kedudukannya pada jawatan tersebut membawa lebih banyak kebaikan kepada kaum Muslimin berbanding orang lain, maka dia dibenarkan untuk tetap memegang jawatan tersebut dan tidak ada dosa baginya dalam perkara itu. Kedudukannya pada jawatan tersebut lebih utama daripada persaraannya.

"Bahkan jika tidak terdapat orang lain yang mampu berbuat seperti dirinya mungkin kedudukannya pada jawatan tersebut menjadi wajib. Sebab menyebarkan keadilan dan menyingkirkan kezaliman dalam batas kemampuan merupakan fardhu kifayah.

Setiap Muslim wajib melaksanakan perkara tersebut sedaya upaya selama tidak terdapat orang lain yang sesuai untuk menggantikan posisinya.

"Dia tidak dituntut untuk tidak melaksanakan tugas-tugas raja yang tidak boleh dihindarinya. Kadangkala raja dan para pembesar meminta sejumlah harta yang tidak mungkin diberikannya kecuali jika dia melakukan kehendak mereka, iaitu mengumpulkan harta rakyat. Jika dia tidak menyerahkan harta yang dikehendaki, raja akan menyerahkan wilayah tersebut kepada orang lain yang akan mengekalkan kezaliman dan memperburukkan keadaan.

"Dalam keadaan seperti ini memberikan harta kepada mereka akan mendatangkan banyak kebaikan kepada kaum Muslimin. Sesiapa yang menunaikan sebahagian kehendak orang-orang yang zalim demi menghindarkan kejahatan mereka daripada menimpa kaum Muslimin, maka dia tidak berdosa. Bahkan dia akan memperolehi pahala di dunia dan di akhirat selagi dia berusaha untuk menegakkan keadilan dalam kekuasaannya sebatas kemampuannya.

"Kedudukannya dalam hal ini serupa dengan orang yang diamanahkan untuk memegang harta anak yatim, atau seperti orang yang diamanahkan untuk mengelola harta wakaf, atau orang yang mengusahakan harta orang lain secara mudharabah dan lain-lain. Jika dalam satu ketika dia terpaksa menyerahkan sebahagian harta tersebut kepada penguasa yang zalim untuk menyelamatkan sebahagian yang lain, maka dia tidak bersalah, malah dia telah memilih satu langkah yang bijak.

"Sesungguhnya setiap orang yang bekerja mengusahakan harta orang lain atau hartanya sendiri dalam keadaan seperti ini tidak boleh menghindarkan diri menghadapi perkara-perkara sedemikian. Jika berlakunya perkara-perkara seperti itu mencegah kita daripada terus berusaha atau membuat kita terpaksa menyerahkan harta tersebut kepada orang lain yang pandai mengembangkannya, nescaya timbullah kerosakan ke atas semua dan hilanglah kemaslahatan orang ramai.

"Justeru seseorang itu dilarang untuk melakukan tindakan yang boleh mendatangkan bahaya sekecil apa pun, apa lagi bahaya dan kerosakan yang sangat besar. Contohnya, sekelompok kaum di hadang oleh para perompak dalam satu perjalanan. Jika mereka enggan menyerahkan sebahagian harta yang diminta para perompak itu tentu akan membunuh dan merampas seluruh harta mereka. Tiba-tiba seseorang berkata kepada rombongan kafilah itu, "Tidak halal bagi kalian untuk menyerahkan harta kalian kepada mereka",

dengan maksud untuk menjaga harta yang sedikit itu. Jika kaum itu melaksanakan nasihatnya harta dan nyawa merekalah yang akan musnah. Seseorang yang berfikiran sihat tentu tidak akan melakukan perbuatan seperti itu. Syariah Islamiyah juga tidak mengajarkan kita cara seperti itu. Sebab Allah s.w.t. mengutus para rasul untuk menyempurnakan kemaslahatan dan kesejahteraan manusia. Juga untuk menyingkirkan kemudharatan dan mengurangkan kerosakan dengan seluru daya dan upaya.

"Tidak mengapa jika seseorang yang diberi kuasa oleh seorang raja menolak tugas-tugas yang diberikan dengan menyerahkan harta kepadanya, selagi hal itu dilakukannya demi menjauhkan kaum Muslimin daripada angkara dan kezaliman para penguasa dan selagi dia tidak melihat cara lain yang boleh menyelamatkan kaum Muslimin kecuali cara tersebut. Malah jika dia berlepas tangan, wilayah tersebut akan dikuasai oleh penguasa baru yang akan mengekalkan penindasan dan kezaliman. Langkah seperti di atas merupakan satu tindakan terpuji yang mendatangkan pahala bagi orang yang melakukannya. Tidak ada dosa baginya dan tidak ada sebarang hukuman ke atasnya di dunia mahupun di akhirat.

"Demikian pulalah halnya dengan tentera yang bertugas memelihara keamanan penduduk di satu kawasan. Dia boleh meneruskan tugasnya meskipun dia berada di bawah kekuasaan pemerintahan yang zalim. Sebab untuk berjuang dan menjaga keamanan penduduk dia memerlukan kuda, senjata, bekalan dan kelengkapan perang. Jika satu sistem pemerintahan sanggup memberikan seluruh keperluan tersebut dia boleh mengambilnya.

"Ada pendapat yang mengatakan bahawa dia tidak boleh mengambil perlengkapan dan bekalan yang diberikan oleh pemerintahan yang zalim, malah dia harus segera meninggalkan kawasan tersebut. Pendapat ini tidak benar, kerana jika tentera itu meninggalkan kawasan tersebut para penguasa yang zalim akan datang untuk menindas. Dengan demikian umat Islam pun mengalami kerugian yang besar. Pendapat seperti ini salah dan hanya dikeluarkan oleh orang-orang yang tidak memahami hakikat agama. Keberadaan tentera Arab atau Turki (tentera Islam) yang moralnya lebih baik daripada tentera lain akan lebih bermanfaat kepada kaum Muslimin. Sebab mereka akan berusaha untuk menegakkan keadilan dan menyingkirkan kezaliman sedaya upaya. Adapun jika kawasan tersebut dikuasai oleh tentera lain ia akan dipenuhi dengan berbagai-bagai penindasan dan kezaliman.

"Para penguasa dalam satu kawasan yang berusaha menyebarkan kebajikan dan keadilan sedaya upaya tentu akan

mendapatkan pahala yang besar daripada Allah sebagai ganjaran bagi amal usahanya. Allah tidak akan menghukumnya jika dia memang tidak boleh melakukan satu perkara yang berada di luar batas kemampuannya. Dan Allah juga tidak akan menghukumnya jika dia terpaksa melakukan satu tindakan demi mencegah timbulnya kejahatan dan kezaliman yang lebih besar. Wallahu A'alam."[8]

KAJIAN LEBIH TERPERINCI DARIPADA IBN TAIMIYAH MENGENAI KEBAJIKAN YANG BERCANGGAH DENGAN KEBURUKAN

Syeikhul Islam Ibn Taimiyah berkata:

"Jika satu perkara wajib dikenal pasti boleh mendatangkan manfaat maka meninggalkannya akan mendatangkan kemudharatan. Begitu pula jika satu perkara haram dikenal pasti boleh mendatangkan keburukan maka melakukannya akan mendatangkan kemudharatan. Dalam perkara-perkara yang makruh pun kadang-kadang terdapat manfaat dan kebajikannya. Tetapi Percanggahan biasanya terjadi antara:

1. Dua perkara baik yang sukar dipisahkan antara satu dengan yang lain. Dalam hal ini kita mesti mengambil mana yang lebih banyak mendatangkan kebajikan dan melepaskan yang lain.

2. Dua keburukan yang harus sama-sama dihindari. Dalam hal ini kita mesti menghindari yang lebih besar mudaratnya dan melakukan yang lebih ringan risikonya.

3. Percanggahan juga berlaku antara kebajikan dan keburukan yang tidak boleh dipisahkan, di mana jika kebajikan dilakukan akan timbul keburukan dan jika keburukan dilaksanakan kebajikan akan dipersia-siakan. Dalam hal ini kita mesti menimbang manakah yang lebih berat antara manfaat kebajikan dan mudharat keburukan. Kemudian kita pilih salah satu yang lebih maslahat dan lebih utama di antara kedua-duanya.

"Perkara pertama dicontohkan dengan mengutamakan perkara yang wajib atas yang sunnah, fardhu 'Ain atas Fardhu Kifayah, melunasi hutang atas bersedekah dan lain-lain.

"Perkara kedua pula dicontohkan dengan mendahulukan memberi nafkah kepada keluarga atau kepada ibu bapa daripada mendermakan harta kepada satu jihad yang belum pasti. Dalam satu hadith sahih diriwayatkan bahawa seorang sahabat telah bertanya kepada Rasulullah s.a.w.

"Wahai Rasulullah, amalan apakah yang paling utama?"

Rasulullah s.a.w. menjawab, "Solat di awal waktunya."

Sahabat itu bertanya lagi, "Kemudian apa wahai Rasulullah?"

"Berbakti kepada kedua orang tua", jawab Rasulullah.

"Kemudian apa lagi wahai Rasulullah," tanya sahabat.

"Berjihad di jalan Allah."

"Contoh yang lain ialah seperti mengutamakan salah satu daripada dua perkara yang sama-sama wajib hukumnya, seperti mengutamakan jihad atas haji. Juga mengutamakan salah satu daripada dua perkara yang sama-sama sunnah hukumnya. Seperti mengutamakan membaca al-Quran berbanding berzikir atau mengutamakan solat sunat di atas kedua-duanya. Membaca al-Quran dan berzikir merupakan amalan hati dan lidah yang sunnah hukumnya. Tetapi jika amalan zikir disertakan dengan pemahaman di samping lidah dan hati, maka dia lebih utama daripada membaca al-Quran yang kekhusyukannya hanya sampai ke batas kerongkongan sahaja.

"Contoh ketiga pula ialah seperti mengutamakan seorang wanita untuk berhijrah meninggalkan satu kawasan peperangan meskipun tanpa diiringi seorang muhrim daripada terus berdiam dalam kawasan tersebut. Demikianlah yang telah dilakukan oleh Ummu Kulthum, sehingga turunlah ayat berikut:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِذَا جَآءَكُمُ ٱلْمُؤْمِنَٰتُ مُهَٰجِرَٰتٍ فَٱمْتَحِنُوهُنَّ

Terjemahan: *Hai orang-orang yang beriman, apabila telah datang berhijrah kepada kamu semua wanita-wanita yang beriman, maka hendaklah kamu uji (keimanan) mereka.*

(Surah al-Mumtahanah 60: 10)

"Pertimbangan untuk menyingkirkan kemudharatan yang lebih besar ini telah diabadikan oleh seorang penyair dalam sajak berikut:

Jika dua penyakit menimpa jasad orang yang bijaksana
tentu akan melenyapkan yang lebih berbahaya.

"Oleh sebab itu, semua orang sepakat mengatakan bahawa turunnya hujan pada musim kemarau merupakan satu rahmat, meskipun hujan itu turut pula menyuburkan tanaman para penguasa yang menindas mereka. Sebab ketiadaan hujan sama sekali akan lebih berbahaya bagi mereka. Begitu pula, kewujudan seorang sultan atau ketua negara yang zalim lebih baik daripada ketiadaannya sama sekali. Bahkan para cendekiawan berkata, "Enam puluh tahun di bawah pemerintahan seorang sultan yang zalim adalah lebih baik daripada satu malam tanpa kewujudan seorang sultan."

"Selagi kebenaran boleh ditegakkan, satu masa seorang sultan tentu mesti menerima hukuman atas penyelewengan dan pelanggaran hak-hak manusia yang dilakukannya. Tetapi ingin saya tegaskan di sini: jika seorang Muslim yang baik dilantik oleh sultan untuk menerajui kepimpinan am, menjadi gabenor atau hakim bagi satu kawasan tertentu, dia boleh terus menerajui jawatan yang dipegangnya meskipun dia terpaksa memenuh kehendak-kehendak sultan. Bahkan mungkin wajib baginya untuk terus mempertahankan jawatan tersebut. Sebab kekuasaan merupakan syarat utama yang harus dimiliki untuk menyebarkan kesejahteraan dan kemaslahatan. Kekuasaan yang berada pada tangan seorang Muslim yang baik membolehkannya untuk berjihad menentang musuh, membahagikan harta rampasan kepada yang berhak, menegakkan hukum hudud dan menjaga keamanan dalam kawasan. Terlebih lagi jika dikhuatiri sepeninggalannya kepimpinan dalam kawasan tersebut diserahkan kepada orang yang tidak layak memimpin, suka merampas harta orang lain secara paksa atau memberikan harta kepada orang yang tidak berhak menerimanya. Dalam hal ini kaedah yang dipakai ialah *Maa Laa Yatimm al-Wajib Illa Bihi Fa Huwa Wajib* (setiap perkara yang tidak sempurna satu kewajipan tanpa keberadaannya maka hukum melakukan perkara itu pun wajib).

"Oleh itu hukum mempertahankan jawatan itu wajib atau sunnah dengan syarat kemaslahatan yang diperolehi lebih besar daripada kerosakan yang timbul. Bahkan jika kita meletakkannya sebagai perkara yang tidak wajib sekalipun, usaha seseorang untuk mengurangkan atau menghapuskan kezaliman daripada satu kawasan tetap akan mendatangkan ganjaran dan pahala, sesuai dengan ketulusan niatnya. Kebijaksanaan buruk yang diterapkannya dengan niat untuk menghindari keadaan yang lebih buruk merupakan satu langkah yang baik.

"Pandangan hukum terhadap permasalahan ini berbeza-beza mengikut perbezaan niat dan matlamat masing-masing individu. Jika seseorang menjadi orang tengah antara penguasa yang zalim dengan orang yang dizalimi, dan dia terpaksa mengambil harta orang yang dizalimi untuk diserahkan kepada penguasa, maka dia telah melakukan satu kebajikan. Selagi penyerahan harta tersebut boleh mencegah penguasa itu dari terus bersikap zalim. Tetapi jika dia melakukan hal tersebut untuk menjaga kepentingan penguasa yang zalim, maka dia telah berdosa.

"Begitu pula dalam jihad, meskipun kita dilarang untuk membunuh kaum wanita, kanak-kanak serta orang-orang yang tidak turut berperang, tetapi bila kita terpaksa menggunakan meriam atau mengepung satu bandar tentunya amat sukar bagi kita untuk tidak melibatkan golongan tersebut dalam peperangan. Demikianlah yang berlaku pada zaman nabi apabila para sahabat mengepung bandar Taif dan terpaksa menyerang mereka dengan *manjaniq* (alat pelontar).

"Termasuk dalam masalah ini ialah peperangan kita dengan orang-orang Tatars (Mongol) sebagaimana yang dijelaskan oleh para fuqahak. Sesungguhnya tujuan kita memerangi mereka ialah untuk menghindari diri daripada fitnah kekufuran. Peperangan tersebut tentu akan menimbulkan kerugian seperti kehilangan harta benda dan nyawa. Tetapi kerugian itu jauh lebih ringan dibandingkan dengan kehilangan akidah. Oleh itu para ulama berpendapat bahawa jika bahaya kekufuran itu tidak boleh dihindari kecuali dengan berperang maka kita boleh memerangi orang-orang Tatars. Walau bagaimana pun para ulama masih berselisih pendapat tentang memerangi mereka demi menghindari bahaya lain selain kekufuran.

"Percanggahan antara kebajikan dengan keburukan juga dicontohkan dengan keadaan seseorang yang terpaksa memakan bangkai haiwan akibat kebuluran. Makan ialah satu perbuatan yang baik, tetapi dalam keadaan seperti itu makan hanya boleh direalisasikan dengan melakukan keburukan (memakan bangkai). Maka dalam hal ini, keburukan tidak boleh dihindari kerana kemaslahatan lebih condong kepadanya. Lawan daripada keadaan tersebut ialah jika seseorang memakan ubat yang sudah rosak. Bahaya yang terkandung dalam ubat itu sudah pasti, manakala kesembuhan yang dihasilkan belum pasti. Maka dalam hal ini kemudharatan lebih pasti daripada kemaslahatan. Demikian pula jika seseorang berubat dengan menggunakan khamar.

"Dari sini jelaslah bahawa keburukan dapat dihindari dengan dua cara:

Pertama: Dengan melakukan keburukan yang lebih ringan risikonya, jika memang tidak ada cara lain untuk menghindari keburukan yang lebih besar.

Kedua: Meninggalkannya sama sekali dengan berusaha mencari alternatif lain yang lebih bermanfaat.

"Kebaikan pula boleh ditinggalkan dengan dua cara:

Pertama: Ia ditinggalkan jika terdapat kebaikan lain yang lebih utama dan lebih besar manfaatnya.

Kedua: Ia ditinggalkan jika terbukti membawa kepada keburukan yang lebih besar mudharatnya

Inilah di antara perkara yang berkaitan dengan pertimbangan-pertimbangan dalam agama.

"Adapun menggugurkan satu kewajipan atau menghalalkan perkara haram kerana mengkhuatiri timbulnya mudharat terhadap kehidupan dunia, seperti membatalkan puasa kerana bermusafir atau mengugurkan larangan-larangan dalam berihram dan rukun-rukun solat kerana sakit, maka semua ini termasuk dalam perbahasan yang menyangkut aspek kelenturan dan keringanan dalam agama. Ia merupakan satu bab yang memiliki corak yang berbeza-beza dalam pandangan syariat.

"Perbahasan seperti itu tidak serupa dengan perbahasan di atas yang tidak mengandungi perbezaan pandangan syariat di dalamnya. Sebab hukumnya sudah pasti dan tetap. Oleh itu, seorang yang berakal mesti mempertimbangkan mana yang lebih baik dan lebih bermanfaat. Sebagaimana yang disebutkan dalam pepatah: Orang bijak bukan orang yang pandai membezakan antara perkara yang baik dengan yang buruk. Sebaliknya orang bijak ialah orang yang pandai memilih yang terbaik di antara dua perkara baik, dan menghindari yang terburuk daripada dua perkara buruk.

"Permasalahan utama dalam perbahasan di atas terletak pada batalnya niat dan perbuatan. Perkara di atas menjadi batal jika seseorang memiliki niat buruk seperti kerana mencari muka di hadapan sultan atau untuk mengumpulkan kekayaan. Perbuatan pula menjadi batal jika seseorang melakukannya tanpa mempertimbangkan antara yang baik dengan yang buruk atau bukan kerana mencari yang lebih baik dan lebih hampir kepada kemaslahatan.

"Mempertahankan satu jawatan atau kekuasaan hukumnya harus, sunnat atau wajib. Tetapi bagi seorang penguasa yang boleh menolong orang lain hukumnya boleh berubah menjadi sangat wajib atau sunnat muakkad. Sebab mendahulukan perkara yang lebih maslahat hukumnya memang wajib atau sunnah. Contohnya: perlantikan Saidina Yusuf a.s. sebagai pemegang amanah bagi harta raja Mesir. Bahkan beliau sendiri yang meminta agar dirinya dijadikan sebagai orang yang bertanggung jawab mentadbir harta kerajaan dan hasil bumi. Sedangkan pada masa itu, pemimpin Mesir beserta rakyatnya masih dalam keadaan kafir. Allah berfirman menceritakan peristiwa ini:

وَلَقَدْ جَآءَكُمْ يُوسُفُ مِن قَبْلُ بِٱلْبَيِّنَٰتِ فَمَا زِلْتُمْ فِى شَكٍّ
مِّمَّا جَآءَكُم بِهِۦ

Terjemahan: *Dan sesungguhnya telah datang Yusuf kepada kamu semua dengan membawa keterangan-keterangan, tetapi kamu semua sentiasa dalam keraguan tentang apa yang dibawanya kepada kamu.*

(Surah al-Mukmin 40: 34)

يَٰصَٰحِبَىِ ٱلسِّجْنِ ءَأَرْبَابٌ مُّتَفَرِّقُونَ خَيْرٌ
أَمِ ٱللَّهُ ٱلْوَٰحِدُ ٱلْقَهَّارُ ﴿٣٩﴾ مَا تَعْبُدُونَ مِن دُونِهِۦٓ
إِلَّآ أَسْمَآءً سَمَّيْتُمُوهَآ أَنتُمْ وَءَابَآؤُكُم

Terjemahan: *Wahai rakan-rakanku sepenjara, manakah yang lebih baik, tuhan yang bermacam-macam itu ataukah Allah yang Maha Esa lagi Maha Perkasa? Tuhan yang kamu sembah selain Allah itu ialah nama-nama yang dibuat-buat oleh kamu dan nenek moyang kamu (sendiri).*

(Surah Yusuf 12: 39-40)

"Sama-sama kita ketahui bahawa kaum nabi Yusuf a.s. yang kafir itu pasti memiliki tradisi, cara dan kebiasaan tersendiri dalam menyimpan harta dan membelanjakannya untuk keperluan raja, kaum keluarganya, para menteri, para tentera dan rakyatnya. Semua kebijaksanaan yang mereka ambil tidak selaras dengan sunnah para nabi yang adil. Nabi Yusuf a.s. tidak mungkin menerapkan segala sesuatu yang diinginkannya atau yang diajarkan

oleh agama Allah terhadap mereka. Sebab kaumnya tentu tidak bersedia melaksanakan perkara yang berbeza dengan kebiasaan mereka secara serta merta. Nabi Yusuf a.s. hanya mampu melakukan segala sesuatu yang biasa dilakukan dengan cara yang adil dan baik. Dengan cara demikian, raja tentu akan memuliakan orang-orang yang beriman. Penghargaan seperti itu tidak mungkin dicapai tanpa konsep tolak ansur yang dilancarkan oleh nabi Yusuf a.s. Semua kebijaksanaan nabi Yusuf ini terkandung dalam firman Allah:

فَاتَّقُوا اللَّهَ مَا اسْتَطَعْتُمْ

Terjemahan: *Bertakwalah kepada Allah menurut kesanggupan kamu.*

(Surah at-Taghabun 64: 16)

"Jika terjadi pertembungan antara dua perkara wajib dan tidak mungkin bagi kita untuk melakukan kedua-duanya, maka mesti didahulukan perkara yang lebih tegas dan lebih pasti hukum wajibnya. Dalam keadaan seperti ini perkara kedua menjadi tidak wajib lagi dan orang yang meninggalkannya kerana melakukan perkara yang lebih tegas dan pasti tidak boleh dianggap sebagai orang yang meninggalkan kewajipan.

"Begitu pula, jika terjadi pertembungan antara dua perkara haram dan kita tidak boleh menghindar dari perkara haram yang lebih besar mudharatnya kecuali dengan melakukan perkara haram lain yang lebih kecil mudharatnya. Dalam keadaan seperti ini, mengerjakan perkara haram yang lebih kecil mudharatnya tidak boleh digolongkan dalam perbuatan dosa. Ulama menyebut perkara-perkara seperti ini dengan istilah meninggalkan yang wajib kerana keuzuran dan mengerjakan yang haram untuk kemaslahatan, untuk keperluan atau untuk menghindari perkara haram lain yang lebih besar mudharatnya.

"Perbahasan mengenai pertembungan dan percanggahan antara dua hukum ini merupakan perbahasan yang luas dalam syariat. Ia banyak berlaku pada zaman dan kawasan yang sudah berkurang pengaruh sunnah kenabian dan kekhalifahan di dalamnya. Setiap kali berkurang pengaruh kenabian dalam satu kawasan, semakin bertambahlah kes-kes yang berkaitan dengan perbahasan di atas. Kewujudan masalah-masalah seperti itu boleh menimbulkan fitnah dan kegoncangan kepada umat. Sebab jika satu kebaikan bercampur aduk dengan keburukan masyarakat

tentu akan mengalami kebingungan dan kegoncangan. Sebahagian kaum ada yang cenderung mempertahankan kebaikan meskipun di sebalik itu terdapat keburukan yang lebih besar. Sebahagian yang lainnya pula cenderung melakukan keburukan dan kejahatan berdasarkan satu kemaslahatan meskipun terpaksa mengorbankan kebaikan yang lebih besar. Dan di antara kedua-dua golongan tadi akan muncul pula golongan ketiga yang bersikap sederhana dan mengambil keputusan yang pertengahan.

"Seorang alim harus teliti dan cermat dalam menetapkan perkara-perkara seperti ini. Sebab sebahagian perkara wajib boleh berubah menjadi mubah atau haram dalam keadaan-keadaan tertentu, dan tidak berubah menjadi halal atau batal. Contohnya seperti meninggalkan perkara yang wajib untuk mencegah berlakunya satu kemaksiatan yang lebih besar. Atau seperti tidak melaporkan kesalahan seseorang kepada raja yang zalim, sebab dikhuatiri raja tersebut akan menimpakan hukuman yang lebih besar daripada kesalahannya. Atau menahan diri untuk tidak melarang raja dari melakukan kemungkaran-kemungkaran kecil, jika dikhuatiri larangan tersebut justeru akan menjauhkannya dari melakukan kebaikan-kebaikan yang lebih besar manfaatnya. Terlebih lagi jika dikhuatiri raja merasa tercabar dengan larangan itu dan dia meninggalkan seluruh perintah Allah dan rasul-Nya dengan sengaja. Hal ini tentulah lebih besar mudharatnya berbanding kemungkaran kecil yang dilakukannya.[9]

PENCALONAN NON MUSLIM UNTUK MAJLIS PERWAKILAN

Satu surat telah diajukan kepada saya sebagai berikut:

"Kami memohon agar al-Ustaz sudi menjawab soalan penting berikut yang berkaitan dengan kehidupan politik dalam negara Islam yang mengamalkan hukum dan syariat Allah.

"Bolehkah orang-orang non Muslim yang tinggal di dalam negara Islam mencalonkan diri mereka untuk menjadi anggota Majlis Perwakilan atau Majlis Permesyuaratan? Adakah mereka memenuhi kriteria pencalonan tersebut? Jika ya, bolehkah kaum Muslimin memilih mereka, haramkah bagi orang Islam untuk memberikan suaranya kepada calon non Muslim? Sedangkan Allah telah berfirman:

وَلَن يَجْعَلَ ٱللَّهُ لِلْكَٰفِرِينَ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ سَبِيلًا

Terjemahan: *Dan sekali-kali Allah tidak akan memberi jalan kepada orang-orang kafir untuk memusnahkan orang-orang yang beriman.*

(Surah an-Nisa' 4: 141)

"Sebahagian orang berpendapat bahawa jika kaum Muslimin membenarkan orang non Muslim menjadi calon Majlis Perwakilan bererti mereka telah membenarkan orang-orang non Muslim menjadi wakil atau pelindung mereka. Padahal Allah s.w.t. telah melarang kita untuk melakukan perkara itu dalam beberapa ayat al-Quran, di antaranya:

لَّا يَتَّخِذِ ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلْكَٰفِرِينَ أَوْلِيَآءَ مِن دُونِ ٱلْمُؤْمِنِينَ ۖ وَمَن
يَفْعَلْ ذَٰلِكَ فَلَيْسَ مِنَ ٱللَّهِ فِى شَىْءٍ إِلَّآ أَن تَتَّقُوا۟ مِنْهُمْ
تُقَىٰةً ۗ وَيُحَذِّرُكُمُ ٱللَّهُ نَفْسَهُۥ ۗ وَإِلَى ٱللَّهِ ٱلْمَصِيرُ ﴿٢٨﴾

Terjemahan: *Janganlah orang-orang Mukmin mengambil orang-orang kafir menjadi pelindung dengan meninggalkan orang-orang Mukmin. Sesiapa yang berbuat demikian, nescaya lepaslah ia daripada pertolongan Allah. Kecuali kerana memelihara diri daripada sesuatu yang mereka takuti. Dan Allah memperingatkan kamu semua terhadap seksaan-Nya. Dan hanya kepada Allah (kamu semua) kembali.*

(Surah Ali Imran 3: 28)

Allah s.w.t. berfirman:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَتَّخِذُوا۟ عَدُوِّى وَعَدُوَّكُمْ أَوْلِيَآءَ تُلْقُونَ
إِلَيْهِم بِٱلْمَوَدَّةِ وَقَدْ كَفَرُوا۟ بِمَا جَآءَكُم مِّنَ ٱلْحَقِّ يُخْرِجُونَ ٱلرَّسُولَ
وَإِيَّاكُمْ أَن تُؤْمِنُوا۟ بِٱللَّهِ رَبِّكُمْ إِن كُنتُمْ خَرَجْتُمْ جِهَٰدًا فِى سَبِيلِى
وَٱبْتِغَآءَ مَرْضَاتِى ۚ تُسِرُّونَ إِلَيْهِم بِٱلْمَوَدَّةِ وَأَنَا۠ أَعْلَمُ بِمَآ أَخْفَيْتُمْ
وَمَآ أَعْلَنتُمْ ۚ وَمَن يَفْعَلْهُ مِنكُمْ فَقَدْ ضَلَّ سَوَآءَ ٱلسَّبِيلِ ﴿١﴾

Terjemahan: *Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu semua mengambil musuh-Ku dan musuhmu menjadi teman-teman setia dan kamu sampaikan kepada mereka (berita-berita Muhammad) dengan rasa kasih sayang. Padahal sesungguhnya mereka telah ingkar kepada kebenaran yang datang kepada kamu. Mereka menghalau rasul dan (menghalau) kamu kerana kamu beriman kepada Allah Tuhan kamu. Jika kamu benar-benar keluar untuk berjihad pada jalan-Ku dan mencari keredhaan-Ku (maka janganlah berbuat perkara sedemikian). Kamu memberitahukan secara rahsia (berita-berita Muhammad) kepada mereka dengan rasa kasih sayang. Aku lebih mengetahui apa yang kamu sembunyikan dan apa yang kamu nyatakan. Dan sesiapa di antara kamu yang melakukannya, maka sesungguhnya dia telah tersesat daripada jalan yang lurus.*

(Surah al-Mumtahanah 60: 1)

"Ramai di antara para aktivis Islam sendiri yang masih lagi keliru dan tidak memahami perkara di atas secara jelas dan terperinci. Para ahli fiqh, terutama yang menganut mazhab kesederhanaan Islam, diharapkan boleh memberikan jawapan yang benar terhadap soalan itu berdasarkan dalil-dalil syariat yang memuaskan. Dengan demikian, diharapkan kaum Muslimin tidak terus menerus terperangkap di antara kelompok fanatik yang bersikap melampau dengan kelompok yang meringan-ringankan ajaran agama.

"Semoga Allah memperteguh langkah al-Ustaz dan menjadikan ilmu al-Ustaz bermanfaat untuk seluruh umat Islam di merata kawasan."

Berikut ini ialah jawapan kami terhadap soalan di atas:

Puji syukur ke hadrat Allah, salawat dan salam semoga dilimpahkan kepada Rasulullah s.a.w. beserta kaum keluarga dan para sahabatnya. Amma Ba'du:

Bencana yang menimpa para pengkaji agama yang muda belia kebanyakan berpunca daripada sikap mereka yang terlampau tergesa-gesa mengeluarkan fatwa dalam perkara-perkara yang besar dan penting. Padahal mereka belum sempat berkonsultasi dengan para alim ulama yang lebih tua dan lebih dalam ilmunya daripada mereka. Sikap seperti ini boleh menjadikan mereka menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal. Ia juga boleh menjadikan mereka mengugurkan yang wajib, mengangkat darjat satu perkara daripada sunnah kepada wajib, menurunkan darjat satu perkara

daripada makruh kepada haram dan menjadikan dosa kecil sebagai dosa besar. Ramai di antara mereka berusaha untuk mempersukar perkara-perkara yang telah diringankan Allah serta mempersempit manusia dalam urusan-urusan yang telah diluaskan Allah.

Nabi s.a.w. pernah mengingkari perbuatan sesetengah para sahabat apabila mereka terburu-buru mengeluarkan fatwa dalam perkara yang belum mereka fahami sehingga mengakibatkan terbunuhnya seorang Muslim. Kejadian itu berlaku ketika seseorang terluka dalam satu peperangan dan dia dalam keadaan junub. Sesetengah para sahabat berfatwa bahawa dia wajib mandi junub. Mendengar fatwa para sahabat itu lelaki itu pun segera menunaikan mandi junub untuk menghilangkan hadas besar. Tetapi setelah mandi lukanya menjadi bertambah parah dan dia pun meninggal dunia. Apabila berita tersebut sampai kepada nabi s.a.w. beliau bersabda: "Mereka telah membunuh lelaki itu dan biar Allah membunuh mereka! Mengapa mereka tidak mahu bertanya kepadaku jika memang tidak tahu? Sesungguhnya ubat bagi kebodohan itu ialah bertanya. Sepatutnya lelaki itu hanya perlu membalut lukanya dan bertayammum."

Di kalangan umat Islam sendiri terdapat kelompok yang mengharamkan diri sendiri untuk menjadi calon bagi Majlis Perwakilan atau Majlis Permesyuaratan. Maka tidak hairan jika mereka mengharamkan pencalonan non Muslim untuk menganggotai Majlis-Majlis ini.

Mereka tidak mahu mencalonkan diri untuk menjadi anggota Majlis kerana mereka merasa orang yang mencalonkan diri ialah orang yang meminta kekuasaan dan berambisi untuk berkuasa. Hal ini dilarang oleh hadith nabi s.a.w.:

«إنا لا نولّي هذا الأمر أحدا سأله أو حرص عليه»

Maksudnya: *Kami tidak akan memberikan kekuasaan kepada orang yang memintanya atau kepada orang yang berambisi untuk memilikinya.*

Rasulullah s.a.w. juga pernah bersabda kepada Abdur Rahman bin Samrah:

«لا تسأل الولاية، أو الإمارة، فإنك إن سألتها، وكلت إليها، وإن لم تسألها أعنت عليها»

Maksudnya: *Janganlah kamu meminta (untuk dilantik menjadi penguasa) satu kawasan atau satu pemerintahan. Sebab jika kamu memintanya maka ia akan dibebankan kepadamu, manakala jika kamu tidak memintanya ia akan menjadi penolongmu.*

Saya berpendapat bahawa mencalonkan diri menjadi wakil rakyat dalam bidang tertentu tidaklah serupa dengan meminta atau berambisi menjadi penguasa satu wilayah atau pemerintahan seperti yang dicela oleh hadith di atas. Seorang wakil rakyat bukanlah ketua negara, menteri atau gabenor. Ia hanya mewakili kawasannya dalam Majlis tersebut dan bertugas memperhitungkan setiap kebijaksanaan ketua negara, para menteri dan para gabenor. Hanya wakil rakyat sahaja yang boleh mempersoalkan tanggung jawab para pegawai lain, manakala pegawai lain tidak berhak untuk mempersoalkan tanggung jawabnya. Sebab dia memang tidak memiliki sebarang tugas yang mesti dipertanggung jawabkan.

Kemudian wakil rakyat juga berperanan dalam mengasaskan undang-undang untuk bangsanya dalam isu-isu yang tidak dibincangkan secara terperinci oleh nas-nas agama. Tidak terdapat hukum syariah yang melarang warganegara non Muslim untuk mewakili golongannya dalam Majlis Perwakilan Rakyat, selagi majoriti anggota Majlis Perwakilan terdiri daripada kaum Muslimin. Pendapat ini serupa dengan isu pencalonan wanita. Saya telah menjelaskan bahawa pencalonan dan pemilihan kaum wanita bukanlah merupakan satu permasalahan, selagi majoriti anggota Majlis ialah kaum lelaki. Para ulama berpendapat bahawa warga negara non Muslim yang tinggal dalam negara Islam memiliki hak dan tanggung jawab yang sama dengan warga negara Muslim yang merupakan golongan majoriti. Allah s.w.t. telah berfirman dalam al-Quran:

لَّا يَنْهَىٰكُمُ ٱللَّهُ عَنِ ٱلَّذِينَ لَمْ يُقَٰتِلُوكُمْ فِى ٱلدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُم
مِّن دِيَٰرِكُمْ أَن تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوٓا۟ إِلَيْهِمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُقْسِطِينَ

Terjemahan: *Allah tidak melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama dan tidak menghalau kamu dari negerimu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil.*
(Surah al-Mumtahanah 60: 8)

Di antara contoh berbuat baik dan berlaku adil kepada mereka ialah membenarkan mereka menjadi wakil-wakil di dalam Majlis Perwakilan sehingga mereka boleh menyatakan keinginan-keinginan pihaknya, sebagaimana para wakil wanita boleh menyatakan keinginan kaumnya. Juga agar mereka tidak merasa diasingkan di tengah masyarakat dan agar musuh Islam tidak menanamkan dalam pemikiran mereka rasa permusuhan dan kebencian terhadap kaum Muslimin. Jika perkara seperti itu terjadi umat Islam tentu akan menghadapi bahaya yang besar.

Dalam sejarah kita dapati bahawa kaum Muslimin pada zaman dahulu biasa melantik orang-orang Ahli Zimmah yang non Muslim menjadi menteri atau penguat kuasa, terutama pada zaman khilafah Abbasiyah. Tetapi tidak seorang ulama pun yang mengingkari perkara tersebut, kecuali jika para menteri non Muslim itu bersikap sewenang-wenang terhadap kaum Muslimin, dan memang itulah yang selalu berlaku.

Meskipun ramai di antara penguat kuasa non Muslim yang bersikap zalim terhadap umat Islam pada zaman dahulu, tidak seorangpun di antara ulama besar yang mengharamkan dipilihnya penguat kuasa dari kalangan non Muslim. Sebab, walau bagaimanapun yang melantik mereka untuk memegang jawatan tersebut ialah umat Islam. Meskipun mereka menjadi menteri atau gabenor dalam kawasan-kawasan Islam, mereka tetap mesti patuh kepada kepimpinan am kaum Muslimin.

Perkara yang serupa berlaku apabila seorang lelaki Muslim berkahwin dengan perempuan Ahli Kitab, maka perempuan itu pun menjadi suri rumah tangga dan ibu bagi anak-anaknya. Seperti yang disebutkan dalam hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Umar:

> Maksudnya: *Setiap kamu ialah pemimpin dan setiap kamu bertanggung jawab atas kepimpinannya.*

Sabda baginda juga:

> Maksudnya: *Setiap wanita ialah pemimpin dalam rumah suaminya dan dia bertanggung jawab terhadap kepimpinannya.*

Walau bagaimanapun kepimpinan seorang wanita dalam rumahnya tetap berada di bawah kepimpinan suaminya dan di bawah kepimpinan am masyarakat Muslim.

Sebahagian umat Islam melarang kita melantik non Muslim dalam Majlis Perwakilan kerana perlantikan orang kafir menjadi wakil dan pelindung bagi umat Islam merupakan perkara yang dilarang dengan tegas oleh ayat al-Quran. Agar pemahaman kita lurus dan benar kita mesti memahami istilah perwakilan atau perwalian yang diharamkan oleh ayat tersebut. Sesungguhnya pemahaman makna ayat secara jelas dan benar merupakan asas utama bagi penetapan satu hukum.

Sebahagian orang memahami ayat yang melarang perlantikan orang kafir menjadi wakil bagi umat Islam sebagai satu seruan al-Quran untuk membenci dan memutuskan hubungan dengan mereka. Padahal mereka merupakan warga negara di dalam negara Islam, mematuhi peraturan negara Islam dan berganding bahu bersama orang Islam dalam menentang para musuh yang menyerang negara.

Jika kita sudi merenungi ayat tersebut secara lebih mendalam, dan mempelajari Asbabun Nuzul serta sejarah diturunkannya maka kita akan mengetahui beberapa fakta berikut:

Pertama: Larangan yang terkandung dalam ayat yang melarang kita untuk memilih non Muslim ialah larangan yang ditujukan terhadap orang-orang non Muslim yang memisahkan diri daripada kita, menentang prinsip dan falsafah hidup kita serta menjalani kehidupan secara menyendiri dengan agama, akidah, pemikiran dan perasaan mereka. Atas alasan inilah al-Quran melarang kita untuk menjadikan mereka wakil atau wali kepada rakyat. Firman Allah:

لَا يَتَّخِذِ ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلْكَٰفِرِينَ أَوْلِيَآءَ مِن دُونِ ٱلْمُؤْمِنِينَ ۖ وَمَن
يَفْعَلْ ذَٰلِكَ فَلَيْسَ مِنَ ٱللَّهِ فِى شَىْءٍ إِلَّآ أَن تَتَّقُوا۟ مِنْهُمْ
تُقَىٰةً

Terjemahan: *Janganlah orang-orang Mukmin mengambil orang-orang kafir menjadi penolong dengan meninggalkan orang-orang Mukmin. Sesiapa yang berbuat demikian, nescaya terlepaslah ia daripada pertolongan Allah. Kecuali atas sebab memelihara diri daripada sesuatu yang mereka takuti.*

(Surah Ali Imran 3: 28)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَتَّخِذُوا۟ ٱلْكَٰفِرِينَ أَوْلِيَآءَ
مِن دُونِ ٱلْمُؤْمِنِينَ ۚ أَتُرِيدُونَ أَن تَجْعَلُوا۟ لِلَّهِ عَلَيْكُمْ
سُلْطَٰنًا مُّبِينًا ﴿١٤٤﴾

Terjemahan: *Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengambil orang-orang kafir menjadi penolong dengan meninggalkan orang-orang Mukmin. Inginkah kamu mengadakan alasan yang nyata bagi Allah (untuk menyiksamu).*
(Surah an-Nisaa' 4: 144)

بَشِّرِ ٱلْمُنَٰفِقِينَ بِأَنَّ لَهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا ◆
ٱلَّذِينَ يَتَّخِذُونَ ٱلْكَٰفِرِينَ أَوْلِيَآءَ مِن دُونِ ٱلْمُؤْمِنِينَ ۚ
أَيَبْتَغُونَ عِندَهُمُ ٱلْعِزَّةَ فَإِنَّ ٱلْعِزَّةَ لِلَّهِ جَمِيعًا ﴿١٣٩﴾

Terjemahan: *Khabarkanlah kepada orang-orang munafik bahawa mereka akan mendapat seksaan yang pedih. (Iaitu) orang-orang yang mengambil orang-orang kafir menjadi teman-teman penolong dengan meninggalkan orang-orang Mukmin. Mengapakah mereka mencari kekuatan di sisi orang kafir itu? Maka (ketahuilah) bahawa seluruh kekuatan ialah kepunyaan Allah.*
(Surah an-Nisaa' 4: 138-139)

Daripada ayat-ayat ini jelaslah bahawa yang dimaksudkan oleh al-Quran ialah orang-orang yang berusaha mendekati umat Islam demi perkembangan dan kemajuan pihak lain. Tidak ada satu hukum agama atau hukum positif pun yang berdiam diri melihat salah seorang pengikut yang dibesarkan dan diasuhnya tiba-tiba menjadi wakil yang berjuang untuk pihak lain. Perkara seperti inilah yang disebutkan dengan istilah pengkhianatan.

Kedua: Meskipun al-Quran melarang kita untuk bersikap lemah lembut terhadap orang kafir bukan bererti kita mesti berkasar terhadap setiap non Muslim meskipun mereka telah mengisytiharkan perdamaian. Sikap berkeras itu hanya ditujukan kepada orang-orang kafir yang memusuhi dan memerangi umat Islam, atau dalam istilah al-Quran "menentang Allah dan Rasul-Nya." Di antara dalil-dalil al-Quran berkenaan perkara ini ialah:

a) Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Mujadilah:

لَّا تَجِدُ قَوْمًا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ يُوَادُّونَ مَنْ حَادَّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ

Terjemahan: *Kamu tidak mendapati kaum yang beriman kepada Allah dan hari akhirat beramah mesra dengan orang-orang yang menentang Allah dan rasul-Nya.*

(Surah al-Mujadilah 58: 22)

Penentangan mereka terhadap Allah dan Rasul-Nya bukan dengan mengkafiri-Nya sahaja, tetapi juga dengan menentang dakwah-Nya, menyiksa para penganut agama-Nya, mengangkat senjata untuk memerangi-Nya serta melakukan seluruh cara yang mungkin untuk memusnahkan agama-Nya.

b) Allah berfirman di awal surah al-Mumtahanah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَتَّخِذُوا عَدُوِّي وَعَدُوَّكُمْ أَوْلِيَاءَ تُلْقُونَ إِلَيْهِم بِالْمَوَدَّةِ وَقَدْ كَفَرُوا بِمَا جَاءَكُم مِّنَ الْحَقِّ يُخْرِجُونَ الرَّسُولَ وَإِيَّاكُمْ أَن تُؤْمِنُوا بِاللَّهِ رَبِّكُمْ

Terjemahan: *Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu menjadikan musuh-Ku dan musuh kamu sebagai teman-teman setiamu, kemudian kamu sampaikan kepada mereka (berita-berita Muhammad) dengan penuh rasa kasih dan sayang. Padahal sesungguhnya mereka telah mengingkari kebenaran yang datang kepadamu. Mereka telah menghalau rasul dan menghalaumu kerana kamu beriman kepada Allah Tuhan kamu.*

(Surah al-Mumtahanah 60: 1)

Ayat di atas melarang kita beramah mesra dengan orang kafir atau menjadikan mereka rakan-rakan pelindung bukan hanya kerana mereka kafir terhadap ajaran Islam. Tetapi kerana mereka kafir dan mereka telah menghalau Rasulullah s.a.w. serta orang-orang yang beriman dari negeri kediaman mereka tanpa sebarang alasan yang benar.

c) Allah s.w.t. berfirman dalam surah yang sama:

لَّا يَنْهَىٰكُمُ ٱللَّهُ عَنِ ٱلَّذِينَ لَمْ يُقَٰتِلُوكُمْ فِى ٱلدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُم
مِّن دِيَٰرِكُمْ أَن تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوٓا۟ إِلَيْهِمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُقْسِطِينَ
إِنَّمَا يَنْهَىٰكُمُ ٱللَّهُ عَنِ ٱلَّذِينَ قَٰتَلُوكُمْ فِى ٱلدِّينِ وَأَخْرَجُوكُم
مِّن دِيَٰرِكُمْ وَظَٰهَرُوا۟ عَلَىٰٓ إِخْرَاجِكُمْ أَن تَوَلَّوْهُمْ ۚ وَمَن يَتَوَلَّهُمْ
فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٩﴾

Terjemahan: *Allah tidak melarang kamu semua berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tidak memerangimu kerana agama dan tidak (pula) menghalaumu dari negerimu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil. Sesungguhnya Allah hanya melarang kamu semua menjadikan orang-orang yang memerangimu kerana agamamu, menghalaumu dari negerimu dan membantu orang lain untuk menghalaumu sebagai kawan. Sesiapa yang menjadikan mereka sebagai kawan maka mereka itulah orang-orang yang zalim.*
(Surah al-Mumtahanah 60: 8-9)

Ayat ini membahagikan orang kafir kepada dua golongan. Golongan pertama ialah orang-orang kafir yang bersikap baik dengan umat Islam dan tidak pernah menghalau kaum Muslimin dari negeri mereka atau memerangi mereka atas alasan agama. Terhadap golongan ini al-Quran meminta kita untuk bersikap baik dan berlaku adil. Manakala golongan kedua pula ialah orang kafir yang bersikap menentang Islam dan memusuhi kaum Muslimin. Mereka memerangi umat Islam dan menghalau mereka dari rumah-rumah kediaman mereka. Contohnya seperti kaum Musyrikin Makkah yang telah menyiksa kaum Muslimin dan menimpakan kesengsaraan ke atas mereka. Terhadap merekalah al-Quran memerintahkan kita untuk memutuskan hubungan.

Berdasarkan pemahaman ini dapat disimpulkan bahawa menjadikan golongan pertama sebagai wali atau wakil bukan merupakan satu perkara yang diharamkan.

Ketiga: Islam membolehkan seorang Muslim lelaki untuk berkahwin dengan seorang perempuan Ahli Kitab. Kehidupan suami isteri mestilah diwarnai dengan kemesaran dan perasaan kasih sayang, sebagaimana yang disebutkan dalam al-Quran:

وَمِنْ ءَايَـٰتِهِۦٓ أَنْ خَلَقَ لَكُم مِّنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَٰجًا لِّتَسْكُنُوٓا۟ إِلَيْهَا
وَجَعَلَ بَيْنَكُم مَّوَدَّةً وَرَحْمَةً

Terjemahan: *Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untuk kamu semua isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram. Dan dijadikan-Nya di antara kamu perasaan kasih dan sayang.*

(Surah ar-Rum 30: 21)

Ini membuktikan bahawa pergaulan antara seorang Muslim dengan non Muslim bukan merupakan satu kesalahan. Jika tidak, bagaimana seorang suami boleh bercumbu rayu dengan isterinya yang Ahli Kitab, dan bagaimana pula isterinya itu boleh beramah mesra dengan mentua, menantu dan ipar-iparnya? Bukankah natijah daripada perkahwinan itu ialah bertautnya hubungan kekeluargaan serta lahirnya keturunan? Firman Allah:

وَهُوَ ٱلَّذِى خَلَقَ مِنَ ٱلْمَآءِ بَشَرًا فَجَعَلَهُۥ نَسَبًا وَصِهْرًا

Terjemahan: *Dan Dia (Allah) yang menciptakan manusia dari air, kemudian Dia jadikan manusia itu (memiliki) keturunan dan kaum keluarga.*

(Surah al-Furqan 25: 54)

Lalu bagaimana pula kita melarang anak-anak yang dilahirkan dalam perkahwinan itu beramah mesra dengan ibunya yang Ahli Kitab? Dan bagaimana pula anak itu bergaul dengan bapa saudara, ibu saudara serta sepupu-sepupunya? Bukankah mereka semua termasuk dalam kaum keluarga, dan bukankah kita diperintahkan oleh al-Quran untuk berbuat baik terhadap kaum keluarga?

Keempat: Merupakan hakikat yang tidak diragukan lagi bahawa Islam memerintahkan kita untuk mengutamakan hubungan atas dasar agama berbanding hubungan-hubungan yang lain seperti hubungan keturunan, kedaerahan, kesukuan, atau kesamaan darjat dan pangkat. Agama menegaskan bahawa kaum Muslimin bersaudara antara satu dengan yang lain. Kaum Muslimin merupakan satu bangsa dan seorang Muslim akan sentiasa berusaha menolong Muslim yang lain. Hubungan seorang Muslim dengan Muslim yang lain lebih akrab berbanding hubungannya dengan orang lain yang bukan Muslim, meskipun orang itu ialah bapa, anak atau saudara kandungnya sendiri.

Prinsip seperti ini tidak hanya terdapat dalam ajaran Islam sahaja. Sesiapa yang meneliti Injil pasti akan mendapatkan makna yang sama pada berbagai-bagai ayatnya.

Meskipun demikian, di sana terdapat berbagai-bagai jenis hubungan selain hubungan akidah yang diiktiraf oleh Islam. Di antaranya ialah hubungan kebangsaan, hubungan persaudaraan dan hubungan perkauman. Dalam al-Quran Allah menyebutkan nabi Nuh, nabi Luth, nabi Hud dan nabi Soleh a.s. sebagai saudara kepada kaumnya yang kafir dan mendustakan dakwahnya.

كَذَّبَتْ قَوْمُ نُوحٍ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿١٠٥﴾ إِذْ قَالَ لَهُمْ أَخُوهُمْ نُوحٌ أَلَا تَتَّقُونَ

Terjemahan: *Kaum Nuh telah mendustakan para rasul, ketika saudara mereka (Nuh) berkata kepada mereka, "Mengapa kamu semua tidak bertakwa?"*

(Surah as-Syu'araak 26: 105-106)

كَذَّبَتْ قَوْمُ لُوطٍ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿١٦٠﴾ إِذْ قَالَ لَهُمْ أَخُوهُمْ لُوطٌ أَلَا تَتَّقُونَ

Terjemahan: *Kaum Luth telah mendustakan para rasul, ketika saudara mereka (Luth) berkata kepada mereka, "Mengapa kamu semua tidak bertakwa?"*

(Surah as-Syu'araak 26: 160-161)

Tentang persaudaraan antara kaum Aad dengan nabi Hud Allah berfirman:

كَذَّبَتْ عَادٌ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿١٢٣﴾ إِذْ قَالَ لَهُمْ أَخُوهُمْ هُودٌ أَلَا تَتَّقُونَ ﴿١٢٤﴾

Terjemahan: *Kaum Aad telah mendustakan para rasul, ketika saudara mereka Hud berkara kepada mereka, "Mengapa kamu semua tidak bertakwa?"*

(Surah as-Syu'araak 26: 123-124)

Dan tentang persaudaraan antara kaum Thamud dengan nabi Soleh a.s. Allah berfirman:

كَذَّبَتْ ثَمُودُ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿١٤١﴾ إِذْ قَالَ لَهُمْ أَخُوهُمْ صَٰلِحٌ أَلَا تَتَّقُونَ ﴿١٤٢﴾

Terjemahan: *Kaum Thamud telah mendustakan para rasul ketika saudara mereka Soleh berkata kepada mereka, "Mengapa kamu semua tidak bertakwa?"*

(Surah as-Syu'araak 26: 141-142)

Dalam ayat-ayat di atas Allah menetapkan hubungan persaudaraan antara para Rasul dengan kaumnya, meskipun mereka mendustakan ajarannya dan mengkafiri risalah yang dibawanya. Tetapi persaudaraan di sini bukanlah persaudaraan agama. Ia hanyalah persaudaraan yang didasarkan atas kesukuan dan perkauman.

Zaid bin Arqam r.a. mengatakan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

« أنا شهيد أن العباد كلهم إخوة »

Maksudnya: *Saya menjadi saksi bahawa sesungguhnya semua hamba Allah itu bersaudara.*

(Riwayat Ahmad)

Persaudaraan yang dimaksudkan dalam hadith di atas ialah persaudaraan yang diasaskan atas hubungan kemanusiaan.

Tidak ada salahnya jika kaum Muslimin dan kaum Qibti di Mesir mengikat tali persaudaraan atas dasar hubungan kebangsaan. Begitu pula antara kaum Muslimin dengan kaum Nasrani di Lebanon, Syiria, Jordan serta negara-negara Arab yang lain.

Seruan perpecahan daripada para pelampau di kedua-dua belah pihak merupakan seruan yang tidak boleh diterima. Bahkan pada realitinya seruan tersebut bercanggah dengan falsafah bangsa dan agama. Akhirnya musuh negara juga yang mengambil keuntungan daripada perpecahan tersebut. Merekalah yang akan mendapat peluang untuk menewaskan negara. Pada setiap negara mereka mencuba menciptakan sarana dan taktik yang berkesan untuk memecah belah rakyat. Di sebahagian kawasan mereka menghembuskan isu Sunnah dan Syiah. Pada kawasan yang lain pula mereka menghembuskan isu Arab dengan Barbar atau Arab dengan Kurdi. Bahkan di sebahagian kawasan yang lain pula mereka menghasut kaum Muslimin untuk bermusuhan dengan golongan non Muslim. Jika mereka tidak menemukan sebarang cara lain yang lebih berkesan mereka akan memecah belahkan antara saudara dengan saudara.

وَيَمْكُرُونَ وَيَمْكُرُ ٱللَّهُ وَٱللَّهُ خَيْرُ ٱلْمَٰكِرِينَ

Terjemahan: *Mereka memikirkan tipu daya dan Allah menggagalkan tipu daya itu. Dan Allah-lah sebaik-baik Pembalas tipu daya.*

(Surah al-Anfaal 8: 30)

NOTA BAHAGIAN KELIMA

1 Lihat buku saya: *Al-Hill al-Islamiy Faridhah Wa Dharurah*, bab Shurut al-Hill al- Islamiy, tajuk kecil Mashru'iyyat al-Iqtibas Wa Hududuh.
2 Dr. Abdul Hamid al-Ansariy, *as-Shura Wa Atharuha Fi ad-Dimoqrathiyyah.*
3 Lihat buku saya: *as-Sahwah al-Islamiyyah Bayna al-Ikhtilaf al-Mashru' Wa at-Tafarruq al-Mazmum, Darul Wafak.*
4 Di antaranya seperti kitab *al-Ijabah Listidrakat 'Aishah 'Ala as-Sahabah* oleh al-Imam az-Zarkashi. Kitab ini diringkas oleh Imam as-Suyuthi dalam satu kitab lain bertajuk *'Aynul al-Isobah.*
5 Imam as-Shatibi pernah menulis satu makalah yang menarik tentang al-Quran dalam kitab *al-Muwafaqat.* Lihat buku saya: *Kayfa Nata'amalu Ma'a al-Quran al-'Azhim.*
6 Imam as-Shatibi, al-Muwafaqat, jilid 2, ms. 94. Tulisan ini dinukil daripada buku saya *Fatawa Mu'ashirah*, jilid 2, tajuk Adakah Umar Bin Abdul Aziz Jahil Terhadap Masalah Politik?
7 *Qawa'id al-Ahkam*, ms. 85.
8 Hal ini menunjukkan dibolehkannya seorang Muslim memegang jawatan politik atau pentadiran di dalam satu negara kafir dengan syarat-syarat yang telah kita sebutkan.
9 Ringkasan *Majmu' Fatawa Sheikhul Islam Ibn Taimiyah*, jilid 30, ms. 48-61.